

**sejarah**  
**SELANGOR**



PETA NEGERI SELANGOR

SIRI SEJARAH NUSANTARA

# sejarah SELANGOR

oleh  
**HAJI BUYONG ADIL**

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1981

KK. 291 - 783 0102

disunting oleh  
ABD. KARIM BIN ABU BAKAR  
BAHAGIAN BUKU PELAJARAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

CETAKAN PERTAMA 1971  
CETAKAN KEDUA (DENGAN PEMBETULAN) 1981  
© HAKCIPTA HAJI BUYONG ADIL (1971)

M  
959.5115  
BUY

DICETAK OLEH:- PERCETAKAN BERSATU  
PRAI, PULAU PINANG.

614128

HARGA: \$7.00

21 JAN 1993  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



No. Tel. 362446  
8hb. Feb., 1979.

**DATO' HORMAT RAFEL,**  
(D.P.M.S., S.M.S., J.M.N., A.M.N.,)  
**MENTERI BESAR,**  
**SELANGOR.**

**KATA-KATA ALUNAN Y.A.B. DATO'  
MENTERI BESAR SELANGOR**

Setakat ini tidak banyak terdapat buku-buku ilmiah yang berharga mengenai sejarah Negeri Selangor yang tersimpan di dalam perpustakaan kita.

Penulisan buku-buku yang berbentuk seperti ini memerlukan penulis yang benar-benar berpengalaman dan sanggup membuat kajian yang mendalam bagi memastikan isi kandungannya dapat dipertanggungjawabkan agar menjadi satu CATITAN zaman yang berharga untuk kenangan generasi yang ada.

Buku SEJARAH NEGERI SELANGOR hasil pena Allahyarham Tuan Haji Buyung Adil ini sesungguhnya amatlah bernilai dan mempunyai unsur-unsur akademik yang boleh dijadikan sumber rujukan utama untuk mengenali dan memahami latar belakang sejarah Negeri Selangor.

Kepada sekalian yang berkenaan, terutamanya kepada golongan kaum pelajar, saya percaya penerbitan buku ini akan dapat memberikan sumbangan yang besar ertinya kepada tuan-tuan semua.

Sekian.

(DATO' HORMAT BIN RAFEL, DPMS, SMS, JMN, AMN)  
Menteri Besar,  
Selangor.

## PENDAHULUAN

Saya mengucapkan Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah memberikan saya tenaga untuk menyusun dan menulis sejarah negeri Selangor yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini.

Sejarah negeri Selangor yang digariskan dalam buku ini bermula pada masa 300 tahun sebelum tahun masihi iaitu pada masa yang disebut zaman sebelum sejarah. Juga, sejarah negeri Selangor dari masa itu hingga ke kurun masihi yang ke 14, iaitu kira-kira hampir 1,700 tahun, adalah sejarah yang samar sahaja yakni tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya dan hal ehwal di negeri Selangor di masa itu, melainkan hanya menulis kepada agakan ahli kaji-kesan purba sahaja.

Setelah masuk ke kurun masihi yang ke-15 dan awal kurun masihi yang ke-16, iaitu di masa Kerajaan Melaka diperintah oleh Raja Melayu, dan dengan pertolongan bahan yang didapati dalam hikayat "*Sejarah Melayu*" baharulah tersingkap sedikit sejarah negeri Selangor itu. Pada masa itu, baharulah tersebut nama beberapa buah tempat dalam negeri Selangor seperti, Kelang, Jeram, Langat dan Selangor (Kuala Selangor); yang mana pada masa itu semuanya adalah takluk kepada Kerajaan Melayu Melaka. Sehingga masa Sultan Mahmud Shah bersemayam di Pulau Bentan (1512-1526), iaitu setelah baginda dikalahkan oleh Portugis di Melaka, Selangor (Kuala Selangor) masih lagi diperintah oleh salah seorang daripada orang besar baginda. Apabila Sultan Alauddin Riayat Shah (II), putera almarhum Sultan Mahmud Shah (Marhum Kampar) itu memerintah di negeri Johor, negeri Selangor, terutama Kelang dan Selangor (Kuala Selangor) telah tertakluk ke Johor pula.

Dalam kurun masihi yang ke-17, semasa negeri Selangor masih tertakluk ke Johor, terdapat ramai orang Melayu Bugis yang berasal dari Tanah Bugis (Sulawesi) mendiami kawasan pantai Negeri Selangor, terutama di Kelang dan di Selangor (Kuala Selangor).

Menjelang awal kurun masihi yang ke-18 pula, walaupun ketua yang memerintah di daerah Kelang masih di bawah pengaruh Sultan Johor, tetapi pada masa itu, terutama setelah Raja Kechil Siak memerintah Kerajaan Johor-Riau (1718-1722), negeri Selangor tidak lagi di bawah kuasa Johor,

sebaliknya di Selangor (Kuala Selangor) telah ada orang Bugis yang menjadi ketua pemerintah di situ bergelar "*Yamtuan Selangor*," sekadarkan namanya yang sebenar tidaklah diketahui. Pada masa itu, di negeri Selangorlah pusat kekuatan orang Bugis di bahagian barat Nusantara ini.

Di awal kurun masihi yang ke-18 itu jugalah raja-raja Bugis lima bersaudara, iaitu Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak dan Daing Kemasi, yang telah mengalahkan Raja Kechil Siak (1722) di Riau dan menyerahkan semula Kerajaan Johor-Riau kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, dan keraplah raja-raja Bugis itu berulang-alik dari Riau ke Selangor membawa orang Bugis di Selangor dalam angkatan perang raja-raja Bugis itu, bahkan Daing Perani dan Daing Chelak itu sendiri telah berkahwin dengan keluarga diraja Bugis di Selangor.

Dalam pertengahan kurun masihi yang ke-18 itu juga (1756), pada masa Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah memerintah di Riau, dan Yamtuan Muda (III) Daing Kemboja bermastautin di Linggi, Raja Lumu, seorang daripada putera almarhum Yamtuan Muda (II), Daing Chelak, iaitu putera yang dilahirkan di Selangor, telah menjadi Raja yang memerintah di Selangor dengan gelaran Sultan Salehuddin, dan baginda digelar juga "*TuanKu Raja Selangor*" atau "*Raja Selangor*." Sejak itu, anak cucu dan keturunan bagindalah yang menjadi Sultan di negeri Selangor sehingga sekarang.

Sultan Ibrahim, Sultan Selangor yang kedua (1778-1826), putera almarhum Sultan Salehuddin itu merupakan seorang Sultan yang gagah berani. Baginda bermusuh dengan orang Belanda dan lebih setahun lamanya baginda memerangi orang Belanda di Melaka. Baginda jugalah yang telah menggalakkan ayah saudaranya Raja Haji Yamtuan Muda (IV) di Riau datang memerangi orang Belanda di Melaka sehingga Raja Haji mangkat terbunuh dalam peperangan di Melaka (Marhum Teluk Ketapang). Selepas itu datang pula orang Belanda menyerang dan mengalahkan Selangor sehingga Sultan Ibrahim berundur ke Negeri Pahang. Setahun lamanya Selangor diperintah oleh orang Belanda. Setelah itu, dengan bantuan Bendahara Tun Abdul Majid Pahang, Sultan Ibrahim datang semula dan berjaya menghalau orang Belanda keluar dari Selangor dan mengambil semula negeri itu dari tangan Belanda. Di masa Sultan Ibrahim itu jugalah Selangor telah menyerang negeri Perak; orang Siam cuba menguasai negeri Selangor dan Perak; tetapi orang Inggeris yang ada di Pulau

Pinang telah turut sama sehingga pihak Inggeris dapat membuat perjanjian dengan Sultan Ibrahim dan dapat membeli bijih timah di negeri Selangor.

Pada awal kurun masihi yang ke-19, di masa Sultan Ibrahim memerintah di Selangor, seorang raja dari Selangor bernama Tengku Busu telah membuka daerah Lukut (Dalam Negeri Sembilan sekarang) yang mana banyak mengeluarkan bijih timah dan telah menggalakkan orang Cina datang mengerjakan lombong di Lukut. Dalam buku ini, sejarah daerah Lukut itu ada ditulis berasingan, iaitu dari mula ianya dibuka oleh Tengku Busu; kemudian Lukut dimasukkan dalam pemerintahan Selangor, iaitu di masa Sultan Muhammad Shah menjadi Sultan di Selangor (Sultan Selangor yang ketiga); lepas itu baginda menyerahkan daerah Lukut di bawah pemerintahan Raja Juma'at bin Raja Ja'afar yang berasal dari Riau; Lukut pada zaman kegemilangannya di bawah pemerintahan Raja Juma'at dan sampailah kepada kisah Lukut diperintah oleh Raja Bot, putera Raja Juma'at dan akhirnya, pada tahun 1880, Lukut dimasukkan ke dalam Daerah Sungai Ujung (Negeri Sembilan).

Semasa Sultan Muhammad itulah juga daerah Kelang telah diserahkan kepada pegangan anakanda baginda yang bernama Raja Sulaiman. Tetapi, tiada beberapa lama kemudian, setelah Raja Sulaiman mangkat, didapati daerah Kelang itu diberikan kepada cucu baginda anak Raja Sulaiman yang bernama Raja Mahadi; sebaliknya diberikan kepada Raja Abdullah bin Raja Ja'afar, adik Raja Juma'at Lukut, dan itulah yang menjadi punca permusuhan di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah.

Raja Abdullahlah yang membawa orang Cina pekerja lombong dari Lukut datang membuka lombong bijih timah di Ampang (Dekat Kuala Lumpur sekarang), dan sejak itu ramailah orang Melayu yang berasal dari Sumatera, terutama orang Mendahiling, Batu Bara dan orang Rawa, datang mencari penghidupan baru dengan berniaga dan berkebun di darat negeri Selangor, iaitu di Ampang dan Cheras.

Sebaik sahaja Raja Abdullah membuka lombong bijih timah di Ampang itu, Sultan Muhammad pun mangkat, dan digantikan oleh anak saudara dan menantu almarhum itu yang bernama Raja Abdul Samad menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Abdul Samad. Pada masa itu, apabila lombong-lombong Raja Abdullah di Ampang mula mengeluar-



kan hasil, ramailah pula orang Cina dari Lukut, Sungai Ujung dan Larut datang ke Kuala Lumpur dan Kanching membuka kedai-kedai atap dan bekerja di lombong bijih timah di situ sehingga pada tahun 1861, empat tahun kemudian daripada Raja Abdullah mula membuka lombong di Ampang dan orang Cina yang telah ramai tinggal di Kuala Lumpur telah melantik seorang taukeh Cina di situ menjadi ketua mereka dengan gelaran "Kapitan Cina" (Taukeh Hiu Siew). Tetapi di kawasan pantai negeri Selangor, terutama di Langat, Jugra, Kelang dan Kuala Selangor didapati ramai didiami oleh orang Melayu yang berasal dari Tanah Bugis, kerana raja-raja yang memerintah di kawasan itu adalah raja-raja keturunan Bugis.

Setelah lebih kurang tujuh tahun lamanya Sultan Abdul Samad menjadi Sultan Selangor dan pada tahun 1866, berlakulah "Perang Kelang" (I) iaitu peperangan di antara Raja Mahadi dengan pihak Raja Abdullah kerana berebut hendak menguasai Kelang. Orang-orang di pihak Raja Mahadi itu kebanyakannya terdiri dari orang Melayu yang berasal dari Sumatera yang ramai tinggal di Kuala Lumpur, Ampang, Ulu Kelang, Damansara, Cheras dan Kajang. Setelah lebih kurang lima bulan berperang, Kelang telah jatuh ke tangan Raja Mahadi (akhir tahun 1866). Tetapi Sultan Abdul Samad yang bersemayam di Langat (Bandar Termasa) tidak suka kepada Raja Mahadi.

Setahun setengah lepas itu, Sultan Abdul Samad telah mengahwinkan seorang daripada puteri baginda dengan seorang raja dari Kedah bernama Tengku Kudin (Tengku Dhiauddin), dan Tengku Kudin terus diangkat menjadi wakil baginda digelar "*Wakil Yamtuan*" (Jun, 1868).

Setahun kemudian, Raja Ismail putera almarhum Raja Abdullah (Raja Abdullah telah mangkat di Melaka) yang bermusuhan dengan Raja Mahadi, telah menyerang Kuala Kelang dan terus mengepong serta memerangi bandar Kelang yang di bawah pemerintahan Raja Mahadi itu dan berlakulah "Perang Kelang" (II). Dalam peperangan ini, Tengku Kudin (Wakil Yamtuan) telah membawa pasukan perangnya dari Kedah untuk membantu Raja Ismail mengepong dan memerangi pihak Raja Mahadi di Kelang; dan Sultan Abdul Samad telah membantu Tengku Kudin. Lebih kurang lapan bulan lamanya berperang, baharulah Tengku Kudin berjaya mengalahkan pihak Raja Mahadi dan menghalau Raja Mahadi keluar dari Kelang (Mac 1870), dan Tengku Kudin telah memerintah di Kelang sebagai "*Wakil Yamtuan*" bagi negeri Selangor.

Dalam kedua-dua peperangan yang telah berlaku di Kelang itu adalah merupakan peperangan sesama orang-orang Melayu sendiri.

Empat tahun selepas kalah di Kelang, Raja Mahadi kembali bersama orang-orangnya yang tiada suka kepada Tengku Kudin, mengambil Kuala Selangor dan memerintah pula di situ (Julai 1870).

Sebulan sebelum tamat "Perang Kelang" (II), dalam bulan Februari tahun 1870, berlaku pula "Perang Kanching" iaitu pertempuran di antara orang Cina di Kuala Lumpur dari pihak Kapitan Yap Ah Loy (Kapitan Cina III di Kuala Lumpur) yang dibantu oleh orang Melayu, serta orang Cina dari lombong di Kanching dan ramai di antara orang Cina di Kanching itu telah terbunuh.

Setelah enam bulan selesai "Perang Kelang" (II) itu, sepasukan orang Cina yang diketuai oleh seorang Cina dari Negeri Sembilan bernama Chong Chong dibantu oleh orang Melayu di bawah pimpinan Saiyid Mashhor yang menyebelahi pihak Raja Mahadi, telah menyerang orang Cina pihak Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur yang juga dibantu oleh orang Melayu, dan berakulah pertempuran hebat antara kedua belah pihak itu di Ulu Kelang dan Ampang. Tetapi akhirnya pihak Chong Chong dan Saiyid Mashhor telah mengalami kekalahan. Pertempuran itu telah berlaku dalam bulan September dan Oktober tahun 1870.

Enam bulan lepas itu pula, orang Cina pasukan Kapitan Yap Ah Loy yang dibantu juga oleh orang Melayu, telah berperang lagi dengan orang Cina pihak Chong Chong yang dibantu oleh Saiyid Mashhor di Rawang, Ulu Yam, Kuala Kubu dan Serendah. Setelah dua bulan berperang (Mei — Jun 1871), pihak Chong Chong dan Saiyid Mashhor dapat ditewaskan. Saiyid Mashhor telah pergi ke Kuala Selangor dan bersatu dengan orang-orang Raja Mahadi, Raja Mahmud dan lain-lain yang menentang pihak Tengku Kudin.

Semasa Kuala Selangor dikuasai oleh Raja Mahadi dan orang-orangnya itu, sekumpulan Cina telah merompak sebuah tongkang yang datang dari Pulau Pinang dan telah membunuh beberapa orang Cina dalam tongkang itu. Orang Inggeris mengatakan: apabila pegawai-pegawai Inggeris dari "Negeri-negeri Selat" datang ke Kuala Selangor mencari dan hendak menangkap perompak Cina yang dikatakan ada di Kuala Selangor itu, mereka telah diancam akan diserang oleh orang-

orang Raja Mahadi. Oleh sebab itu Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat telah menghantar dua buah kapal perang untuk membedil dan membakar bandar Kuala Selangor (Julai 1871), sehingga Raja Mahadi dan sekutunya yang ada di situ lari bertempiran keluar meninggalkan Kuala Selangor; Raja Mahadi pergi ke Bengkalis, Raja Mahmud pergi ke Sungai Ujung, dan Saiyid Mashhor lari ke Negeri Perak tetapi tiada berapa lama kemudiannya Saiyid Mashhor datang semula ke Ulu Selangor bersiap sedia untuk meneruskan tentangannya kepada pihak Tengku Kudin dan sekutunya. Sejak itu Kuala Selangor telah diduduki oleh orang-orang Tengku Kudin. Dalam bulan Julai (1871) itu juga, Gabenor di Singapura telah menghantar pegawainya dengan kapal perang diketuai oleh J.W.W. Birch pergi ke Selangor berjumpa Tengku Kudin dan kemudian berjumpa Sultan Abdul Samad di Jugra. Ketika itulah Birch telah memaksa Sultan Abdul Samad membaharui surat kuasa Tengku Kudin sebagai "Wakil Yamtuan" dan pada masa itu orang Inggeris menganggap Tengku Kudinlah orang yang layak menjalankan pemerintahan di Negeri Selangor, dan Birch telah memberi pengakuan bahawa Inggeris akan membantu Tengku Kudin. Sejak itu semua daerah di sebelah pantai Selangor, dari Kuala Selangor hingga ke Jugra, telah dikuasai oleh Tengku Kudin, dan Kuala Lumpur serta daerah sekitarnya dikuasai oleh Kapitan Yap Ah Loy yang memihak kepada Tengku Kudin.

Setelah Tengku Kudin semakin berkuasa di Selangor, mulalah beliau mengambil ramai askar Sepahi dan pegawai askar bangsa Eropah untuk mengetuai pasukan perang beliau di Kelang, Kuala Selangor dan Kuala Lumpur. Putera-putera Sultan Abdul Samad yang memerintah di Kuala Selangor itu pun dengan helah Tengku Kudin telah dipecat daripada menjadi ketua pemerintah di kawasan itu. Sejak itu semakin bertambah ramailah putera-putera Sultan Abdul Samad yang benci kepada Tengku Kudin. Sementara itu Tengku Kudin telah meminta bantuan Bendahara Wan Ahmad di Pahang bagi mengalahkan musuh-musuhnya di Selangor.

Pada awal tahun 1872, dengan pertolongan Kerajaan Inggeris di Singapura yang telah diberitahu oleh Tengku Kudin, kelengkapan perang dan ubat bedil yang telah disiapkan oleh Raja Mahadi di Bengkalis hendak menyerang Selangor, telah dirampas oleh Kerajaan Belanda, dan Raja Mahadi pun berundur pula ke Negeri Johor. Pada masa itulah juga Tengku

Kudin dengan seorang orang besar wakil Bendahara Wan Ahmad Pahang telah berjumpa dengan Gabenor di Singapura bagi menentukan fasal bantuan daripada Bendahara Pahang yang dihantar ke Selangor membantu Tengku Kudin, dan perkara itu telah dipersetujui oleh Gabenor.

Dalam pertengahan tahun 1872 itu juga, pasukan orang Melayu yang memihak kepada Raja Mahadi, iaitu pasukan yang diketuai oleh Saiyid Mashhor, Raja Asal, Sultan Puasa, Raja Kahar, Raja Laut, Raja Mahmud dan pasukan yang dibawa oleh Raja Mahadi sendiri, telah bersatu dekat Kuala Lumpur lalu mengepung pihak Kapitan Yap Ah Loy dan pasukan pihak Tengku Kudin yang ada di Kuala Lumpur. Dalam bulan Ogos tahun itu juga (1872), walaupun pasukan orang-orang dari Pahang telah datang ke Selangor, namun pasukan pihak Raja Mahadi dan sekutunya itu telah berjaya menawan Kuala Lumpur dan Kuala Selangor. Pada masa itu hampir seluruh tempat di darat Selangor dan Kuala Selangor telah dikuasai oleh pihak Raja Mahadi dan sekutunya. Tetapi tujuh bulan selepas itu, di akhir bulan Mac tahun 1873, Kuala Lumpur dapat diambil semula oleh pihak Tengku Kudin yang dibantu oleh orang-orang Kapitan Yap Ah Loy dan orang-orang dari Pahang. Sejak itu tiadalah berhenti pasukan dari Pahang (dari darat dan laut) dengan pihak Tengku Kudin memerangi dan berjaya mengalahkan pasukan pihak Raja Mahadi dan sekutunya, terutama Saiyid Mashhor, hampir di seluruh tempat dalam negeri Selangor, iaitu di Kuala Selangor dan daerah sekitarnya, di Kuala Lumpur hingga ke Kanching, Rawang, Serendah, Ulu Yam, Kuala Kubu, Ulu Bernam hingga ke Slim di negeri Perak. Pada akhir tahun 1873 itu juga selesailah orang-orang Pahang berperang di negeri Selangor membantu Tengku Kudin, dan orang-orang Pahang pun balik semula ke negeri Pahang.

Orang-orang Inggeris di Negeri-negeri Selat memang telah lama mencuba mencari jalan hendak memasukkan kuasanya ke negeri Selangor. Sungguhpun dengan cara membantu Tengku Kudin melawan musuhnya itu Inggeris telah dapat mempengaruhi Sultan Abdul Samad, tetapi mereka belum dapat sama-sama memerintah di Selangor. Pada akhir tahun 1873 itu juga, kebetulan pula, sebuah sekoci dari Melaka yang dipunyai oleh orang Melayu Melaka rakyat British yang juga membawa penumpang orang Cina, telah dirompak di kuala Sungai Jugra tidak berapa jauh dari istana Sultan Abdul Samad dan putera-putera baginda. Peristiwa itulah yang telah

dijadikan sebab oleh Gabenor di Singapura (Sir Andrew Clarke) untuk memasukkan kuasa Inggeris ke negeri Selangor sehingga Sultan Abdul Samad dan orang-orang besar juga tidak dapat membantah apabila orang Inggeris mengatakan: pada masa itu raja-raja dan orang-orang besar di Selangor memang suka menerima seorang pegawai Inggeris datang ke Selangor untuk menolong mereka menjalankan pemerintahan di negeri itu. Dalam bulan Ogos tahun 1874, Gabenor di Singapura telah menghantar seorang pegawainya bernama Frank Swettenham datang ke Selangor bagi memegang jawatan Penolong Residen di Selangor dan menjadi Penasihat kepada Sultan Abdul Samad; dan pihak Inggeris mengatakan pula bahawa Sultan Abdul Samad begitu gembira menerima kedatangan Frank Swettenham menjadi Penasihat baginda itu. Dua bulan selepas itu, dipercayai bahawa dengan pujuk helah Swettenham, Sultan Abdul Samad pun menulis surat kepada Gabenor di Singapura, meminta supaya negeri Selangor dimasukkan ke bawah naungan perintah Kerajaan Inggeris; bagi pihak Inggeris, perbuatan baginda itu tentulah sebagai kata peribahasa Melayu "Pucuk dicita ulam tiba." Pada akhir bulan Disember tahun 1874 itu juga, Sir Andrew Clarke pun mengumumkan iaitu J.G. Davidson, seorang yang telah lama bekerja menolong Tengku Kudin, dijadikan Residen British yang pertama di negeri Selangor. Sejak itu negeri Selangor pun menjalani sejarahnya sebagai sebuah negeri Melayu di bawah naungan perintah Kerajaan Inggeris.

Di pertengahan tahun 1875, Raja Mahmud dan Saiyid Mashhor serta orang-orang kuat pihak Raja Mahadi itu telah menyerah diri kepada Kerajaan Inggeris dan mereka telah menjadi orang kuat pula kepada Frank Swettenham di negeri Perak di masa huru-hara perang di negeri itu. Dalam bulan Oktober tahun 1875 itu juga, Sutan Puasa yang telah mencuba lagi hendak membangkitkan pemberontakan melawan Inggeris di negeri Selangor telah dapat ditangkap dan dipenjarakan di Kelang. Dan setahun lepas itu, dalam bulan Ogos tahun 1876, Raja Mahadi telah ditangkap pula oleh Inggeris lalu dipenjarakan di Singapura; Inggeris telah terus menjalankan pemerintahannya di negeri Selangor.

Lebih kurang dua puluh tahun kemudian daripada itu, dengan helah kepandaian Frank Swettenham juga, dapatlah Kerajaan Inggeris menerima persetujuan daripada Sultan Abdul Samad untuk memasukkan negeri Selangor bersama

dengan negeri Perak, Negeri Sembilan dan Pahang ke dalam sebuah persekutuan dinamakan Negeri-negeri Melayu Bersekutu" (Federated Malay States) yang telah dirasmikan penubuhannya pada 1 hari bulan Julai tahun 1896 dan bandar Kuala Lumpur dijadikan pusat pentadbirannya.

Dua tahun selepas itu, iaitu setelah menjadi Sultan Selangor selama 39 tahun, pada tahun 1898 Sultan Abdul Samad telah mangkat. Raja Muda Sulaiman ibni almarhum Raja Muda Musa (Raja Muda Musa telah mangkat pada tahun 1884) cucunda almarhum Sultan Abdul Samad telah dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan almarhum ninda baginda, bergelar Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Setelah memerintah selama 22 tahun, pada tahun 1920 baharulah baginda mengangkat putera sulong baginda bernama Tengku Musauddin menjadi Raja Muda Selangor.

Setelah Tengku Musauddin menjadi Raja Muda Selangor selama 14 tahun dan pada tahun 1934, dengan nasihat Residen British Selangor ketika itu bernama T.S. Adams yang tiada suka kepada Tengku Musauddin, maka Kerajaan Inggeris telah memaksa Tengku Musauddin turun daripada pangkatnya sebagai Raja Muda Selangor itu dengan tidak terlebih dahulu meminta persetujuan daripada Sultan dan orang-orang besar Selangor. Walaupun pemecatan itu tiada disetujui oleh Sultan Alauddin Sulaiman Shah dan sebahagian besar daripada orang-orang besar Selangor serta berlawanan pula dengan adat istiadat diraja Selangor, tetapi Kerajaan Inggeris telah meneruskan juga tindakan penjajahannya itu. Dua tahun selepas itu, Tengku Alam Shah (Tengku Laksamana Selangor) seorang daripada putera Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah dilantik menjadi Raja Muda Selangor, dan Tengku Musauddin diberi gelaran Tengku Kelana Jaya Putera.

Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah menjadi Sultan Selangor selama 40 tahun dan dalam masa pemerintahan baginda itu, negeri Selangor telah mencapai beberapa kejayaan. Baginda mangkat dalam tahun 1938. Raja Muda Tengku Alam Shah telah dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan almarhum ayahanda baginda, bergelar Sultan Hisamuddin Alam Shah.

Lebih kurang empat tahun selepas itu, dalam tahun 1942, semasa tentera Jepun menduduki seluruh "Malaya" (termasuk Singapura), pemerintah tentera Jepun telah menurunkan Sultan Hisamuddin Alam Shah dari takhta kerajaan Selangor

lalu mengangkat Tengku Musauddin menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah. Tetapi, pada akhir tahun 1945, apabila tentera British balik semula ke Malaya, pihak berkuasa tertinggi pertadbiran Tentera British di Malaya telah memecat Sultan Musa (Tengku Musauddin) lalu mengangkat Sultan Hisamuddin Alam Shah semula menjadi Sultan Selangor.

Dalam masa pemerintahan Sultan Hisamuddin Alam Shah itulah telah tertubuhnya "Persekutuan Tanah Melayu" (1948) dan negeri Selangor adalah salah sebuah daripada negeri anggotanya. Pada tahun 1950, putera baginda yang bernama Raja Abdul Aziz diangkat menjadi Raja Muda Selangor. Di masa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1957), negeri Selangor telah turut sama merdeka daripada perintah British; dan apabila Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, telah dipilih dan dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu, manakala Sultan Hisamuddin Alam Shah dijadikan Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Apabila Yang di-Pertuan Agong yang pertama itu mangkat pada tahun 1960, Sultan Hisamuddin Alam Shah telah diangkat menjadi Yang di-Pertuan Agong (II) bagi Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi baginda hanya sempat menjadi Yang di-Pertuan Agong selama empat bulan sahaja; baginda telah mangkat pada awal bulan September tahun 1960 itu juga. Putera almarhum Raja Muda Abdul Aziz telah dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan almarhum ayahanda baginda, bergelar Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dan baginda masih terus mengekalkan kerajaannya di negeri Selangor sehingga sekarang ini.

Demikianlah ringkasan sejarah negeri Selangor yang digariskan dalam buku ini. Tarikh-tarikh yang dipakai dalam buku ini adalah tarikh tahun masihi.

Dalam kata Pendahuluan ini, tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang penulis rencana dan buku sejarah serta penerbit buku dan majalah yang mengandungi rencana sejarah itu, kerana buku dan rencana sejarah karangan mereka itu telah saya gunakan sebagai bahan pembacaan untuk saya menyusun dan menulis sejarah negeri Selangor seperti yang ada ini, dan nama-nama mereka itu ada saya tuliskan pada daftar buku Pembacaan saya dalam buku ini.

Demikian jua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang telah sudi memberi kata "Perutusan" bagi buku ini: semoga dapatlah kiranya khidmat saya ini diterima oleh pembaca.

HAJI BUYONG BIN ADIL

Kuala Lumpur: 21 Julai, 1969.



## KANDUNGAN

*Muka surat*

Perutusan... ..	v
Pendahuluan .....	vii
Selangor Pada Zaman Purbakala / ... ..	<del>2</del>
Selangor Dalam Kurun Masihi Yang Ke-14 ✓ ..	<del>3</del>
Selangor Dalam Kurun Masihi Yang Ke-15 dan 16 ... .. ✓	<del>4</del>
(Orang Bugis di Selangor ✓ ... ..	<del>8</del>
Selangor Dalam Kurun Masihi Yang Ke-18 ...	7
(Selangor Dalam Pemerintahan:	
( Sultan Salehuddin Shah (1756 — 1778) ...	15
( Sultan Ibrahim Shah (1778 — 1826) ...	21
( Sultan Muhammad Shah (1826 — 1857) ...	42
( Sultan Abdul Samad (1859 — 1898) ...	49
( Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1898 — 1938) ... ..	156
( Sultan Hisamuddin Alam Shah (i: 1938 — 1942) ... ..	164
( Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah (1942 — 1945) ... ..	165

(Masa Pendudukan Tentera Jepun)

Sultan Hisamuddin Alam Shah					
(ii: 1945 — 1960) ... ..					166
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah					
(1960 — sedang berkerajaan) ... ..					171
Daftar Nama Sultan Selangor ... ..					172
Salasilah Sultan Selangor ... ..					173
Sejarah Lukut ... ..					174
Pembacaan ... ..					191
Indeks ... ..					193

Pada tahun 1905, tiga buah loceng gangsa buatan orang zaman purba, telah dijumpai tertanam di Kelang tatkala orang-orang menggali tanah di situ. Kemudian, dalam tahun 1944 pula, tatkala orang menggali tanah di Bukit Kuda dekat Kelang, telah dijumpai pula pecahan sebuah gendang gangsa buatan orang zaman purba juga.

Sepanjang penyiasatan ahli penyiasat barang-barang peninggalan zaman purba, gendang dan loceng gangsa yang telah dijumpai di Kelang itu, serupa dengan gendang dan loceng gangsa yang telah didapati tertanam di tempat yang bernama Dong Son di tepi Sungai Song Ma di daerah Than Hoa (atau Cheuchen) di Indo-China, iaitu buatan orang-orang *Zaman Kebudayaan Gangsa-Besi* yang disebut juga *Zaman Kebudayaan Dong Son* oleh ahli sejarah dan ahli penyiasat barang-barang peninggalan zaman purba. *Zaman Kebudayaan Dong Son* itu telah bermula di Dong Son kira-kira tiga ratus tahun sebelum Masihi, dan telah merebak ke seluruh Nusantara hingga awal kurun masihi yang ke-3. Dipercayai gendang dan loceng yang diperbuat daripada gangsa (disebut juga *tembaga senam* atau *perunggu*) yang didapati di Kelang itu, telah dibawa dari daerah Indo-China oleh orang Melayu-Jati kumpulan atau gelombang yang kedua datang ke Semenanjung Tanah Melayu melalui negeri Thai (Siam) lebih kurang tiga ratus tahun sebelum Masihi. Mereka memang telah tahu mengukir perkakas yang dibuat daripada besi, dan merekalah yang mula-mula membawa perkakas yang dibuat daripada gangsa dan besi ke Semenanjung Tanah Melayu ini, yakni merekalah yang mula membawa *Kebudayaan Gangsa-Besi* ke seluruh Nusantara.

Oleh sebab tiada bukti sejarah yang lebih jelas dapat dipegang untuk menentukan kisah sejarah daerah Kelang pada zaman purba, jadi tidaklah dapat disebutkan apakah kisahnya daerah itu pada zaman purbakala atau zaman prasejarah walaupun telah dijumpai gendang dan loceng gangsa yang telah disebutkan itu. Walaupun demikian, oleh sebab ada pula dijumpai tertanam beberapa keping perkakas besi zaman dahulu di daerah Kelang itu juga yang disebut oleh orang Melayu "Tulang Mawas" dan jika dibandingkan pula keadaan tanah di kuala Sungai Kelang itu, bolehlah

dikatakan bahawa pada zaman purbakala daerah Kelang (entah apa namanya masa itu) telah didiami oleh manusia, iaitu manusia primitif) dan pekerjaan mereka semata-mata menangkap ikan. Sejak itu hingga kurun masihi yang ke-14, tiadalah didapati penerangan mengenai sejarah negeri Selangor atau sesuatu tempat dalam negeri itu.

(Selain daripada di Kelang, beberapa buah gendang gangsa buatan orang zaman dahulu, sejenis juga dengan gendang gangsa yang dijumpai di Kelang itu, telah juga dijumpai tertanam di tempat lain, iaitu pada tahun 1926 sebuah telah dijumpai di Batu Pasir Garam di tepi Sungai Tembeling, Pahang; dalam bulan Jun tahun 1964, dua buah gendang gangsa telah dijumpai di Kampong Sungai Lang, Daerah Kuala Langat, Selangor; dan dalam bulan Julai tahun 1965 dua buah lagi telah dijumpai di Batu Burok, Kuala Trengganu. Sehingga ini sudah enam buah gendang gangsa buatan orang zaman purba yang telah dijumpai di Semenanjung Tanah Melayu ini. Semua gendang gangsa itu sejenis keadaannya iaitu buatan orang zaman "Kebudayaan Gangsa-Besi" yang disebut juga "Kebudayaan Dong Son").

## Selangor Dalam Kurun Masihi Yang Ke-14

Dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang (suntingan W.G. Shellabear) yang menceritakan kisah raja-raja Melayu yang berkerajaan di Singapura ada menyebutkan: pada masa Paduka Seri Maharaja memerintah di Singapura, ada seorang dari Pasai bernama Tun Jana Khatib datang ke Singapura bersama dengan sahabatnya "tuan di Bunguran dan di *Selangor*." Oleh itu nyatalah bahawa pada zaman Paduka Seri Maharaja memerintah Singapura itu — dalam kurun masihi yang ke-14 — telah tersebut nama *Selangor*. Tetapi tiada pula disebutkan dalam hikayat itu di mana tempatnya dan apa kisah *Selangor* ketika itu.

Dalam kurun masihi yang ke-14 itu juga, didapati tempat yang bernama *Kelang* — dalam negeri Selangor sekarang ini — tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Majapahit (di Tanah Jawa); (kerana kitab syair *Nagarakertagama* dikarang dalam pertengahan kurun masihi yang ke-14, yang menceritakan kisah Kerajaan Majapahit, ada menyebutkan nama *Kelang* di antara nama beberapa buah tempat lain di Nusantara yang tertakluk ke Majapahit. Tetapi tiada juga tersebut apa kisahnya tempat yang bernama *Kelang* itu.

## Selangor Dalam Kurun Masihi Yang Ke-15 dan 16

Dalam kurun masihi yang ke-15, didapati beberapa buah tempat dalam negeri Selangor sekarang ini, iaitu: Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Selangor, tertakluk atau tunduk di bawah pengaruh Kerajaan Melayu Melaka.

Di masa Sultan Muzaffar Shah memerintah Melaka (1445-1458), Tun Perak anak kepada seorang daripada Bendahara Melaka, telah diangkat oleh orang-orang Kelang menjadi penghulu mereka. Kemudian, pada masa Siam datang menyerang Melaka — ketika Sultan Muzaffar Shah itu juga — Tun Perak Penghulu Kelang itu telah membawa penduduk Kelang (lelaki dan perempuan) datang ke Melaka membantu melawan dan mengalahkan orang-orang Siam. Tiada beberapa lama kemudian, Tun Perak telah diangkat menjadi Bendahara Melaka; dengan gelaran Bendahara Paduka Raja.

Pada masa Sultan Mansur Shah memerintah Melaka (1459-1477), salah seorang daripada putera baginda yang bernama Paduka Seri China telah dirajakan di Jeram berhampiran dengan Langat, dan *Sejarah Melayu* ada mengatakan: "Sekarang pun (1612) ada lagi kotanya, dan orang-orang Jeram itu baik budi bahasanya jika ditemui."

Sewaktu Sultan Mahmud Shah memerintah Melaka (1488-1511), *Sejarah Melayu* ada mengatakan: negeri Melaka itu terlalu ramai; "jika orang dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi, kerana jika berhenti di mana sahaja pasti ada rumah orang."

Setelah Kerajaan Melaka dikalahkan oleh Portugis pada awal kurun masihi yang ke-16 (Tahun 1511), Sultan Mahmud berserta orang-orangnya telah berundur ke negeri Johor, kemudian ke Pahang, lalu ke Pulau Bentan dan menubuhkan kerajaan baru di situ. Semasa Sultan Mahmud Shah berkerajaan di Pulau Bentan, Selangor masih lagi di bawah takluk baginda. Dalam hikayat *Sejarah Melayu* yang didapati dalam simpanan kutub khanah Raffles di London, naskhah nombor 18, ada menyebutkan: pada masa Sultan Mahmud Shah di Pulau Bentan itu, baginda telah menitahkan orang besarnya Paduka Tuan (Tun Isap Berakah, yang kemudiannya menjadi Bendahara Johor) pergi ke Beruas (dalam negeri Perak sekarang). Paduka Tuan pergi ke Beruas membawa bersama anaknya yang bernama Tun Mahmud (Seri Agar Raja). Apa-

bila Paduka Tuan balik semula ke Bentan (dari Beruas), Selangor telah diberikan kepada anaknya Tun Mahmud itu. *Sejarah Melayu* itu juga mengatakan: "Akan Seri Agar Raja sedia disuruh Bendahara Paduka Tuan tinggal di Selangor penaka rajalah ia di Selangor." (Tun Mahmud Seri Agar Raja inilah yang mula-mula menjadi Bendahara di negeri Perak pada masa Sultan Muzaffar, Sultan Perak yang pertama, mula berkerajaan di negeri Perak).

*Selangor* yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* ini, ialah di Kuala Sungai Selangor, yang sekarang ini dipanggil Kuala Selangor.

Pada masa Sultan Alauddin Riayat Shah (II) putera almarhum Sultan Mahmud Shah Melaka (*Marhum Kampar* — mangkat di Kampar, Sumatera, lebih kurang pada tahun 1528) berkerajaan di negeri Johor (1529-1564), ketua yang memerintah di Kelang dengan gelaran *Mandulika* telah tunduk kepada baginda di Johor. Oleh sebab itu, nyatalah di masa itu juga — kurun masihi yang ke-16 — Selangor masih lagi di bawah kuasa raja-raja Johor yang berketurunan dari Melaka.

Kesimpulannya: tempat-tempat dalam negeri Selangor yang disebutkan itu: Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Selangor (Kuala Selangor) — dalam kurun masihi yang ke-15 dan 16 dahulu — takluk di bawah kuasa Sultan-sultan Melayu di Melaka, yang mana kemudiannya telah pindah berkerajaan di Johor (awal kurun masihi yang ke-16).

## Orang Bugis Di Selangor

Dalam kurun masihi yang ke-17, orang-orang Bugis dari Tanah Bugis (Sulawesi), didapati telah ada bermastautin di negeri Selangor. Dalam pada itu tiadalah diketahui siapakah ketua mereka yang datang membuat tempat kediaman di Selangor itu. Dalam buku karangan R.J. Wilkinson mengatakan: ketua orang-orang Bugis yang mula-mula datang membuka tempat kediaman di Selangor itu bernama Daing Lakani. Tetapi perkara ini tiada dapat disahkan, kerana tiada diketahui dari mana punca diperoleh cerita itu.

Dalam buku Pendaftaran Harian (*Dagh-Register*) orang-orang Belanda, di Betawi (Jakarta sekarang) bertarikh tahun 1625-1685 ada menyebutkan: pada 4 hari bulan Ogos tahun 1681, seorang Kedah yang mengaku ianya adik Sultan Kedah telah meminta kebenaran dari orang Belanda untuk menggunakan Dinding sebagai tempat berkumpul seramai 150 orang-orang Bugis dari Kelang yang akan membantunya melawan abangnya Sultan Kedah. (Dinding yang disebutkan itu ialah pulau Pangkor, dan di situ terdapat gedung-kota orang-orang Belanda). Dalam bulan Januari tahun 1682 pula, orang itu telah meminta kebenaran lagi dari Belanda untuk pergi ke Selangor meminta bantuan orang-orang Bugis untuk melawan abangnya Sultan Kedah itu. Ia telah menyatakan: dengan dua buah kapal dan tiga atau empat ratus orang Bugis membantunya, pasti dia dapat mengalahkan Kedah.

Dalam tahun 1685 pula, Kompeni Belanda telah meminta Kerajaan Johor supaya mengingatkan orang di Tampin, Rembau, Sungai Ujong, Kelang dan Selangor supaya jangan mengacau Melaka (Pada masa itu Melaka dalam perintah orang Belanda).

Daripada keterangan yang didapati itu, nyata menunjukkan bahawa dalam kurun masihi yang ke-17 itu, orang Bugis telah ramai mendiami negeri Selangor, dan menunjukkan juga Selangor masih lagi di bawah kuasa Kerajaan Johor. Tetapi pada akhir kurun masihi yang ke-17, setelah kemangkatan Sultan Mahmud Shah (II) *Marhum Mangkat di Julang* (1699), pemerintahan Kerajaan Johor-Riau telah mulai lemah, dan mudah sahaja dikalahkan oleh kuasa lain.



## Selangor Dalam Kurun Masihi Yang Ke-18

Pada tahun 1700, orang besar di Kelang yang bergelar Tok Engku Kelang telah menghadiahkan sebuah cap mohor sebagai tanda berkuasa kepada Yamtuan Selangor. Daripada keterangan itu menunjukkan: pada awal kurun masihi yang ke-18, di Selangor sudah ada orang yang bergelar Tok Engku Kelang dan Yamtuan Selangor. Tetapi tiada diketahui siapakah orang yang bergelar Tok Engku Kelang dan Yamtuan Selangor itu. Hanya yang sahnya: Tok Engku Kelang itu berkeluarga dengan Sultan Abdul Jalil (IV), Sultan Johor masa itu yang berketurunan dari Bendahara yang menggantikan Marhum Mangkat di Julang (Sultan Mahmud Shah II) menjadi Sultan Johor. Dan ada pula cerita orang tua-tua mengatakan: Kononnya Megat Seri Ramalah yang membunuh *Marhum Mangkat di Julang* itu, ada dua orang anaknya, bernama Che' Akub dan Che' Akhir, telah pergi menetap ke Kelang. Selain daripada itu tiadalah diketahui kisah mereka selanjutnya.

Daripada keterangan yang disebut di atas itu, nyatalah, sehingga awal kurun masihi yang ke-18 itu pun, negeri Selangor masih di bawah kuasa dan pengaruh Kerajaan Johor yang telah berpindah ke tangan Bendahara (sejak kemangkatan *Marhum Mangkat di Julang*), dan Tok Engku Kelang adalah wakil Kerajaan Johor di negeri Selangor. Orang Bugis yang menjadi Yamtuan Selangor (Kuala Selangor) itu pun mendapat kuasa daripada Tok Engku Kelang, dan keadaan seperti itu berterusan sehingga di masa Raja Lumu menjadi Yang Dipertuan Besar Selangor bergelar Sultan Salehuddin, dan kesultanan baginda itu telah diiktiraf juga oleh Sultan Perak kira-kira di pertengahan kurun masihi yang ke-18, dan bebaslah negeri Selangor daripada kekuasaan Kerajaan Johor.

Pada awal kurun masihi yang ke-18 itu juga, ada lima orang raja Bugis adik beradik dengan angkatan mereka telah pergi mengembara ke merata tempat, dan telah sampai ke perairan Kerajaan Johor-Riau. Raja-raja Bugis itu bernama: Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak (atau Daing Pali) dan Daing Kemasi; semuanya adalah putera Raja Bugis yang bernama Daing Rilaka.

1717-1719. Pada tahun 1717, Raja Kecil dari Minangkabau, yang menyatakan dirinya sebagai putera Marhum Mangkat

di Julang (Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor) telah berjumpa dengan Daing Perani dan Daing Chelak di Bengkalis. Raja Kechil telah meminta bantuan raja-raja Bugis itu memerangi dan mengambil Kerajaan Johor-Riau daripada tangan Sultan Abdul Jalil (IV), dengan perjanjian, jika berjaya, Daing Perani akan dijadikan Yamtuan Muda Kerajaan Johor-Riau. Raja-raja Bugis itu tidak setuju untuk menolong Raja Kechil menyerang Johor; tetapi mereka membuat helah dan meminta penangguhan mengatakan mereka hendak pergi dahulu ke Langat bagi melengkapkan kekuatan dan mengumpulkan orang-orang Bugis di sana.

Tiada berapa lama selepas itu, tanpa bantuan daripada raja-raja Bugis itu, Raja Kechil telah membawa angkatan perangnya pergi menyerang negeri Johor, dan akhirnya, pada 21 hari bulan Mac tahun 1718, Raja Kechil telah berjaya mengalahkan negeri Johor dan menurunkan Sultan Abdul Jalil dari takhta kerajaan. Raja Kechil telah menggelarkan dirinya sebagai Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, dan telah memperisterikan puteri bongsu Sultan Abdul Jalil yang bernama Tengku Kamariah. Lebih kurang setahun selepas itu, Sultan Abdul Jalil beserta putera dan pengikutnya telah berundur meninggalkan negeri Johor pergi ke Trengganu; kemudian berpindah pula di Kuala Pahang. Di antara putera dan puteri Sultan Abdul Jalil yang bersama dengan baginda berundur itu ialah: Raja Sulaiman, Tengku Tengah (atau Tengku Erang), Tengku Mandak, dan Tengku Kamariah isteri Raja Kechil telah berpindah ke Riau dan bersemayam di situ. (Lihat: *Sejarah Johor*).

1720. Semasa Sultan Abdul Jalil dan rombongannya menetap di Kuala Pahang, telah datang beberapa orang suruhan Raja Kechil untuk membawa baginda dan puteranya pindah ke Riau. Tetapi di masa mereka bersedia untuk berpindah, datang pula perintah daripada Raja Kechil menyuruh supaya dibunuh Sultan Abdul Jalil dan jangan dibawa ke Riau. Oleh sebab itu, hulubalang Minangkabau orang-orang Raja Kechil yang ada di Kuala Pahang telah menyerang dan membunuh Sultan Abdul Jalil (IV). Jenazah almarhum telah dimakamkan di Kuala Pahang, dan disebut *Marhum Mangkat di Kuala Pahang*, peristiwa itu berlaku dalam tahun 1720. Putera dan puteri almarhum beserta orang-orang besar Johor yang ada bersama di situ telah dibawa oleh orang-orang Raja Kechil ke Riau dan tinggal di sana di bawah

perintah Raja Kechil (Lihat: *Sejarah Johor*).  
 1721. Di akhir tahun 1721, raja Bugis lima bersaudara itu (Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak dan Daing Kemasi) berada di Matan (Kalimantan) sedang menjalankan urusan mereka di sana. Pada masa itulah mereka telah menerima surat panggilan daripada Raja Sulaiman dan Bendaharanya di Riau meminta pertolongan untuk mengambil semula Kerajaan Johor-Riau dari tangan Raja Kechil. Raja-raja Bugis itu dengan angkatan perangnya telah datang menyerang dan berjaya mengalahkan Raja Kechil di Riau. Dalam peperangan itu raja-raja Bugis telah mendapat bantuan daripada orang-orang Bugis di Selangor. Setelah Raja Kechil kalah dan terusir dari Riau, beliau telah pergi ke Lingga. ✕

Tiada berapa lama selepas itu, raja Bugis lima bersaudara telah pergi pula ke Langat dan ke Selangor (Kuala Selangor) bagi mengumpulkan orang-orang Bugis di sana serta menyediakan kelengkapan dalam menghadapi serangan dari Raja Kechil yang mungkin berlaku lagi. Mengikut kisah: pada masa itu ramai orang Bugis berada di Langat dan kebanyakannya pula berniaga ke Melaka, dan ramai di antara mereka yang kaya. Tiada lama setelah raja-raja Bugis itu pergi ke Selangor, Raja Sulaiman pula bertolak meninggalkan Riau dan pergi ke Pahang dalam usaha menyediakan kelengkapan perang. Ketika itulah Raja Kechil yang ada di Lingga telah mengambil kesempatan datang semula mengambil Riau dan menguatkan pertahananya di situ.

Satu angkatan orang Bugis dari Selangor yang diketuai oleh Daing Merewah (Kelana Jaya Putera) beserta saudaranya yang lain itu, telah pergi menyerang Linggi, kerana Penghulu Linggi telah menganiaya nelayan-nelayan Bugis yang menangkap ikan di Kuala Linggi. Penghulu Linggi telah meminta bantuan dari Raja Kechil di Riau. Raja Kechil telah datang membantu Penghulu Linggi melawan orang Bugis itu. Dalam peperangan di Linggi itu, raja-raja Bugis telah membuat suatu muslihat perang: angkatan Bugis telah berpecah dua; sebahagian daripada angkatan mereka itu, ketika malam berpura-pura berundur dan pergi ke Riau; dan sebahagian lagi tinggal terus melawan angkatan Raja Kechil yang bersatu dengan angkatan Penghulu Linggi. Di akhir peperangan itu Linggi dapat ditewaskan dan Riau dapat diambil semula oleh raja-raja Bugis. Pada masa itu juga Raja Sulaiman dari

Pahang telah tiba ke Riau dan telah sama-sama menduduki Riau semula. Raja Kechil yang kalah dalam peperangan di Linggi itu telah lari ke Siak dan dapat pula memerintah di Siak. Penghulu Linggi telah membuat perjanjian taat setia dengan raja-raja Bugis.

1722. Setelah raja-raja Bugis lima bersaudara itu membuat perjanjian bersumpah taat setia dengan Raja Sulaiman di Riau, mereka pun melantik Raja Sulaiman menjadi Yang Dipertuan Besar yakni Sultan bagi Kerajaan Johor-Riau, dan digelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Pada masa itu juga, dengan persetujuan raja-raja Bugis itu sendiri, saudara mereka Daing Merewah (Kelana Jaya Putera) telah dipilih dan diangkat menjadi Yamtuan Muda (I), dan sejak itu, mengikut perjanjian yang telah dipersetujui bersama oleh pihak Bugis dan Sultan Sulaiman, telah ditetapkan Raja Sulaiman dan keturunannya (pihak Melayu) menjadi Yang Dipertuan Besar atau Yamtuan Besar (Sultan); Daing Merewah dan raja Bugis lima bersaudara itu serta keturunan mereka (pihak Bugis) ditetapkan menjadi Yang Dipertuan Muda (Yamtuan Muda).

Pada masa itu juga, saudara perempuan Sultan Sulaiman telah dikahwinkan dengan raja-raja Bugis itu, iaitu Daing Perani dikahwinkan dengan Tengku Tengah (Tengku Erang), dan Daing Chelak dengan Tengku Mandak. Istiadat dan upacara melantik Raja Sulaiman menjadi Sultan dan Daing Merewah sebagai Yamtuan Muda telah dilakukan dalam bulan Oktober tahun 1722. Sejak itu pusat kekuatan orang Bugis yang selama ini hanya berpusat di negeri Selangor telah berpindah pula ke Riau, dan perhubungan di antara orang Bugis di Riau dengan orang Bugis di Selangor semakin bertambah kukuh. Tiada lama selepas itu, Daing Perani, Daing Menambun dan Daing Kemasi dari Riau datang pula ke Selangor. Daing Perani telah mengahwini anak Yamtuan Selangor, dan dengan isterinya itu Daing Perani mendapat seorang anak perempuan. Mengikut cerita lama di Selangor: Yamtuan Selangor (Kuala Selangor) ketika itu ialah seorang raja Bugis yang berasal dari negeri Gua di Tanah Bugis bernama Arong Pasarai, dan anaknya yang bersuamikan Daing Perani itu diberi nama Tengku Puan Berima.

1723. Lebih kurang pada tahun 1723, Daing Perani dengan bantuan saudaranya telah pergi menolong Sultan Kedah menduduki takhta kerajaan negeri Kedah, dan kemudiannya

telah berperang pula dengan pihak adik Sultan Kedah yang dibantu oleh Raja Kecil dari Siak untuk merebut takhta kerajaan abangnya itu. Peperangan itu berakhir selama dua tahun. Dalam peperangan di Kedah itulah Daing Perani telah mangkat kena tembak. Tetapi akhirnya raja-raja Bugis itu telah dapat mengalahkan pihak Raja Kechil yang membantu adik Sultan Kedah itu, dan Raja Kechil telah lari pulang ke Siak. Di masa raja Bugis itu berperang di Kedah, Selangor telah dijadikan sebagai tempat orang Bugis berkumpul dalam melancarkan serangan ke Kedah.

1728. Pada tahun 1728, Daing Merewah Kelana Jaya Putera (Yamtuan Muda Riau I) dari Riau telah datang ke Selangor, dan dari Selangor beliau telah membawa orang-orang Bugis di situ pergi membantu adik Sultan Perak di Bernam (Raja Inu, Raja Muda Perak masa itu) untuk menyerang abangnya Sultan Perak (Sultan Alauddin Mughayat Shah, Sultan Perak yang ke-12). Kemudian, Daing Merewah balik semula ke Selangor dan terus pulang ke Riau. Kemudian, dalam tahun 1728 itu juga, Daing Merewah Kelana Jaya Putera Yamtuan Muda Riau I telah mangkat di Riau; beliau digantikan oleh adiknya Daing Chelak sebagai Yamtuan Muda Riau II.

1730-1740. Semasa Yamtuan Muda II (Daing Chelak) mula memegang jawatannya di Riau, seorang besar Bugis bernama Daing Matekko (yang disebut juga Daing Matkah) yang baik dengan Raja Kechil Siak, telah membuat kekacauan di Selangor. Daing Chelak telah membawa angkatan perangnya dari Riau datang ke Selangor dan berperang dengan angkatan Daing Matekko di Selangor. Akhirnya Daing Matekko mengalami kekalahan dan lari semula ke Siak mendapatkan Raja Kechil. Sejak itu keraplah Daing Chelak berulang-alik dari Riau ke Selangor. Lebih kurang dalam tahun 1739 Daing Chelak telah membawa isterinya Tengku Puan Mandak melawat Selangor dan telah diberi sambutan istimewa oleh Yamtuan Selangor. Tetapi masih juga belum diketahui siapakah namanya Yamtuan Selangor itu. Setahun selepas itu (1740) datang lagi Daing Chelak melawat Selangor, dan beliau telah mengahwini Daing Ma'asik anak seorang Raja Bugis (Arong Pala namanya) kemudian membawa isterinya itu ke Riau.

1742. Pada tahun 1742 Daing Chelak datang lagi ke Selangor, dan membawa orang-orang Bugis dari Selangor pergi menyerang negeri Perak yang masa itu di bawah pemerintahan

Sultan Muzaffar Shah III (Sultan Perak yang ke-13). Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh) putera Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, dipercayai ada turut sama dalam angkatan Bugis yang datang menyerang negeri Perak itu. Dipercayai juga, dalam serangan itu Daing Chelak menyebelahi Yang Dipertuan Muda (Raja Bisnu) yang bersemayam di Pulau Tiga (di tepi Sungai Perak). Pada masa itu, Yang Dipertuan Muda berselisih faham dengan abangnya Sultan Perak. Orang-orang besar Perak yang menyebelahi Yang Dipertuan Muda di Pulau Tiga itu, telah bermuafakat dengan orang-orang Bugis yang datang dan kemudian mereka mengangkat Yang Dipertuan Muda menjadi Sultan bergelar Sultan Muhammad Shah, dan kesultanan Perak telah berpecah dua (tahun 1742-1743): Sultan Muzaffar Shah memerintah di bahagian utara (bahagian hulu) bersemayam di daerah Kuala Kangsar; dan Yang Dipertuan Muda yang digelar Sultan Muhammad Shah memerintah di bahagian selatan (bahagian hilir) dan bersemayam di Pulau Tiga juga. Dalam pada itu, serangan Daing Chelak ke negeri Perak adalah juga untuk melawan orang Minangkabau dari Kedah yang datang mengacau ke negeri Perak. Mengikut riwayatnya: lama juga Daing Chelak tinggal di negeri Perak. Akhirnya beliau pun kembali ke Selangor, dan dari Selangor, setelah dijemput oleh anak-anak raja dari Riau, baharulah beliau balik ke Riau.

1745-1748. Pada 19 hari bulan Mei tahun 1745, Daing Chelak Yamtuan Muda Riau II telah mangkat di Riau. Di antara beberapa orang putera dan puteri almarhum yang tinggal, ialah: Raja Haji di Riau dan Raja Lumu di Selangor. Pada masa itu Raja Lumu masih terlalu muda dan belum dewasa.

Setelah kemangkatan Daing Chelak, Daing Kemboja anak Daing Perani bersama dengan Raja Said anak Daing Merewah telah berangkat ke Selangor. Kata setengah riwayat; di masa Daing Kemboja di Selangor, ia telah diangkat oleh orang-orang Bugis di Selangor menjadi Yamtuan Muda Riau. Tetapi yang sebenarnya setelah setahun menetap di Selangor, Daing Kemboja telah pulang ke Riau. Dalam tahun 1748 baharulah Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah mengangkat Daing Kemboja menjadi Yamtuan Muda Riau (III) menggantikan Daing Chelak yang telah mangkat pada tahun 1745 dahulu, dan Raja Haji dijadikan Penolong Yamtuan Muda bergelar Engku Kelana. Dalam permulaan Daing Kemboja memegang jawatan Yamtuan Muda Riau itu, selalulah beliau berulang-alik ke Selangor.

1753-1755. Sehingga Daing Kemboja menjadi Yamtuan Muda itu pun, perhubungan di antara pihak orang-orang besar Melayu dengan pihak orang-orang besar Bugis di Riau masih juga tidak begitu baik, perasaan cemburu sangat kuat di antara mereka. Yamtuan Muda Daing Kemboja juga didapati telah berselisih faham dengan Sultan Sulaiman, kerana Daing Kemboja tidak bersetuju Sultan Sulaiman membantu anak saudaranya Raja Mahmud atau Raja Buang (putera Raja Kechil Siak dengan Tengku Kamariah) semasa berperang dengan Raja Alam (putera Raja Kechil dengan isteri lain pula) untuk berebut kuasa di Siak. Tambahan pula ketika itu Sultan Sulaiman telah meminta orang-orang Belanda di Melaka supaya membantu Raja Mahmud (Raja Buang) bagi mengalahkan Raja Alam.

Oleh sebab untuk mengelakkan kekacauan di antara orang suku Melayu dengan orang suku Bugis di Riau, Daing Kemboja telah membawa anak isteri dan pengikutnya serta kelengkapan perangnya keluar meninggalkan Riau walaupun telah beberapa kali ditahan oleh Sultan Sulaiman. Daing Kemboja telah pergi ke Linggi dan berkuasa di sana. Raja Haji Engku Kelana tinggal juga di Riau dengan beberapa orang Bugis lainnya. Pada tahun 1755 dengan bantuan orang Belanda, Raja Mahmud di Siak telah dapat mengalahkan Raja Alam. Raja Alam pergi ke Linggi mengadap Daing Kemboja. Tiada lama di Linggi, Raja Alam bertolak pula ke Batu Bara (Batu Bahara) di Sumatera dan menetap di situ.

1756. Dalam bulan Februari tahun 1756, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah datang melawat Melaka kerana mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa Belanda yang telah membantu Raja Mahmud (Raja Buang) mengalahkan Raja Alam di Siak. Di akhir bulan itu juga Sultan Sulaiman telah membuat perjanjian dengan Belanda di Melaka, dan baginda membenarkan orang Belanda memborong hasil bijih timah di Selangor, iaitu negeri yang dianggap takluk di bawah kuasa baginda walaupun pada masa itu Selangor (Kuala Selangor), Kelang dan Linggi, kawasan yang banyak mengeluarkan bijih timah itu, adalah tempat kekuatan orang Bugis. Sebelum meninggalkan Melaka, Sultan Sulaiman telah mengutus surat kepada Daing Kemboja di Linggi, Raja Tua di Kelang dan Sultan Salehuddin di Selangor, bertanyakan sama ada raja-raja itu masih mengakui pemerintahan baginda atau tidak. Tidak berapa lama kemudian datanglah jawapan daripada

raja-raja itu yang mengatakan mereka tiada menyetujui akan perbuatan baginda dengan orang Belanda itu.

Sepanjang yang telah didapati daripada riwayatnya, pada tahun itulah (1756) mula disebut gelaran raja pemerintah di Selangor kepada Sultan Salehuddin. Tetapi sejak itu hingga baginda digelar di negeri Perak (pada tahun 1770) dengan gelaran itu juga, baginda hanya selalu dikenali dengan gelaran Tuanku Raja Selangor atau Raja Selangor sahaja, dan nyatalah bahawa Sultan Salehuddin atau Tengku Raja Selangor atau Raja Selangor itu adalah Raja Lumu, kerana dalam riwayatnya itu menyebutkan pula: baginda itu adalah kekanda Raja Haji, dan mereka itu pula adalah putera almarhum Daing Chelak Yamtuan Muda Raja II. Oleh sebab itu, sejarah negeri Selangor yang berikut ini dihuraikan mengikut zaman pemerintahan sultan-sultan yang memerintah di negeri itu mengikut giliran masing-masing.



## SELANGOR DALAM PEMERINTAHAN:

### Sultan Salehuddin Shah (1756-1778):

1756-1758. Pada awal tahun 1756, Tun Dalam Raja Kechil Yang Dipertuan Trengganu (putera almarhum Sultan Zainal Abidin, Sultan Trengganu I dan menantu Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah) yang tiada sukakan raja-raja Bugis berkuasa di Riau telah didamaikan dengan Raja Haji oleh Sultan Sulaiman di Riau, dan keduanya telah dititahkan oleh Sultan Sulaiman pergi menjemput Daing Kemboja di Linggi supaya pulang ke Riau.

Dalam pelayaran mereka menuju ke Linggi, Tun Dalam telah mengajak Raja Haji singgah ke Melaka. Semasa mereka singgah di Melaka, Tun Dalam telah membuat pakatan sulit menyuruh orang-orang Belanda menangkap Raja Haji. Tetapi sebelum rancangan itu dapat dijalankan, rahasia itu telah diketahui orang dan disampaikan kepada Daing Kemboja di Linggi dan dengan segera Daing Kemboja menghantarkan orangnya pergi ke Selangor memberitahu hal itu dan menyuruh Raja Selangor (Raja Lumu) segera datang mengambil adindanya Raja Haji di Melaka. Raja Selangor dengan beberapa orang besar baginda telah datang ke Melaka. Tatkala baginda singgah di Tanjung Keling, Melaka (bulan April tahun 1756), baginda telah ditemui oleh Tun Dalam, dan berhadapan dengan seorang pegawai Belanda bernama Ary Verbrugge, Tun Dalam telah memujuk untuk mengajak Sultan Salehuddin supaya jangan menyebelahi Daing Kemboja. Ajakan itu tiada diendahkan oleh Raja Selangor. Setelah dicari bersungguh-sungguh, orang-orang dalam angkatan Raja Selangor itu dapat menemui Raja Haji yang berada dalam perahunya berhampiran sebuah pulau yang tiada berapa jauh dari bandar Melaka. Raja Haji telah dibawa oleh kekandanya Raja Selangor pergi ke Linggi menghadap Daing Kemboja. Setelah itu Raja Selangor beserta pengikutnya berangkat pulang ke Selangor.

Dalam bulan Julai tahun itu juga (1756), satu angkatan kapal Belanda dari Melaka, yang dibantu juga oleh orang Trengganu yang diketuai oleh Tun Dalam, telah datang menyerang orang Bugis di Linggi. Serangan itu telah ditentang oleh orang-orang Bugis di Linggi yang dipimpin oleh Raja

Haji. Dalam peperangan itu Raja Haji telah cedera di pahunya, dan akhirnya orang-orang Bugis telah mengalami kekalahan. Daing Kemboja dan Raja Haji serta pengikut mereka telah mengundurkan diri pergi ke Rembau. Di Rembau, Daing Kemboja telah bersahabat dengan penghulu-penghulu di situ, dan telah membuat perjanjian bersumpah setia dengan mereka.

Dalam bulan Oktober tahun 1756, angkatan orang Bugis pengikut Daing Kemboja dan Raja Haji yang dibantu oleh orang-orang Rembau telah datang menyerang Melaka: orang-orang Daing Kemboja itu telah berkubu di Kelebang (di Melaka). Tiada lama lepas itu, datang pula pasukan orang Bugis dari Selangor yang dibawa oleh Raja Said (putera Daing Merewah), dan pasukan orang-orang Batu Bara (dari Sumatera) yang dibawa oleh Raja Alam, membantu angkatan Daing Kemboja yang bersatu dengan orang Rembau di Melaka itu. Peperangan di antara pihak Daing Kemboja dan sekutunya melawan pihak Belanda di Melaka itu telah berlanjutan hingga bulan Mei tahun 1757 dan baharulah peperangan itu berhenti. Dengan jemputan Gabenor Belanda di Melaka, Sultan Sulaiman dari Riau, Raja Selangor (Raja Lumu) serta beberapa orang besar dari Selangor, datang ke Melaka, bermesyuarat dengan pegawai Belanda berikutan peperangan yang baharu lalu itu. Hasil daripada mesyuarat itu diketahuilah bahawa peperangan itu berpunca daripada hasutan Tun Dalam. Sultan Sulaiman dikehendaki membayar wang ganti-rugi yang dialami oleh Belanda dalam peperangan itu.

Dalam bulan Disember tahun 1757, Sultan Sulaiman telah cuba menyerahkan Linggi dan Rembau kepada Belanda, supaya kawasan itu takluk di bawah kuasa Belanda, kerana baginda merasa penduduk di kawasan itu tidak lagi mentaati perintah baginda. Tetapi, sementara itu, pada 1 hari bulan Januari tahun 1758, Daing Kemboja, Raja Tua Kelang dan Raja Adil Yamtuan Muda Rembau telah membuat perjanjian damai dengan orang Belanda. Surat perjanjian damai itu telah ditandatangani pada tarikh yang disebutkan itu oleh kedua belah pihak di gedung-kota Belanda di Kuala Linggi yang bernama *Fort Filipina*. Setelah itu Daing Kemboja dan Raja Haji kembali ke Rembau dan menetap di daerah Pedas. Pada masa itu, keraplah Raja Selangor (Raja Lumu) dan orang-orang besarnya datang ke Pedas menemui Daing Kemboja dan Raja Haji.

1759. Pada akhir tahun 1759, Raja Selangor (Raja Lumu) dan adinda baginda Raja Haji telah pergi ke Riau. Orang-orang Bugis di Riau dengan diketuai oleh Raja Haji telah mengadap Sultan Sulaiman dan mendesak baginda supaya mengikut sumpah setia dalam perjanjian yang telah dibuat oleh raja-raja Bugis dengan baginda dahulu (tahun 1722). Sultan Sulaiman telah bersetuju mengikut syarat dalam perjanjian itu. Baginda telah memanggil Raja Haji, Raja Selangor dan orang-orang besar Bugis di Riau mengadap baginda, dan baginda menyatakan dalam perjumpaan itu bahawa baginda telah menyerahkan semula pemerintahan baginda di Riau kepada orang Bugis, khususnya kepada Yam-tuan Muda Daing Kemboja.

1760-1761. Setelah itu Sultan Sulaiman telah menitahkan Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh), pergi menjemput Yam-tuan Muda Daing Kemboja di Rembau pulang ke Riau untuk menjalankan pemerintahan negeri. Setelah mereka sampai di Rembau semua titah perintah Sultan Sulaiman pun disampaikan kepada Daing Kemboja. Sementara itu, setelah bermohon izin dari Daing Kemboja, Tengku Raja Selangor dan Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh), bertolak dari Pedas pergi ke Selangor (Kuala Selangor). Sampai di Selangor Raja Abdul Jalil telah jatuh gering dan tinggal di istana Raja Selangor.

Di pertengahan tahun 1760, semasa Yam-tuan Muda Daing Kemboja dan Raja Haji di Rembau (Pedas) dan Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh) sedang gering di Selangor, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Sultan Johor-Riau-Lingga-Pahang itu telah mangkat di Riau. Putera baginda Raja Abdul Jalil yang sedang gering di Selangor itulah yang telah ditetapkan untuk menggantikan almarhum ayahandanya itu. Almarhumlah yang disebut sebagai *Marhum Batangan*.

Dato' Bendahara di Riau telah menghantarkan orangnya membawa surat pemberitahuan tentang kemangkatan Sultan Sulaiman kepada Daing Kemboja dan Raja Haji di Rembau dan Raja Abdul Jalil serta Raja Selangor (Raja Lumu) di Selangor. Tetapi, malangnya pula, sebelum Raja Abdul Jalil Raja di Baroh itu berangkat pulang ke Riau, dalam bulan Januari tahun 1761, Raja Abdul Jalil pula mangkat di Selangor (Kuala Selangor). Jenazah almarhum itu telah dibawa ke Rembau (Pedas) dan dari Rembau dibawa pula oleh Yam-tuan Muda Daing Kemboja dengan Raja Haji balik ke Riau dan dimakamkan di Riau. Mengikut sejarah Bugis: Raja

Abdul Jalil, Raja di Baroh itu, telah dicalonkan menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil menggantikan almarhum ayahanda baginda *Marhum Batangan*.

Setelah kemangkatan Sultan Abdul Jalil (Raja di Baroh), mulalah Yamtuan Muda Daing Kemboja menjalankan pemerintahannya sebagai seorang yang berkuasa penuh dalam Kerajaan Johor-Riau dengan dibantu oleh Engku Kelananya Raja Haji.

Dengan persetujuan Daing Kemboja dan orang-orang besar Bugis di Riau, Raja Ahmad putera almarhum Sultan Abdul Jalil (Raja di Baroh) telah diangkat menjadi Sultan (Yang Dipertuan Besar) menggantikan almarhum ayahnya bergelar Sultan Ahmad Riayat Shah. Pada masa itu baginda baharu berumur lebih kurang setahun. Belum pun berapa lama menjadi Sultan, pada tahun 1761 itu juga, Sultan Ahmad pula mangkat. Dengan kehendak Yamtuan Muda Daing Kemboja serta orang-orang besar Bugis di Riau, Raja Mahmud adik almarhum Sultan Ahmad itu pula diangkat menjadi Sultan bergelar Sultan Mahmud Shah (III); pada masa itu baginda masih kecil lagi; oleh sebab itu semua hal ehwal pemerintahan negeri terserah kepada Yamtuan Muda Daing Kemboja dan Engku Kelana Raja Haji.

Tiada berapa lama selepas itu, Raja Haji telah datang ke Selangor dan mengahwinkan Raja Ali, putera Yamtuan Muda Daing Kemboja, dengan puteri Raja Selangor (Raja Lumu) yang bernama Raja Penoh (Tengku Besar). Setelah itu Raja Haji bersama dengan kekandanya Raja Selangor serta Raja Ibrahim putera Raja Selangor, berangkat pula ke Riau. Di Riau, Raja Ibrahim putera Raja Selangor itu telah dikahwinkan dengan Raja Andak puteri Yamtuan Muda Daing Kemboja; jadi berbisianlah Raja Selangor (Raja Lumu) dengan Daing Kemboja Yamtuan Muda Riau (III) itu.

1770. Semasa Sultan Mahmud Shah (Sultan Perak yang ke-16) memerintah negeri Perak, Tengku Raja Selangor (Raja Lumu) telah datang bermain-main (berkelah) ke Pulau Pangkor, dan setelah dipersilakan oleh Sultan Perak, Tengku Raja Selangor itu pun masuk ke negeri Perak. Semasa di negeri Perak, Tengku Raja Selangor telah dilantik oleh Sultan Perak menjadi *Yang Dipertuan Besar Selangor*; telah ditabalkan dengan membunyikan nobat, diberi cap mohor dan digelar *Sultan Salehuddin*, sama seperti gelaran yang disebutkan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dalam tahun 1756

dahulu. Sultan Salehuddin telah berkahwin dengan anak saudara Sultan Perak. Setelah itu Sultan Salehuddin berangkat pulang ke Selangor bersama dengan beberapa orang besar Perak yang mengiringi baginda. Di Selangor baginda telah ditabalkan pula oleh orang-orang besar Selangor serta orang besar Perak yang datang itu dengan membunyikan nobat. Ada riwayat lain mengatakan: semasa Tengku Raja Selangor singgah di negeri Perak bersama dengan Raja Haji yang membawa hulubalang Bugis dari Selangor dalam angkataannya hendak menyerang negeri Kedah. Dan dari negeri Perak itu juga, Sultan Salehuddin telah pergi ke Negeri Kedah mendapatkan Raja Haji iaitu setelah Raja Haji memenangi peperangan di Kedah. Tarikh Sultan Salehuddin ditabalkan dengan bernobat di negeri Perak itu adalah lebih kurang pada tahun 1770, dan pada tarikh itulah juga Raja Haji memerangi Kedah.

Dipercayai bahawa langkah yang telah diambil oleh Sultan Salehuddin (Raja Lumu) itu, adalah kerana hendak mengukuhkan kedudukan baginda serta anak cucu baginda sebagai raja pemerintah (Yang Dipertuan — Sultan) yang sebenarnya di negeri Selangor, bukan lagi takluk atau tunduk di bawah kekuasaan Kerajaan Johor-Riau yang memang pada masa Sultan Sulaiman dahulu menganggap negeri Selangor berada di bawah takluk baginda. Tambahan pula Sultan yang sedang memerintah Kerajaan Johor-Riau (Sultan Mahmud Shah) masa itu masih terlalu muda, baharu berumur lebih kurang sepuluh tahun, dan tentu sekali baginda berada di bawah kuasa dan pengaruh Yamtuan Muda Daing Kemboja yang berbisan dengan Sultan Salehuddin itu; dan Raja Haji, seorang lagi orang yang berkuasa dan berpengaruh di Riau ketika itu, adalah adinda Sultan Salehuddin. Kemungkinan tindakan baginda memilih Sultan Perak menabalkan baginda itu, adalah kerana berkehendakkan negeri yang telah kukuh kesultannya di antara lain-lain negeri yang berjiran dengan Selangor, mengiktiraf kesultanan baginda di Selangor sebagai raja bagi sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat.

Kemudian seorang lagi putera Sultan Salehuddin yang bernama Raja Nala, adinda Raja Ibrahim telah dikahwinkan dengan Raja Selamah puteri Raja Haji.

1777. Pada tahun 1777, iaitu semasa Raja Haji Engku Kelana berada di Pontianak (Kalimantan Barat) berjumpa kaum kerabatnya di sana, Yamtuan Muda Daing Kemboja telah

mangkat di Riau. Setelah berita itu diketahui oleh Raja Haji, beliau pun bertolak meninggalkan Pontianak dan belayar ke negeri Pahang berjumpa Bendahara Abdul Majid. Semasa di sanalah Bendahara Abdul Majid telah mengangkat Raja Haji menjadi Yamtuan Muda Riau (IV) menggantikan almarhum Yamtuan Muda Daing Kemboja yang telah mangkat itu. Tiada lama lepas itu, Sultan Mahmud Shah dari Riau datang ke Pahang dan membawa Raja Haji pulang ke Riau untuk memegang jawatannya sebagai Yamtuan Muda.

Setelah Raja Haji diangkat menjadi Yamtuan Muda, Sultan Salehuddin pula mangkat di Selangor; disebut *Marhum Saleh*. Dalam sebuah buku, *Hikayat Negeri Johor* ada menyebutkan: "Maka tiada berapa lamanya Pengeran Suta Wijaya (Raja Haji) pun kerajaan di dalam Riau maka paduka kekanda Yang Dipertuan Selangor pun mangkatlah". Oleh kerana Raja Haji diangkat menjadi Yamtuan Muda pada tahun 1777, dipercayai bahawa Sultan Salehuddin (Raja Lumu) Sultan Selangor yang pertama itu telah mangkat lebih kurang dalam tahun 1778.

### Sultan Ibrahim Shah (1778-1826):

1778. Setelah kemangkatan Sultan Salehuddin (Marhum Saleh), Raja Haji Yamtuan Muda Riau (IV) datang ke Selangor (Kuala Selangor) dan melantik anak saudaranya Raja Ibrahim putera Marhum Saleh menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Ibrahim Shah menggantikan almarhum ayahanda baginda. Adinda baginda Raja Nala diangkat menjadi Raja Muda Selangor. Kemudian Raja Haji pun pulang ke Riau.

1782. Perhubungan di antara Raja Haji di Riau dan Sultan Ibrahim di Selangor dengan orang Belanda di Melaka berjalan dengan baik sahaja. Raja Haji memang telah ada membuat perjanjian bersahabat dengan Belanda. Di antara perkara yang tercatat dalam perjanjian itu, menyebutkan jika ada hartarampasan yang didapati oleh pihak Belanda atau pihak Raja Haji, hendaklah dibahagi dua di antara Raja Haji dengan Belanda.

Hubungan baik di antara Raja Haji dengan orang Belanda itu hanya berjalan sehingga tahun 1782. Pada tahun itu, ada sebuah kapal Kompeni Inggeris (East India Company) yang bermuat candu sebanyak 1,254 buah peti telah dirampas oleh orang Belanda di perairan Riau — di Pulau Bayan — dengan pertolongan sebuah kapal Perancis. Harta rampasan dari kapal itu, terutama candu, telah dibahagi dua oleh pihak Belanda dengan nakhoda kapal Perancis yang menolong itu. Raja Haji tidak mendapat apa-apa bahagian. Raja Haji telah menuntut haknya dari Gabenor di Melaka supaya beliau turut sama mendapat bahagian daripada harta yang dirampas di perairan Riau itu, iaitu mengikut perjanjian yang telah dipersetujui bersama. Raja Haji telah pergi ke Muar (Johor) untuk mendesak tuntutananya kepada Belanda itu. Gabenor Belanda di Melaka telah menghantar seorang pegawainya serta seorang Kapitan Melayu dan Melaka pergi ke Muar untuk berunding dengan Raja Haji. Dalam rundingan itu Raja Haji telah menerangkan kepada pegawai Belanda tentang kejadian rampasan itu dan kedudukan haknya yang patut memperolehi bahagian daripada harta rampasan itu. Di akhir rundingan, pihak Belanda terus berkeras tiada mahu memenuhi tuntutan Raja Haji itu. Raja Haji marah kepada pihak Belanda yang telah mungkir janji itu, dan surat perjanjian yang telah dibuatnya dengan Belanda itu telah dikembalikan kepada Belanda sambil mengatakan: "Apalah gunanya perjanjian yang syaratnya setengah dipakai dan setengah

tidak itu!" Raja Haji kembali semula ke Riau. Sejak itu mulalah Raja Haji menentang Belanda dengan membuat beberapa serangan mengganggu perniagaan Belanda di Selat Melaka. Sementara itu Raja Haji telah membuat perhubungan dengan Rembau dan Selangor supaya membantunya dalam perjuangan menentang Belanda.

Oleh sebab Gabenor Belanda di Melaka marah dengan perbuatan Raja Haji memulangkan surat perjanjian itu, dan penentangan Raja Haji terhadap Belanda yang semakin hebat, Belanda telah menghantar angkatan perangnya dengan enam buah kapal dari Betawi yang diketuai oleh seorang pegawainya bernama Togar Aboe, membawa 910 orang askar perang — di antaranya termasuklah seramai 362 orang Eropah — pergi ke Riau. Kedatangan angkatan Belanda itu adalah untuk memerangi dan menawan Riau. Serangan pihak Belanda ke Riau itu telah ditentang oleh angkatan perang Riau di bawah pimpinan Yamtuan Muda Raja Haji sendiri yang berperang dengan bersungguh-sungguh dan gagah berani. Oleh kerana tentangan dari pihak Raja Haji itu telah semakin hebat, di akhir bulan September tahun 1782, pihak Belanda dari Betawi telah menghantar lagi angkatan perangnya sebanyak tujuh buah kapal dengan membawa seramai 594 orang askar dan angkatan itu diserahkan kepada pimpinan seorang Belanda dari Melaka bernama Arnoldus Lemker dan beliau menaiki kapal yang bernama *Malakka's Welveren*. Sampai sahaja di Riau, kapal yang baharu datang itu pun terus memerangi dan mengepung Riau. Raja Haji meneruskan tentangannya dengan lebih hebat lagi.

Setelah mendengar ayah saudaranya Raja Haji berperang melawan Belanda di Riau, maka Sultan Ibrahim Selangor serta adiknya Raja Nala (Raja Muda Selangor) telah membawa angkatan perang Selangor, yang kebanyakannya terdiri dari orang Bugis, datang menyerang Belanda di Melaka. Sultan Ibrahim telah singah di Rembau dan berunding dengan penghulu di Rembau; orang-orang Rembau telah bersetuju untuk turut sama membantu Selangor. Angkatan Selangor yang bersatu dengan orang Rembau itu telah mendarat di Sungai Baru, Melaka, dan berkubu di situ. Dari situ mereka mara lagi hingga sampai ke Batang Tiga (di Melaka) dan di situlah Sultan Ibrahim membuat kubu besar untuk melancarkan serangan terhadap pihak Belanda di Bandar Melaka. Askar-askar Belanda dari Kota Melaka telah datang



menyerang pihak Sultan Ibrahim yang berkubu di Batang Tiga. Satu pertempuran hebat telah berlaku di situ. Ramai askar Belanda dan orang Melaka yang membantu Belanda telah terkorban dalam pertempuran itu. Akhirnya pihak Belanda terpaksa berundur ke Bandar Melaka. Pada masa itu banyaklah tempat yang berhampiran dengan Bandar Melaka telah diserang oleh orang Selangor dan Rembau. Peperangan itu berjalan terus sehingga masuk ke tahun 1783. Pendeknya: dalam tahun 1783 itu Belanda telah menghadapi dua penentangan; di Riau melawan Raja Haji, di Melaka melawan angkatan Selangor yang diketuai oleh Sultan Ibrahim yang dibantu oleh orang Rembau.

1784. Pada 6 hari bulan Januari tahun 1784, pihak Belanda yang sudah sekian lama mengepung dan memerangi Riau telah melancarkan serangan secara langsung ke pihak Riau dengan harapan supaya peperangan di Riau itu dapat ditamatkan dengan segera. Tetapi, entah apakah sebabnya, dengan tiba-tiba satu letupan besar telah berlaku di kapal ketua pemerintah tentera Belanda, Arnoldus Lemker, yang bernama *Malakka's Welvaren* itu sehinggakan geladak kapal itu berterbangan ke udara, habis anak-anak kapal dan askar Belanda dalam kapal itu terbunuh; ditaksirkan seramai lebih kurang lima ratus orang. Oleh sebab kemalangan itu, dan kebetulan pula Gabenor Belanda di Melaka telah memanggil semua angkatan Belanda di Riau pulang ke Melaka untuk melawan serangan orang Selangor, pada pertengahan bulan Januari tahun itu juga (1784), semua angkatan perang Belanda berhenti mengepung Riau dan pulang ke Melaka.

Semasa angkatan Selangor yang dibantu oleh Rembau sedang berperang melawan Belanda di Melaka, Sultan Ibrahim dengan sebuah perahu kakap serta tiga-puluh orangnya bertolak dari Melaka pergi ke Riau. Baginda telah mengajak bapa saudaranya Yamtuan Muda Raja Haji menyerang Belanda di Melaka, kerana orang-orang Selangor dan Rembau sedang berperang melawan orang Belanda di Melaka. Setelah menetapkan fikirannya, Raja Haji pun membawa angkatan perangnya terdiri daripada lebih kurang seribu orang perajurit perang bertolak dari Riau menuju ke Melaka. Sultan Mahmud Shah turut sama pergi.

Setelah meninggalkan Sultan Mahmud di Muar, angkatan Raja Haji pun meneruskan pelayarannya menuju Melaka, dan angkatan itu telah sampai di Teluk Ketapang, Melaka, pada 13 hari bulan Februari tahun 1784, dan membuat

kubu perang di Tanjung Palas, kira-kira lima batu lagi ke Bandar Melaka. Sultan Ibrahim berangkat ke Batang Tiga bersatu semula dengan orang-orangnya yang berkubu di situ. Sejak itu mulalah orang Bugis dari Teluk Ketapang, dan orang Selangor serta Rembau dari Batang Tiga mengganggu dan menyerang kawasan di sekitar Bandar Melaka seperti: Permu, Semabok, Ujong Pasir, Bunga Raya, Bandar Hilir, Bukit China, Tanjung Keling, Terangkeria dan beberapa kawasan lain. Pusat pertahanan orang Belanda ialah dalam Kota Melaka yang kukuh itu. Semua gangguan dan serangan orang Bugis dari Riau dan Selangor yang dibantu oleh orang Rembau itu, telah ditentang oleh pasukan Belanda yang lengkap dengan senapang, meriam dan alat senjata lain, dan banyaklah kerosakan dan kehilangan jiwa yang telah dialami oleh penduduk Melaka di kawasan yang berlaku pertempuran itu.

Pada 14 hari bulan Mei (1784), Raja Muhammad Ali putera Raja Alam ibni Raja Kechil Siak, serta anak saudaranya Saiyid Ali dari Siak dengan beberapa buah perahu yang membawa 78 orang Siak telah datang ke Melaka untuk membantu Belanda yang berperang melawan orang Riau, Selangor dan Rembau itu. Kedatangan Raja Muhammad Ali dengan anak saudaranya telah diterima dengan baik oleh pegawai Belanda di Melaka.

Dalam pada itu, Gabenor Belanda di Melaka telah meminta bantuan dari Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi, kerana serangan orang Bugis di Melaka itu telah semakin hebat, sehinggalah kota Belanda di Bukit Senjuang (St. John's Hill) dan kubu-kubu mereka di Bandar Hilir yang tiada berapa jauh dari Kota Melaka itu telah diserang oleh orang Bugis. Pada 1 hari bulan Jun (1784), satu angkatan kapal perang Belanda dari Betawi, yang diketuai oleh Admiral Jacob Pieter van Braam telah sampai ke Melaka; angkatan itu mengandungi enam buah kapal besar dan beberapa buah kapal kecil yang membawa askar seramai 2,130 orang dan 326 pucuk meriam. Kapal besar yang dinaiki oleh panglima perang Belanda itu bernama *Utrecht*. Kapal angkatan perang Belanda itu telah berhimpun di Teluk Ketapang dan terus melancarkan serangan ke kubu Bugis di Tanjung Palas. Pada 16 hari bulan Jun (1784) datang lagi sebuah kapal perang Belanda ke Teluk Ketapang membantu kapal Belanda yang ada di situ. Sehari lepas itu, pada subuh 18 hari bulan Jun (1784), Admiral van Braam dan askarnya seramai 734 orang lengkap dengan alat

senjata terus menyerang ke kubu Raja Haji dan berakulah pertempuran hebat antara kedua belah pihak. Malangnya, dalam peperangan itu Yamtuan Muda Raja Haji telah mati tertembak, dan beberapa orang panglima Bugis iaitu Arong Lenga, Daing Selikang dan Raja Ahmad turut terbunuh dalam peperangan itu. Orang Bugis menyatakan: kira-kira tujuh puluh orang askar Belanda serta tiga orang pegawai mereka telah terbunuh dalam peperangan itu. Mengikut laporan orang Barat pula: tidak kurang dari 500 orang Bugis telah terkorban dalam pertempuran itu. Dengan itu kalahlah orang-orang Bugis. Baki orang Bugis yang dapat melepaskan diri dari kubu di Tanjung Palas itu telah pergi ke Muar, dan mengambil Sultan Mahmud yang menanti di situ di bawa pulang ke Riau. Sultan Ibrahim, Raja Nala dan orang-orang Bugis dari Selangor yang berkubu di Batang Tiga itu pun mengundurkan diri pulang ke Selangor dan orang Rembau pulang ke Rembau.

Pada 24 hari bulan Jun (1784), dengan pertolongan Kapitan Melayu dan beberapa orang tua Melayu di Melaka, mayat Raja Haji dari Teluk Ketapang telah dibawa ke Bandar Melaka. Menurut kisahnya: mayat Raja Haji itu, yang telah dimasukkan ke dalam keranda, hendak dibawa oleh Belanda ke Betawi, dan sebuah kapal Belanda bernama *Dolphijn* yang akan membawa mayat itu telah disediakan dan sedang berlabuh di pelabuhan Melaka. Tetapi, pada pukul 2.00 pagi itu, entah bagaimana, tiba-tiba kapal *Dolphijn* itu telah meletup dan terbakar; seramai 203 orang anak kapal dan askar pihak Belanda yang ada dalam kapal itu telah terbunuh. Dirikan pula: pada malam itu juga, kelihatan oleh orang-orang Belanda, dari peti keranda almarhum Raja Haji itu keluar cahaya seperti api memancar ke udara; dan itulah sebabnya almarhum Raja Haji itu disebut juga oleh orang Belanda *Raja Api*. Esoknya, pada 25 hari bulan Jun tahun 1784, dengan secara istiadat raja-raja besar, jenazah Raja Haji itu dimakamkan di suatu tempat di kaki Bukit Melaka (St. Paul's Hill sekarang) dalam Kota Melaka. (Beberapa lama kemudian daripada itu mayat almarhum telah diambil oleh keluarganya dan dikuburkan semula di Riau iaitu di Pulau Penyengat sebelah selatan). Almarhum itulah yang disebut *Marhum Teluk Ketapang*.

Oleh kerana orang-orang Belanda marah kepada Sultan Ibrahim Selangor, maka pada 13 hari bulan Julai tahun itu juga (1784), satu angkatan kapal perang Belanda yang

mengandungi sebelas buah kapal serta beberapa buah perahu Raja Muhammad Ali Siak, telah bertolak dari Melaka pergi menyerang Kuala Selangor tempat bersemayam Sultan Ibrahim. Satu pertempuran telah berlaku di antara angkatan Belanda yang telah memasuki Sungai Selangor dengan pasukan pertahanan dari kota Sultan Ibrahim itu diketuai oleh Saiyid Ja'afar. Hampir dua minggu lamanya berperang, dan pada 2 hari bulan Ogos tahun 1784 angkatan perang Belanda berjaya menawan kota di Kuala Selangor. Sultan Ibrahim, Raja Nala, Saiyid Ja'afar dan keluarga diraja Selangor yang lain serta pengikut baginda telah berundur meninggalkan Kuala Selangor menuju ke Ulu Selangor itu telah cuba untuk menawan Sultan Ibrahim dan telah mengikuti jejak baginda ke Ulu Selangor. Tetapi mereka gagal menawan Sultan Ibrahim. Sultan Ibrahim serta pengikutnya terus berundur ke Bernam dan dari sini baginda pergi ke negeri Pahang, dan telah diterima dengan baik oleh ketua pemerintah Pahang, Bendahara Abdul Majid. Dengan bantuan Bendahara Abdul Majid, baginda telah menyediakan kelengkapan untuk membuat serangan ke Kuala Selangor. Semasa di Pahang, Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan Tun Selamah anak Bendahara Abdul Majid.

Orang-orang Belanda yang telah berjaya menawan Kuala Selangor itu telah mengambil kota batu Sultan Ibrahim yang ada di atas Bukit Selangor dan di atas Bukit Tanjung Keramat serta sebuah kubu yang terletak di atas bukit di Kuala Selangor itu. Kota tersebut adalah sebuah kota batu yang kukuh, diperbuat seperti kota-kota di benua Eropah lengkap dengan meriam dan tempat menembakkan meriam dan bedil. Kubu itu telah dibinasakan oleh orang Belanda. Tetapi kota itu telah dibaiki semula oleh orang Belanda dan dilengkapi dengan meriam-meriam mereka. Kota yang terletak di atas Bukit Selangor itu dinamakan oleh orang Belanda sebagai "*Kota Altingsburg*" sempena mengambil nama Gabenor-Jeneral Belanda masa itu, dan kota yang di atas Bukit Tanjung Keramat itu dinamakan "*Kota Utrecht*" mengikut nama kapal Jacob Pieter van Braam yang mengalahkan Raja Haji di Teluk Ketapang, Melaka, dan Sultan Ibrahim di Kuala Selangor. Orang-orang Belanda pula telah membuat sebuah kubu berhampiran dengan kota di Kuala Selangor, dan kubu itu dinamakan "*Kubu van Braam*."

Setelah Belanda menawan Kuala Selangor, mereka telah mengangkat Raja Muhammad Ali menjadi Pemangku Yang

Dipertuan Selangor dengan dibantu oleh anak saudaranya Saiyid Ali. Raja Muhammad Ali tiada lama tinggal di Selangor, kerana banyak perbuatan beliau yang tiada disetujui oleh Belanda; beliau telah kembali ke Siak melalui Melaka. Pada akhir tahun 1784, Saiyid Ali memperakukan dirinya sebagai Yang Dipertuan Selangor. Orang Belanda telah memujuk rakyat Selangor supaya bekerjasama dengannya dan Belanda akan memberikan pengampunan beramai-ramai kepada mereka supaya kembali ke tempat masing-masing. Dan orang-orang besar yang ada di Selangor telah enggan mengiktiraf Saiyid Ali sebagai Raja mereka, dan mereka juga enggan menjalankan perniagaan timah dengan Belanda selagi Belanda tidak merajakan semula Sultan Selangor yang sebenarnya.

Kira-kira dalam bulan Oktober tahun itu juga (1784), Admiral van Braam pulang ke Melaka, dan dari Melaka ia telah diperintahkan pergi menyerang Riau. Riau dapat dikalahkan oleh orang Belanda pada akhir bulan Oktober tahun 1784. Raja Ali Yamtuan Muda Riau (V) masa itu (yang menggantikan Raja Haji Marhum Teluk Ketapang) serta orang-orang Bugis pengikut beliau telah keluar meninggalkan Riau. Pada 10 hari bulan November tahun itu juga (1784), Sultan Mahmud Shah dan orang-orang besar baginda yang masih tinggal di Riau telah membuat perjanjian dengan Belanda, dan Riau pun masuk di bawah perintah Belanda sebagai hak mereka yang diperolehi secara peperangan.

1785-1786. Pada pertengahan tahun 1785, Sultan Ibrahim yang gagah berani itu, dengan bantuan orang Pahang yang dikirim oleh Bendahara Abdul Majid seramai dua ribu orang, telah bertolak dari negeri Pahang menuju ke Selangor. Setibanya di Selangor angkatan itu telah mendarat di satu kawasan yang bernama Tiram Burok. Dari situ angkatan Sultan Ibrahim telah pergi dan berkubu di tempat yang bernama Permatang. Dari situlah, dengan bantuan Penggawa Permatang pula, baginda melancarkan serangan ke Kuala Selangor. Pada 27 hari bulan Jun (1785), pada waktu malam, askar-askar Sultan Ibrahim yang datang dari Pahang bersama dengan orang-orang Penggawa Permatang, yang diketuai oleh baginda sendiri serta Saiyid Ja'afar, telah menyerang orang-orang Belanda di kota Kuala Selangor secara mengejut. Satu pertempuran hebat yang menggunakan parang telah berlaku dalam gelap malam di antara askar Sultan Ibrahim yang da-

tang menyerang orang Belanda yang berkubu di kota itu. Esok paginya, pada 28 hari bulan Jun (1785), orang Belanda yang ada di Kuala Selangor itu dengan bergopoh-gapah mengundurkan diri naik ke kapal mereka meninggalkan Kuala Selangor dan kembali ke Melaka, dan banyak meriam dan ubat bedil mereka di kota Kuala Selangor itu telah ditinggalkan. Mengikut riwayatnya: pegawai-pegawai Belanda yang telah diperintahkan untuk membinasakan meriam dan ubat bedil dalam kota itu sebelum meninggalkannya, telah gagal menyempurnakan tugas mereka. Mereka telah dibicarakan di mahkamah tentera Belanda di Melaka. Saiyid Ali yang menyerahkan nasibnya kepada orang-orang Belanda itu dan telah mengatakan dirinya sebagai Yang Dipertuan Selangor yang telah lari ke negeri Siak. Sejak itu Sultan Ibrahim telah menduduki semula takhta kerajaan baginda di negeri Selangor dan bersemayam di Bukit Selangor, dan Raja Nala Raja Muda Selangor bersemayam di Tanjung (dipercayai kota itu terletak di atas Bukit Tanjung Keramat).

Tiada lama selepas itu, pemerintah Belanda di Melaka telah menghantar sebuah angkatan tiga buah kapal besar serta empat belas buah kapal kecil dan perahu pergi mengepung Kuala Selangor. Angkatan itu telah berlabuh di laut setentang dengan Kuala Sungai Selangor. Orang Belanda mula mengepung Kuala Selangor pada bulan Julai tahun 1785. Sejak itu beras dan barang-barang makanan di Selangor telah naik harganya dan telah mendatangkan kesusahan kepada rakyat Selangor; perniagaan di antara orang Selangor dengan saudagar di Melaka telah terhenti. Setelah lebih kurang setahun lamanya Kuala Selangor dikepung oleh kapal-kapal Belanda itu, akhirnya mereka sama-sama ingin berdamai. Dan pada 29 hari bulan Jun, tahun 1786, Sultan Ibrahim dengan orang Belanda telah berdamai dan kedua belah pihak telah bersetuju menandatangani surat perjanjian damai itu. Di antara syarat dalam perjanjian itu menyebutkan: Selangor akan menjual hasil timahnya kepada orang Belanda di Melaka. Setelah itu meriam, kepunyaan Belanda yang ada di kota Kuala Selangor telah dibawa semula ke Melaka.

1788. Dalam tahun 1788, Yamtuan Muda Raja Ali yang telah meninggalkan Riau dahulu, telah datang ke Selangor dan berjumpa Sultan Ibrahim di Kuala Selangor. Tiada berapa lama di Kuala Selangor, Raja Ali dan anak isterinya telah pergi ke Langat dan menetap di situ. Dalam bulan Ogos (tahun itu

juga) Sultan Ibrahim telah menghantar wakil baginda pergi ke Melaka berunding dengan ketua-ketua Belanda meminta supaya Belanda bersetuju berdamai dengan Raja Ali. Akhirnya permintaan Sultan Ibrahim itu telah dipersetujui oleh Belanda dan mereka telah membuat perdamaian. Setelah itu Raja Ali dengan anak isterinya dari Langkat berpindah dan tinggal di Muar (Johor) pula. Tiada lama selepas itu Raja Ali pun berpindah semula ke Riau menjawat jawatannya semula sebagai Yamtuan Muda Riau (V) dan tunduk di bawah perintah Residen Belanda yang ada di Riau. (Lihat: *Sejarah Johor*). 1790. Pada 29 hari bulan Julai tahun 1790, Sultan Ibrahim Selangor telah membuat perjanjian dengan orang Belanda membaharui perjanjian yang telah dipersetujui empat tahun dahulu (1786).

1795. Pada tahun 1795 orang Inggeris datang mengambil negeri Melaka daripada tangan Belanda mengikut syarat perjanjian mereka. Ketika itu jugalah Raja Aceh (Sultan Alaudin Muhammad Shah) telah menghantar utusannya datang mengadap Sultan Ibrahim di Selangor, meminta baginda membantu Aceh berperang melawan orang-orang Dusun di Aceh. Raja Aceh telah menghadiahkan sepucuk meriam tembaga besar yang dirampas dari Johor kepada Sultan Ibrahim, dan meriam besar itu telah diletakkan di Kota Kuala Selangor. (Itulah meriam yang ada sekarang ini terletak di Padang Kota Lama Bandar Pulau Pinang yang diberi nama *Seri Rambai*). Sultan Ibrahim telah menitahkan adinda baginda Raja Nala (Raja Muda Selangor) dengan dua orang besar baginda iaitu Arong Temujong dan Penggawa Permatang untuk membawa angkatan Selangor pergi membantu Raja Aceh. Dalam riwayatnya menyebutkan: Selepas berperang di Aceh itu, Raja Nala telah mangkat di Aceh dan dikebumikan di sana juga.

1800. Lebih kurang pada tahun 1800, Sultan Ibrahim dengan angkatan baginda telah bertolak dari Kuala Selangor pergi ke Riau dan terus ke Pulau Lingga berjumpa dengan Sultan Mahmud Shah (III). Pemergian Sultan Ibrahim ke Lingga bertujuan untuk mendamaikan orang-orang pihak suku Melayu dengan suku Bugis di Kepulauan Riau Lingga bagi menyelesaikan persengketaan mereka. Pihak orang Melayu bertuankan Sultan Mahmud di Lingga, sementara pihak orang Bugis pula kepada Yamtuan Muda Raja Ali di Riau. Khabarnya, selama dua tahun Sultan Ibrahim berada

di Lingga. Tetapi ikhtiar baginda untuk mendamaikan suku Melayu dengan suku Bugis itu tiada juga berjaya, kerana tiada dipersetujui oleh orang-orang besar pihak Melayu dan Sultan Mahmud pula tiada menunjukkan kecenderungan ke arah perdamaian itu. Semasa di Lingga juga Sultan Ibrahim telah mengahwini sepupunya Tengku Tengah anak almarhum Raja Haji Marhum Teluk Ketapang. Mengikut riwayat Bugis: Semasa Sultan Ibrahim berada di Lingga, telah datang utusan daripada Sultan Perak mengadap Sultan Mahmud Shah menyampaikan hasrat Sultan Perak untuk menyerahkan pemerintahan negeri Perak ke bawah perintah Sultan Mahmud Shah di Lingga. Tetapi kehendak Sultan Perak itu tiada disetujui oleh Sultan Mahmud, kerana baginda sedar bahawa perbuatan Sultan Perak itu seakan memperkecilkan kekuatan orang Bugis khususnya Sultan Ibrahim di negeri Selangor yang berjiran benar dengan negeri Perak.

Sultan Ibrahim telah berangkat semula ke Selangor membawa isteri baginda Tengku Tengah. Turut sama ialah ipar baginda Raja Ja'afar serta adik-adiknya, putera almarhum Raja Haji, yang seramai tujuh orang itu.

1804. Sekembalinya ke Selangor dari Lingga pada tahun 1804, Sultan Ibrahim Selangor telah melengkapkan angkatan perangnya untuk menyerang negeri Perak, kerana pada pendapat baginda Kerajaan Perak telah mengubah perjanjian taat setianya dengan Kerajaan Selangor. Dalam angkatan Selangor yang akan menyerang negeri Perak itu, baginda membawa bersama putera baginda yang bernama Raja Muhammad, Raja Ismail dan Raja Abdullah; ipar baginda putera almarhum Raja Haji yang telah menetap di Selangor iaitu Raja Ja'afar, Raja Idris dan Raja Ahmad; Raja Ahmad putera almarhum Raja Nala yang mangkat di Aceh, serta Penggawa Tua, Penggawa Permatang dan Penghulu Jeram semuanya turut sama pergi ke negeri Perak.

Pada masa itu negeri Perak di bawah perintah Sultan Ahmaddin Shah yang bersemayam di tempat yang bernama Pasir Panjang Indera Mulia di tepi Sungai Perak. Angkatan Selangor telah memudiki Sungai Perak sampai ke Lumut di tepi Sungai Perak. (Tempat itu kemudiannya terkenal dengan nama Kota Lumut, di tepi Sungai Perak, ke hilir sedikit dari Pasir Panjang Indera Mulia). Sultan Ibrahim, menerusi Dato' Laksamana orang besar di bahagian hilir Sungai Perak, telah memberitahu Sultan Perak bahawa kedatangan baginda itu bertujuar



untuk merundingkan soal perhubungan di antara Selangor dengan Perak yang telah tidak lagi mengikut perjanjian setia antara kedua buah kerajaan itu. Dalam pada Sultan Ibrahim menanti-nantikan berita daripada Sultan Perak, orang-orang Perak telah mengempang Sungai Perak bagi menghalang perahu-perahu Selangor itu terus mudik ke hulu, lalu orang-orang Perak dari tebing Sungai Perak telah membedil angkatan Selangor itu dan berlakulah peperangan di antara angkatan Selangor yang datang menyerang dengan orang-orang Perak yang berkubu di tebing Sungai Perak. Di akhir peperangan itu Perak telah tewas. Sultan Perak serta pengiring baginda berundur ke hulu Sungai Perak selama selepas itu Sultan Ibrahim pun berangkat pulang ke Selangor dengan satu kemenangan.

Sekembalinya dari Perak, Sultan Ibrahim telah memberikan daerah Sungai Kelang kepada iparnya Raja Ja'afar ibni almarhum Raja Haji Marhum Teluk Ketapang untuk menjalani penghidupan baru bersama adik-adiknya yang turut sama berada di Selangor. Raja Ja'afar serta anak isteri dan adik-adiknya telah berpindah ke Kelang, dan banyaklah keuntungan yang diperolehi dari hasil timah yang dibawa keluar melalui Sungai Kelang itu. Lebih kurang pada masa itulah juga, Sultan Ibrahim mengangkat putera baginda yang bernama Raja Muhammad menjadi Raja Muda Selangor dan menjaga kawasan Bernam.

1805. Pada tahun 1805, Sultan Ibrahim telah memberitahu pemerintah Inggeris di Pulau Pinang yang mengatakan: "Pada masa ini orang Inggeris di Pulau Pinang janganlah cuba pergi ke negeri Perak, kerana negeri itu, iaitu dari Sungai Kurau di utara sampai ke Beting Beras Basah di selatan, adalah negeri beta yang telah beta ambil dengan kekuatan ubat bedil dan peluru, dan beta percaya Gabenor Pulau Pinang tentu telah biasa dengan aturan adat semacam itu."

1806. Pada tahun 1806 Sultan Ahmaddin Shah Perak telah mangkat (Marhum Bongsu) dan digantikan oleh puteranya Sultan Abdul Malik Mansur Shah sebagai Sultan Perak. Sebaik sahaja Sultan Perak yang baharu itu menaiki takhta Kerajaan Perak, Sultan Ibrahim Selangor telah menuntut dari Kerajaan Perak wilayah di negeri Perak sebagai haknya, iaitu wilayah dari kuala Sungai Perak dihilirnya hingga ke Sungai Pelus di hulunya, merupakan hak baginda hasil daripada penaklukan baginda ke negeri Perak itu. Tuntutan Sultan

Ibrahim telah datang lagi menyerang negeri Perak; tetapi serangan kali ini tidak berjaya sepenuhnya, kerana telah ditentang dengan hebat oleh orang-orang Perak yang mendirikan kota di tempat yang bernama Kota Lumut. Dalam pada itu juga Sultan Ibrahim telah menuntut hak penaklukan baginda di negeri Perak; tetapi kawasan yang dituntut itu telah dipecahkan, iaitu hanya daerah-daerah dari kuala Sungai Perak hingga ke kuala Sungai Bidor sahaja. Tuntutan ini juga telah ditolak oleh Sultan Perak. Sultan Selangor dan Sultan Perak telah bersetuju membawa perkara itu kepada penyelesaian orang tengah sama ada raja atau kuasa lain.

Pada tahun 1806 itu juga, Raja Ali, Yamtuan Muda Riau (V) telah mangkat. Sultan Mahmud di Pulau Lingga telah memanggil Raja Ja'afar ibni almarhum Raja Haji yang tinggal di Kelang segera datang ke Lingga (Daik). Raja Ja'afar telah pergi ke Lingga menyempurnakan panggilan itu dan beliau telah dilantik oleh Sultan Mahmud menjadi Yamtuan Muda Riau (VI) menggantikan almarhum Raja Ali. Anak isteri Raja Ja'afar di Kelang semuanya dibawa berpindah ke Riau.

1818. Pada tahun 1818, setelah menerima perintah paksa daripada Raja Siam (Thai), Sultan Kedah telah menghantar angkatan perang baginda menyerang negeri Perak. Sultan Ibrahim Selangor telah membantu dengan memberi dua pucuk meriam kepada Kerajaan Perak untuk melawan serangan Kedah itu. Tetapi tiada lama kemudian, Kedah dan Perak telah berdamai.

Pada masa itu juga Sultan Ibrahim Selangor telah bersahabat dengan orang-orang Inggeris (Kompeni Inggeris) di Pulau Pinang. Dalam bulan Ogos tahun 1818, Kompeni Inggeris di Pulau Pinang telah menghantar seorang pegawainya bernama W.S. Cracroft pergi berjumpa dan mempengaruhi Sultan Ibrahim di Selangor. Pengaruh Inggeris telah dapat menarik perhatian baginda sehingga Cracroft, bagi pihak Kompeni Inggeris di Pulau Pinang, dapat membuat perjanjian perniagaan dengan Sultan Ibrahim bagi pihak Kerajaan Selangor. Perjanjian itu telah dibuat pada 23 hari bulan Ogos tahun 1818. Di antara syarat yang tersebut dalam perjanjian itu menyebutkan: — rakyat British atau orang-orang yang di bawah perlindungan Kompeni Inggeris dibenarkan berniaga di negeri Selangor dan jajahan takluknya; demikian jua rakyat Selangor boleh pula berniaga di Pulau Pinang dan di tempat lain yang berada di bawah kuasa pemerintah Inggeris di Pulau Pinang;

Sultan Ibrahim telah bersetuju tidak akan memberikan hak memborong atau memajak perdagangan di Selangor kepada kuasa asing, dan baginda tidak akan membaharui sebarang perjanjian dengan kuasa asing iaitu perjanjian yang telah lama atau perjanjian yang tidak dipakai lagi, atau perjanjian dengan kuasa lain yang telah terputus perhubungannya dengan Selangor.

Semasa Cracroft berada di negeri Selangor, ia telah berjanji pula dengan Sultan Ibrahim, iaitu Kompeni Inggeris akan membeli hasil timah di Selangor setiap tahun sebanyak 1,500 pikul dengan harga yang diambil di Selangor \$43.00 sebahara (400 pound). Pada masa itu di tempat yang bernama Lumpur (Kuala Lumpur) dan Lukut, iaitu daerah dalam perintah Selangor, banyak hasil bijih timah. Sejak itu keraplah Kompeni Inggeris di Pulau Pinang berutus dengan Sultan Ibrahim dan memberi berbagai hadiah. Utusan itu telah dibalas oleh Sultan Ibrahim dengan memberi hadiah pula kepada pegawai-pegawai Kompeni Inggeris itu. (Sebelum membuat perjanjian dengan Sultan Selangor, W.S. Cracroft telah membuat perjanjian seperti itu juga maksudnya dengan Sultan Perak, iaitu pada 30 hari bulan Julai tahun 1818). Oleh itu nyatalah kelihatan bahawa dari awal kurun masihi yang ke-19 lagi, orang Inggeris telah memonopoli perniagaan dan perdagangan timah di negeri Selangor dan Perak.

Mengikut perjanjiannya, pada 21 hari bulan September tahun 1818, negeri Melaka yang telah dikuasai oleh orang Inggeris sejak tahun 1795 dahulu (lebih kurang selama 23 tahun) telah dikembalikan oleh Kompeni Inggeris kepada orang Belanda (Kerajaan Belanda). Perkara itu telah mendukacitakan Sultan Ibrahim Selangor. Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1818) Sultan Ibrahim telah memberitahu ketua pemerintah Inggeris di Pulau Pinang bahawa baginda telah memberikan kepada John Anderson, wakil Kompeni Inggeris di Pulau Pinang, seratus bahara timah yang telah dibeli oleh Kompeni Inggeris dengan harga \$43.00 sebahara dan Kompeni Inggeris telah mengirinkan senjata dan ubat bedil kepada baginda sebagai sebahagian daripada pembayaran harga timah itu. Baginda telah menyatakan juga kepada Kompeni Inggeris iaitu tidaklah dapat baginda menyatakan dengan pasti berapa banyak timah yang boleh didapati di negeri Selangor, kerana kalau hari hujan pekerja lombong bekerja mencari bijih timah; sebaliknya kalau hari tidak hujan

mereka tidak bekerja (pendeknya bergantung kepada keadaan iklim). Berkenaan dengan orang Belanda yang telah menduduki negeri Melaka itu, baginda mengatakan juga kepada Kompeni Inggeris: kalau orang Belanda datang ke Selangor, baginda akan menunjukkan kepada mereka surat perjanjian yang telah baginda buat dengan Kompeni Inggeris pada 23 hari bulan Ogos tahun 1818 itu.

1819. Sejak awal tahun 1819 Gabenor Belanda di Melaka yang bernama Timmerman Thyssen telah mengirim surat kepada Sultan Ibrahim Selangor, dan telah menghantar pegawainya ke Selangor berjumpa Sultan Ibrahim mengajak baginda membaharui perjanjian yang telah diperbuat dengan orang Belanda pada 29 hari bulan Julai tahun 1790 dahulu. Walaupun baginda telah menunjukkan perjanjian yang telah dibuat dengan Inggeris pada tahun 1818 itu, tetapi orang Belanda tiada mahu mengiktiraf perjanjian itu. Pada masa itu keraplah Sultan Ibrahim mengutus surat kepada Kompeni Inggeris di Pulau Pinang menyatakan kehendak orang Belanda itu. Baginda telah menerangkan juga kepada Inggeris bahawa mereka telah memaksa baginda membaharui perjanjian dengan Belanda itu; jika Inggeris tidak membantu baginda, nampaknya terpaksa baginda mengikut kehendak Belanda dan jika baginda tidak mahu mengikut kehendak Belanda itu, tak dapat tidak negeri Selangor akan dibinasakan dan ditakluk oleh Belanda; tambahan pula negeri Melaka tempat orang Belanda itu tiada berapa jauh dari Selangor. Dalam pada itu, oleh sebab banyak lagi perkara lain yang lebih penting telah berbangkit di antara Belanda dengan Inggeris di Nusantara kerana adanya perebutan perniagaan dan penjajahan yang telah berlanjutan hingga tahun 1824, jadi tidak serangan dan penaklukan Belanda ke negeri Selangor. Pada tahun 1819 itu juga, Sultan Ibrahim telah meletakkan seorang kerabatnya, Raja Hasan untuk tinggal di Kuala Bidor, di negeri Perak (tiada berapa jauh dari bandar Teluk Anson sekarang), untuk memungut cukai timah yang dibawa melalui tempat itu walaupun tuntutan Sultan Ibrahim kepada Kerajaan Perak dalam tahun 1806 dahulu, yang mengatakan wilayah negeri Perak dari Kuala Perak hingga ke Kuala Bidor kepunyaan Selangor itu, telah ditolak oleh Sultan Perak.

1822. Setelah Siam menyerang dan mengalahkan negeri Kedah pada tahun 1821, angkatan Siam telah datang menye-

rang dan menduduki negeri Perak dan memaksa Sultan Perak menghantar ufti "Bunga Emas" setiap tahun kepada Raja Siam. Dalam pada itu, Raja Hasan wakil Sultan Selangor masih ada di Kuala Bidor menjalankan pemungutan cukai di situ. Pada masa itu negeri Perak telah menjadi rebutan di antara Siam dengan Selangor. Oleh sebab kelemahan Kerajaan Perak, orang Siam dan orang Selangor telah dapat menduduki negeri itu dan memungut keuntungan daripada hasil timah yang banyak dihasilkan di negeri itu. Dalam tahun 1822, orang Perak yang dibantu oleh orang Selangor telah menghalau orang Siam keluar daripada negeri Perak, dan terpaksa Sultan Perak membayar ufti kepada Sultan Ibrahim Selangor sebagaimana yang telah diakui oleh Sultan Perak.

1823. Pada 11 hari bulan Julai tahun 1823, Kerajaan Selangor yang di bawah perintah Sultan Ibrahim telah membuat perjanjian dengan Kerajaan Perak yang diperintahkan oleh Sultan Abdul Malik Mansur Shah. Di antara syarat yang terkandung:-

- (1) Cukai timah yang dipungut di negeri Perak hendaklah dibahagi dua di antara Kerajaan Perak dengan Kerajaan Selangor.
- (2) Mengenai perniagaan di antara Selangor dengan Perak hendaklah Kerajaan Perak mempercayai saudara-saudara Sultan Selangor, dan saudara-saudara Sultan Selangor itu mesti membuat perhubungan dengan Raja Abdullah (putera Sultan Abdul Malik Mansur Shah). Peniaga dari negeri Selangor hendaklah dibebaskan berniaga dalam negeri Perak; tetapi tiada seorang pun — walaupun saudara Sultan Selangor sendiri — dibenarkan berniaga timah.
- (3) Jika rakyat Perak lari ke Selangor atau rakyat Selangor lari ke Perak, maka tebusannya hendaklah dibayar sebanyak sepuluh ringgit setiap seorang. Tetapi kalau saudara-saudara Sultan Perak atau Sultan Selangor tidak perlu ditebus.

Pada masa itu juga, Siam telah datang semula menawan negeri Perak dan menduduki negeri itu serta memaksa Kerajaan Perak menghantar ufti kepada Raja Siam.

1824. Sejak dari awal kurun masihi yang ke-19 hingga tahun 1880, kawasan negeri Selangor memanjang dari Sungai Bernam di utaranya sehingga ke Kuala Linggi di selatannya.

Penduduk Melayu yang ramai tinggal berdekatan dengan kuala-kuala sungai besar seperti Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Jeram, Sungai Kelang, Sungai Langat, Sungai Lukut dan Sungai Linggi. Di kuala sungai itulah pula pusat kediaman ketua-ketua yang memerintah daerah sekelilingnya di bawah takluk Sultan Selangor yang bersemayam di Kuala Selangor. (Tempat bersemayam Sultan Selangor itu kemudiannya berpindah pula ke tempat lain). Suatu laporan berkenaan dengan negeri-negeri di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu pada awal kurun masihi yang ke-19, telah ditulis oleh seorang pegawai Kompeni Inggeris bernama John Anderson dan laporan itu telah dicetak dalam tahun 1824. Dalam laporan John Anderson itu ada menceritakan hal beberapa buah tempat dalam negeri Selangor pada zaman itu. Walaupun laporan berkenaan dengan kepadatan penduduk di sesuatu tempat itu barangkali tidak tepat tetapi bolehlah dijadikan pandangan dan pertimbangan sejarah untuk mengetahui keadaan tempat itu pada zaman yang disebutkan. Kata-nya: tempat yang bernama Bernam, yang sejauh kira-kira dua jam mudik dari kuala Sungai Bernam, merupakan sebuah pekan kecil yang penduduknya lebih kurang seramai 1,000 orang; tempat ini masyhur kerana banyak hasil rotan dan sedikit timah yang didapati dari sebelah negeri Perak; ketua pemerintah di tempat ini ialah Raja Muda Selangor. Di Selangor (Kuala Selangor) yang penduduknya lebih kurang 400 orang; merupakan tempat bersemayam Sultan Ibrahim Raja negeri Selangor; di beberapa buah tempat sepanjang Sungai Selangor itu hingga ke hulunya terdapat kira-kira seribu buah rumah. Di Jeram, terdapat beberapa buah kampung kecil, penduduknya lebih kurang 500 orang, dan diperintah oleh seorang penghulu bernama Penghulu Ali, juga kawasan ini banyak menghasilkan kelapa. Tempat yang dipanggil bandar Kelang itu terletak kira-kira dua puluh batu dari Kuala Sungai Kelang; sebelum berperang dengan Siam di Perak pada tahun 1822, penduduk Kelang berjumlah 1,500 orang. Tempat yang bernama Lumpur di hulu Sungai Kelang itu banyak mengeluarkan timah. Tempat yang bernama Langat terdapat kira-kira 500 orang penduduknya. Sepang 200 orang. Tempat yang bernama Lukut telah terkenal kerana banyak menghasilkan bijih timah; daripada penduduknya yang seramai 1,000 orang itu termasuklah orang Cina seramai 200 orang, mereka bekerja di lombong bijih timah. Linggi sedikit penduduknya hanya 150 orang; di sinilah sempadan dengan Selangor (di

selatan); Linggi Besar masuk dalam jajahan Melaka. Penduduk negeri Selangor kurang ramai daripada penduduk negeri Perak, tetapi mereka lebih rajin, lebih berpelajaran dan lebih banyak membuat perhubungan dengan orang Eropah daripada orang Perak. Perawakan mereka lebih lembut daripada orang Perak, dan air muka mereka lebih jernih. Bijih timah yang dibawa keluar melalui Sungai Selangor dan Sungai Kelang setiap tahun lebih kurang sebanyak 2,000 pikul.

Dalam tahun 1824 itu juga, telah berlaku satu peristiwa di antara Selangor dengan Perak. Empat puluh buah perahu orang Siam yang membawa timah sebanyak 205 bahara sebagai ufti daripada Kerajaan Perak yang hendak dibawa ke negeri Siam telah dirampas oleh orang Selangor. Pada masa itu Raja Hasan masih tinggal di Kuala Bidor memungut cukai barang-barang yang dibawa keluar masuk di situ; Raja Hasan telah melakukan kekerasan dan pemerasan terhadap peniaga di negeri Perak yang lalu-lalang dekat Kuala Bidor. Kejadian itu telah mendukacitakan Sultan Perak dan baginda memang suka kalau Raja Hasan itu dapat dikeluarkan dari negeri Perak. Tetapi baginda tiada dapat bertindak kerana kekuatan perang baginda belum dapat menentang kekuatan perang Selangor; tambahan pula baginda juga takutkan orang Siam yang ada di negeri Perak itu akan lebih mengganas lagi apabila orang Selangor keluar dari negeri itu; pendeknya, oleh sebab kelemahan Kerajaan Peraklah maka orang Siam dan orang Selangor dapat menduduki negeri itu dengan bebas sambil menikmati keuntungan perdagangan timah di negeri itu.

Dalam bulan April tahun 1824, kebimbangan Sultan Ibrahim Selangor terhadap orang Belanda yang menduduki negeri Melaka itu, telah hapus, kerana negeri Melaka telah diserahkan semula oleh Kerajaan Belanda kepada Kompeni Inggeris mengikut perjanjian di antara Belanda dengan Inggeris yang bertarikh pada 17 hari bulan Mac tahun 1824. Dalam pada itu nyatalah bahawa perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 itu, merupakan perjanjian yang dibuat sesama mereka sendiri bagi menetapkan kawasan jajahan mereka di Nusantara kepada dua bahagian: kawasan yang terletak dari Singapura membawa ke utara diuntukkan kepada Inggeris, dan kawasan yang di sebelah selatan dari Singapura diuntukkan kepada Belanda, ini bermakna bahawa tanahair rumpun bangsa Melayu di Nusantara ini telah dipecahkan oleh Inggeris-Belanda menjadi dua bahagian, juga mereka telah memecah-

kan rumpun bangsa Melayu di kawasan yang dahulunya dipandang satu itu telah merasa mereka bukan sebangsa lagi dan memang itulah kehendak bangsa penjajah terhadap bangsa yang dijajah. Sejak itu Riau dan negeri-negeri lain di selatan Singapura termasuk dalam penjajahan Belanda, dan Selangor serta lain-lain negeri Semenanjung Tanah Melayu, dari Singapura ke utara, termasuk dalam pengaruh penjajahan Inggeris (British), dan lebih kurang lima puluh tahun kemudian setelah dibuat perjanjian Inggeris-Belanda itu secara langsung negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan beberapa buah negeri lain masuk ke dalam perintah British.

Dalam bulan Oktober tahun 1824, Robert Fullerton, Gabenor Kompeni Inggeris di Pulau Pinang yang baharu datang memegang jawatannya itu, telah memberitahu pihak berkuasa Kompeni Inggeris di India mengenai khabar yang disampaikan kepadanya mengatakan Raja Ligor (Raja takluk Siam) hendak menyerang negeri Selangor, dan Gabenor itu menegaskan: bagi keamanan dan ketenteraman di Semenanjung Tanah Melayu, perbuatan itu mesti disekat.

1825. Mulai tahun 1825 jelaslah kelihatan bahawa negeri Selangor dan negeri Perak yang selalu berbalahan itu, telah menjadi rebutan kepada dua kuasa besar berkuasa dalam perniagaan dan penjajahan di negeri Melayu, iaitu Siam (Thai) dan Inggeris (British). Sultan-sultan yang memerintah negeri itu dengan mudah sahaja nampaknya dipermainkan-mainkan oleh politik penjajahan kedua-dua kuasa itu.

Dalam bulan Januari 1825, Kerajaan Perak meminta pertolongan dari Kerajaan Siam untuk menyerang negeri Selangor. Perbuatan baginda itu dipercayai kerana kemurkaan baginda di atas perbuatan orang Selangor yang telah merampas barang-barang ufti daripada Kerajaan Perak yang hendak dihantar ke negeri Siam dahulu (1822). Pada masa ini orang Inggeris di Pulau Pinang khususnya Robert Fullerton begitu bimbang sekiranya Siam dapat berkuasa di negeri-negeri Melayu di selatan Siam.

Fullerton telah menjalankan politiknya sendiri supaya kedua-dua negeri itu — Perak dan Selangor — jangan jatuh ke tangan Siam; sebaliknya biarlah Inggeris dapat mempengaruhi negeri-negeri itu. Pada 28 hari bulan April tahun 1825 Gabenor Fullerton telah mengutus surat kepada Raja Ligor (Siam) supaya Siam jangan melanggar negeri Selangor dan Perak. Gabenor juga memberitahu Raja Ligor bahawa Inggeris



telah mengambil negeri Melaka dari tangan Belanda mengikut kuatkuasa perjanjian yang telah diperbuat oleh Inggeris dengan Belanda pada 17 hari bulan Mac tahun 1824. Fullerton juga mengatakan: Orang Belanda memang telah bersahabat dengan Kerajaan Perak, terutama dengan Kerajaan Selangor dan sejak dari zaman dahulu pun Selangor belum pernah takluk ke bawah kuasa Siam. Setelah menerima kenyataan Fullerton itu, Raja Ligor telah menerangkan kepada Inggeris bahawa Kerajaan Peraklah yang telah mengajak orang Siam menghalau orang Selangor dari negeri Perak.

Dalam bulan Mei tahun 1825, satu maklumat sulit telah disampaikan kepada Gabenor Robert Fullerton di Pulau Pinang, dan maklumat itu mengatakan: Raja Ligor telah melengkapkan 300 buah perahu perang dan telah berhimpun di Sungai Trang untuk menyerang negeri Selangor. Oleh itu Gabenor Fullerton telah mengugut Raja Siam dengan mengatakan: jika Siam melanggar negeri Selangor atau negeri Perak, pihak Inggeris akan bertindak balas terhadap orang Siam. Ugutan Fullerton itu dituruti pula dengan kedatangan kapal-kapal perang dari Pulau Pinang untuk membuat sekatan di Kuala Sungai Trang. Ugutan Fullerton itu berjaya: jadi angkatan Raja Ligor itu telah membatalkan untuk menyerang negeri Selangor. Selepas itu seorang pegawai Kompeni Inggeris bernama Kapten Henry Burney telah dihantar ke Ligor. Kapten Henry Burney telah berunding dengan Raja Ligor dan telah membuat Perjanjian sementara yang ditandatangani pada 31 hari bulan Julai tahun 1825. (Lepas itu baharulah dibuat perjanjian yang rasmi di Bangkok yang disebut Perjanjian Burney, pada 20 hari bulan Jun tahun 1826).

Di antara syarat dalam Perjanjian Sementara dengan Raja Ligor itu ada menyebutkan: Raja Ligor mengakui bahawa Siam tidak akan menyerang dan menakluk negeri Selangor dan Perak; Kompeni Inggeris hendaklah mengeluarkan Raja Hasan Selangor dari negeri Perak, dan Kompeni Inggeris akan menghalang Sultan Selangor jangan mengganggu keamanan negeri Perak.

Pada 10 hari bulan Ogos tahun 1825, Gabenor Fullerton di Pulau Pinang telah menghantar pegawainya bernama John Anderson pergi menyelesaikan perselisihan di antara Kerajaan Selangor dengan Kerajaan Perak. John Anderson telah berunding dengan Sultan Ibrahim di Kuala Selangor. Pada 20 hari bulan Ogos tahun 1825 itu juga, John Anderson bagi

pihak Kompeni Inggeris telah membuat satu perjanjian dengan Sultan Ibrahim bagi pihak Kerajaan Selangor. Dalam perjanjian itulah mula ditetapkan Sungai Bernam sebagai sempadan di antara negeri Selangor dengan negeri Perak. (Pada 6 hari bulan September tahun, 1825 itu juga, John Anderson telah membuat perjanjian seperti itu dengan Sultan Perak).

Dalam perjanjian di antara Kompeni Inggeris dengan Selangor pada 20 hari bulan Ogos tahun 1825 itu, Sultan Ibrahim telah berjanji tidak akan melanggar negeri Perak, sama ada dengan angkatan perang laut atau darat, dan Selangor tidak akan mecampuri hal ehwal pemerintahan negeri Perak, dan Raja Hasan dengan segera akan dikeluarkan dari negeri Perak.

Sungguhpun kedua-dua pihak berjanji tidak akan berperang, tetapi tiada lama selepas itu, Sultan Ibrahim telah memberitahu Gabenor di Pulau Pinang bahawa baginda tidak akan menyetujui perjanjian yang telah dibuat dengan John Anderson itu jika Sultan Perak tidak menjelaskan hutangnya kepada baginda, kerana baginda telah membuat perjanjian dengan Sultan Perak (tahun 1823) yang menyatakan Selangor akan menerima separuh daripada cukai timah yang dikenakan pada tiap-tiap bahara timah yang dicukaikan di negeri Perak itu. (Cukainya sebanyak \$12.00 tiap bahara). Surat Sultan Ibrahim itu telah dijawab oleh Gabenor Fullerton, dan di antaranya Gabenor itu menyatakan ia berasa puas hati yang Sultan Ibrahim telah menghantarkan perahu-perahu pergi mengambil meriam yang di bawah jagaan Raja Hasan di Kuala Bidor. Tetapi Gabenor itu mengatakan pula: sebuah kapal perang British akan berjaga-jaga di negeri Perak sehingga Raja Hasan keluar meninggalkan negeri itu. Gabenor Fullerton berjanji akan menimbangkan tentang hutang Sultan Perak kepada Sultan Selangor itu; dalam pada itu janganlah ada pencerobohan dari negeri Selangor melintasi sempadan di antara Selangor dengan juga kepada Sultan Ibrahim (sebenarnya; tempelak) iaitu dengan campurtangan British, negeri Selangor telah terselamat daripada serangan Siam. Fullerton menasihatkan Sultan Ibrahim pula supaya baginda membayar \$2,000/- kepada Kerajaan Siam bagi pembayaran ganti rugi yang telah dirampas oleh orang Selangor daripada perahu Siam dahulu (tahun 1824). Sultan Ibrahim telah menyatakan kepada Gabenor Fullerton bahawa baginda rela mati daripada

membayar wang \$2,000/- kepada Kerajaan Siam sebagai mengganti pembayaran yang baginda tidak mengambilnya. Fullerton telah menegur jawapan Sultan Ibrahim itu dengan mengatakan pula: setelah British dapat menghalang orang Siam daripada menyerang negeri Selangor, tidaklah pula Gabenor itu menyangkakan akan timbul perbalahan berkenaan wang yang hanya \$2,000/- itu; akan tetapi walau bagaimanapun, baginda tidak akan lepas daripada akibatnya; dan sungguhpun ia berjanji akan menyiasat soal tuntutan baginda kepada Sultan Perak itu, tetapi Sultan Ibrahim hendaklah patuh kepada perjanjian yang telah dipersetujui itu dan jangan merosak binasakan jiran-jiran baginda.

1826. Lama juga masanya Kompeni Inggeris menyelesaikan perselisihan tentang hutang-piutang di antara Sultan Selangor dengan Sultan Perak itu. Dalam pada itu, pada 27 hari bulan Oktober tahun 1826 Sultan Ibrahim Shah, Sultan Selangor telah mangkat di Kuala Selangor.

## Sultan Muhammad Shah (1826 — 1857)

1826. Setelah kemangkatan Sultan Ibrahim, timbul pertikaian di kalangan keluarga diraja Selangor bagi menentukan pengganti almarhum sebagai Sultan Selangor. Dalam pada itu, sungguhpun (putera almarhum yang bernama Raja Muhammad itu — bukannya putera daripada isteri tua almarhum,) tetapi oleh sebab Raja Muhammad itu telah dilantik sebagai Raja Muda Selangor semasa hidup ayahandanya lagi, jadi orang-orang besar Selangor pun mengangkat Raja Muhammad itu menjadi Sultan Selangor, bergelar Sultan Muhammad Shah; baginda bersemayam di Kuala Selangor juga.

Pemerintahan Sultan Muhammad Shah lemah, tidak seperti ayahanda baginda almarhum Sultan Ibrahim. Baginda tidak dapat dengan sepenuhnya menguasai raja-raja dan orang-orang besar yang memerintah di daerah lain dalam negeri Selangor. Oleh sebab itu, semasa pemerintahan baginda, negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang mengandungi daerah-daerah yang berpecah-pecah iaitu: Bernam, Kuala Selangor, Kelang, Langat dan Lukut. Pada masa itu keraplah berlaku beberapa kezaliman oleh anak-anak raja dan orang besar yang melakukan pemerasan cukai di daerah mereka yang dijalankan dengan sesuka hati oleh ketua-ketua kawasan itu, sehingga berlakulah beberapa rompokan dan rampasan di sana sini.

1830. Kompeni Inggeris di Pulau Pinang telah memberi amaran kepada Sultan Muhammad di Selangor berikutan dengan kejadian rompak yang telah berlaku di perairan negeri Selangor. Tetapi, pada 21 hari bulan Januari tahun 1830 baginda telah menolak tuduhan itu dengan menyatakan di negeri Selangor tidak ada perompak laut, baik semasa pemerintahan baginda mahupun almarhum ayahanda baginda dahulu.

1834. Lebih kurang pada awal kurun masihi yang ke-19, iaitu sebelum Sultan Muhammad Shah menjadi Sultan Selangor, seorang daripada keluarga diraja Selangor, Raja Busu atau Tengku Busu telah membuka daerah Lukut dengan pertolongan pengikutnya orang-orang Selangor dan Kedah, kerana Raja Busu itu telah mengetahui bahawa di kawasan itu banyak mengandungi bijih timah. Raja Busu telah menjadi pemerintah di Lukut, dan pendapatannya daripada hasil bijih

timah di Lukut itu tidak diserahkan kepada Sultan Selangor. Lebih kurang pada tahun 1824, dengan galakan Raja Busu itu, mulalah orang Cina, terutama orang Cina dari Melaka, datang beramai-ramai ke Lukut membuka dan bekerja di lombong bijih timah di situ, dan Raja Busu sendiri pun mempunyai lombong bijih timah yang dikerjakan oleh pekerja Cina. Sejak itu Lukut telah terkenal sebagai satu kawasan yang banyak mengeluarkan hasil bijih timah. Raja Busu telah menetapkan cukai yang mesti dibayar kepadanya sebanyak sepuluh peratus daripada harga semua timah yang dibawa keluar dari Lukut, dan banyaklah keuntungan yang diperolehi oleh Raja Busu dari cukai timah itu. (Sejarah Lukut yang lebih lengkap, ada dihuraikan dalam bahagiannya sendiri).

Oleh sebab Raja Busu terlalu sangat menggunakan pekerja Cina di Lukut untuk kepentingannya sendiri, dalam bulan September tahun 1834, ada kira-kira seramai tiga atau empat ratus orang Cina di Lukut telah bangkit memberontak dengan melakukan pembunuhan secara beramai-ramai ke atas orang-orang Melayu yang ada di Lukut, sehingga Raja Busu dan anak isterinya pun telah dibunuh oleh orang Cina itu dengan cara yang amat ngeri. Sejak itu Lukut pun tinggal tiada beraja. Tiada lama lepas itu datang pula sekumpulan orang Melayu menyerang dan membunuh orang Cina di Lukut secara beramai-ramai sebagai menuntut bela di atas perbuatan orang Cina dahulu.

Sungguhpun telah berlaku beberapa kejadian buruk dan ngeri seperti yang telah disebutkan itu, tetapi tiada lama kemudian, orang-orang Melayu telah datang lagi ke Lukut berusaha mencari bijih timah. Di antara orang Melayu yang telah datang ke Lukut masa itu ialah Raja Ja'afar bin al-mum Raja Ali, orang Melayu Bugis yang berasal dari Riau bersama dengan anaknya bernama Raja Juma'at dan Raja Abdullah. Mereka telah membuka lombong bijih timah di Lukut dengan menggunakan pekerja Cina, dan perusahaan mereka telah berjaya.

1836. Pada tahun 1836, Sultan Muhammad Shah, Sultan Selangor, telah berangkat ke Lukut dan baginda telah mengisytiharkan kepada penduduk di Lukut bahawa daerah Lukut itu masuk dalam perintah Kerajaan Selangor, dan tiada siapa pun penduduk Lukut yang membantah perisytiharan yang dibuat oleh baginda itu. Dipercayai, pada

masa itulah Sultan Muhammad telah memilih Raja Juma'at putera Raja Ja'afar itu menjadi wakil baginda memerintah di Lukut.

Oleh kerana tertarik hati melihatkan kemajuan Lukut yang banyak mengeluarkan hasil bijih timah itu, Sultan Muhammad telah memulakan usaha baginda membuka perusahaan melombong bijih timah di lembahan Sungai Kelang dengan modal yang dipinjam daripada saudagar orang Eropah dan taukeh Cina di Melaka. Tetapi percubaan Sultan Muhammad itu tidak mendatangkan hasil yakni tidaklah berjaya.

1839. Dalam tahun 1839, Sultan Muhammad bersama dengan Raja Juma'at dan Raja Abdullah putera Raja Ja'afar dari Lukut telah pergi ke Riau, kerana baginda hendak menziarahi kaum kerabat baginda di sana. Dalam perjalanan pulang ke Selangor, tatkala singgah di Melaka, baginda telah diancam hendak ditangkap oleh orang-orang yang meminjamkan wang kepada baginda untuk membuka perusahaan melombong di Kelang dahulu kerana hutang itu belum dibayar. Raja Juma'at Lukut yang terkenal kaya itu, telah mengaku sebagai penjamin hutang baginda itu, dan baginda pun dibenarkan pulang ke Selangor.

Selepas peristiwa yang telah berlaku di Melaka itu, kerana hendak menguatkan kedudukannya di negeri Selangor, Raja Juma'at telah berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad yang bernama Tengku Senai (disebut juga: Tengku Nai). Bagi merapatkan lagi perhubungan keluarga Raja Juma'at dengan keluarga kesultanan Selangor, Raja Abdullah adik Raja Juma'at itu pula dikahwinkan dengan anak saudara Sultan Muhammad yang bernama Raja Khalijah binti Raja Haji ibni almarhum Sultan Ibrahim.

Lebih kurang pada masa inilah Sultan Muhammad telah menyerahkan daerah lembah Sungai Kelang kepada putera sulung baginda yang bernama Raja Sulaiman dan ini merupakan penyerahan untuk selama-lamanya. Tetapi didapati Raja Sulaiman itu tidak pula bersungguh-sungguh berikhtiar untuk mendapatkan hasil yang banyak dari daerah Kelang itu.

1840. Dalam tahun-tahun empat puluhan kurun masihi yang ke-19 itu, Raja Juma'at di Lukut telah bertambah kaya, kerana lombongnya di Lukut telah banyak mengeluarkan hasil. Pada masa itulah juga didapati ramai orang Cina

membuka lombong bijih timah di kaki-kaki bukit di tempat yang bernama Kanching (lebih kurang lima belas batu ke utara Kuala Lumpur sekarang). Seorang daripada anak saudara Sultan Muhammad yang bernama Raja Abdul Samad bin Raja Abdullah ibni almarhum Sultan Ibrahim, telah berkongsi modal dalam perusahaan melombong bijih timah yang diusahakan oleh orang Cina di Kanching itu. Hasil timah dari Kanching masa itu dibawa ke tempat yang bernama Bandar Kanching dan dari situ dibawa pula menghilir Sungai Selangor hingga ke Kuala Selangor.

Pada masa ini putera-putera Sultan Muhammad yang bernama Raja Sulaiman (pemerintah Kelang) dan Raja Uthman, serta adik baginda yang bernama Raja Yusuf, didapati selalu sahaja bertelingkah sesama sendiri. Pertelingkahan itu disebabkan oleh keinginan untuk dilantik sebagai Raja Muda Selangor; kerana hingga masa itu gelaran Raja Muda Selangor itu belum ada siapa yang mendapatnya. Sesungguhnya perkara perlantikan Raja Muda Selangor itu tidak juga dapat diselesaikan oleh Sultan Muhammad hinggalah tahun 1853.

1844. Semasa berlakunya pertelingkahan di antara anak-anak raja itu, Raja Abdul Samad tidak pula mahu ketinggalan bagi mendapatkan kedudukan yang lebih baik. Dalam tahun 1844, Sultan Abdul Samad telah berkahwin dengan puteri bongsu Sultan Muhammad yang bernama Raja Atfah. Setelah itu Sultan Muhammad pun menyerahkan Kuala Selangor di bawah jagaan anak saudara dan menantu baginda Raja Abdul Samad itu, dan pada masa itu juga Raja Abdul Samad telah diberi gelaran Tengku Panglima Raja dan bertugas menolong baginda menjalankan pertadbiran pemerintahan negeri. Sejak itu semakin bertambahlah minat Raja Abdul Samad dalam perusahaan melombong bijih timah di Kanching.

1846. Pada tahun 1846, tatkala Sultan Muhammad Shah singgah di Melaka, sekali lagi baginda telah diancam oleh saudagar yang meminjamkan wang kepada baginda, kerana hutang baginda sebanyak \$169,000/- belum dijelaskan. Oleh sebab baginda tiada berupaya hendak menjelaskan hutang sebanyak itu, sekali lagi Raja Juma'at memberi jaminan bahawa beliaulah yang akan mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan hutang baginda itu. Oleh kerana budi pertolongan menantunya itu, pada tahun itu juga (1846) Sultan Muhammad telah memberi kuasa kepada Raja Juma'at

memerintah Lukut dan mengambil cukai dari hasil daerah itu. Sejak Raja Juma'at menjadi raja pemerintah Lukut itu, beliau telah berusaha bersungguh-sungguh membaiki dan memajukan daerah itu sehingga mencapai kejayaan. (Lihat: *Sejarah Lukut* yang berasingan). Daripada masa itu sehingga mangkatnya (tahun 1864), kerana kekayaannya, Raja Juma'at telah menjadi orang yang berpengaruh dan terkemuka sekali di seluruh negeri Selangor. Pada tahun 1850, cukai timah yang didapati oleh Raja Juma'at di Lukut itu kira-kira \$10,000/- setiap bulan. Raja Juma'at telah digelar "Raja Tua" dalam kerabat diraja Selangor.

1853. Pada tahun 1853 pertelingkahan di antara putera-putera Sultan Muhammad, iaitu Raja Sulaiman, Raja Uthman dan adik baginda Raja Yusuf, yang berebutkan hendak menjadi Raja Muda Selangor itu, tamat dengan sendirinya; kerana ketiga-tiga anak raja itu telah mangkat lebih dahulu daripada Sultan Muhammad sendiri. Putera baginda Raja Sulaiman yang menjadi raja pemerintah Kelang telah mangkat pada tahun 1853; seorang daripada putera-putera almarhum Raja Sulaiman itu bernama Raja Mahadi. Pada masa itulah Sultan Muhammad telah mengangkat seorang putera baginda bernama Raja Mahmud (ibunya Tengku Ampuan Basik) sebagai Raja Muda Selangor, walaupun pada masa itu Raja Mahmud itu masih kecil. Oleh sebab Raja Muda Mahmud itu masih kecil, Sultan Muhammad telah membenarkan Raja Tun Raja Juma'at memangku menjalankan kerja jawatan Raja Muda Selangor itu.

Pada tahun 1853 itu juga Sultan Muhammad telah menyerahkan daerah lembah Sungai Kelang itu kepada menantu saudara baginda Raja Abdullah adik Raja Juma'at Lukut, bukannya diserahkan kepada Raja Mahadi putera almarhum Raja Sulaiman.

Berkenaan dengan penyerahan Kelang oleh Sultan Muhammad kepada Raja Abdullah itu, Raja Mahadi putera Raja Sulaiman berpendapat: sepatutnya dialah yang berhak menerima warisan hak ayahnya sebagai raja pemerintah Kelang itu; tetapi beliau telah diketepikan begitu sahaja oleh Sultan Muhammad.

Tindakan Sultan Muhammad menyerahkan Kelang kepada Raja Abdullah itulah yang telah menjadi punca yang menimbulkan pergaduhan yang akan berlaku di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah dan anak-anaknya kelak, sehingga ber-



lanjutan menjadi perang saudara di negeri Selangor bertahun-tahun lamanya. Pada masa yang disebutkan ini, oleh sebab Raja Mahadi belum mempunyai kekuatan, baik wang atau pengikut, beliau hanya memerhatikan sahaja perbuatan baginda itu. Dalam pada itu Raja Mahadi tinggal juga di Kelang hidup sebagai rakyat biasa menjalankan perniagaannya dan berdendam terhadap Raja Abdullah.

1856. Lebih kurang pada tahun 1856, seorang pemuda Cina yang berasal dari negeri China, bernama Yap Ah Loy, telah datang ke Lukut dari Melaka. Pada masa itu ia berusia sembilan belas tahun. Di Lukut, ia bekerja di sebuah lombong bijih timah di bawah jagaan seorang Cina yang menjadi ketua dalam kerja-kerja di lombong itu yang bernama Chong Chong. Kemudiannya, dalam tahun 1862, baharulah Yap Ah Loy datang ke Kuala Lumpur.

1857. Setelah Raja Abdullah diangkat oleh Sultan Muhammad sebagai raja yang memerintah Kelang, Raja Abdullah pun bermesyuarat dengan abangnya Raja Juma'at, dan mereka telah bersetuju hendak menjalankan perusahaan membuka lombong bijih timah. Untuk memulakan perusahaan itu mereka telah mengadakan modal dengan meminjam wang sebanyak \$30,000/- daripada dua orang taukeh Cina di Melaka bernama Baba Chi Yam Chuan dan Baba Lim Say Hoe. Tiada lama selepas itu, Raja Abdullah dengan membawa buruh Cina seramai 87 orang dari Lukut, telah memudiki Sungai Kelang mencari tempat yang baik bagi membuka lombong. Raja Abdullah dan buruh Cina yang dibawanya itu telah sampai ke bahagian hulu Sungai Kelang dan mendarat di suatu tempat yang dipilih oleh Raja Abdullah, iaitu di tebing persimpangan Sungai Kelang dengan Sungai Gombak, dan tempat itu disebut *Lumpur*. Dari situ Raja Abdullah dengan orang-orangnya berjalan terus ke darat dan sampai ke tempat yang kemudiannya disebut *Ampang* dan tempat itulah yang telah dipilih oleh Raja Abdullah dan ia telah mengerahkan orang-orangnya menebang hutan di situ untuk membuka lombong bijih timah. Setelah lebih kurang sebulan lamanya buruh Cina itu bekerja di situ, didapati ramai di antara mereka yang mati kerana demam malaria. Daripada seramai 87 orang yang dibawa oleh Raja Abdullah itu, tinggal hanya 17 orang sahaja yang hidup. Raja Abdullah telah meminta bantuan daripada abangnya Raja Juma'at di Lukut, dan Raja Juma'at telah menghantarkan 150 orang lagi pekerja Cina dari Lukut pergi

ke Ampang bagi meneruskan usaha membuka lombong bijih timah itu. (Dua tahun selepas itu, pada tahun 1859, baharulah lombong Raja Abdullah di Ampang itu mula mengeluarkan hasil timah yang dibawa keluar negeri).

Di sini perlu diambil perhatian: mengikut sejarahnya yang disebutkan itu, Raja Abdullahlah yang memilih tempat di tebing persimpangan Sungai Kelang dengan Sungai Gombak itu untuk mendarat dan membuka lombong bijih timah di Ampang; apabila lombong di Ampang dibuka kawasan di tempat yang dipilih oleh Raja Abdullah itu telah didirikan kedai-kedai atap tempat menjual barang keperluan bagi pekerja lombong di Ampang, dan tempat itu juga dijadikan pengkalan turun naik ke Kelang melalui Sungai Kelang, sehinggakan kawasan itu mempunyai penduduk yang ramai, dan kemudiannya tempat itu terkenal dengan nama *Kuala Lumpur*. Oleh sebab itu, Raja Abdullah merupakan orang yang sepatutnya digelar: "Orang yang mula-mula membuka Kuala Lumpur", bukannya Yap Ah Loy yang hanya baharu datang ke Kuala Lumpur pada tahun 1862.

Belum pun sempat lombong Raja Abdullah di Ampang itu mengeluarkan hasil bijih timahnya, dengan tidak disangka-pada akhir tahun 1857 itu juga, Sultan Muhammad Shah ibni almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Selangor telah mangkat, setelah memerintah Selangor hampir selama 31 tahun.

## Sultan Abdul Samad (1859 — 1898)

1857-1859. Berikutan dengan kemangkatan Sultan Muhammad Shah pada akhir tahun 1857 itu, berlaku pula pertelingkahan di antara kerabat diraja dan orang-orang besar Selangor dalam soal melantik pengganti almarhum sebagai Sultan Selangor.

(Tengku Puan Basik, balu almarhum Sultan Muhammad, telah mendesak supaya puteranya Raja Muda Mahmud putera gahara almarhum itu dijadikan Sultan. Raja Abdullah adik Raja Juma'at dijadikan Raja Muda, dan Raja Abdul Samad sebagai Tengku Panglima Raja. Ada pula di antara raja dan orang besar Selangor itu yang mengatakan Raja Muda Mahmud itu belum layak dijadikan Sultan kerana ia masih kecil walaupun ia putera gahara. Menantu almarhum Sultan Muhammad iaitu Raja Juma'at, seorang yang lebih terkemuka dan berpengaruh di Selangor ketika itu, dan adiknya Raja Abdullah, bukanlah kerabat diraja kesultanan Selangor, mereka hanya raja-raja cawangan Riau; oleh sebab itu tiadalah dapat mereka dijadikan Sultan Selangor.)

(Dalam pada itu, ramai pula di antara raja dan orang besar Selangor, terutama Raja Juma'at dan Raja Abdullah, mahu anak saudara dan menantu almarhum Sultan Muhammad, iaitu Raja Abdul Samad bin Raja Abdullah ibni almarhum Sultan Ibrahim itu, dijadikan Sultan Selangor.) Dikatakan juga bahawa Raja Juma'at mahukan Raja Abdul Samad menjadi Sultan oleh kerana Raja Juma'at ingin mengadakan perubahan baharu dalam dasar pemerintahan Kerajaan Selangor walaupun ia tidak menjadi Sultan. Perubahan yang hendak diadakannya itu ialah mengenai cukai hasil yang didapati dari daerah dalam negeri Selangor itu dikumpulkan dalam perbendaharaan negeri, dan juga berkenaan dengan sara atau gaji yang diberi kepada raja atau orang besar yang memegang jawatan di daerah-daerah negeri Selangor. Ada juga sumber yang menyebutkan: Raja Juma'at berkehendakan supaya Raja Abdul Samad menjadi Pemangku Raja sahaja sehingga sampai masanya putera gahara almarhum Sultan Muhammad itu dilantik sebagai Sultan. Rancangan Raja Juma'at itu nampaknya tidak dapat dijalankan, dan pertelingkahan dalam perkara memilih Sultan itu telah berpanjangan hingga hampir selama tiga tahun, dan orang yang bersangkutan dengan pemilihan Sultan itu lebih berat hendak menyelesaikan pemi-

lihan itu daripada hendak mengadakan perubahan baharu seperti yang dikehendaki oleh Raja Juma'at itu. (Sungguhpun demikian, akhirnya, pada tahun 1859, pilihan Raja Juma'at telah berjaya: Raja Abdul Samad yang telah tua itu telah dilantik dan ditabalkan sebagai Sultan Selangor menggantikan almarhum Sultan Muhammad Shah.)

Dalam masa berlakunya pertelingkahan memilih pengganti Sultan itu, Tengku Puan Basik telah mengutus juga kepada Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura, mencadangkan perlantikan puteranya Raja Muda Mahmud itu sebagai Sultan Selangor. Tetapi Gabenor telah menjawab dan menerangkan bahawa pemilihan Sultan Selangor itu terserahlah kepada orang-orang besar Selangor.

Setelah Raja Abdul Samad menjadi Sultan Selangor, baginda telah mengangkat putera sulungnya yang bernama Raja Musa menjaga pemerintahan di daerah lembah Sungai Selangor dan tinggal di Kuala Selangor. Daerah Langat ditetapkan dalam jagaan baginda sendiri. Daerah Kelang memang telah ditentukan dalam jagaan Raja Abdullah bin Raja Ja'afar adik Raja Juma'at Lukut. Sementara Lukut dalam pegangan Raja Juma'at (Raja Tua). Daerah Bernam di lembah Sungai Bernam memang telah lama diperintah oleh suatu cawangan keluarga diraja Selangor yang tidak berbaik dengan baginda. Pada masa itu, Sultan Abdul Samad yang telah berumur lebih kurang lima puluh tahun bersemayam di Langat (Bandar Termasa) berehat-rehat menyenangkan diri sambil membuat kerja kegemaran baginda memelihara pokok bunga, mengumpulkan timah dan menghisap candu juga sebagai kebiasaan raja-raja Melayu masa itu. Baginda tidaklah begitu rajin dan cergas mengawal dan menjaga raja serta orang besar yang di bawah pemerintahan baginda.

Berkenaan dengan Raja Abdullah pemerintah Kelang yang telah membuka lombong bijih timah di Ampang (Kuala Lumpur) sejak tahun 1857 yang dikerjakan oleh buruh Cina itu, didapati perusahaannya telah semakin maju. Dua tahun lepas itu — pada tahun 1859 — mulalah dihasilkan timah dari lombong Raja Abdullah dan telah jual ke luar negeri (Negeri-negeri Selat). Kemajuan di Ampang itu telah menarik ramai orang Cina dari tempat lain datang mencari penghidupan ke situ. Seorang daripada orang-orang Melayu yang berasal dari Sumatera, bernama Sutan Puasa, telah membuka perniagaan di satu tempat yang tiada berapa jauh dari pondok tempat pekerja lombong di Ampang itu. Barang-barang jualan yang

diperniagakan oleh Sutan Puasa itu dibelinya daripada dua orang taukeh Cina lombong di Lukut yang telah bersahabat baik dengan Sutan Puasa; taukeh Cina itu bernama Hiu Siew dan Ah Sze. Kemudian setelah mendapat keterangan daripada Sutan Puasa berkenaan dengan keuntungan besar yang boleh didapati jika mereka berniaga di Ampang itu, Hiu Siew dan Ah Sze pun tertarik hati dan mereka meninggalkan Lukut datang ke Ampang sebagai seorang ahli perniagaan untuk membuka kedai di daerah itu. Mereka telah mencari-cari tempat yang sesuai. Akhirnya mereka telah memilih suatu tempat dekat persimpangan Sungai Kelang dengan Sungai Gombak, iaitu tempat Raja Abdullah mula mendarat dahulu, pengkalan tempat orang ramai turun naik ke Kelang melalui Sungai Kelang. Setelah Hiu Siew dan Ah Sze mengupah orang menebang hutan di situ, mereka pun mendirikan beberapa buah rumah atap sebagai tempat kediaman dan kedai kecil untuk berniaga. Tempat itulah kemudiannya menjadi pekan Kuala Lumpur.

Setelah orang Cina bertambah ramai datang mendiami kawasan itu, mereka pun bermesyuarat hendak mengangkat seorang ketua mereka di tempat itu seperti yang biasa dibuat oleh orang-orang Cina di tempat lain. Dengan pertolongan Sutan Puasa serta disokong pula oleh orang Melayu di tempat itu, Hiu Siew telah diangkat sebagai ketua orang-orang Cina di situ dengan gelaran Kapitan Cina — dialah Kapitan Cina yang pertama di Kuala Lumpur. Sama ada perlantikan itu disetujui atau tidak oleh Raja Abdullah atau Sultan Abdul Samad tiadalah diketahui. Tetapi biasanya, pada masa itu, kejadian yang seperti itu tiadalah berapa dipedulikan oleh raja-raja atau orang-orang besar Melayu, kerana perkara itu hanya mengenai orang-orang Cina sendiri: asal sahaja raja dan orang besar Melayu itu menerima cukai bahagian mereka daripada orang Cina itu, mereka tidak akan diganggu.

Raja Abdullah tetap juga dengan usahanya memajukan lombong bijih timahnya di Ampang dan memungut cukai hasil di situ serta memungut cukai timah dan barang lain yang dibawa keluar masuk melalui Sungai Kelang. Raja Abdullah sendiri menetap di Kelang di tempat yang bernama Pengkalan Batu. Daripada cukai hasil yang didapati oleh Raja Abdullah di Kelang itu, ada pula bahagian yang diterima oleh Sultan Abdul Samad daripada Raja Abdullah sebanyak \$500/- setiap bulan. Raja Mahadi yang telah tersingkir itu,

masih tinggal di Kelang menjalankan perniagaannya menjual candu dan barang-barang lain kepada orang Cina yang melombong di Kuala Lumpur. Dalam pada itu, sebagai memujuk hati Raja Mahadi, setiap bulan Raja Abdullah memberikan wang belanja kepada Raja Mahadi; tetapi tiada diketahui berapa banyaknya wang belanja yang diberikan itu. Dalam pada itu, Raja Mahadi tidak juga berpuas hati dengan pemberian itu. Raja Mahadi berpendapat: sekurangnya separuh daripada cukai yang didapati di Kelang itu, diberikan kepadanya sebagai bayaran pencennya, kerana daerah Kelang itu asalnya adalah hak ayahnya, Raja Sulaiman. Pernah juga tuntutan Raja Mahadi itu disampaikan kepada Sultan Abdul Samad; tetapi telah ditolak begitu sahaja oleh Sultan Abdul Samad, sambil mencadangkan supaya Raja Abdullah memberhentikan pemberian tiap-tiap bulan kepada Raja Mahadi itu. Dalam pada itu, tidak sampai hati Raja Abdullah memberhentikan pemberiannya itu. Dendam dan sakit hati Raja Mahadi kepada Raja Abdullah terus berlanjutan.

1860. Berkenaan negeri Selangor dan Sultan Abdul Samad dalam tahun 1860, serta keadaan daerah Lukut yang diperintahkan oleh Raja Juma'at dalam tahun itu juga, telah ditulis dalam penyatannya oleh seorang konsol Residen Melaka bernama Kapten Macpherson yang telah datang sendiri melawat negeri itu. Macpherson mengatakan: negeri Selangor itu jauh lebih buruk keadaannya daripada Lukut. Rajanya yang baharu itu (Sultan Abdul Samad) adalah seorang pemadat dan suka berpoya-poya dengan perempuan. Putera baginda yang bernama Raja Musa adalah seorang pemuda yang garang dan keras rupanya, usianya baharu lima belas tahun. Raja Muda Mahmud yang tidak dipilih menggantikan ayahnya itu, merupakan seorang budak yang cerdik dan gemar orang melihatnya, usianya lebih kurang dua belas tahun. Pada masa itu di Selangor penyakit hawar kerbau sedang merebak dan banyak kerbau yang mati. Oleh sebab sawah-sawah padi tiada diusahakan, akibatnya rakyat dalam negeri akan keburluran, kerana itu mereka menjadi perampas, perompak dan penyamun. (*lihat Sejarah Lukut*).

Nampaknya pandangan yang telah ditulis oleh Kapten Macpherson itu adalah suasana yang terjadi di daerah sebelah pantai laut negeri Selangor sahaja, boleh jadi hanya di sekitar Kelang dan Langat, bukannya di pedalaman atau di darat negeri Selangor. Mengikut riwayatnya: dalam tahun 1860 itu selain daripada Lukut, lombong bijih timah di daerah Kan-

ching di hulu Sungai Selangor serta di Ampang dan Kuala Lumpur di hulu Sungai Kelang, sama ada lombong kepunyaan orang Melayu atau orang Cina, telah banyak mengeluarkan hasil dan tempat itu sedang maju dan makmur.

1861. Pada suatu masa dalam tahun 1861, seorang Cina bernama Liu Ngim Kong tiba di Kuala Lumpur dan telah diambil oleh Kapitan Hiu Siew bekerja sebagai seorang panglima kepada Kapitan itu. Sebelum Liu Ngim Kong datang ke Kuala Lumpur, ia pernah tinggal di Sungai Ujong (Seremban) dan Lukut; dan seorang daripada sahabat baiknya pada masa tinggal di tempat itu ialah Yap Ah Loy.

Belum pun sampai setahun lamanya Liu Ngim Kong tinggal di Kuala Lumpur, Kapitan Hiu Siew telah jatuh sakit dan terus meninggal dunia. Sungguhpun ada cadangan hendak mengangkat Ah Sze, kawan baik Hiu Siew bagi menggantikannya sebagai Kapitan Cina, tetapi Ah Sze telah menolak; dia lebih suka menumpukan tenaga dan kebolehannya dalam perusahaan melombong dan berniaga di Kuala Lumpur; tambahan pula dia telah membeli beberapa buah lombong dan kedai di Kanching. Akhirnya, dengan sokongan Ah Sze juga, Liu Ngim Kong telah diangkat menggantikan mendiang Hiu Siew sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur; dialah Kapitan Cina yang kedua di Kuala Lumpur. Dalam beberapa tahun sahaja lombong-lombong bijih timah dan perniagaan di Kuala Lumpur telah bertambah maju, dan sejak itu, bertambah ramailah orang Cina dari Melaka, dari Singapura bahkan dari negeri China juga datang mencari penghidupan mereka dengan berniaga dan bekerja di lombong bijih timah di Kuala Lumpur dan di kawasan sekitarnya.

1862. Kira-kira dalam tahun 1862, Kapitan Liu Ngim Kong telah mengajak kawannya, Yap Ah Loy, yang pada masa itu berada di Sungai Ujong datang ke Kuala Lumpur. Oleh kerana tertarik hati mendengarkan berita perkembangan dan kekayaan yang sedang memuncak di kawasan baharu itu, Yap Ah Loy pun datang ke Kuala Lumpur dan bekerja sebagai pembantu kepada Liu Ngim Kong bagi menguruskan lombong-lombong Kapitan itu.

Orang-orang Cina yang bekerja di lombong bijih timah di Kanching dan Kuala Lumpur kebanyakannya orang Cina yang datang dari Lukut, Sungai Ujong dan Larut (Perak); tambahan pula setelah berlaku huru-hara di Sungai Ujong (1860) dan di Larut (mulai 1862), semakin ramailah lagi

orang Cina dari tempat itu datang ke Kanching dan Kuala Lumpur. Menurut kebiasaan orang Cina pada masa itu, orang Cina di Kanching telah memasuki kumpulan kongsi gelap yang bernama Ghi Hin, dan orang Cina di Kuala Lumpur masuk kumpulan kongsi gelap yang bernama Hai San. Ada juga orang-orang Melayu yang turut sama. Dalam tahun 1862, Raja Berkat, seorang daripada sahabat baik dan orang kepercayaan Sultan Abdul Samad, yang baharu menggantikan baginda sebagai Tengku Panglima Raja, adalah seorang daripada pengasas rumah kumpulan Ghi Hin di Kanching. Seorang anak kepada Raja Berkat yang bernama Raja Mahmud juga telah bersekutu dengan Ghi Hin. Mengenai Sultan Abdul Samad, yang sahnya, ialah baginda ada terlibat memasukkan wang modal dalam perusahaan melombong bijih timah yang dikerjakan oleh orang Cina di Kanching. Orang-orang Cina di Kuala Lumpur yang masuk kumpulan Hai San itu sepakat pula dengan orang-orang Melayu yang menentang Ghi Hin.

1864. Pada tahun 1864, Raja Juma'at pemerintah Lukut yang terkenal itu telah mangkat dan meninggalkan beberapa orang putera. Putera almarhum bersama dengan Tengku Nai (Tengku Senai) puteri almarhum Sultan Muhammad, yang bernama Raja Bot telah menggantikan almarhum ayahnya sebagai raja pemerintah Lukut. (*Lihat Sejarah Lukut*).

Sungguhpun di masa mula menaiki takhta kerajaan Selangor dahulu, raja dan orang besar Selangor tidak sebulat suara bersetuju bersultankan Sultan Abdul Samad, dan ada pula yang hendak mengangkat Raja Mahmud putera gahara almarhum Sultan Muhammad sebagai Sultan iaitu apabila beliau sampai umur dewasa kelak, tetapi setelah kemangkatan Raja Juma'at, Sultan Abdul Samad pun tidak hendak melepaskan kerajaan Selangor daripada tangan baginda, baginda tetap berkeras untuk terus menjadi Sultan Selangor.

Pada masa ini tempat-tempat di sebelah pantai laut negeri Selangor itu, terutama di kuala-kuala sungai, kebanyakannya didiami oleh orang Melayu keturunan Bugis. Raja Abdullah di Kelang, Sultan Abdul Samad di Langat dan putera baginda Raja Musa di Kuala Selangor, adalah raja-raja Melayu keturunan Bugis. Tetapi tempat-tempat di darat negeri itu seperti di Kuala Lumpur, Ampang, Cheras dan Kajang, kebanyakannya didiami oleh orang-orang Melayu keturunan Sumatera iaitu orang Mendahiling, Rawa dan orang Batu Bara (Batu Bahara) yang telah datang ke Selangor mencari penghidupan



mereka dengan berniaga dan mencari bijih timah. Ada pun orang Melayu Sumatera dengan orang Melayu Bugis itu, dalam kurun masihi yang ke-18 dahulu pun sentiasa berperang menyebelahi raja-raja pihak mereka dalam perebutan kuasa kerajaan di Johor dan di Riau. Semasa di Selangor pula, orang Melayu Sumatera yang membawa dagangan mereka keluar masuk di muara-muara sungai di negeri Selangor itu, terutama di Sungai Kelang, dikenakan cukai oleh raja dan orang besar Selangor keturunan Bugis yang memegang kuasa di tempat itu.

1866. Dalam tahun 1866, setelah lebih kurang tiga belas tahun lamanya Raja Abdullah menguasai Kelang, mulailah timbul pertikaian di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah di Kelang. Punca yang menyebabkan perselisihan itu ialah: pada suatu hari Raja Mahadi telah membawa masuk ke Kelang beberapa buah peti berisi candu yang hendak dijualkannya kepada orang Cina di Kuala Lumpur. Raja Abdullah telah meminta Raja Mahadi membayar cukainya sebanyak \$100/-. Raja Mahadi enggan membayarnya dan mengatakan cukai barang yang dibawanya itu telah dibayarnya kepada pemungut cukai Raja Abdullah, dan Raja Abdullah pula mengatakan cukai itu belum dibayar lagi. Perkara itulah yang telah menyebabkan timbul pertengkaran di antara kedua orang raja yang memang telah ber dendam itu.) Tetapi pertengkaran itu tidaklah sampai menjadi pergaduhan besar, kerana Raja Mahadi belum ada kekuatan untuk menentang pihak Raja Abdullah. Kejadian yang sebenarnya menyebabkan berlakunya pergaduhan di antara kedua pihak itu hingga berlaku pembunuhan seperti yang diceritakan di bawah ini.

Pada suatu hari dalam tahun 1866 telah berlaku suatu perkelahian di antara orang Melayu Sumatera terutama orang Batu Bara, dengan orang Melayu Bugis dalam kubu Dato' Bandar Yasih di Kuala Lumpur. Dato' Bandar Yasih adalah orang Raja Abdullah yang dibawanya dari Riau yang dijadikannya Dato' Bandar di Kuala Lumpur. Ketua orang Bugis dalam perkelahian itu dikenali sebagai Suliwatang dan seorang lagi Wak Si Galah. Ketua orang Batu Bara itu pula bernama Muhammad Akib, dibantu oleh adiknya bernama Nongok (Beliaulah yang kemudiannya dijadikan Dato' Dagang, dan setelah mengambil haji di Mekah beliau memakai nama Haji Muhammad Tahir). Dalam perkelahian itu orang Batu Bara dengan orang Bugis telah sama-sama berbunuhan. Orang

Bugis lebih ramai daripada orang Batu Bara. Seorang orang Batu Bara bernama Panchik Rasul telah mati dibunuh oleh orang Bugis. Orang Bugis juga ramai yang luka parah ditikam oleh Nonggok.

Muhammad Akib dan adiknya Nonggok telah mengadu kepada Raja Abdullah dan menuntut supaya pihak Bugis menjalankan adat *ganti-darah* untuk menyelesaikan perkara pembunuhan Panchik Rasul itu, dan menuntut juga supaya pembunuhnya dihukum. Tetapi tuntutan itu tiada dipedulikan oleh Raja Abdullah. Sakitlah hati Muhammad Akib kerana orangnya mati tiada berbela dan pembunuhnya tiada dihukum.

Muhammad Akib telah pergi berjumpa Raja Mahadi mengadukan kejadian yang telah berlaku itu, dan ia telah menyatakan pula kepada Raja Mahadi jika Raja Mahadi mahu berperang melawan Raja Abdullah, ia menawarkan dirinya serta orang-orang Melayu Sumatera — khususnya orang Batu Bara — pengikut-pengikutnya akan menyebelahi Raja Mahadi melawan Raja Abdullah. Muhammad Akib telah menegaskan juga bahawa ia rela berkhidmat kepada Raja Mahadi walaupun hilang nyawanya.

Pada masa itu terbukalah peluang kepada Raja Mahadi hendak menyampaikan hasrat yang terpendam di dalam hatinya yang selama ini hendak melawan Raja Abdullah, dan mulalah Raja Mahadi berleengkap hendak berperang. Selain bantuan daripada orang-orang Batu Bara pengikut Muhammad Akib, Raja Mahadi telah meminta wang, bedil, ubat bedil dan alat senjata lain serta kelengkapan daripada seorang taukeh Cina di Melaka bernama Baba Tek Cheng. Mengenai bantuan ini, mengikut perjanjiannya, Baba Tek Cheng tidak berkehendakan bayaran segera; ia mahu menerima wang bunga sahaja dahulu sehingga Raja Mahadi menang. Apabila Raja Mahadi telah menang perang kelak, Raja Mahadi hendaklah membenarkan ia mengambil tanah-tanah di Selangor seberapa luas yang dikehendakinya. Meriam dalam kota di Kuala Selangor serta ubat bedil yang ditinggalkan oleh orang Belanda dahulu (tahun 1785) telah dibawa oleh Raja Mahadi ke Kelang sebagai tambahan kelengkapan perangnya. Tetapi ubat bedil Belanda itu tiada boleh digunakan lagi sebab sudah begitu lama. Orang-orang Raja Mahadi telah berkumpul dan berkubu dalam sebuah kota di atas sebuah bukit di Kelang yang disebut Kota Raja Mahadi. Orang-orang Raja Abdullah

berkumpul dan berkubu dalam sebuah gudang kepunyaan Raja Abdullah di Kelang juga. (Gudang itu kemudiannya, setelah British masuk memerintah Selangor telah dijadikan balai polis). Selain daripada orang-orang Batu Bara, Raja Mahadi mendapat bantuan juga daripada anak-anak Bendahara Wan (Tun) Mutahir Pahang yang melawan Bendahara Wan Ahmad di Pahang. Mulanya anak-anak Bendahara Pahang itu menyebelahi Raja Abdullah. Tetapi oleh sebab telah berlaku satu perselisihan di antara mereka dengan Raja Abdullah, mereka pun menyebelahi Raja Mahadi pula. Raja Mahadi telah berjanji akan menolong mereka mengambil semula negeri Pahang daripada tangan Bendahara Wan Ahmad. Selain daripada itu orang-orang Melayu Mendahiling dari Kuala Lumpur di bawah pimpinan Raja Asal juga datang membantu Raja Mahadi.

Sehari lagi sebelum dimulakan Perang Kelang itu, Raja Abdullah bersama anak isterinya telah bertolak meninggalkan Kelang dengan sebuah kapal roda lambong bernama *Kimbul* pergi ke Melaka, dan meninggalkan anak-anaknya yang bernama Raja Ismail dan Raja Hasan di Kelang sebagai gantinya melawan Raja Mahadi. Tengku Puan Basik tinggal bersama dalam gudang yang didiami oleh pihak anak-anak Raja Abdullah itu.

Esoknya, mulalah meletus perang di antara pihak Raja Mahadi yang terdiri daripada orang Melayu Sumatera (Mendahiling, Rawa dan Batu Bara) dengan pihak Raja Abdullah di bawah pimpinan anaknya Raja Ismail dan Raja Hasan yang terdiri daripada orang Melayu Bugis. Perang itu mula berlaku dalam pertengahan tahun 1866.

Di permulaan perang itu, orang Melayu anak negeri Selangor yang tinggal di kampung-kampung tidak masuk campur di antara kedua pihak. Mereka berkumpul di ladang-ladang dan kampung-kampung mereka sahaja. Rumah-rumah mereka kebanyakannya dipagar dengan kukuh serta dibuat benteng dan dikawal siang malam kerana takut sekiranya orang-orang Raja Mahadi datang mengacau. Dalam masa perang itu, sungguhpun ladang-ladang di sebelah Teluk Pulai membawa ke Teluk Gadong, padinya banyak yang masak, tetapi tuan-tuan punya ladang itu semuanya telah habis lari ke Langat, tinggallah ladang-ladang itu dan tiada siapa pun yang mahu menuai padi tersebut.

Tiada berapa lama setelah perang itu berlaku, Muhammad

Akib, orang harapan Raja Mahadi yang menjadi ketua orang-orang Batu Bara itu, telah ditembak oleh orang Bugis di luar Kota Raja Mahadi semasa ia cuba balik ke kota itu dengan memakai senjata dan perisai setelah merempuh pasukan orang Bugis yang sedang menyerang di situ. Mayatnya telah dikuburkan dalam Kota Raja Mahadi dan Raja Mahadi sangat berdukacita di atas kematiannya itu. Adiknya Nonggok telah dijadikan penggantinya dan Raja Mahadi telah mengangkat beberapa orang panglima perang bagi meneruskan perjuangan itu. Semasa perang itu masih berlaku, Raja Hasan anak Raja Abdullah telah meninggalkan Kelang pergi mendapatkan ayahnya di Melaka, kerana betis Raja Hasan telah luka parah ditembak dalam peperangan itu.

Pihak Raja Mahadi telah mencuba dengan bersungguh-sungguh untuk menyekat bekalan barang makanan dari luar yang akan dibawa masuk ke pihak Raja Ismail yang berkubu di gudang Raja Abdullah itu. Pihak Raja Ismail telah menderita kerana kekurangan bekalan makanan. Dalam pada itu, ada juga Raja Abdullah dari Melaka menghantar satu angkatan yang terdiri dari kapal sekunar Raja Abdullah yang bernama *Gajah Tunggal*, kapal *Kimbul* dan tiga empat buah perahu membawa barang makanan dan ubat bedil untuk orang-orang Bugis pihak Raja Ismail di Kelang. Dalam pada itu, pihak Raja Mahadi masih meneruskan sekatan makanan terhadap orang-orang Bugis itu dengan lebih hebat lagi.

Lebih kurang lima bulan lamanya berperang dan pada akhir tahun 1866, orang-orang Bugis dan pihak Raja Abdullah yang diketuai oleh anaknya Raja Ismail itu telah tewas kerana orang-orang Raja Ismail telah menderita kebuluran. Raja Ismail telah mengutus surat kepada Raja Mahadi mengaku kalah, dan Raja Ismail meminta dia dibebaskan serta beberapa orang pengikutnya meninggalkan Kelang. Permintaan Raja Ismail itu telah diperkenankan oleh Raja Mahadi. Raja Ismail bersama dengan Tengku Puan Basik serta beberapa orang pengikutnya telah bertolak meninggalkan Kelang dengan kapal Raja Abdullah yang bernama *Gajah Tunggal* itu. Setelah singgah sebentar di Lukut, Raja Ismail pun terus ke Melaka menghadap ayahnya Raja Abdullah di Ketapang. Kelang telah jatuh ke tangan Raja Mahadi dan sampailah hasratnya hendak menguasai daerah kepunyaan ayahnya dahulu.

Dato' Bardar Yasih dan seorang lagi orang besar di darat

Selangor bernama Menteri Sumun, telah datang ke Kelang untuk mengadap Raja Mahadi meminta keampunan (keduanya dahulu menyebelahi pihak Raja Abdullah). Tetapi orang-orang Batu Bara dan orang Mendahiling yang berperang bagi pihak Raja Mahadi itu, mahu kedua mereka itu dibunuh sahaja, dan jangan diampunkan. Jika Raja Mahadi tidak membunuh mereka, orang-orang Batu Bara dan orang Mendahiling akan meninggalkan Raja Mahadi. Raja Mahadi tiada dapat berbuat apa. Kedua orang itu telah dibunuh di Kelang. Lepas itu Raja Mahadi telah menyuruh Dato' Nongok tinggal di Kuala Lumpur dalam kubu mendiang Dato' Bandar Yasih.

1867. Dalam bulan Mei tahun 1867, Tengku Puan Basik telah meminta Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura untuk menyelesaikan pergaduhan di antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi berhubung dengan soal Kelang itu. Jawapan Gabenor itu mendukacitakan. Beliau hanya menjaga rakyat British dan harta benda mereka sahaja; dalam perkara menjaga negeri Selangor itu bukanlah kerjanya, dan itu adalah tugas Sultan Selangor sendiri.

(Pada masa itu ada dua orang rakyat British, seorang bernama William Henry Read dan seorang lagi Taukeh Kim Ching; keduanya telah mengadu kepada kerajaan British di Negeri-negeri Selat mengatakan mereka telah diancam bahaya di negeri Selangor. Kerajaan British telah bertanyakan hal itu kepada Sultan Abdul Samad di Langat, dan baginda telah menyatakan untuk menimbangkan perkara tersebut.

(Setelah Raja Mahadi berkuasa di Kelang, beliau telah bermusuh pula dengan Sultan Abdul Samad. Wang sebanyak \$500/- setiap bulan yang didapati daripada hasil cukai di Kelang yang biasa diberi kepada Sultan Abdul Samad itu, tidak diberi lagi oleh Raja Mahadi. Baginda telah murka dan menyatakan baginda tak ada sangkut-paut lagi dengan Raja Mahadi. Pertunangan puteri baginda yang bernama Raja Arfah dengan Raja Mahadi juga diputuskan, dan baginda mencadangkan untuk mengahwinkan puterinya itu dengan Sultan Kedah (Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah). Tetapi Sultan Kedah telah mencadangkan pula supaya adiknya yang bernama Tengku Dhiauddin — atau yang lebih terkenal dengan panggilan Tengku Kudin — dikahwinkan dengan puteri Sultan Abdul Samad itu, dan Tengku Kudin

serta Sultan Abdul Samad telah bersetuju dengan cadangan itu. Tengku Kudin telah datang ke Selangor (Langat) dan berkahwin dengan Tengku Arfah.)

Dalam pada itu, berlaku pula salah faham di antara Dato' Dagang dengan Raja Mahadi. Pada mulanya, Dato' Dagang menyebelahi Raja Mahadi untuk melawan Raja Abdullah dan Raja Mahadi berjanji: jika ia menang, Dato' Dagang akan diberi kuasa menguasai semua tempat di darat Selangor. Tetapi setelah Raja Mahadi menang dan berkuasa di Kelang, tiada apa pun tindakan untuk memenuhi janjinya dengan Dato' Dagang itu. Kemudian daripada itu berlaku pula satu peristiwa yang menambahkan kemarahan Dato' Dagang terhadap Raja Mahadi. Seorang daripada saudara Raja Mahadi telah membunuh seorang daripada pengikut Dato' Dagang. Untuk menyelesaikan perkara itu supaya tidak berlarutan, Dato' Dagang telah meminta supaya pihak yang membunuh itu memenuhi adat *ganti darah*. Tetapi permintaan Dato' Dagang itu tidak dipedulikan oleh Raja Mahadi. Sejak itu Dato' Dagang merasa menyesal menolong Raja Mahadi mengalahkan Raja Abdullah. Dato' Dagang telah menarik diri dari pihak Raja Mahadi. Pada masa itu Dato' Dagang telah menyatakan: kalau Tengku Kudin mahu menjadi ketua melawan Raja Mahadi, dia dan pengikutnya — orang-orang Melayu keturunan Sumatera — akan menyebelahi Tengku Kudin dan akan menggunakan harta kekayaannya membantu Tengku Kudin. Dato' Dagang telah menyatakan juga bahawa ia bersedia menyeludupkan senjata dari Singapura ke Selangor dan senjata itu akan dapat digunakan apabila sampai masanya hendak menyerang Raja Mahadi. Sultan Abdul Samad bersetuju dengan cadangan itu; tetapi tidak dikatakan untuk pengetahuan orang.

(1868. Sultan Abdul Samad telah cuba mencari jalan untuk mengalahkan Raja Mahadi yang telah berkuasa di Kelang itu. Langkah yang pertama diambil oleh Sultan Abdul Samad ialah dengan mengangkat menantu baginda Tengku Kudin sebagai wakil baginda (Wakil Yamtuan). Baginda telah mengurniakan sepucuk surat kuasa kepada Tengku Kudin dan tarik surat kuasa itu bersamaan dengan 26 hari bulan Jun tahun 1868, dan kandungannya seperti di bawah ini (diterjemahkan kembali daripada bahasa Inggeris):-


Pada Hijrah Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam 1285,

pada hari Arba'a, 5 Rabi'ulawwal, beta Sultan Abdul Samad ibni Tengku Abdullah yang bersemayam di atas takhta Kerajaan Selangor di Bandar Termasa telah mengurniakan surat ini kepada Tengku Dhiauddin (Tengku Kudin) ibini almarhum Sultan Zainul Rashid iaitu yang telah menjadi anak (menantu) kita. Kita menyatakan kepada sekalian anak raja, orang-orang besar dan sekalian rakyat yang diam dalam perintah kita bahawa kita telah menyerahkan negeri ini dan jajahan takluknya kepada anak kita Tengku Dhiauddin supaya diperintah dan dimajukannya bagi faedah kita dan putera-putera kita Raja Musa, Raja Kahar dan Raja Ya'akub dan juga bagi faedah sekalian rakyat negeri ini, supaya sekalian mereka itu menerima keadilan dalam serba perkara. Kita telah memberi kuasa kepada anak kita Tengku Dhiauddin boleh berbuat sebarang apa yang boleh memajukan negeri kita dan yang mendatangkan faedah kepada kita.

Tiadalah sesiapa boleh membantah apa-apa perbuatan anak kita itu. Dan sekarang kita sahkan adalah tempat yang bernama Langat ini, kita kurniakan kepada anak kita Tengku Dhiauddin jadi miliknya sendiri supaya ia mengambil hasil daripadanya untuk belanja dia menjalankan kerja kita seperti yang telah disebut di atas tadi. Demikianlah kenyataan kita.

Perlantikan yang dibuat oleh Sultan Abdul Samad ke atas Tengku Kudin (Tengku Dhiauddin) sebagai Wakil Yamtuan bagi seluruh negeri Selangor dan baginda memberikan Langat menjadi hak milik Tengku Kudin itu, tidak disukai oleh putera-putera baginda Raja Musa, Raja Kahar dan Raja Ya'akub; kerana daerah lembahan Sungai Langat itu telah dijadikan hak milik Sultan Abdul Samad sendiri; mereka merasa sakit hati kepada ipar mereka yang telah diberi kuasa dan kelebihan yang begitu besar, Raja Mahadi tentulah tiada setuju dengan tindakan baginda itu, kerana ia telah sedia dengan dasar "siapa kuat dialah dapat", dan memandang Tengku Kudin itu sebagai "orang luar yang mencampuri hal orang lain."

Perlantikan Tengku Kudin menjadi Wakil Yamtuan itu, selain daripada putera-putera Sultan Abdul Samad, raja-raja dan orang-orang besar Selangor yang lain tidak menyetujuinya. Dato' Bandar Langat ialah seorang daripada orang besar yang telah terang-terang menentang perintah Tengku Kudin.



**Tengku Kudin (Tengku Dhiauddin)**



Putera baginda Raja Musa yang mempunyai lombong bijih timah di Kanching, boleh jadi mahu menggalakkan orang-orang Cina di situ menentang Tengku Kudin, supaya Tengku Kudin tidak disukai oleh ayahnya lagi. Dato' Dagang, sebagai yang telah diketahui, memanglah menyebelahi Tengku Kudin kerana ia sakit hati terhadap Raja Mahadi.

Pada masa ini, perusahaan melombong dan perniagaan di Kuala Lumpur berkembang terus. Tetapi Liu Ngim Kong Kapitan Cina di Kuala Lumpur itu sering mengidap penyakit dan telah beransur uzur. Liu Ngim Kong telah berunding dengan Ah Sze untuk memilih gantinya menjadi Kapitan jika berlaku sesuatu hal ke atas dirinya. Keputusan rundingan itu, mereka telah bersetuju dan mengambil ketetapan iaitu Yap Ah Loy akan dijadikan Kapitan jika Liu Ngim Kong meninggal dunia. Lepas itu Kapitan Liu Ngim Kong telah menemui Sutan Puasa saudagar Melayu yang terkemuka masa itu di Kuala Lumpur, dan orang-orang besar Melayu tempatan yang ada hubungan dengan kerajaan Selangor, serta orang Melayu tuan punya tanah yang menyewakan tanah-tanah mereka untuk dilombong oleh orang-orang Cina, meminta persetujuan mereka mengenai pemilihan hendak mengangkat Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur jika Liu Ngim Kong meninggal dunia. Sutan Puasa dan lain-lainnya telah menyetujui pemilihan itu. Kemudian, pergi pula Kapitan Liu Ngim Kong mengadap Sultan Abdul Samad di Langat meminta persetujuan baginda. Baginda telah menyetujui ketetapan yang telah diambil oleh Liu Ngim Kong dan Ah Sze itu. Pada masa itulah Kapitan Liu Ngim Kong telah menyatakan pendiriannya dalam persengketaan di antara raja-raja Melayu di Selangor ketika itu. Liu Ngim Kong telah menyatakan dengan berterus-terang bahawa ia menyebelahi Sultan Abdul Samad, Dato' Dagang dan Tengku Kudin, dan ia menentang Raja Mahadi. Pendirian yang telah diambil oleh Liu Ngim Kong itu nyata kerana ia yakin bahawa pihak yang disokongnya itu dirasakan lebih kuat daripada pihak Raja Mahadi, dan ia percaya lambat-laun Raja Mahadi akan terhalau juga dari Kelang.

Liu Ngim Kong telah memanggil Yap Ah Loy yang berada di Kelang supaya datang ke Kuala Lumpur dan ia menyatakan: jika beliau meninggal dunia, mayatnya hendaklah dibawa ke Melaka dan dikebumikan di sana; dan dimintanya Yap Ah Loy menguruskan semua perniagaan dan perusahaan-

nya apabila ia mati kelak. Dalam bulan Ogos tahun 1868, Kapitan Liu Ngim Kong telah meninggal dunia. Segala pesanannya itu telah dijalankan oleh Yap Ah Loy dengan sedaya upayanya. Pada bulan hadapannya, bulan September tahun 1868, Yap Ah Loy telah diangkat menjadi Kapitan Cina bagi Kuala Lumpur (Kapitan Cina yang ketiga di Kuala Lumpur). Pada masa itu, selain daripada lombong-lombong yang dipunyainya sendiri, bertambah pula dengan harta peninggalan Liu Ngim Kong, Yap Ah Loy telah menjadi seorang yang kaya.

Pada masa ini pertentangan dan permusuhan daripada orang-orang yang memusuhi Tengku Kudin telah bertambah hebat sehinggakan Tengku Kudin merasa lebih baik ia mengundurkan diri dari Selangor buat sementara waktu dan balik ke Kedah mengumpulkan orang-orangnya untuk dibawa ke Selangor bagi menguatkan kuasanya sebagai Wakil Yamtuan itu. Kebetulan pula masa itu bonda Tengku Kudin telah mangkat di Kedah. Oleh itu, pada akhir tahun 1868, Tengku Kudin balik ke Kedah untuk turut sama dalam istiadat pengkebumian bondanya. Isterinya Tengku Arfah ditinggalkan di Langat bersama mertuanya Sultan Abdul Samad. Pada masa itu Sultan Abdul Samad begitu susah hati kerana orang yang diharapkan tiada di sisinya; tambahan pula tiada seorang pun orang-orang dalam istana baginda yang hendak menolong puteranya Raja Abdullah yang terhalau dari Kelang semasa melawan Raja Mahadi. Mengikut suatu pendapat pula, sebelum Tengku Kudin balik ke Kedah, ia pergi dahulu ke Melaka berjumpa penyokongnya Baba Tek Yee yang menguruskan persediaan bekalan dan kelengkapan untuk mengeluarkan Raja Mahadi dari negeri Selangor. Semasa di Kedah pula, setelah selesai pengkebumian bondanya, Tengku Kudin mula mengumpulkan orang-orang yang akan menjadi askarnya. Beliau dapat mengumpulkan seramai lebih kurang lima ratus orang yang diketuai oleh beberapa orang pahlawan Kedah yang terkenal, yang akan dibawanya ke Selangor.

1869. Pada awal tahun 1869 Raja Abdullah yang terhalau dari Kelang oleh tindakan Raja Mahadi, dan telah dua tahun tinggal di Melaka yang telah bersiap-siap hendak menyerang Kelang telah mangkat di Ketapang, Melaka. Mengikut setengah ceritanya: Raja Abdullah itu telah pergi ke Singapura; di sana ia telah jatuh sakit dan telah dibawa belayar ke Melaka. Dalam pelayaran ke Melaka ia telah mangkat;

mayatnya dibawa ke Ketapang kerana anak isterinya ada di situ. Puteranya Raja Ismail, sejak terhalau dari Kelang dahulu, selalu sahaja pergi mengadap Sultan Abdul Samad di Langat mendesak baginda menuntut haknya di daerah Kelang yang telah dikuasai oleh Raja Mahadi itu. Pada suatu masa, kerana selalu diganggu oleh Raja Ismail, baginda pun seolah-olah menyuruh Raja Ismail menyerang Raja Mahadi, dengan bertitah: "Engkau semua sama-sama muda bolehlah bertikam." Sejak itu Raja Ismail pun semakin bersemangat menyediakan kekuatannya hendak menyerang Raja Mahadi di Kelang. Raja Ismail telah menyuruh adiknya pergi ke Riau untuk mencari dan mengumpulkan orang, dan telah dapat dikumpulkan beberapa orang bekas perompak laut yang disebut *Lanun* dari pulau Reteh, Igal dan Manda di Kepulauan Riau; dan dapat pula kira-kira enam puluh orang dari Pulau Buru. Raja Ismail juga berjaya mendapat sokongan orang dari Lukut dan Kubu di Siak. Segala perbelanjaan pergi diperolehi daripada kawan lama dan penyokong ayahnya di Melaka, iaitu Baba Tek Yee. Lebih kurang lima bulan lamanya Raja Ismail menyediakan kelengkapan dan mengumpulkan orang-orangnya di Melaka untuk menyerang Raja Mahadi itu. Sementara itu Dato' Dagang telah menyeludupkan senjata ke Kelang yang akan digunakan dalam serangan itu.

Pada awal tahun 1869 itu juga, Chong Chong bekas ketua Yap Ah Loy semasa menjadi pekerja lombong di Lukut tiga belas tahun dahulu (1856) dengan dua puluh orang pengikutnya telah datang ke Kuala Lumpur dengan tujuan mencari helah hendak membangkitkan huru-hara di Kuala Lumpur dan merosakkan kedudukan Yap Ah Loy, supaya beliau dapat menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Pada masa itu, Ah Sze sahabat baik Ah Loy telah tinggal di Kanching telah menjadi seorang yang kaya-raya. Chong Chong telah mencuba juga supaya Sutan Puasa dengan Yap Ah Loy yang bersahabat baik itu berkelahi. Apabila Chong Chong gagal menjatuhkan Yap Ah Loy daripada kedudukannya itu, Chong Chong telah berpindah ke Kanching dan cuba mempengaruhi kongsi gelap Ghi Hin yang ramai di sana. Apabila Chong Chong tinggal di Kanching, Ah Sze merasa kedudukannya di situ lambat-laun tidak akan selamat. Oleh sebab itu pada suatu hari, dalam penghujung bulan Februari tahun 1869, secara diam-diam Ah Sze telah bertolak meninggalkan Kanching pergi ke Kuala Lumpur. Tetapi sebaik sahaja

sampai berdekatan Bukit Kanching, dengan tiba-tiba Ah Sze telah diserang dan dibunuh oleh orang-orang Chong Chong yang telah mengendap di tempat itu.

Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur begitu marah mendengar berita kematian Ah Sze itu. Yap Ah Loy dengan bantuan Sutan Puasa dari Ampang dan Raja Asal dari Ulu Kelang, beserta pengikut mereka, orang Cina dan Melayu, seramai seribu orang telah pergi ke Kanching. Mayat Ah Sze telah dijumpai di Kanching. Yap Ah Loy telah menjalankan penyiasatan ke atas orang-orang Cina di Kanching bertanyakan perkara yang berhubungan dengan pembunuhan Ah Sze itu, dan kalau dapat Yap Ah Loy dan pengikutnya akan menuntut bela. Orang-orang Cina di Kanching telah menyatakan kepada Yap Ah Loy bahawa mereka sedikit pun tidak tahu menahu mengenai perkara yang berhubung dengan pembunuhan itu. Dalam pada itu, Yap Ah Loy telah diberitahu bahawa Chong Chong tiada lagi di Kanching; khabarnya ia telah menyembunyikan diri di sebuah kampung dekat Rawang.

Apabila berita kematian Ah Sze sampai kepada Raja Mahadi di Kelang, pihak Raja Mahadi merasa marah kepada pembunuh Ah Sze itu, dan beliau dengan berterang-terang menyatakan menyokong Yap Ah Loy. Beberapa bulan kemudian, dalam bulan Jun tahun 1869 Raja Mahadi datang ke Kuala Lumpur. Dengan bantuan Sutan Puasa, Raja Asal dan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur, dalam suatu upacara keramaian yang dihadiri oleh orang-orang Cina bersama dengan orang Melayu, Raja Mahadi telah menjalankan upacara mengiktiraf perlantikan Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Dalam upacara perlantikan itu, Kapitan Yap Ah Loy memakai selengkap pakaian Melayu itu, Kapitan Yap Ah Loy memakai selengkap pakaian Melayu serta tanjaknya sekali. Raja Mahadi juga memberitahu bahawa kedatangannya mengiktiraf perlantikan Kapitan Yap Ah Loy itu adalah atas nama baginda Sultan Selangor. Tetapi sejauh manakah benarnya pengakuan Raja Mahadi itu, tidaklah dapat disahkan. Pada masa ini jugalah Raja Mahmud anak Raja Berkat mula masuk menyebelahi pihak Raja Mahadi.

Pada akhir bulan Julai tahun 1869, enam minggu selepas Raja Mahadi mengiktiraf pangkat Yap Ah Loy itu, Raja Ismail putera Raja Abdullah di Melaka telah menetapkan azamnya; sudah sampailah ketikanya ia mesti menyerang

### Raja Mahadi di Kelang.

Dalam bulan Ogos tahun itu juga (1869), angkatan perahu Raja Ismail telah bertolak dari Melaka menuju Kelang. Raja Sulaiman bin Raja Hasan dari Sungai Raya (dekat Lukut), saudara sepupu Raja Ismail, turut sama dalam angkatan itu. Berkenaan Raja Sulaiman, semasa Raja Mahadi berperang untuk mengambil Kelang dari tangan Raja Ismail dahulu (1866), ia menyebelahi Raja Mahadi. Tetapi oleh kerana ada perselisihan di antara beliau dengan Raja Mahadi, beliau telah berpaling tadah menyebelahi Raja Ismail pula. Orang-orang dalam angkatan Raja Ismail yang datang hendak menyerang Kelang itu tidak begitu ramai, cuma seratus orang sahaja.

Apabila sampai di Kuala Kelang, pada waktu subuh, orang-orang Raja Ismail telah menyerang pihak Raja Mahadi yang berkubu di situ, dan dengan mudah sahaja mereka dapat menawan kubu tersebut kerana orang-orang Raja Mahadi itu telah diserang secara mengejut dan tidak dapat bertindak balas, sebaliknya mereka lari meninggalkan kubu itu; ada beberapa orang di antara mereka yang luka dan mati ditembak; tetapi ada juga yang lepas lari dan balik ke Kelang memberitahu Raja Mahadi tentang kejadian itu. Dalam pertempuran di Kuala Kelang itu, di pihak Raja Ismail hanya seorang sahaja yang mati dicencang, kebetulan oleh saudaranya sendiri yang tiada mengenalinya dalam keadaan yang gelap dan kelam-kabut itu.

Dari kubu yang dapat ditawan itu, pihak Raja Ismail telah membedil kubu pihak Raja Mahadi yang terletak di seberang sungai (di Kuala Kelang juga), dan telah membedil perahu sekunar Raja Mahadi bernama *Seri Lingga* yang sedang berlabuh di tengah Sungai Kelang itu. Seorang yang bernama Raja Abdullah bin Raja Abbas (ipar Raja Mahadi) ketika itu ada dalam perahu sekunar *Seri Lingga* itu. Orang-orang Batu Bara pihak Raja Mahadi yang berkubu di sebelah sana telah mencadangkan supaya Raja Abdullah bin Raja Abbas membawa orang-orang Kelang mudik dahulu ke Kelang dengan *Seri Lingga*, dan orang-orang Batu Bara akan menjaga kubu di Kuala Kelang itu. Setelah Raja Abdullah mudik ke Kelang, orang-orang Batu Bara telah menyebelahi pihak Raja Ismail dan menyerahkan kubu yang di seberang sana itu kepada Raja Ismail. Setelah itu angkatan Raja Ismail mudik dan mula mengepong pihak Raja Mahadi di Kelang. Menurut satu

cerita: apabila Raja Ismail mula mengepong pihak Raja Mahadi di Kelang itu, Raja Ismail telah mengutus surat kepada Tengku Kudin di Kedah meminta bantuan untuk menawan Kelang.

Setelah dua bulan Raja Ismail mengepong dan kedua-dua pihak berperang tidak secara bersungguh-sungguh dan dalam bulan Oktober tahun 1869, Tengku Kudin tiba di Kuala Kelang dengan pasukannya seramai lebih kurang lima ratus orang dengan sebuah kapal dan berpuluh-puluh buah perahu. Tengku Kudin telah meninggalkan Selangor dan pergi ke Kedah selama setahun (1868-1869). Bila tiba di Kuala Kelang, Tengku Kudin telah menghantar separuh daripada orang-orangnya pergi ke Langat untuk mengawal isteri dan keluarganya di sana. Kemudian, Tengku Kudin telah mudik menuju Kelang.

Tengku Kudin telah menghantar utusannya membawa sepucuk surat kepada Raja Mahadi. Surat itu menyatakan bahawa kedatangannya adalah untuk mendamaikan pihak Raja Mahadi dengan Raja Ismail. Tetapi tawaran Tengku Kudin itu telah ditolak oleh Raja Mahadi dan menghina pula, dan surat Tengku Kudin itu tidak dibalas. Raja Ismail memang menerima tawaran Tengku Kudin itu. Oleh itu Tengku Kudin telah bermesyuarat dengan Raja Ismail dan Raja Sulaiman bin Hasan. Keputusannya, mereka telah bersetuju bersatu melawan Raja Mahadi. Tengku Kudin telah memberitahu Sultan Abdul Samad tentang tindakan Raja Mahadi yang tiada mengindahkan tawarannya itu. Sultan Abdul Samad telah menghantarkan askar-askarnya dari Langat seramai dua ratus orang pergi ke Kelang membantu Tengku Kudin. Sejak itu mulalah pihak Tengku Kudin yang bersatu dengan pihak Raja Ismail itu mengepong kota, gudang dan kubu tempat orang-orang Raja Mahadi di Kelang, dan berlakulah peperangan di antara kedua belah pihak.

Tengku Kudin yang mengepong pihak Raja Mahadi di Kelang telah menggunakan taktiknya sendiri dan tidak terus menyerang tetapi secara perlahan-lahan, beliau menyekat kemasukan barang-barang — terutama barang makanan — dan Tengku Kudin telah memutuskan perniagaan bijih timah di antara Kelang dengan kawasan di darat Selangor. Sambil itu setiap hari pula pasukan Tengku Kudin, di bawah kelolaan seorang bangsa Eropah bernama de Fontaine, membedil dengan meriam ke Kota Raja Mahadi yang terletak di atas

bukit itu. Pertahanan kota itu cukup kuat. Tambahan pula, di Sungai Kelang, setentang dengan kubu Dato' Dagang, yang menyeberahi Tengku Kudin, ada rantai besi yang direntang menyeberangi sungai itu, sehingga menyukarkan perahu sekunar *Seri Lingga* yang digunakan untuk membawa beras dan lain-lain barang makanan dari Kuala Lumpur ke tempat Raja Mahadi, hendak melintasi sungai kubu Dato' Dagang itu. Hanya sedikit sahaja bekalan yang dapat sampai ke tempat Raja Mahadi itu, yang dibawa oleh orang Mendahiling dari Kuala Lumpur di waktu malam, dengan menggunakan perahu kecil, tanpa diketahui oleh pegawai-pegawai di tepi Sungai Kelang itu. Oleh sebab itu, beras dan barang makanan lain yang sampai ke tempat pihak Raja Mahadi itu telah dijual dengan harga yang tinggi kalau dibandingkan dengan harga barang masa itu, beras seringggit secupak, ikan senohong yang agak besar dua ringgit seekor, kelapa sebiji 30 atau 40 sen. Semasa Raja Mahadi berperang melawan Tengku Kudin di Kelang itu, seorang keturunan Eropah di Pulau Pinang bernama Edward Bacon, telah menolong pihak Raja Mahadi dengan menghantar perahu yang bermuatkan beras, senapang pemurus dan ubat bedil. Raja Mahadi telah memberikan wang sebanyak \$30,000/- kepada Bacon. Tetapi pada akhir tahun 1870 (bulan November) baharulah hal itu diketahui oleh Tengku Kudin. Perbuatan Bacon itu telah diadukan oleh pembantu Tengku Kudin yang bernama Saiyid Zain kepada Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat.

1870. Dalam bulan Februari tahun 1870, semasa Tengku Kudin melawan Raja Mahadi di Kelang, Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan telah menghantar satu pasukan di bawah pimpinan seorang hulubalang Melayu peranakan Arab berasal dari Pontianak dan telah lama tinggal di Langat bernama Saiyid Mashhor bin Muhammad Ash-Shahab, pergi ke Kuala Selangor yang di bawah jagaan Raja Musa, sebagai ketua menjaga pertahanan Kuala Selangor di kota-kota yang ada di situ. Tetapi tiada berapa lama Saiyid Mashhor tinggal di Kuala Selangor, dia telah mendapat berita mengatakan adiknya yang bernama Saiyid Abdullah telah terbunuh di Langat. Oleh sebab Saiyid Mashhor telah tahu akan tabiat Raja Ya'akub putera Sultan Abdul Samad (saudara kepada Tengku Arfah isteri Tengku Kudin) yang kasar, bengis dan selalu berbuat sesuka hatinya sahaja, maka Saiyid Mashhor mempercayai tentulah Raja Ya'akub ada campur tangan dan bertang-

gungjawab dalam pembunuhan adiknya itu. Oleh kerana terlampau marah, Saiyid Mashhor, selain daripada mengutuk Rajah Ya'akub, terlibat juga Sultan Abdul Samad dan Wakil Yamtuan (Tengku Kudin), iaitu orang-orang yang bertanggungjawab menjaga keadilan di negeri itu. Sejak itu Saiyid Mashhor telah melepaskan tanggungjawabnya menjaga pertahanan di Kuala Selangor, dan sejak itulah pula beliau memusuhi Tengku Kudin, bahkan Saiyid Mashhorlah orang yang terkenal menentang Tengku Kudin dan sekutunya dalam Perang Saudara di negeri Selangor itu hingga ke akhir peperangan.

Berbalik kepada kisah di Kelang. Setelah enam bulan lamanya Tengku Kudin; mengepong Raja Mahadi di Kelang, akhirnya Raja Mahadi telah keputusan wang belanja, makanan dan bekalan lain untuk menentang pihak Tengku Kudin; dengan itu ramai orang-orang Raja Mahadi yang lari. Oleh kerana terlalu menderita, maka seberapa orang pengikutnya, secara diam-diam keluar dari kotanya dan meninggalkan orang-orangnya dalam kota itu meneruskan peperangan. Dan oleh kerana Kota Raja Mahadi itu terus ditembak dengan meriam oleh pihak Tengku Kudin, akhirnya, kerana tiada tertahan lagi, orang-orang Raja Mahadi yang tinggal itu telah mengaku kalah dan menyerahkan kota itu serta tempat pertahanan lain kepada Tengku Kudin dengan syarat orang-orang Raja Mahadi, yang berada di dalam kota itu supaya jangan dipengapakan. Permintaan itu telah disetujui oleh Tengku Kudin. Oleh kerana pujukan Raja Sulaiman bin Raja Hasan pula orang-orang Pahang yang menyebelahi pihak Raja Mahadi itu, telah masuk menyebelahi Tengku Kudin. Ketua orang Mendahiling di Kuala Lumpur yang menyebelahi Raja Mahadi, ada setengahnya terus tinggal di Kuala Lumpur di kubu mereka di Bukit Nenas, dan setengahnya pula ada yang lari ke negeri Perak.

Kejatuhan Kelang ke tangan Tengku Kudin berlaku dalam bulan Mac tahun 1870.

Setelah Raja Mahadi keluar dari Kelang, Sultan Abdul Samad telah menyerahkan Kelang kepada Tengku Kudin dan ditukar dengan Langat, kerana Sultan Abdul Samad dengan putera baginda Raja Ya'akub dan Raja Kahar bersemayam di Langat. Tengku Kudin tidak lagi pulang ke Langat, dan setelah mengambil isteri dan keluarganya di Langat, ia berpindah ke Kota Raja Mahadi yang terletak di atas bukit di Kelang itu. Sejak itu mulalah Tengku Kudin memajukan



Kelang, membina jalan raya, membuka perusahaan dan perniagaan bijih timah dan membuat hubungan perniagaan dengan Negeri-negeri Selat. Pada masa itu, oleh sebab di kuala-kuala sungai dalam negeri Selangor terutama di Sungai Kelang dan Sungai Selangor dipercayai telah aman, banyaklah perahu orang Melaka, sehingga sampai 15 atau 20 buah perahu, datang berniaga ke Langat (Sungai Langat).

Raja Mahadi yang telah melepaskan diri dari Kelang, telah pergi ke arah Sungai Buloh iaitu sebuah kampung di tepi pantai dalam daerah pegangan Raja Ali ketua di Jeram, dan buat sementara waktu, Raja Mahadi telah melindungi diri di sini, kerana Raja Ali Jeram itu adalah salah seorang daripada orang besar Selangor yang tidak sukakan Tengku Kudin.

Perang Kelang yang berakhir dengan terusirnya Raja Mahadi pada awal tahun 1870 (Mac) itu, telah merebak pula di lain-lain daerah dalam negeri Selangor di mana berlaku beberapa pergaduhan. Kali ini, bukan lagi pergaduhan bunuh-membunuh di antara orang Melayu sahaja, malah orang Cina juga turut sama dengan cara yang lebih besar lagi.

Pada awal tahun 1870 itu juga, Raja Mahadi yang berlinjung di Sungai Buloh itu, telah pergi ke Pahang mengikut jalan Ulu Selangor atau mungkin mudik melalui Sungai Bernam sampai ke Pahang. Di Raub, Raja Mahadi telah membantu Engku Aman, atau Engku Wan Abdul Rahman (atau Wan Aman) dan adiknya Wan Da (Engku Da) anak-anak Bendahara Tun (Wan) Mutahir menyerang Bendahara Wan Ahmad. Tetapi pihak Engku Aman yang dibantu oleh Raja Mahadi telah tewas.

Raja Mahadi pergi membantu Wan Aman (Engku Aman) di Pahang tetapi tidak tinggal lama di Pahang, kerana tujuan utama Raja Mahadi ialah hendak mengambil Kuala Selangor semula. Raja Mahadi telah balik semula ke Selangor dan terus mengumpulkan kekuatannya bagi menyerang Kuala Selangor. Wan Aman pun, setelah gagal mengalahkan pihak Bendahara Wan Ahmad di Pahang, telah turut sama datang ke Selangor. Sampai di Selangor, oleh kerana berlaku perselisihan di antara Wan Aman dengan Raja Mahadi, Wan Aman tidak mahu lagi memihak kepada Raja Mahadi; dan ia telah menyebelahi Tengku Kudin pula. Wan Aman telah dilantik oleh Tengku Kudin memerintah di suatu tempat di daerah Ulu Selangor.

Dalam tahun 1870 itu juga, mungkin dalam bulan Februari, telah berlaku suatu pergaduhan secara besar-besaran di Kan-

ching yang disebut oleh orang-orang Melayu "Perang Kanching". Di antara sebab-sebab yang menjadi punca berlaku pergaduhan dan pembunuhan itu adalah seperti yang disebutkan berikut ini:-

Raja Asal dan Sutan Puasa sahabat baik Kapitan Yap Ah Loy telah mendahulukan wang mereka kepada taukeh-taukeh lombong di Kanching kerana hendak membeli timah. Wang harga timah itu telah dijelaskan kira-kira setahun dahulu. Tetapi sampai sekarang (tahun 1870) mereka belum juga menerima timah atau bijih timahnya daripada taukeh lombong di Kanching itu. Raja Asal dan Sutan Puasa telah meminta Kapitan Yap Ah Loy berikhtiar supaya mereka dapat menerima timah yang telah mereka bayar itu. Sementara itu, balu Ah Sze telah datang mengadu kepada Kapitan Yap Ah Loy mengatakan ia tidak berupaya hendak memungut hutang mendiang suaminya yang masih ada lagi pada orang Cina di Kanching itu. Yap Ah Loy dengan Sutan Puasa telah pergi ke Kanching memungutkan hutang-hutang itu.

Berkenaan dengan hendak meminta dan mengambil timah-timah yang sudah dibayar oleh Raja Asal dan Sutan Puasa daripada taukeh-taukeh Cina di Kanching itu, ceritanya begini: Raja Asal dan Sutan Puasa telah membawa satu pasukan mereka yang terdiri dari orang-orang Melayu seramai dua ratus orang pergi ke Kanching. Tetapi sebelum orang-orang Raja Asal dan Sutan Puasa itu bertolak ke Kanching, Kapitan Yap Ah Loy telah menghantarkan lebih dahulu pasukannya seramai empat ratus orang Cina di bawah panglimanya yang bernama Chung Piang, Hiu Fatt, Teng Sam dan Tung Khun pergi berkumpul di suatu tempat bernama Parit Tengah yang tiada berapa jauh dari Kanching, dengan harapan sekiranya Raja Asal dan Sutan Puasa berkehendakkan bantuan, bolehlah mereka datang membantu.

Apabila Raja Asal dan Sutan Puasa bersama dengan pasukan mereka itu sampai ke Kanching, mereka menuntut supaya diberi timah yang telah mereka bayar harganya itu. Taukeh-taukeh lombong yang berkenaan dengan pembelian itu telah menerangkan kepada Raja Asal dan Sutan Puasa bahawa bijih timah dari lombong-lombong itu belum lagi mereka kumpulkan. Raja Asal dan Sutan Puasa begitu marah mendengar jawapan itu, kerana jawapan itu bererti taukeh Cina itu belum juga lagi hendak memberikan timah itu. Raja Asal dan Sutan Puasa telah memerintahkan orang-orangnya menyerang mereka, dan berlakulah pergaduhan. Pihak orang-

orang Cina di Kanching telah cuba bertahan dan melawan serangan dari orang-orang Raja Asal dan Sutan Puasa itu.

Setelah diberitahu tentang kejadian di Kanching itu dan kedengaraan pula bunyi tembakan meriam dan senapang dari tempat itu, Chung Piang beserta pasukan Kapitan Yap Ah Loy yang menanti di Parit Tengah itu pun dengan sertamerta memerintahkan orang-orangnya pergi dengan segera ke Kanching, dan berlakulah pula pergaduhan dengan dahsyatnya. Dengan serangan daripada pasukan orang-orang Melayu yang telah bersatu dengan orang Cina itu, tiadalah tertahan lagi orang-orang Cina di Kanching untuk melawannya, dan mereka telah menyerah kalah. Mereka yang masih hidup telah lari meninggalkan tempat itu. Pihak yang menang telah masuk menggeledah ke rumah-rumah kongsi di Kanching dan telah menjumpai beberapa keping timah tersimpan dalam rumah kongsi itu, dan timah-timah itu semuanya telah diambil. Setelah itu mereka pulang ke Kuala Lumpur dengan kemenangan, dan sejak itu Kanching pun tunduk di bawah kuasa Kapitan Yap Ah Loy. Mengikut ceritanya: dalam pertempuran di Kanching itu, pihak yang datang menyerang (pihak Yap Ah Loy yang bersatu dengan pihak Raja Asal dan Sutan Puasa) cuma 12 orang Cina dan 8 orang Melayu telah terbunuh; (136 orang telah terbunuh bagi pihak orang Cina di Kanching yang diserang itu. Dalam pada itu, beberapa orang Cina yang telah dapat melarikan diri dari Kanching, telah pergi ke Langat dan mengadu kepada Sultan Abdul Samad mengatakan: mereka telah diserang oleh pasukan Kapitan Yap Ah Loy yang bersatu dengan pasukan Raja Asal, dan seramai 136 orang daripada orang-orang mereka telah terbunuh dalam pertempuran itu.)

(Lebih kurang dua minggu selepas itu, Kapitan Yap Ah Loy dengan seorang kawannya bernama Voon Siew serta beberapa orang pengiring mereka telah pergi ke Kelang mengadap Tengku Kudin. Lepas itu pergi pula mengadap Sultan Abdul Samad di Langat. Sebaik sahaja sampai, Yap Ah Loy dengan kawannya yang datang menghadap itu terus dimarah dan kejadian yang telah berlaku itu tiada patut menyebabkan kematian lebih daripada seratus orang Cina di Kanching yang hanya berpuncakan hutang. Sepatah pun Yap Ah Loy tidak berani menjawab titah baginda itu. Sejurus lepas itu, dengan lebih dahulu memberi hormat kepada baginda, Voon Siew pun meminta ampun dan maaf kepada baginda tentang kejadian yang telah berlaku itu, dan meminta baginda memim-

bankan perkara itu dengan sewajarnya, sama ada mereka akan dihukum bunuh atau didenda, kerana kejadian itu pun telah berlaku dan tiada perlu diperkatakan lagi — demikian kata Voon Siew. Dalam pada itu, setelah empat kali Kapitan Yap Ah Loy dan kawannya itu mengadap Sultan Abdul Samad dengan menyatakan dukacita dan kesal akan kejadian di Kanching itu serta mengulangi meminta ampun dan maaf kepada baginda, akhirnya, baginda pun memaafkan Yap Ah Loy “dan menasihatkan supaya mereka jangan lagi melakukan perbuatan seperti itu.” Dan baginda telah memberi tempoh dalam tiga hari sahaja mereka mesti keluar dari Langat dan balik ke Kuala Lumpur. Pendeknya, hanya setakat itulah sahaja perkara yang berkaitan dengan Sultan Abdul Samad tentang kejadian di Kanching itu. Sama ada Kapitan Yap Ah Loy terpaksa membayar gantirugi atau tidak, tidak diketahui. Tetapi walau bagaimanapun, bagi orang-orang Cina pula yang terselamat tentulah tidak mudah melupakan kejadian itu.

(Dalam bulan Mac tahun 1870 itu juga, Chong Chong yang telah lari dari Kanching dan menyembunyikan diri di sebuah kampung dekat Rawang dalam tahun 1869 dahulu, telah dapat melepaskan diri keluar dari Rawang, dan pergi ke Kuala Langat. Di sana Chong Chong telah berkenalan dan bersahabat baik dengan Saiyid Mashhor yang telah meninggalkan Kuala Selangor dahulu. Mereka telah mengumpulkan orang dan kelengkapan untuk menyerang Kuala Lumpur seperti yang akan disebutkan lagi kisahnya di sini.)

(Dalam tahun 1870 itu, memandangkan kepada keadaan huru-hara yang sedang berlaku di negeri Selangor itu, orang-orang Inggeris telah nampak satu peluang untuk memasukkan pengaruhnya lagi ke negeri Selangor; tambahan pula apabila mengetahui bahawa Tengku Kudin yang telah diangkat menjadi Wakil Yamtuan di negeri itu adalah seorang yang suka berbaik-baik dengan orang Inggeris bagi menegakkan kuasanya di negeri Selangor di samping melawan anak-anak raja yang boleh mewarisi hak mereka di negeri Selangor, tetapi tidak mendapat sokongan daripada Sultan Abdul Samad sendiri. Dalam bulan Mei tahun itu (1870), Sir Harry Ord, Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura, telah datang melawat ke Langat dan berjumpa dengan Sultan Abdul Samad. Dalam perjumpaan itu Gabenor telah memujuk dan menasihatkan Sultan Abdul Samad supaya baginda meneruskan bantuan kepada Tengku Kudin bagi memajukan negeri Selangor.

Dalam bulan Jun tahun itu juga (1870), perihal Chong Chong yang telah bersekutu dengan Saiyid Mashhor itu, beritanya telah sampai kepada Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur. Kapitan dengan segera memberitahu Tengku Kudin serta meminta pertolongan dan perintah-perintah yang hendak dijalankan daripada Wakil Yamtuan itu. Tengku Kudin telah memberitahu Ah Loy bahawa "Tengku Kudin telah meminta Yap Ah Loy menyediakan persediaan yang selengkapnya untuk menghukum musuh-musuhnya itu." Sejak itu Kapitan Yap Ah Loy telah menambah lagi orang-orang dalam pasukannya. Chung Piang dan Hiu Fatt telah dilantik menjadi pegawai mengambil orang baharu. Adiknya yang bernama Yap Tet Fong dihantar ke Singapura untuk membeli senapan dan peluru serta barang-barang lain bagi persediaan untuk menentang musuh, dan Kapitan itu sendiri telah menyediakan wang yang banyak bagi membiayai perbelanjaan melawan musuh yang akan dihadapinya. Kira-kira dalam bulan September tahun 1870, Ah Loy telah dapat mengumpulkan orang-orangnya lebih daripada seribu orang.

Dalam bulan Julai (1870) pula, Sultan Abdul Samad telah mengutus surat kepada Gabenor di Singapura meminta Gabenor menolong pegawai-pegawai baginda di muara Sungai Selangor, Sungai Jeram dan Sungai Bernam supaya musuh-musuh baginda tidak dapat membawa masuk bekalan beras, bedil dan peluru. Tetapi dalam bulan itu juga (Julai 1870) Raja Mahadi dengan dibantu oleh Raja Hitam di Bernam dan Raja Ali di Jeram serta pasukan mereka seramai dua ratus orang telah datang menyerang dan mengambil Kuala Selangor yang di bawah jagaan Raja Musa itu. Raja Musa tidak pula dipengapakan. Sejak itu Raja Mahadi dan kawan-kawannya dapat memerintah Kuala Selangor, dan menguasai kota-kota yang ada di situ, serta memugut cukai di kawasan lembah Sungai Selangor itu. Raja Musa dan anak isterinya telah keluar dari Kuala Selangor pergi ke Langat mengadap ayahnya Sultan Abdul Samad mengadukan hal yang telah berlaku di Kuala Selangor itu. Tetapi Raja Musa tidak menerima sebarang bantuan atau perangsang daripada ayahnya itu, sebaliknya baginda telah menyuruh Raja Musa mengadukan hal kesusahannya itu kepada Tengku Kudin. Raja Musa telah bertolak meninggalkan Langat pergi ke Singapura dengan membawa puteranya yang bernama Raja Sulaiman yang ketika itu baharu berusia lima tahun. Di Singapura, Raja Sulaiman telah diberi pelajaran Inggeris di Raffles Institution,

dan ia telah bersekolah di situ selama tiga tahun. Setahun lamanya Raja Musa berada di Singapura, dan lebih kurang pada pertengahan tahun 1871, Raja Musa pulang semula ke Selangor dan tinggal di Kuala Selangor juga.

Kira-kira dalam bulan Ogos tahun 1870, Raja Mahadi yang berada di Kuala Selangor, telah mengirim surat kepada Raja Siam mengadukan perbuatan Tengku Kudin adik Sultan Kedah yang di bawah kuasa Siam itu, kerana Tengku Kudin telah masuk campur melanggar hak raja-raja di negeri Selangor. Tetapi pada 19 hari bulan Ogos itu juga (1870) Sultan Abdul Samad memberitahu Sultan Kedah bahawa pengaduan Raja Mahadi itu, janganlah dihiraukan, kerana aduannya itu palsu. Sungguhpun demikian, perkara Raja Mahadi mengadu kepada Raja Siam itu telah juga dirundingkan oleh Kerajaan Siam di bandar Bangkok, sehingga Sultan Kedah terpaksa menitahkan Tengku Kudin sendiri pergi ke negeri Siam (dalam bulan Mei tahun 1871) menerangkan kedudukan perkara itu kepada Kerajaan Siam. Tengku Kudin telah meminta suatu surat pengakuan daripada Gabenor Sir Harry Ord yang telah mempersetujui Tengku Kudin menjadi Wakil Yamtuan di negeri Selangor, dan semasa hendak pergi ke negeri Siam itu, Tengku Kudin telah meminta juga seorang jurubahasa dari Kedah supaya boleh ia meminta Raja Siam membenarkan Sultan Kedah membantu dia melawan musuhnya di Selangor.

Lebih kurang seminggu lepas Sultan Abdul Samad memberitahu Sultan Kedah tentang Raja Mahadi itu, pada 25 haribulan Ogos tahun 1870, baginda telah memberikan kepada Tengku Kudin surat kuasa yang kedua pula, iaitu mengulangi menyatakan kepercayaan baginda akan menantunya Tengku Kudin itu. Tetapi ini haruslah dengan permintaan Tengku Kudin jua. Surat kuasa yang kedua ini, mengikut terjemahan dari bahasa Ingerisnya, beginilah maksudnya:-

Beta Sultan Abdul Samad, Yang Dipertuan Negeri Selangor memberitahu kepada Tengku Sutan, Raja Layang, Tengku Raja, Raja Muhammad Yusuf, Raja Perempuan, Raja Budul, Sutan Maharaja Lela, Sutan Jenaga, Sutan Besar, Menteri Gedong, Tok Maharaja, Tok Setia, Tok Maharaja Sudali, Haji Muhammad Saleh, Imam Perang Periok, Imam Perang Malim, bahawa kita telah mengurniakan surat ini kepada anak kita Tengku Kudin serta dicap dengan mohor kita ini dan dia telah menyanggup mengalahkannya orang Mendahiling itu. Oleh sebab itu sekarang

orang-orang yang tersebut namanya di atas ini hendaklah mengikut perintah anak kita itu dan dia telah kita angkat juga menjadi ketua kepada segala orang luar yang masuk ke negeri kita ini, dan barang siapa yang tiada mengikut hukumnya, orang-orang itu dihitungkan seperti penderhaka kepada hukum. Dan lagi semua orang Cina dan Melayu yang berniaga di darat negeri Selangor ini hendaklah memberi ubat bedil dan senjata kepada Tengku Kudin dan orang-orang yang menyebelahnya. Tiadalah dibenarkan taukeh-taukeh menolong orang Mendahiling dan jikalau dengan tolong Allah dapat diselesaikan pergaduhan ini maka harta-benda orang Mendahiling itu akan dibahagi-bahagikan kepada mereka yang tersebut itu kerana membantu Tengku Kudin.

Begitulah maksudnya surat kuasa yang kedua diberikan oleh Sultan Abdul Samad kepada Tengku dalam bulan Ogos tahun 1870.

Chong Chong dan Saiyid Mashhor yang bersahabat baik di Kuala Langat itu, telah mengumpulkan orang serta kelengkapan hendak menyerang Kuala Lumpur bagi menjatuhkan Kapitan Yap Ah Loy. Tetapi mereka menubuhkan pasukan itu di Ulu Selangor bukan di Kuala Langat. Pasukan yang mula-mula mereka bentuk hanya seramai lebih kurang dua ratus orang yang terdiri daripada orang Melayu dan Cina. Apabila mereka dan pasukannya itu sampai ke Ampang dekat Kuala Lumpur, baharulah mereka menambah lagi orang baharu yang didapati dari sekitar tempat itu hingga Chong Chong dan Saiyid Mashhor telah dapat membentuk pasukannya yang mengandungi seramai 2,500 orang, iaitu orang Cina dan Melayu. Orang Kapitan Yap Ah Loy, setelah ditambah dengan orang-orang Raja Asal dan Sutan Puasa yang membantunya, berjumlah kira-kira seramai 2,000 orang yang terdiri daripada orang Cina dan Melayu juga.

Kisah pasukan Chong Chong dan Saiyid Mashhor dari Ulu Selangor datang ke Kuala Lumpur hingga bertempur dengan pasukan Kapitan Yap Ah Loy itu, adalah seperti yang disebutkan di bawah ini.

Pasukan Chong Chong dan Saiyid Mashhor telah bertolak dari Ulu Selangor menuju ke selatan, melalui Kanching, Selayang, dan dari situ melencong arah ke timur melalui Gombak, Dusun Ranjau lalu ke Ulu Kelang. Orang-orang pasukan Saiyid Mashhor telah berkumpul dan berkubu di Ulu Kelang. Orang-orang pasukan Chong Chong maju lagi menuju ke Kuala Lumpur dan mengambil tempat dan membuat kubu

di satu kawasan di antara Ampang dengan Kuala Lumpur sejauh empat batu sahaja lagi hendak sampai ke pekan Kuala Lumpur iaitu di tempat yang sekarang disebut Batu Empat (Jalan Ampang).

Setelah mendengar angkatan Chong Chong dan Saiyid Mashhor telah berkubu di tempat yang disebutkan itu dan akan menyerang Kuala Lumpur, Kapitan Yap Ah Loy pun menghantarkan orang-orangnya lebih kurang seramai enam ratus orang, di bawah pimpinan Hiu Fatt dan Tung Khun, pergi melawan musuh mereka itu. Angkatan Yap Ah Loy yang pergi itu, bukannya pergi menyerang kubu Chong Chong di Batu Empat (Ampang) sebaliknya mereka telah pergi ke Ulu Kelang dan menyerang pasukan Saiyid Mashhor yang ada di situ. Dalam pertempuran di Ulu Kelang itu ramai orang-orang Saiyid Mashhor yang tewas. Oleh sebab itu Saiyid Mashhor pun mengundurkan pasukannya dari Ulu Kelang pergi bersatu dengan pasukan Chong Chong di Ampang.

Saiyid Mashhor dan Chong Chong telah berunding dan telah bersetuju akan melancarkan serang balas ke Ulu Kelang. Kedua-dua pasukan itu telah bergerak menuju ke Ulu Kelang; tetapi mereka telah mengambil jalan yang berasingan, mengikut jalan yang telah ditetapkan supaya dapat berkerjasama melancarkan serangan yang berkesan. Pada masa itu pasukan Kapitan Yap Ah Loy yang diketuai oleh Hiu Fatt dan Tung Khun masih ada di Ulu Kelang. Apabila hari malam, orang-orang Saiyid Mashhor pun datang menyerang pasukan Kapitan Yap Ah Loy yang ada di Ulu Kelang itu, dan pihak yang diserang itu telah melawan dengan bersungguh-sungguh. Sedang pertempuran itu berjalan, tiba-tiba datang pasukan Chong Chong dari sebelah belakang pasukan Kapitan Yap Ah Loy, dan pada masa itu pasukan Kapitan Yap Ah Loy itu telah diapit oleh dua pasukan musuhnya, dan berlakulah pertempuran hebat. Tetapi, rupanya, pada petang tadi, Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur telah teringat sahaja hendak menghantar bantuan kepada pasukan Hiu Fatt dan Tung Khun yang ada di Ulu Kelang itu dengan tidak mengetahui apa yang akan berlaku malam itu di Ulu Kelang. Pasukan Yap Ah Loy yang dihantarnya petang itu seramai empat ratus orang, di bawah pimpinan Chung Piang, hulubalang Yap Ah Loy yang terkenal itu, pergi ke Ulu Kelang hendak membantu Hiu Fatt dan Tung Khun. Kebetulan pula pasukan Chung Piang itu telah sampai ke Ulu Kelang tepat pada masa



pertempuran itu sedang berjalan dan masuklah pasukan Chung Piang menyerang dari sebelah belakang pasukan Chong Chong pula dan bertambah hebatlah pertempuran antara kedua belah pihak yang bermusuhan itu. Akhirnya setelah agak lama bertempur, Chong Chong dan Saiyid Mashhor pun terpaksa mengundurkan diri membawa pasukan mereka meninggalkan Ulu Kelang dan pergi ke kubu Chong Chong di Ampang.

Lepas itu, kerana merasa orang-orangnya tidak mencukupi untuk mengalahkan Chong Chong dan Saiyid Mashhor, Kapitan Yap Ah Loy minta bantuan Raja Asal di Damansara, dan dalam masa tiada berapa lama datanglah Raja Asal membawa orangnya ke Kuala Lumpur dan bersatu dengan pasukan Kapitan Yap Ah Loy yang di bawah pimpinan tiga orang ketuanya yang ada di Ulu Kelang itu. Setelah Raja Asal, Sutan Puasa dan ketua pasukan Kapitan Yap Ah Loy itu bermesyuarat, mereka pun bersetuju membawa pasukan mereka yang telah bersatu itu, dari Ulu Kelang berkumpul dan mengambil tempat di Ampang bersetentangan dengan kubu Chong Chong yang ada di situ. Sejak itu, setiap hari ade sahaja pertempuran kecil berlaku di antara kedua pihak yang bermusuhan itu, dan kejadian itu telah berlanjutan selama lebih kurang sebulan dengan berganti-ganti kalah menang tetapi tiada memperolehi sebarang keputusan.

Akhirnya setelah pihak Kapitan Yap Ah Loy yang dibantu oleh Raja Asal dan Sutan Puasa itu mengatitkan rancangan untuk menyerang pihak Chong Chong dan Saiyid Mashhor itu, pada suatu pagi mereka pun menyerang pihak Chong Chong dan Saiyid Mashhor dan berlakulah pertempuran hebat dan ngeri antara kedua belah pihak hingga berlanjutan sampai petang. Setelah mendapati kedudukan orangnya dalam bahaya dan ramai pula yang tewas dalam pertempuran siang tadi, apabila hari malam, Chong Chong dan Saiyid Mashhor serta pengikut mereka yang masih hidup telah melarikan diri melalui Gombak dan pergi ke Batu Caves. Dari Batu Caves Saiyid Mashhor berundur ke Ulu Selangor, dan Chong Chong pergi ke Kuala Langat, dan tiadalah berjaya mereka mengalahkan Kuala Lumpur. Esoknya, Chung Piang dan lain-lain ketua pasukan Kapitan Yap Ah Loy itu balik ke Kuala Lumpur dengan kemenangan-kemenangan Kapitan Yap Ah Loy.

Peperangan di antara orang-orang Chong Chong dan Saiyid

Mashhor dengan orang-orang Kapitan Yap Ah Loy yang dibantu oleh Raja Asal dan Sutan Puasa di Ulu Kelang dan di sekitar Ampang itu telah berlaku dari bulan September hingga bulan Oktober tahun 1870.

Sebenarnya, dalam pertempuran melawan musuhnya orang-orang Chong Chong dan Saiyid Mashhor itu, tidaklah pernah Kapitan Yap Ah Loy turut sama ke Medan pertempuran; ia hanya duduk di Kuala Lumpur mengarahkan pegawai atau panglima yang diharap dan dipercayainya memimpin orang-orangnya dalam pertempuran itu, terutama panglimanya yang bernama Chung Piang, Hiu Fatt dan Tung Khun serta pembantu Kapitan itu Raja Asal dan Sutan Puasa.

Selepas perang di Ulu Kelang dan di sekitar Ampang itu, boleh dikatakan tiadalah berlaku sebarang pergaduhan di negeri Selangor hingga bulan Mei tahun 1871. Tetapi dalam masa itulah Saiyid Mashhor mengumpulkan orang-orangnya dengan tujuan hendak menyerang lagi Kuala Lumpur. Saiyid Mashhor telah dapat mengumpulkan orang di Ulu Selangor, terutama orang Melayu, kira-kira seribu orang. Begitu juga Chong Chong di Langat telah dapat mengumpulkan ramai pengikutnya. Sebelum melancarkan serangan ke Kuala Lumpur itu, Saiyid Mashhor telah mencadangkan kepada Chong Chong supaya semua orang dalam pasukan mereka itu berkumpul dahulu di Ulu Selangor.

Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur tidak pula diam walaupun dia telah berjaya mengalahkan musuhnya di Ampang itu, Ah Loy telah menguat dan mengaturkan semula pasukannya dengan lebih bersungguh-sungguh. Di setiap jalan yang boleh dilalui untuk ke Kuala Lumpur, diletakkan pasukannya berjaga di situ di bawah jagaan ketua masing-masing. Semua pasukan perang Kapitan Yap Ah Loy itu diletakkan di bawah perintah Chung Piang, dan Yap Ah Loy hanya mengarahkan segala tindakan muslihat perang yang dijalankan oleh panglima perangnya itu. Jalan untuk datang ke Kuala Lumpur dari arah utara, telah diserahkan kepada jagan satu pasukan seramai lima ratus orang di bawah ketuanya adik Kapitan itu sendiri bernama Yap Voon Lung.

1871. Kira-kira dalam bulan Mei tahun 1871, pasukan Saiyid Mashhor dan Chong Chong yang berkumpul di Ulu Selangor itu telah bergerak menuju ke selatan hendak ke Kuala Lumpur. Tetapi pasukan Chong Chong dan pasukan Saiyid Mashhor itu telah mengambil jalan yang berasingan. Ada

kira-kira sebatu lagi pasukan yang diketuai oleh Saiyid Mashhor itu hendak sampai ke Rawang, ia telah disekat oleh pasukan Yap Voon Lung yang berjaga di situ. Setelah melihat pasukan Saiyid Mashhor itu lebih besar daripada pasukannya, Yap Voon Lung meminta bantuan dari Kuala Lumpur. Sebelum pasukan bantuan dari Kuala Lumpur itu datang, Saiyid Mashhor telah menyerang pasukan Yap Voon Lung yang berkubu dekat Rawang. Dalam masa pertempuran itu berjalan, tiba-tiba sampai pula pasukan yang diketuai oleh Chong Chong dan terus ia membantu pasukan Saiyid Mashhor, dan tiadalah tertahan pasukan Voon Lung melawan dua pasukan besar — Melayu dan Cina — yang telah bersatu itu, lalu Voon Lung membawa pasukannya berundur jauh ke belakang arah ke Kuala Lumpur, dan di situ pulalah ia bertahan. Dalam pertempuran di tempat mula-mula tadi, lebih 40 orang dalam pasukan Voon Lung telah terbunuh dan seramai itu pula yang luka.

Kapitan Yap Ah Loy telah menghantar satu pasukannya seramai lima ratus orang di bawah ketuanya Hiu Fatt pergi membantu pasukan Voon Lung di Rawang. Setelah datang bantuan pasukan Yap Ah Loy itu telah menyerang hendap pasukan Saiyid Mashhor yang sedang berjalan menuju ke Kuala Lumpur; dan satu pasukan Yap Ah Loy yang lainnya pula cuba menahan pasukan Chong Chong jangan keluar dari perkubuan mereka dekat Rawang. Orang-orang Saiyid Mashhor yang diserang hendap itu ramai yang terbunuh dan pasukan itu telah dikalahkan oleh pasukan Yap Ah Loy; tetapi Saiyid Mashhor dapat melepaskan diri dan patah balik ke belakang pergi berjumpa Chong Chong di kubunya, dan Saiyid Mashhor telah menyatakan kesalnya yang amat sangat kerana kekalahan pasukannya itu. Saiyid Mashhor balik semula ke Ulu Selangor mencari bantuan dan telah meninggalkan pesan kepada Chong Chong yang tinggal di kubunya dekat Rawang itu supaya jangan keluar berperang sehingga ia datang semula dengan membawa bantuan.

Berita kemenangan pasukannya dekat Rawang itu telah diberitahu kepada Yap Ah Loy di Kuala Lumpur yang menerimanya dengan sukacita. Yap Ah Loy telah menghantarkan lagi pasukan bantuan dari Kuala Lumpur di bawah ketuanya Chung Piang pergi ke Rawang untuk mengalahkan pasukan Chong Chong yang masih berkubu dekat Rawang yang berjumlah seramai seribu orang, dan semuanya diletakkan di bawah pimpinan Chung Piang.

Pada suatu hari, mengikut rancangan yang telah diaturkan, Chung Piang pun melancarkan serangan ke tempat perkubuan Chong Chong dekat Rawang itu dan satu pertempuran hebat telah berlaku. Setelah beberapa hari lamanya bertempur, dapatlah Chung Piang mengalahkan Chong Chong; ramai orang-orang Chong Chong yang telah terkorban dalam pertempuran itu, dan bagi pihak Chung Piang juga seramai 70 orang telah terbunuh. Chong Chong dengan orang-orangnya seramai 90 orang telah dapat melepaskan diri lalu pergi ke Serendah, dan di sini juga orang-orang Chong Chong telah diserang dan dikalahkan oleh pasukan Yap Voon Lung. Tetapi mereka tidak dapat menawan Chong Chong.

Sejak perang di Serendah itu, tidaklah diketahui apakah yang telah berlaku pada diri Chong Chong. Ada cerita yang mengatakan ia telah luka dan tak lama lepas itu telah meninggal dunia. Tetapi ada pula yang mengatakan: ia telah melepaskan diri dan telah balik ke Negeri Sembilan meneruskan hidupnya seperti biasa. Dari pihak Yap Ah Loy pula mengatakan: ia telah dapat melepaskan diri dan entah ke mana perginya. Dalam pada itu yang nyatanya ialah: hingga sekarang ini tiadalah lagi tersebut kisah Chong Chong itu.

Pertempuran yang telah berlaku di sekitar Rawang itu ialah dari bulan Mei hingga bulan Jun tahun 1871.

Setelah pasukan Saiyid Mashhor dan Chong Chong dapat dikalahkan oleh pasukan Yap Ah Loy di sekitar Rawang, Yap Ah Loy telah menjadi orang yang paling berkuasa di daerah Kuala Lumpur dan kawasan di sekelilingnya. Saiyid Mashhor yang dikatakan bersiap di Ulu Selangor itu, namanya dalam bulan Jun itu juga (1871) telah muncul di Kuala Selangor dengan rakan-rakannya pengikut Raja Mahadi seperti yang akan dilihat dalam cerita yang berikut.

Dalam bulan Jun tahun 1871, sebuah tongkang yang dipunyai oleh taukeh Cina di Pulau Pinang, membawa anak-anak tongkang seramai sembilan orang, penumpang seramai 25 orang (lelaki, perempuan dan kanak-kanak) dan bermuat barang berharga lebih kurang \$7,000/-. dalam pelayaran dari Pulau Pinang ke Larut, telah dirompak oleh sekumpulan lima belas orang perompak Cina di Selat Melaka, dan semua penumpang serta lapan orang anak tongkang itu telah dibunuh.

Tuan punya tongkang itu telah mengadu kepada Pemangku Lt. Gabenor Pulau Pinang bernama Arthur Birch. Perompak

itu dipercayai datang dari Kuala Selangor. Birch telah mengutus surat kepada Pegawai Pentadbir Kerajaan di Singapura bernama Colonel A.E.H. Anson dan seorang daripada tuan punya tongkang yang kena rompak itu pergi juga bersamasama membawa surat itu (Masa itu Gabenor Sir Harry Ord sedang bercuti). Setelah menerima pengaduan itu, Anson telah memerintahkan kapal Kerajaan Negeri-negeri Selat yang bernama *Pluto*, di bawah ketuanya Kapten Bredbarry, pergi ke Selangor menyiasat perkara rompakan itu. Kapal itu telah singgah di Melaka mengambil beberapa orang matamata lengkap bersenjata yang diketuai oleh Inspektor Cox, dan dibawa bersama belayar. Setelah singgah di Langat dan Kelang, pada 28 haribulan Jun tahun 1871 *Pluto* pun sampai di Kuala Selangor, dan telah menjumpai tongkang yang dirompak itu sedang berlabuh di Kuala Selangor, dan enam orang perompak Cina telah dijumpai dalam tongkang itu. Tongkang dan perompak itu telah ditangkap.

Inspektor Cox dan Kapten Bredbarry serta beberapa orang pengiring mereka telah naik ke darat di Kuala Selangor untuk mencari barang-barang yang dirompak itu. Kedatangan mereka telah diterima dengan baik oleh Raja Musa putera Sultan Abdul Samad yang ada di situ (Raja Musa baharu balik dari Singapura), dan dengan pertolongan Raja Musa, sebahagian daripada barang rompakan itu telah dijumpai di kedai-kedai dalam pekan Kuala Selangor itu. Dan dengan pertolongan orang-orang Raja Musa juga, Inspektor Cox telah dapat menangkap tiga orang lagi perompak Cina itu. Pegawai Inggeris itu telah dikelilingi oleh beberapa orang Melayu yang cuba hendak menentang mereka. Seorang daripada orang Melayu itu telah mengacu-ngacukan penumbuknya ke muka Inspektor Cox. Makin lama orang Melayu yang berkerumun itu telah semakin ramai. Kemudian, Saiyid Mashhor dengan sekumpulan pengikutnya yang lengkap bersenjata telah datang ke tempat itu. Inspektor Cox datang mendapatkan Saiyid Mashhor. Saiyid Mashhor menerima kedatangan pegawai Inggeris itu dengan cara dan tutur kata yang menghina. Dalam pada itu Inspektor Cox telah dapat menangkap seorang lagi perompak Cina itu, dan dipercayai dialah kepala perompak itu. Tetapi dengan helah Raja Mahmud (anak Raja Berkat), Cina itu telah dapat melarikan diri. Tatkala Inspektor Cox mengejar hendak menangkapnya, sekumpulan orang Melayu yang diketuai oleh Raja Mahmud telah mencabut

keris dan senjata mereka sambil memekik-mekik hendak membunuh semua orang dalam rombongan yang datang dari kapal *Pluto* itu. Dengan bersusah payah, orang pihak Inggeris yang datang itu telah lari semula ke kapal *Pluto*.

Pada pagi esoknya, 29 hari bulan Jun tahun 1871, Raja Musa telah datang ke kapal *Pluto* dan telah menceritakan kepada Inspektor Cox serta Kapten Bredbarry bahawa Raja Mahadi, Saiyid Mashhor, Raja Mahmud dan Raja Berkat yang ada di Kuala Selangor itu memang telah melakukan kerja-kerja yang tiada disukai oleh Raja Musa itu. Pada tengah harinya, hari itu juga, kapal *Pluto* pun bertolak meninggalkan Kuala Selangor menuju ke Pulau Pinang. Ketika kapal itu belayar melalui kubu Raja Mahadi (di Sungai Selangor), kapal mereka telah ditembak, tetapi tiada satu tembakan pun yang memberi kesan. Apabila sampai di Pulau Pinang, Inspektor Cox dan Kapten Bredbarry telah memberikan laporan kepada Lt.-Gabenor dan menyatakan juga bahawa Kuala Selangor telah dikuasai oleh Raja Mahadi, dan di tempat itu ada didirikan kota batu. Lt.-Gabenor itu dengan segera memberi tahu ke Singapura.

Setelah menerima laporan dari Pulau Pinang itu, Pegawai Pentadbir Kerajaan di Singapura (Lt.-Kolonel Anson) telah memerintahkan Kapten Robinson ketua pemerintah kapal perang H.M.S. *Rinaldo* pergi ke Selangor untuk menangkap saki-baki perompak itu dan mengambil semula harta benda yang telah dirompak oleh orang Cina itu. Sementara itu Anson memberitahu juga ke Pulau Pinang dan memerintahkan supaya kapal *Pluto* dihantar segera ke Selangor bersatu dengan *Rinaldo*.

Pada Subuh 3 hari bulan Julai tahun 1871, kapal perang *Rinaldo* dan kapal *Pluto* telah berlabuh di hadapan muara Sungai Selangor. Pagi itu juga, kapal *Pluto* diiringi oleh beberapa buah perahu, membawa askar Inggeris, di bawah ketuanya Kapten Robinson sendiri telah memudiki Sungai Selangor (Kapal perang *Rinaldo* tinggal berlabuh di kuala sungai itu juga). Lebih kurang pada pukul 2.00 petang, *Pluto* pun sampai dan berlabuh tiada berapa jauh dari pekan Kuala Selangor.

Mengikut suatu cerita: pasukan Inggeris yang datang ke Kuala Selangor itu ada membawa sepucuk surat untuk Raja Musa, yang menuntut hendak menangkap baki perompak Cina itu. Oleh sebab pada masa itu Raja Musa tiada di Kuala

Selangor, perkara itu telah dirujuk kepada Saiyid Mashhor yang menjaga kota di Kuala Selangor itu. Tatkala perkara itu disampaikan kepada Saiyid Mashhor, ia telah menjawab dengan keras mengatakan perkara itu bukan urusannya, dan dia tidak ada kuasa mengenai perkara itu.

Raja Musa yang keluar dari Kuala Selangor, dipercayai kerana telah diancam oleh Raja Mahadi yang telah menguasai tempat itu; sebab boleh jadi perbuatan Raja Musa yang telah pergi menemui orang Inggeris ke kapal *Pluto* pada bulan lalu itu, tidak disetujui oleh Raja Mahadi.

Pada hari itu juga, dua pasukan pihak orang Inggeris dari kapal *Pluto* itu telah naik ke darat, iaitu satu pasukan diketuai oleh Leftenan Stopford, dan sepasukan lagi diketuai oleh Lt. Maude. Lt. Stopford telah ditugaskan mencari Raja Mahmud. Setelah berjumpa Raja Mahmud, Stopford telah mengajak Raja Mahmud pergi ke tepi pantai tempat Lt. Maude dan askarnya berkumpul. Raja Mahmud pergi ke tempat itu. Kemudian pegawai Inggeris itu telah mengajak Raja Mahmud naik ke perahu mereka yang ada di tepi pantai itu supaya dibawa ke kapal *Pluto* pula. Raja Mahmud enggan pergi ke kapal *Pluto*. Lt. Maude telah berkeras dan memaksa Raja Mahmud mesti naik juga ke perahu mereka itu. Semasa mereka berkeras-keras itu, tiba-tiba orang Inggeris yang berkumpul di pantai telah ditembak oleh orang-orang yang tidak kelihatan dari pondok dan belukar di keliling tempat itu. Seorang daripada askar Inggeris telah terbunuh. Lt. Maude serta lima orang askarnya telah luka. Dengan tergesa-gesa, masa itu juga Lt. Stopford, Lt Maude serta orangnya telah melarikan diri naik ke perahu mereka balik ke kapal *Pluto* yang berlabuh di tengah sungai itu, dan belayar semula ke kuala Sungai Selangor. Kapten Robinson telah memerintahkan kapal *Pluto* balik ke Pulau Pinang membawa askar-askar yang luka untuk dirawat.

Esoknya, pada 4 hari bulan Julai tahun 1871, pukul 4.45 pagi, kapal perang *Rinaldo* telah memudiki Sungai Selangor. Apabila sampai di hadapan kota di Kuala Selangor itu, *Rinaldo* telah ditembak dengan meriam dari kedua-dua buah kota itu, dan tembakan itu telah dibalas dari kapal *Rinaldo* — dan berlakulah peperangan antara kedua belah pihak. Dalam tembak-menembak yang hanya sebentar itu, tiga orang askar Inggeris telah luka. *Rinaldo* mudik lagi. Kira-kira pada pukul 6.30 pagi itu juga *Rinaldo* sampai dan berlabuh di

hadapan pekan Kuala Selangor dan terus membedil pekan itu. Dua jam selepas itu, *Rinaldo* pergi semula ke Kuala Sungai Selangor.

Esoknya, pada 5 hari bulan Julai (1871), di sebelah petang, kapal *Pluto* dari Pulau Pinang datang semula membawa askar di bawah ketuanya Lt.-Colonel V. Shortland.

Pada 6 hari bulan Julai (1871), *Rinaldo* dan *Pluto* mudik lagi di Sungai Selangor dan menembak kedua-dua buah kota yang ada di Kuala Selangor itu; tetapi tidak ada tembakan balas dari kota itu. Askar Inggeris telah naik ke darat dan masuk ke kota itu. Tiada seorang pun dijumpai berada dalam kota itu, dan meriam-meriam yang ada dalam kota itu disumbat dengan kayu. Kubu-kubu yang ada di situ semuanya dibinasakan, dan lima buah perahu yang bermuat senjata yang ada di tepi pantai sungai itu telah dibakar oleh orang-orang Inggeris.

Dari situ kapal Inggeris itu pergi pula ke pekan Kuala Selangor dan didapati semua penduduk kawasan itu telah lari meninggalkan pekan itu (Kuala Selangor). Pekan itu telah dibedil lagi dengan meriam dari kapal *Rinaldo*. Lepas itu orang Inggeris pun naik ke pekan Kuala Selangor dan membakar semua rumah yang ada di situ. Pada hari itu juga kapal *Rinaldo* telah meninggalkan Kuala Selangor dan kembali ke Singapura. Kapal *Pluto* dan askar yang dibawanya kembali ke Pulau Pinang. Sebuah meriam tembaga yang besar dari Kota Selangor yang dihadiahkan oleh Raja Aceh kepada almarhum Sultan Ibrahim dahulu, telah dibawa oleh askar Inggeris dalam kapal *Pluto* ke Pulau Pinang.

Berkenaan dengan peristiwa yang telah berlaku di Kuala Selangor dalam bulan Jun dan Julai tahun 1871 itu, Raja Mahadi telah menyatakan begini pula kisahnya:-

"Raja Musa putera Sultan Abdul Samad dan Raja Bot putera Raja Juma'at Lukut telah menyuruh saya tinggal di Selangor (Kuala Selangor). Saiyid Mashhor telah mengajak saya tinggal di dalam kota yang di atas bukit itu dan telah menunjukkan kepada saya sepucuk surat daripada Sultan yang telah mengesahkan dia memerintah di Selangor (Kuala Selangor). Oleh sebab itu saya pun tinggallah di dalam kota di Selangor itu. Pada 8 hari bulan Rabi ul-Akhir Sanah 1288 (27 Jun 1871) orang-orang Inggeris telah tiba di Selangor dan dengan bantuan Raja Mahmud mereka telah dapat



menangkap seorang Cina. Lepas itu ramai orang datang dan orang-orang Inggeris telah mengajak orang-orang Cina itu ke rumah Tengku Panglima Raja (Raja Berkat). Kemudian daripada itu orang-orang perempuan telah menjadi bimbang. Pengawal yang menjaga kota telah bersedia dengan senjata masing-masing. Orang-orang Inggeris itu telah lari ke perahunya, tetapi orang Melayu tidak menyerang orang-orang Inggeris itu. Pada masa itu saya sedang sakit, tetapi semua hal itu kedengaran oleh saya. Orang Inggeris itu tiada mengikut seperti surat perjanjian dan tiada pula mereka itu membawa surat daripada Gabenor atau Sultan. Pada masa saya sedang mencari perompak Cina itu dan hendak saya hantarkan ke Pulau Pinang, maka orang Inggeris pun datang dan menangkap Saiyid Mashhor dan cuba hendak menangkap Raja Mahmud dan saya — dipegangnya lengan baju saya. Pada masa itu seorang daripada orang saya telah menendang orang Inggeris yang menangkap saya itu, dia pun rebah ke tanah. Orang Inggeris itu pun menembak; empat orang, orang saya yang mati dibunuhnya dan lima orang luka. Lepas itu orang Inggeris pun membedil kota. Dalam serangan itu banyak orang saya terdiri dari kaum lelaki terbunuh dan kaum perempuan luka serta harta benda dibakar oleh orang Inggeris itu. Pada masa itu Tengku Kudin musuh saya datang ke Kuala Selangor. Dari serangan itu saya telah menanggung kerugian sebanyak \$25,000/- dan saya sendiri lari ke dalam hutan; isteri dan anak-anak saya tidak dapat makan.”

Selepas Kuala Selangor ditembak dengan meriam dan dibakar oleh orang Inggeris, Raja Mahadi dan pengikutnya keluar meninggalkan tempat itu. Raja Mahadi berundur ke Tanjung Karang, Sungai Buloh dan ke Bernam. Dari Bernam, Raja Mahadi pergi ke Bengkalis di Sumatera, dan di sana beliau bersiap pula dengan tujuan hendak menyerang ke Selangor seperti yang akan diceritakan lagi. Raja Mahmud anak Raja Berkat berundur ke Ulu Selangor, kemudian ke Kuala Lumpur dan ke Sungai Ujong. Saiyid Mashhor telah pergi melindungi diri kepada Raja Bendahara Ismail di negeri Perak; tetapi tiada lama di Perak beliau pun balik ke Ulu Selangor mengumpulkan orangnya lagi untuk menyerang Kuala Lumpur. Pada masa itu hanya Saiyid Mashhor sahaja-lah di antara pengikut Raja Mahadi yang ada di negeri Selangor menentang Tengku Kudin dan sekutunya yang berbaik-baik dengan orang Inggeris itu. Raja Musa putera Sultan Abdul Samad memang telah meninggalkan Kuala Selangor se-

lepas Inggeris mula datang ke Kuala Selangor mencari perompak Cina dahulu.

Tiada lama selepas Raja Mahadi dan kawan-kawannya meninggalkan Kuala Selangor, Tengku Kudin di Kelang telah menghantar orang-orangnya pergi menduduki Kuala Selangor, yang terdiri daripada mata-mata Benggali Sikhs seramai 100 orang di bawah ketuanya seorang orang putih yang telah memeluk agama Islam bernama Pennefather, dan orang Melayu seramai lebih kurang 50 orang di bawah ketuanya Tengku Chik dan Shaikh Muhammad Taib Minangkabau. Apabila orang-orang Tengku Kudin itu sampai di Kuala Selangor, didapati kedua-dua buah kota yang ada di situ tiada didiami orang, dan mulalah mereka memperbaiki dan menduduki kota itu. Sejak itu Kuala Selangor pun masuk ke dalam perintah Tengku Kudin di Kelang.

Dua minggu selepas peristiwa *Rinaldo* menembak Kuala Selangor itu, Kerajaan Inggeris di Singapura telah menghantar satu rombongan ke Selangor yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat yang bernama J.W.W. Birch, dan seorang pegawai bernama C.J. Irving turut sama pergi. Rombongan itu pergi dengan kapal *Pluto* dan diikuti juga oleh kapal perang H.M.S. "*Teazer*". Pada 18 hari bulan Julai tahun 1871, rombongan itu telah sampai di Kuala Selangor. Didapati kota-kota di Kuala Selangor itu telah didiami oleh orang-orang Tengku Kudin, tetapi pekan Kuala Selangor sunyi senyap sahaja. Tengku Kudin yang bernama *Pelangi* telah datang menemui Birch. Mereka telah dibawa oleh Birch naik ke kapal perang *Teazer*. Pada 20 hari bulan Julai (1871) Birch, Irving dan Tengku Kudin telah memudiki Sungai Kelang dan Birch melawat kota Tengku Kudin di Kelang yang dijaga oleh Raja Ismail dan Raja Abdul Rahman (putera almarhum Raja Abdullah bin Raja Ja'afar). Esoknya pada 21 hari bulan Julai (1871) rombongan orang Inggeris itu, bersama dengan Tengku Kudin, telah sampai di Jugra, Birch dan pengiringnya serta Tengku Kudin telah mengadap Sultan Abdul Samad di balai penghadapan Istana Jugra. Raja Ya'akub putera baginda ada hadir sama. Pada masa itu kapal perang *Teazer* telah berlabuh di Kuala Sungai Jugra dan meriam di kapal itu telah siap sedia dihalakan ke istana Sultan Abdul Samad.

Setelah dibacakan surat daripada Gabenor di Singapura yang ditujukan kepada Sultan Abdul Samad, rundingan pun

dimulakan. J.W.W. Birch telah meminta supaya baginda mengesahkan surat kuasa yang telah baginda beri kerana mengangkat Tengku Kudin menjadi Wakil Yamtuan pada tahun 1868 dahulu, kerana Raja Mahadi mengatakan surat kuasa itu surat palsu. Sultan Abdul Samad telah menegaskan kepada Birch bahawa surat itu tidak palsu. Dalam pada itu Birch telah menanyakan sama ada baginda mahu atau tidak mengesahkan surat kuasa itu. Sebelum sempat baginda menjawab, Birch telah memberi tempoh supaya memberikan jawapan hingga pukul lima petang esoknya. Lepas itu rombongan Birch balik semula ke kapal mereka.

Pagi esoknya, Birch telah mengutus surat kepada Sultan Abdul Samad menegaskan lagi permintaannya semalam, dan meminta pula baginda menyerahkan perompak dan ketua yang membantu perompak-perompak itu; setelah itu baharulah "dilantik seorang yang boleh dipercayai oleh pemerintah Inggeris menjadi Wakil Baginda mentadbirkan segala hal-ehwal dalam negeri Selangor yang terletak di antara negeri Melaka dengan negeri Perak itu." Setelah membaca surat itu, Raja Ya'akub yang tinggal di istana mengatakan: jika permintaan Birch itu tidak disempurnakan, tentulah ia akan mengambil semula timah yang ada di tempat ini dan akan meminta wang ganti-rugi pula! Pada pukul 3.00 petang itu Birch telah menerima dua jawapan daripada Sultan Abdul Samad; jawapan yang pertama: baginda mengutuk dan mengatakan Raja Mahadi, Raja Mahmud dan Saiyid Mashhor itu adalah orang jahat yang menjahanamkan negeri baginda, dan orang-orang baginda akan menolong menangkap mereka itu jika dijumpai. Jawapan yang satu lagi: baginda telah mencadangkan supaya Perwakilan Baginda sebagai Wakil Yamtuan itu diserahkan kepada sebuah badan yang mengandungi ahlinya Tengku Kudin, Raja Bot dan Raja Yahya (kedua yang akhir ini adalah putera-putera almarhum Raja Juma'at Lukut). Apabila Birch bertanyakan Tengku Kudin mengenai cadangan baginda itu, Tengku Kudin menyatakan kepada Birch bahawa cadangan itu tidak munasabah, dan tidak dapat dijalankan. Petang itu juga, Birch dan pengiringnya serta Tengku Kudin juga, datang lagi berunding ke istana Sultan Abdul Samad. Keputusan rundingan pada 22 hari bulan Julai (1871) itu: Sultan Abdul Samad telah bersetuju mengesahkan semula perlantikan Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan

bagi seluruh negeri Selangor, dan surat perlantikan itu yang telah dicap dengan mohor baginda dan disaksikan oleh dua orang pegawai Kerajaan Negeri-negeri Selat itu (Birch dan Irving) dan telah diberikan kepada Tengku Kudin.

Semasa rundingan itu dijalankan, Tengku Kudin diam sahaja dan tiada terbayang pada air mukanya tanda suka atau putus asa terhadap perkara yang dirundingkan itu. Semasa Birch hendak balik ke Singapura ia telah mengakui bahawa Kerajaan Inggeris akan memberi sepenuh pertolongan kepada Tengku Kudin dalam usahanya hendak mengamankan Selangor.

Esoknya, pada <sup>4/15</sup> 23 hari bulan Julai (1871) Birch dan rombongannya telah bertolak meninggalkan negeri Selangor, dengan kapal *Pluto*. Kapal perang *Teazer* ditinggalkan berjaga di pantai negeri Selangor. Setelah mengambil beberapa orang perompak yang telah tertangkap di Melaka, Birch pulang dan sampai di Singapura pada 23 hari bulan Julai, 1871.

Sejak Tengku Kudin menerima surat akuan daripada Sultan Abdul Samad di Istana Jugra dan juga menerima pengakuan daripada J.W.W. Birch akan pertolongan Kerajaan Inggeris untuknya pada zahirnya, daerah-daerah di sebelah pantai Selangor — dari Kuala Selangor hingga ke Jugra semuanya masuk ke bawah kuasa Tengku Kudin. Kuala Lumpur dan daerah sekitarnya di bawah kuasa sekutu Tengku Kudin di sana pula, iaitu Kapten Yap Ah Loy dan sekutunya Raja Asal dan Sultan Puasa. Tengku Kudin telah cuba hendak menambahkan lagi pegawai orang putih dan askar bangsa asing bekerja di bawahnya bagi menegakkan kuasanya di negeri Selangor supaya ia dapat memungut cukai hasil negeri dan menjalankan pemerintahannya di daerah yang dikuasainya.

Dalam bulan Ogos tahun 1871, Tengku Kudin telah meletakkan 80 orang askar Sepahi di Kuala Lumpur di bawah ketuanya dua orang pegawai bangsa Eropah; seorang bernama Van Hagen (orang Belanda) dan seorang lagi bernama Cavaliero (orang Itali) serta penolong mereka beberapa orang lagi pegawai rendah daripada bangsa Eropah dan peranakan Eropah.

Pada masa itu, seperti yang telah diketahui, Saiyid Mashhor sedang bersiap dan mengumpulkan orangnya di Ulu Selangor untuk menyerang Kuala Lumpur. Orang-orang Kapitan Yap Ah Loy yang diketuai oleh Chung Piang masih menunggu di Rawang sejak mereka mengalahkan Saiyid Mashhor dan

Chong Chong dahulu. Pada masa itulah Tenku Kudin Wakil Yamtuan dengan Kapitan Yap Ah Loy telah mengambil keputusan hendak mengalahkan Saiyid Mashhor sebelum persiapannya di Ulu Selangor itu kuat dan bahaya. Pada akhir bulan Ogos tahun 1871 Tengku Kudin dan Kapitan Yap Ah Loy dari Kuala Lumpur, telah menghantar askar mereka berjumlah seribu orang pergi ke Rawang membantu Chung Piang untuk mengalahkan pasukan Saiyid Mashhor yang telah berkubu dan bertahan di Kuala Kubu (Kuala Kubu Lama). Askar-askar Tengku Kudin yang pergi itu diketuai oleh Iman Perang Haji Husain, Dato' Dagang dan Iman Perang Muhammad Akil. Selain daripada itu, di Ulu Selangor telah sedia ada orang Tengku Kudin di bawah ketuanya Wan Aman Pahang (Engku Wan Abdul Rahman) yang telah dilantik oleh Tengku Kudin memerintah suatu tempat di Ulu Selangor itu. Apabila sampai askar bantuan dari Kuala Lumpur itu, Chung Piang telah membawa semua askar itu pindah dan berkubu pula pada suatu tempat dekat Ulu Yam lebih kurang 8 batu lagi daripada tempat pertahanan Saiyid Mashhor di Kuala Kubu.

Chung Piang dengan dibantu oleh panglima perang Tengku Kudin itu telah menyerang pasukan Saiyid Mashhor yang bertahan di Kuala Kubu. Serangan itu telah dibuat beberapa kali; tetapi tiada juga mereka dapat menembusi kubu pertahanan Saiyid Mashhor itu. Askar pihak Tengku Kudin dan Yap Ah Loy berkumpul di tempat perkubuan mereka dekat Ulu Yam dan juga di tempat antara Ulu Yam dengan Rawang. Diketahui bahawa kubu pertahanan Saiyid Mashhor di Kuala Kubu itu cukup kuat pertahanannya.

Sejak itu Chung Piang sentiasa berusaha supaya Saiyid Mashhor mahu membawa orangnya keluar dari kubu mereka dan berperang dengan askar Chung Piang dan askar Tengku Kudin di kawasan terbuka, kerana itulah cara yang difikirkan oleh Chung Piang boleh mengalahkan pasukan Saiyid Mashhor itu. Tetapi Saiyid Mashhor tidak mahu membawa orangnya keluar dan tetap bertahan di kubu mereka itu. Setelah tiga bulan lamanya keadaan seperti itu berlanjutan, dalam bulan November tahun itu juga (1871), pasukan Chung Piang dan orang-orang Tengku Kudin itu telah kekurangan barang makanan, dan berharap akan mendapat bantuan makanan dan askar tambahan dari Kuala Lumpur. Demikian jua pihak Wan Aman di Ulu Selangor, seperti pihak Chung Piang juga,

telah kekurangan bekalan makanan pula.

Tengku Kudin telah menghantar makanan dan barang-barang kelengkapan lain kepada Wan Aman di Ulu Selangor dan barang-barang itu dibawa oleh satu pasukan yang diketuai oleh Raja Kahar putera Sultan Abdul Samad. Tetapi apabila sampai di Ulu Selangor, Raja Kahar telah belot dan makanan serta barang-barang kiriman Tengku Kudin yang dibawanya itu telah diberikannya kepada Saiyid Mashhor pula. Pada masa itulah juga (bulan November, 1871) Saiyid Mashhor telah dapat menangkap Wan Aman (Engku Wan Abdul Rahman) dan telah menahannya beberapa lama.

Apabila berita orang-orang Chung Piang di Ulu Yam keputusan makanan itu sampai kepada Yap Ah Loy, lantas dia menyuruh Raja Asal dan Sultan Puasa membawa bantuan makanan dan askar pergi ke Ulu Yam membantu pasukan Chung Piang. Sungguhpun kedua mereka itu telah bertolak menuju ke Ulu Yam, tetapi Raja Asal tidak berapa suka menjalankan kerja itu, kerana hatinya telah tersinggung di atas perbuatan Yap Ah Loy berhubung dengan perkara cukai yang di bawah jagaan Raja Asal, dan hal perselisihan antara Raja Asal dengan Yap Ah Loy itu telah diketahui juga oleh Saiyid Mashhor. Saiyid Mashhor cuba menggunakan peluang ini. Saiyid Mashhor telah mengirim surat berserta dengan tiga orang supaya menyebelahi Saiyid Mashhor. Akhirnya Raja Asal telah berpaling tadah menyebelahi Saiyid Mashhor. Askar dan barang-barang yang dibawa oleh Saiyid Mashhor itu telah dikelancongkan dibawanya menghilir Sungai Selangor pergi ke Kuala Selangor dan ke Kelang, di sana Raja Asal telah bersatu dengan Raja Laut putera almarhum Sultan Muhammad (bapa saudara Raja Mahadi) menggumpalkan orang-orang mereka untuk menentang pihak Tengku Kudin dan Kapitan Yap Ah Loy. Tetapi hal itu belumlah diketahui oleh Yap Ah Loy sehingga Raja Asal dan Raja Laut datang mengepung Kuala Lumpur. Seperti yang akan diceritakan.

Kira-kira dalam bulan Ogos tahun itu juga (1871), Raja Musa putera Sultan Abdul Samad telah datang semula dan tinggal di Kuala Selangor. Pada bulan hadapannya, pada 10 hari bulan September (1871), Tengku Kudin telah datang ke Kuala Selangor dalam lawatannya ke daerah-daerah yang dikuasainya, dan didapati Raja Musa telah mendirikan sebuah kota di tempat yang bernama Permatang. Kota itu akan digunakan sebagai tempat berlindung dan menangkis serangan dari pihak Raja Mahadi dan kawan-kawannya Saiyid Mashhor

dan Raja Mahmud. Pada masa itu Tengku Kudin telah memberi kuasa kepada Raja Musa memungut segala cukai hasil di Sungai Selangor dengan syarat hendaklah Raja Musa menanggung segala bayaran kecil berkenaan dengan pemerintahan di tempat itu. Raja Musa telah mengatakan kepada Tengku Kudin bahawa ayahnya Sultan Abdul Samad telah memberikan daerah Kuala Selangor itu di bawah perintahnya. Oleh sebab itu Raja Musa telah meminta Tengku Kudin membayar segala ganti-rugi kerosakan di daerah itu disebabkan oleh serangan orang Inggeris dahulu.

Tengku Kudin telah mengirim surat kepada Gabenor di Singapura mengatakan ia terpaksa menggantikan Raja Musa dengan adiknya (adik Raja Musa) Raja Ya'akub yang lebih berani dan dipercayai itu, dan Tengku Kudin meminta Gabenor itu menghantarkan seorang pegawai orang putih bagi mengaturkan segala perkara di antaranya dengan raja-raja di Selangor kerana dengan berbuat begitu Tengku Kudin percaya tiada akan timbul sebarang pergaduhan.

Pada 20 hari bulan November tahun 1871, Pennefather ketua yang menjaga askar-askar di Kota Kuala Selangor itu telah membuat aduan kepada Tengku Kudin mengatakan Raja Musa telah mengambil semua cukai timah yang dibawa keluar melalui Kuala Selangor. Tengku Kudin telah mengatakan kepada Raja Musa beberapa syarat yang mesti diturutnya jika ia hendak memerintah di Kuala Selangor. Tetapi Raja Musa tiada mahu menurut syarat-syarat yang dikatakan oleh Tengku Kudin. Tengku Kudin telah meminta Sultan Abdul Samad memberhentikan Raja Musa sebagai pemerintah di Kuala Selangor, dan permintaan Tengku Kudin itu telah diperkenankan dan digantikan oleh Raja Ya'akub adik Raja Musa. Raja Ya'akub yang telah ditugaskan memerintah Kuala Selangor itu, tidak juga suka terhadap Tengku Kudin. Kebencian putera-putera Sultan Abdul Samad terhadap Tengku Kudin itu, telah memberikan peluang kepada musuh-musuh Tengku Kudin hendak menjatuhkannya.

Dalam bulan Disember tahun itu juga (1871) Tengku Kudin telah mengutus Wan Da, adik Wan Aman, pergi ke Pahang membawa sepucuk surat untuk disampaikan kepada Bendahara Wan Ahmad di Pahang, kerana Tengku Kudin meminta bantuan Bendahara itu bagi mengalahkan orang-orang yang menentanginya di Selangor. Apabila Wan Da sampai di Pahang, ia telah berdamai dengan bapa saudaranya

Bendahara Wan Ahmad yang ditentanginya dahulu, lalu menyampaikan surat Tengku Kudin itu. Bendahara Wan Ahmad bersetuju akan membantu Tengku Kudin melawan musuhnya, kerana Bendahara itu pun memang marah kepada Raja Mahadi yang telah membantu pihak yang melawannya di Pahang dahulu; tambahan pula Saiyid Mashhor menangkap dan menyeksa anak saudaranya Wan Aman di Ulu Selangor. Tetapi bantuan yang akan diberinya itu hendaklah diperseetujui dahulu oleh Gabenor di Singapura. Kira-kira empat bulan lepas itu baharulah surat Tengku Kudin itu dijawab oleh Bendahara Wan Ahmad. (Lihat kisah dalam bulan April tahun 1872).

1872. Setelah selesai menghabiskan cutinya di England, pada awal tahun 1872, Sir Harry Ord, Gabenor Negeri-negeri Selat telah balik semula ke Singapura memegang jawatannya. Kolonel Anson yang memegang jawatan Pegawai Pentadbir Kerajaan di Singapura selama Gabenor itu bercuti, balik semula ke Pulau Pinang memegang jawatannya di situ.

Pada awal tahun 1872 itu juga, Raja Mahadi yang telah pergi ke Bengkalis itu, telah melengkapkan angkatan perang yang mengandungi empat buah kapal kecil lengkap dengan senjata dan pelurunya di pulau itu. Orang-orangnya telah dikumpulkan dan dilatih dan meminta pertolongan daripada raja di negeri Siak, serta diberitahunya pula bahawa beliau telah dapat pertolongan daripada Dato' Kelana Sungai Ujong dan Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar). Ada sebuah kapal warna putih yang dipunyai oleh Raja Mahadi, kononnya telah dikurniakan oleh Maharaja Johor kepadanya.

Berita mengenai Raja Mahadi bersiap di Bengkalis itu telah sampai kepada Tengku Kudin di Selangor. Tengku Kudin telah menghantar Saiyid Zain bin Saiyid Putih Al-Habshi pergi ke Singapura mengadukan hal itu kepada Kerajaan Inggeris. Dari Singapura pergi pula Saiyid Zain berjumpa pihak berkuasa Belanda di Pulau Bengkalis dengan membawa sepucuk surat daripada Kerajaan Inggeris di Singapura. Apabila ketua orang Belanda di Pulau Bengkalis menerima surat daripada Kerajaan Inggeris itu, lalu dirampasnya kapal, wang dan peluru Raja Mahadi yang telah dikumpulkan itu. (Lihat kisah dalam bulan Mei tahun 1872).

Dalam bulan April tahun 1872 itu juga, C.J. Irving, Juru Odit Agung Kerajaan Inggeris di Singapura yang telah diperintahkan oleh Gabenor Harry Ord melawat ke beberapa



buah tempat di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu dengan kapal *Pluto*, telah sampai di Kuala Kelang pada 20 hari bulan April tahun 1872. Dalam rombongan Irving itu turut juga sama Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munshi sebagai jurubahasa yang dipinjamkan oleh Maharaja Johor. Dalam buku karangannya yang bernama *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim*, beliau telah menuliskan hal di negeri Selangor seperti yang telah dilihat dan didengarnya sendiri. Di antaranya ialah seperti yang dikutip di bawah ini.

Kapal *Pluto* yang membawa C.J. Irving dan rombongannya itu telah berlabuh di pelabuhan Kelang. Di situ banyak perahu berlabuh dan sebuah kapal bernama *Telegraph*; kapal ini digunakan oleh Tengku Kudin membawa timah yang dihantar kepada Baba Tek Tee di Melaka. Daripada baba itulah Tengku Kudin menerima wang, beras dan sebagainya dalam tugasnya memerintah Kelang. Sebelum naik ke darat, Irving telah ditemui oleh seorang bangsa Perancis yang bekerja sebagai kepala perang Tengku Kudin, namanya de Fontaine; ia memakai pakaian berbenang emas dan memakai pedang, orangnya tampan, masih muda, tiada berjanggut tetapi bermisai. Pegawai Tengku Kudin yang bernama Saiyid Zain itu datang juga menemui Irving menentukan masanya Irving hendak naik ke darat, ke bandar Kelang. Saiyid Zain itu berasal dari Pulau Pinang, cakupnya gagap sedikit.

Irving dan pengiringnya telah naik ke darat di pangkalan dekat sebuah bukit yang ada kubu (kota) di atasnya; tempat itu namanya Pangkalan Batu. Askar Sepahi yang diketuai oleh dua tiga orang putih telah berbaris menyambut dan memberi hormat kepada Irving; askar-askar itu tiada berapa pandai dan cekap berbaris. Irving telah disambut oleh Tengku Kudin di pintu kotanya di Pangkalan Batu.

Dalam perbualan di antara Tengku Kudin dengan C.J. Irving di Kelang, mereka telah membincangkan: Saiyid Mashhor dan Raja Kahar putera Sultan Abdul Samad ada di Ulu Selangor. Raja Mahadi ada di Siak dan telah ditangkap oleh Belanda. Sungai Bernam menjadi sempadan di antara negeri Perak dengan negeri Selangor. Cukai timah yang di hilir di Sungai Bernam itu diambil oleh seorang raja yang tinggal di Bernam bernama Raja Hitam. Raja Musa putera Sultan Abdul Samad yang tinggal di Kuala Selangor menyebelahi Saiyid Mashhor dan adiknya Raja Kahar, dan memberi makanan serta peluru kepada mereka yang dibawa dari Kuala

Selangor. Raja Ya'akub putera Sultan Abdul Samad, saudara seibu sebapa dengan isteri Tengku Kudin, masih menyebelahi Tengku Kudin, dan Tengku Kudin menyerahkan Kuala Selangor di bawah jagaannya. Tetapi Raja Ya'akub tiada pula melarang sebarang perbuatan Raja Musa, kerana Raja Musa itu abangnya.

Irving telah mencadangkan kepada Tengku Kudin supaya Raja Ya'akub yang didapati lemah pemerintahannya itu, supaya digantikan dengan orang lain yang boleh memerintah dengan keras. Irving mengatakan: oleh sebab kelemahan memerintah itulah, semasa Raja Musa dahulu, Kuala Selangor telah diambil oleh Raja Mahadi. Tengku Kudin telah menyatakan pula kepada Irving: dia sendiri suka hendak pergi menjaga Kuala Selangor; tetapi dia tidak suka tinggal di Kuala Selangor, kerana di situ merupakan kawasan yang berpenyakit. Kalau dia pun pergi ke sana, dia akan membuat tempat kediaman di hulu sedikit daripada Kuala Selangor, Irving mengatakan lagi: dia tidak suka Tengku Kudin tinggal di Kuala Selangor, kerana kalau Tengku Kudin meninggalkan dunia, tentu semua rancangan akan rosak.

Pada masa itu juga Tengku Kudin telah meminta Irving mengatakan kepada Sultan Abdul Samad di Langat: biarlah semua daerah dalam perintah Selangor dijaga oleh Tengku Kudin; semua hasil negeri dipungut oleh Tengku Kudin; selepas ditolak belanjanya, selebihnya diserahkan kepada Sultan Abdul Samad atau kepada sesiapa yang dikehendaki oleh baginda. Tengku Kudin mengatakan juga kepada Irving: putera Sultan Abdul Samad yang di Langat itu malas dan lalai serta bercampur dengan raja-raja yang menghisap candu dan orang jahat, dan akan mengakibatkan kesusahan dan pergaduhan lagi, kerana mereka mendengar dan mempercayai khabar yang palsu dan akal mereka pun kurang matang. Dalam pada itu Tengku Kudin mengingatkan pula: jika Irving membincang hal itu kepada Sultan Abdul Samad, janganlah dikatakan dia yang berkata begitu, melainkan perkataan itu terbit daripada fikiran Irving sendiri. Irving telah mengaku tidak akan mengatakan perkataan itu daripada kata-kata Tengku Kudin, melainkan akan dikatakannya lahir daripada pendapat Kerajaan Inggeris atau daripada Irving sendiri. Daripada perbincangan di antara mereka itu juga diketahui bahawa hutang Tengku Kudin kepada Baba Tek Yee di Melaka masih ada sebanyak lebih kurang \$70,000/-;

kira-kira hutang Tengku Kudin itu semuanya dalam jagaan Saiyid Zain. Cukai yang diperolehi oleh Tengku Kudin di Kelang masa itu lebih kurang \$30,000/- sebulan.

Kota (kubu) yang di atas bukit Pangkalan Batu itu asalnya kota Raja Abdullah adik Raja Juma'at Lukut; kemudian diambil oleh Raja Mahadi, dan sekarang dipunyai oleh Tengku Kudin. Kota itu empat persegi, panjangnya lebih kurang 300 kaki. Kota itu banyak yang telah rosak dan sekarang sedang dibaiki; sekeliling kota itu banyak rumah atap kecil berderet tempat askar Sepahi dan ketuanya. Dalam kota itu juga terdapat rumah atap dan di situlah pejabat bagi kakitangan Tengku Kudin, dan di situ jugalah pejabat Raja Ismail putera Raja Abdullah. Di tengah kota itu ada sebuah rumah atap besar berdinding papan di situlah tempat kediaman Tengku Kudin dengan anak isterinya. Di rumah Tengku Kudin ada dipelihara dua ekor anjing besar. Dalam rumah Tengku Kudin juga disediakan minuman cara barat; Irving dan pengiringnya telah dijamu oleh Tengku Kudin dengan minuman keras yang disebut *cherry*. Dalam kota itu ada tempat ubat bedil digalikan dalam tanah dan diikat dengan batu, dan ada sebatang tiang bendera yang mengibarkan bendera Yamtuan (Sultan) Selangor; bendera itu "berjalur putih-merah dan satu bintang putih di penjuru atas sebelah kiri; dan dalam kota itu ada beberapa pucuk meriam besi dan sepucuk meriam tembaga. Di Kelang, Tengku Kudin ada menyimpan pasukan askar yang terdiri daripada orang Sepahi dan Melayu di bawah jagaan beberapa orang pegawai orang putih; keadaan askar itu tidak begitu lengkap.

Dalam bandar Kelang terdapat banyak rumah atap yang baharu didirikan, berderet di kiri kanan jalan; ada di antaranya terdiri daripada kedai Cina dan orang Melayu. Di antara rumah itu banyak yang disewakan dengan mahalnya iaitu setiap sebuah rumah sewanya dari tiga sampai enam ringgit sebulan. Jumlah rumah dalam bandar Kelang masa itu lebih kurang 400 buah. Ada beberapa batang jalan yang baharu dibuat dan banyak simpang pula. Sebatang jalan yang lurus dari kota tadi sampai ke bandar diberi nama *China Street*.

Di hujung jalan inilah ada sebuah stesen dan jambatan. Masjid belum ada melainkan surau atap lama yang belum dibaiki. Ada juga jel (penjara), balai polis dan rumah sakit, semuanya rumah atap. Ada sebuah pejabat yang agak besar iaitu sebuah rumah limas atap genting, dindingnya separuh

batu dan papan; rumah ini rumah lama yang baharu dibaiki; tingkat atas bagi pejabat, dan tingkat bawah bagi tempat menyimpan timah cukai; rumah ini tinggi dan di bawahnya penuh dengan kekotoran. Nama-nama jalan dalam bandar Kelang seperti berikut: *King Street, Beach Street, Market Street, Wharf Street, China Street, Chulia Street, Hospital Street* dan *Mosque Street*, — inilah sahaja jalan yang ada dalam bandar Kelang pada masa itu, dan ada juga yang sedang dalam pembinaan. Seramai enam belas orang banduan dikerahkan bekerja membina jalan. Jumlah penduduk bandar Kelang itu lebih kurang 3,000 orang terdiri dari orang Melayu, Arab, Cina, orang putih, India Islam, Hindu, Benggali dan lain-lain. Perempuan dan kanak-kanak tiada kelihatan berjalan-jalan dalam bandar. Dalam bandar ada lebih kurang 90 buah kereta lembu; kereta kuda belum ada. Tidak ada kebun atau dusun; di sekitar bandar itu hutan rimba belaka. Di seberang bandar Kelang itu ada orang bertanam pisang, tebu dan sayur-sayuran; sawah padi tidak ada. Barang-barang makanan orang Kelang kebanyakannya dibawa dari Melaka. Demikianlah pandangan di bandar Kelang dalam bulan April tahun 1872 seperti yang dinyatakan dalam buku karangan Muhammad Ibrahim Munshi.

C.J. Irving dan rombongannya telah pergi ke Langat (Bandar Termasa) berjumpa Sultan Abdul Samad dan kedatangan Irving itu telah diterima dengan baik oleh baginda. Irving telah mendesak Sultan Abdul Samad supaya baginda memberikan kepadanya sepucuk surat daripada baginda sendiri menyuruh Raja Musa dan Raja Ya'akub yang ada di Kuala Selangor dengan segera balik ke Langat. Setelah Irving menerima surat daripada Sultan Abdul Samad itu, ia telah membawa surat tersebut ke Kuala Selangor.

Semasa dalam pelayaran ke Kuala Selangor, kapal *Pluto* telah singgah di Kuala Kelang. Tengku Kudin dan Saiyid Zain telah datang ke kapal itu menemui Irving. Dalam perbualan Tengku Kudin di kapal itu, dikatakannya juga: Wan Aman Pahang telah diletakkannya memerintah sebuah sungai di Ulu Selangor, dan Wan Aman itu adalah seorang yang boleh dipercayainya bernama Sultan Bangkulu (Bangkahulu). Kubu Wan Aman di Ulu Selangor itu telah diserang oleh Saiyid Mashhor. Oleh sebab Sultan Bangkulu itu belot, Wan Aman telah dapat ditangkap oleh Saiyid Mashhor, diseksanya, dan diberi makan bubur sahaja.

Irving telah bertolak dengan *Pluto* menuju ke Kuala Selangor dengan menunda dua buah tongkang membawa orang-orang Tengku Kudin yang hendak dibawa ke Kuala Selangor; de Fontaine turut sama pergi. Irving sampai ke Kuala Selangor pada 22 hari bulan April tahun 1872..Semasa berlabuh di Kuala Selangor itu, Raja Ya'akub telah datang ke kapal *Pluto* berjumpa Irving; tetapi Raja Musa tidak mahu datang berjumpa pegawai Inggeris itu. Semasa di kapal *Pluto* itulah Irving telah memberikan surat Sultan Abdul Samad yang memanggil Raja Musa dan Raja Ya'akub balik ke Langkat dan Irving telah memaksa Raja Ya'akub memberi sepucuk surat yang ditandatangani oleh Raja Ya'akub sendiri menyatakan Raja Ya'akub menyerahkan Kuala Selangor kepada de Fontaine seperti yang dikehendaki oleh Irving. Setelah selesai penyerahan yang dibuat di atas kapal *Pluto* itu, Raja Ya'akub balik semula ke Kuala Selangor dengan rupa yang muram; dan de Fontaine pun datang dengan askar Sepahinya masuk ke kota di Kuala Selangor mengambil-alih pemerintahan di Kuala Selangor daripada tangan Raja Ya'akub putera Sultan Abdul Samad. Setelah itu Irving pun bertolak meneruskan pelayarannya ke Pulau Pinang.

Demikianlah pandangan dan peristiwa yang telah berlaku di negeri Selangor dalam bulan April tahun 1872 seperti yang telah dilihat dan didengar sendiri oleh Muhammad Ibrahim Munshi.

Dalam bulan April tahun 1872 itu juga, Wan Da yang telah diutus oleh Tengku Kudin ke Pahang dahulu datang balik ke Selangor bersama dengan orang besar Pahang bernama Haji Muhammad Nur yang membawa surat jawapan daripada Bendahara Wan Ahmad Pahang untuk disampaikan kepada Tengku Kudin serta sepucuk surat lagi untuk Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura.

Apabila mereka sampai di Kelang, didapati Tengku Kudin telah pergi ke Singapura. Semasa berada di Kelang, Haji Muhammad Nur telah berjumpa dengan Raja Asal, dan Raja Asal yang tidak tahu-menahu tentang perhubungan yang sedang berjalan di antara Tengku Kudin dengan Bendahara Pahang itu, dan dia telah memujuk Haji Muhammad Nur supaya Pahang membantunya dalam usaha melawan Tengku Kudin dan sekutunya. Raja Asal telah menawarkan memberi secepat mungkin kepada Haji Muhammad Nur wang sebanyak \$30,000/- dan kalau dia menang, Haji Muhammad

Nur akan diberi wang belanja sebanyak \$1,000/- setiap bulan untuk selama-lamanya. Pujuk Raja Asal itu tidak menda-pat layanan daripada Haji Muhammad Nur. Tiada lama di Kelang, Haji Muhammad Nur pun bertolak ke Singapura un-tuk menemui Tengku Kudin.

Apabila Haji Muhammad Nur berjumpa Tengku Kudin di Singapura, ia pun menyampaikan surat daripada Bendahara Wan Ahmad Pahang kepada Tengku Kudin dan menceritakan juga hal ketika berjumpa dengan Raja Asal. Haji Muhammad Nur dan Tengku Kudin telah berjumpa Gabenor Harry Ord merundingkan tentang bantuan Pahang yang diminta oleh Tengku Kudin itu. Dalam surat Bendahara Pahang kepada Gabenor yang dibawa oleh Haji Muhammad Nur itu, Benda-hara Pahang minta kebenaran daripada Gabenor itu untuk menghantar angkatan perangnya ke Selangor membantu Tengku Kudin. Tengku Kudin meminta bantuan itu kerana ia percaya jika Pahang tidak membantunya, boleh jadi dia akan dikalahkan oleh musuhnya. Tiada lama lepas itu, iaitu setelah menerima surat Bendahara Pahang itu, Gabenor Harry Ord pun bertolak ke Pekan (Pahang) dan di sana Gabenor itu telah membenarkan Bendahara Wan Ahmad menjalankan rancangannya menghantar angkatan perangnya ke negeri Sela-ngor. (Angkatan perang dari negeri Pahang itu bertolak ke Selangor dalam bulan Ogos tahun 1872).

Raja Asal dengan Raja Laut yang telah berpakat di Kelang, telah pergi ke Kajang mengumpulkan orang dan kelengkapan mereka di sana. Pada awal bulan Mei tahun 1872, angkatan Raja Asal dan Raja Laut dari Kajang lebih kurang seramai 2,000 orang — terutama orang Melayu — telah bertolak me-nuju ke Kuala Lumpur. Angkatan Raja Asal itu telah berhenti berkumpul dan membangunkan kubu mereka pada suatu tempat bernama Petaling Batu kira-kira tiga batu lagi hendak sampai ke Kuala Lumpur. Tatkala angkatan Raja Asal itu ber-tolak dari Kajang hendak menyerang Kuala Lumpur, baharu-lah Kapitan Yap Ah Loy menerima berita tentang Raja Asal telah berpaling tadah daripadanya dan hendak menyerang Kuala Lumpur.

Pada masa itu askar-askar Yap Ah Loy dan Tengku Kudin yang ada di Kuala Lumpur hanya seramai 200 orang iaitu ter-masuklah 80 orang askar Sepahi serta 15 atau 20 orang pega-wai rendah orang Eropah dan peranakan Eropah yang di ketua oleh van Hagen dan Cavaliero. Oleh sebab itu dengan

segera Yap Ah Loy mengambil orang-orang baharu daripada bangsa Cina yang kebanyakannya bekerja di lombong. Dalam masa yang singkat sahaja, Yap Ah Loy telah dapat mengumpulkan orangnya lebih kurang seramai 2,000 orang untuk dijadikan askar dan semuanya diletakkan di bawah pimpinan van Hagen.

Tiada lama lepas itu, van Hagen telah membawa askarnya pergi menyerang kubu Raja Asal di Petaling Batu bagi mengalahkan Raja Asal sebelum Raja Asal dapat menguatkan kedudukannya di tempat itu. Pertempuran dahsyat telah berlaku di antara pasukan Raja Asal dengan pasukan van Hagen tiga hari berturut-turut. Kesudahannya pasukan van Hagen tewas dan menerima kemalangan besar; terpaksa van Hagen berundur ke Kuala Lumpur dan tiada berhasil maksudnya untuk mengalahkan pasukan Raja Asal di tempatnya itu. Pertempuran dahsyat itu telah berlaku pada suatu tempat kira-kira sebatu di selatan Pudu berhampiran dengan jalan raya Kuala Lumpur — Kajang sekarang ini. Askar-askar Yap Ah Loy dan Tengku Kudin yang diketuai oleh van Hagen yang seramai 2,000 orang itu, lebih kurang 730 orang telah terbunuh semasa dalam peperangan di Petaling Batu itu.

Keadaan di Kuala Lumpur dan daerah sekitarnya telah bertambah genting. Dengan segera Kapitan Yap Ah Loy menghantar utusan kepada Chung Piang dan Imam Perang Muhammad Akil di Ulu Yam menyuruh membawa askar mereka di Ulu Yam itu balik ke Kuala Lumpur dengan seberapa segera. Pada masa askar-askar Yap Ah Loy berundur dari Ulu Yam untuk balik ke Kuala Lumpur itu, tiada berapa jauh di belakang mereka, diikuti pula oleh pasukan Saiyid Mashhor yang juga menuju ke Kuala Lumpur. Ada juga Chung Piang meninggalkan pasukan kecil bertahan di Rawang dan di Kanching; tetapi pasukan itu telah dikalahkan oleh pasukan Saiyid Mashhor yang datang dari belakang. Tiada berapa lama lepas itu, angkatan Saiyid Mashhor yang datang dari Ulu Selangor itu pun bersatu dengan angkatan Raja Asal dan Raja Laut dan sama-sama menguatkan lagi kepungan mereka ke atas Kuala Lumpur. Pada masa inilah Sutan Puasa telah mengikut Raja Asal menyebelahi pihak Raja Mahadi, kerana ramai orang-orang Sutan Puasa yang telah masuk dalam pasukan Saiyid Mashhor; lagipun perhubungan Sutan Puasa dengan Raja Asal lebih rapat daripada perhubungannya dengan Yap Ah Loy; tambahan pula harus telah ada pertelingkahan di

antara Sutan Puasa dengan Yap Ah Loy dalam hal perniagaan, kerana mereka memang sama-sama ahli perniagaan dan mempunyai lombong bijih timah.

Saiyid Mashhor yang telah bersatu dengan Raja Asal, Raja Laut dan Sutan Puasa itu, telah melancarkan serangan ke tempat Kapitan Yap Ah Loy, dan serangan itu telah di tentang oleh askar yang diketuai sendiri oleh Yap Ah Loy. Pasukan Saiyid Mashhor tidak dapat mengalahkan pasukan Yap Ah Loy. Lepas itu Saiyid Mashhor telah menghantar semua askarnya menyerang angkatan Van Hagen pula; itu juga tidak dapat dialahkan oleh Saiyid Mashhor. Selepas gagalnya serangan itu, dengan beransur-ansur berhentilah pertempuran antara kedua belah pihak yang bermusuhan itu; lebih dua bulan lamanya tiada berlaku pertempuran; tetapi orang-orang Saiyid Mashhor tetap juga menjalankan pengepungan mereka di sekeliling Kuala Lumpur, dan Yap Ah Loy tidak pula dapat menghalau mereka itu, kerana angkatan Yap Ah Loy tidak cukup kuat untuk menembusi barisan pengepungan itu. (Serangan dari pihak Saiyid Mashhor yang kemudian datang pada awal bulan Julai tahun 1872).

Dalam bulan Mei tahun 1872, setelah Raja Mahadi dapat tahu pihak berkuasa Belanda di Pulau Bengkalis hendak menangkapnya, Raja Mahadi telah meninggalkan Bengkalis pergi ke suatu tempat di pantai barat negeri Johor dekat Melaka menyembunyikan diri di situ. Apabila Maharaja Johor dapat tahu Raja Mahadi ada di negeri Johor, baginda pun bertanya kepada Gabenor Harry Ord di Singapura apa yang patut dibuatnya terhadap Raja Mahadi. Sebelum memberikan jawapan kepada Maharaja Johor, Gabenor itu telah bertanyakan dahulu pendapat Thomas Braddell, Peguam Agung Kerajaan Negeri-negeri Selat, mengenai hal itu. Pada pendapat Braddell: nampaknya tidak ada keterangan yang sah hendak menyalahkan Raja Mahadi. Sungguhpun pihak Kerajaan Inggeris percaya dia ada melakukan rompakan, tetapi tiada buktinya. Walaupun kapal *Pluto* di Kuala Selangor dahulu telah ditembak dari kubu Raja Mahadi, tetapi tiada pula saksi yang boleh membuktikan bahawa Raja Mahadi ada sama di situ. Sungguhpun ada bukti yang boleh menunjukkan bahawa Raja Mahadi telah melawan tatkala ia hendak ditangkap oleh Lt. Stopford di Kuala Selangor dahulu, tetapi adakah penangkapan itu sah di sisi undang-undang? Ada pula seorang hakim pihak Inggeris mengatakan: penangkapan itu tidak sah di sisi



undang-undang. Oleh sebab itu Gabenor tidak menyuruh Maharaja Johor menangkap Raja Mahadi. Lagipun kebanyakan peguam di Singapura memikirkan Kerajaan Inggeris "tidak patut mencampuri pergaduhan yang adil dan tiada pula merosakkan hak pihak yang berkecuali". Mengikut nasihat Gabenor Singapura, Maharaja Johor telah menawarkan kepada Raja Mahadi membolehkannya tinggal di negeri Johor dengan syarat Raja Mahadi tidak membuat kacau dan tidak mengambil bahagian dalam pergaduhan di negeri Selangor. Tawaran itu telah diterima oleh Raja Mahadi, dan Raja Mahadi dengan pengikutnya seramai lima enam orang telah tinggal di sebuah rumah seorang pegawai Maharaja Johor. Tiada lama lepas itu, setelah menghubungi Tengku Kudin di Selangor mengenai hal Johor memujuk Raja Mahadi supaya Raja Mahadi mahu menerima pencen daripada Tengku Kudin sebanyak \$350/- setiap bulan dengan syarat Raja Mahadi tidak lagi membuat tuntutan terhadap negeri Selangor, dan tidak lagi masuk campur dalam sebarang pergaduhan dan pakatan sulit menentang Kerajaan Selangor.

Beberapa kali Maharaja Johor telah memujuk Raja Mahadi supaya menerima tawaran itu; namun tetap gagal; Raja Mahadi terus menolak tawaran itu. Ketika Raja Mahadi ditanya apa yang hendak dilakukannya kelak, Raja Mahadi hanya mengatakan dia hanya berserah kepada Allah. Setakat ini Gabenor Singapura itu tidak pula memikirkan supaya Raja Mahadi itu diserahkan sahaja kepada Sultan Selangor yang ditentanginya itu. Maharaja Johor dan Thomas Braddell nampaknya tidak pula menyetujui perbuatan Tengku Kudin di Selangor itu. Sebenarnya Maharaja Johor lebih suka berbaik-baik dengan Raja Mahadi yang dapat dijadikan penghalang kepada cita-cita Tengku Kudin yang hendak berkuasa di negeri Selangor, dan nyata Maharaja itu menyebelahi Raja Musa putera sulung Sultan Abdul Samad yang tiada berbaik dengan Tengku Kudin itu, bahkan ada cadangan Maharaja Johor hendak menggantikan Tengku Kudin itu dengan Raja Musa sebagai Wakil Yamtuan di Selangor; tetapi cadangan itu nampaknya hilang begitu sahaja. Di kalangan orang-orang Inggeris di Singapura pun ada yang membenarkan pihak Raja Musa, sehingga mereka mengeluarkan pendapat dalam surat-khabar di Singapura. Maharaja Johor dan Thomas Braddell telah menerangkan kepada Gabenor Harry Ord supaya memandang masalah di Selangor itu kepada dua pihak yang

berlawanan dan Tengku Kudin itu bukanlah selamanya di pihak yang benar. Tetapi C.J. Irving sentiasa memandang rendah dan tidak percaya kepada Raja Mahadi dan dia mengatakan Raja Mahadi itu pendusta dan pembelot.

Apabila Gabenor Harry Ord gagal memujuk Raja Mahadi, ia pun memberitahu dan mengingatkan Tengku Kudin di Selangor bahawa Raja Mahadi itu masih bahaya dan kawan-kawannya di Selangor juga masih ramai. Gabenor itu percaya Raja Mahadi akan meninggalkan negeri Johor dan datang semula ke Selangor (Lihat kisah dalam bulan Julai, 1872).

Kira-kira dalam bulan Mei tahun itu juga (1872), Tengku Kudin telah pergi ke negeri Pahang (ke Pekan) berjumpa Bendahara Wan Ahmad menggesa Bendahara itu menyegerakan persiapan angkatan perangnya yang hendak dihantar ke negeri Selangor.

Pada 18 hari bulan Jun tahun 1872 Tengku Kudin telah mengadu kepada Gabenor di Singapura mengatakan Raja Musa putera Sultan Abdul Samad dan musuhnya Saiyid Mashhor telah menerima bekalan senjata, barang makanan dan juga wang daripada saudagar-saudagar di Negeri Selat. Seorang pegawai Inggeris bernama MacAlister mengatakan kepada Saiyid Zain, iaitu Raja Mahadi telah membeli sebuah kapal bernama S.S. Argyle dan kapal itu akan dibawanya ke Kelang. Oleh sebab itu Tengku Kudin telah bertanya kepada Gabenor di Singapura: tidakkah Gabenor itu dapat menyatakan kepada rakyat negeri tentang kesalahan memberi pertolongan kepada musuh-musuh Wakil Sultan Selangor itu?

Dalam bulan Julai tahun 1872 Raja Mahadi dan pengikutnya telah keluar meninggalkan negeri Johor pergi ke Negeri Sembilan. Mereka telah memudiki Sungai Linggi dengan lima buah sampan dan telah berjumpa dengan Raja Laut, Raja Mahmud dan orang-orang yang menyebelahnya dahulu. Mereka telah pergi ke Lukut dan ke Sungai Ujong melindungi diri kepada Dato' Bandar di tempat itu (Dato' Bandar Tunggal — Abdullah bin Ahmad).

Dalam bulan Julai itu juga (1872), Saiyid Mashhor, Raja Asal dan Sutan Puasa yang sudah dua bulan mengepung Kuala Lumpur dan tiada melakukan serangan itu, telah mula menyerang ke tempat-tempat pertahanan askar Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur. Pada masa itulah Raja Mahadi, Raja Mahmud, Raja Laut dan orang-orang besar Selangor

yang menyebelahi mereka datang ke Kuala Lumpur dan bersatu dengan angkatan Saiyid Mashhor, Raja Asal dan Sutan Puasa bagi menambahkan kekuatan mereka mengepung dan menyerang Kuala Lumpur. Pihak Yap Ah Loy yang selama ini terkepung di Kuala Lumpur itu, dapat juga membuat perhubungan dengan Tengku Kudin di Kelang dan menerima barang makanan yang dihantar oleh Tengku Kudin untuk askar-askarnya dan askar Yap Ah Loy.

Setelah angkatan Saiyid Mashhor bersatu dengan Raja Mahadi dan kawan-kawannya itu dan memulakan serangan baharu ke Kuala Lumpur, Yap Ah Loy pun menghantarkan anak isterinya serta beberapa orang perempuan dan kanak-kanak pergi ke Kelang dihantarkan oleh satu pasukannya yang bersenjata lengkap.

Pada 17 hari bulan Julai tahun 1872, Raja Mahmud bersama dengan Raja Laut, Raja Berkat, Raja Endut dan seorang ketua orang Cina bernama Teo Ah Chong, yang membawa askar mereka seramai 300 orang yang dikumpulkannya di Lukut dan di Langat, telah menyerang kampung yang bernama Batu dan Gombak; kedua buah kampung itu telah dibakar; empat orang Cina di kampung itu telah dibunuh dan 18 orang luka. Sejak kedatangan pemimpin-pemimpin mereka itu, banyaklah serangan yang telah mereka lancarkan di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.

Dalam bulan Julai itu juga (1872) sepucuk surat rayuan yang ditandatangani oleh Theo Siong Swee serta 33 orang saudagar Cina di Melaka telah dihantar kepada Kerajaan Inggeris di Negeri Selat menerusi Dewan Perniagaan di Singapura mengadukan tentang wang modal dan harta benda mereka yang bukan sedikit telah dikeluarkan bagi perniagaan di negeri Selangor, terutama dalam perusahaan melombong bijih timah di negeri itu, yang mana sedang diancam oleh serangan dari pihak Raja Mahadi dan kawan-kawannya. Saudagar Cina itu pula menyatakan: dalam tahun 1871 dahulu Kerajaan Inggeris telah mengumumkan akan menolong Tengku Kudin dan akan menangkap Raja Mahadi, Saiyid Mashhor dan Raja Mahmud; tetapi sekarang Raja Mahadi dan kawan-kawannya itu telah melakukan serangan baharu di negeri Selangor, dan tiada apa pun yang dibuat oleh Kerajaan Inggeris bagi membantu Tengku Kudin atau menangkap ketiga-tiga orang itu. Sekarang Saiyid Mashhor dengan pasukan bersenjataanya ada di Sungai Selangor; Raja Mahmud

dengan pasukan bersenjatanya berada di Sungai Langat, dan mereka itu membunuh penduduk negeri dan membinasakan harta benda mereka, dan sebahagian daripada mereka itu telah merosakkan dua buah lombong di Kelang. Harta benda saudagar Cina itu sekarang dalam bahaya besar dan kuli-kuli serta wakil mereka di tempat itu sedang dalam bahaya juga.

Dalam bulan Ogos tahun 1872 Setiausaha Kerajaan Negeri Selat telah memberi jawapan kepada Dewan Perniagaan di Singapura mengatakan: "Adalah tujuan Kerajaan British tiada akan mencampuri hal yang berlaku dalam negeri Melayu melainkan pada tempat yang perlu, umpamanya menghapuskan perompak laut dan membela serangan yang dilakukan ke atas rakyat dan jajahan perintah British. Tiadalah upaya Kerajaan British berbuat apa bagi kehilangan nyawa dan dangangan saudagar yang telah pergi dengan suka hatinya sendiri ke negeri-negeri Melayu itu."

Nampaknya pada masa itu kedudukan Tengku Kudin di negeri Selangor dalam kesukaran. Dia sedang ditentang dengan hebat oleh musuh lamanya Raja Mahadi dan sekutunya; Raja Musa putera sulong Sultan Abdul Samad sendiri menentangnya, dan Sultan Abdul Samad pun telah berasa khuatir ke atas Tengku Kudin yang disangkanya baginda hendak merampas takhta Kerajaan Selangor, dan Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar) pun tidak juga suka kepada Tengku Kudin.

Kebanyakan pergaduhan yang berlaku di Selangor masa itu tertumpu di Kuala Lumpur yang banyak terdapat lombong bijih timah. Kubu Tengku Kudin yang ada di Bukit Nenas di Kuala Lumpur itu telah dikepung oleh Raja Asal. Saiyid Mashhor dengan pengikutnya orang Rawa dan Mendahiling telah menyekat segala barang makanan dan sebagainya yang hendak dihantar dari pantai (Kelang) kepada pasukan Tengku Kudin dan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur.

Pada awal bulan Ogos tahun itu juga (1872) pasukan Yap Ah Loy dan Van Hagen yang ada di Kuala Lumpur telah kekurangan makanan. Askar mereka yang ditugaskan mempertahankan Kuala Lumpur daripada serangan pihak Raja Mahadi, Saiyid Mashhor dan Raja Mahmud, tidak mencukupi, dan jalan-jalan perhubungan dengan Tengku Kudin di Kelang pun telah terancam. Van Hagen telah berazam hendak meninggalkan Kuala Lumpur membawa askar-askarnya pergi ke Kelang.

Sementara itu, pada awal bulan Ogos tahun 1872 itu juga, askar-askar Bendahara Wan Ahmad di Pahang seramai lebih kurang seribu orang yang telah berkumpul di Bentong, telah bertolak dari Pahang melalui Genting Simpah dan Genting Bidai dan pergi ke Ulu Kelang, dan berkubu di tempat yang bernama Batu Tabor. Di Ulu Kelang, pasukan Pahang itu telah berpecah dua: satu pasukan diketuai oleh Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nur pergi menuju ke Kepong; satu pasukan lagi tinggal di Ulu Kelang dan diketuai oleh Imam Perang Rasu.

Pasukan Imam Perang Rasu itu telah menyerang dan mengalahkan kubu Raja Asal di Ulu Kelang dan telah membunuh beberapa orang askar Raja Asal. Dalam pada itu, oleh sebab pasukan Imam Perang Rasu itu telah terpisah dengan orang-orang Pahang yang pergi ke Kepong, pasukan Raja Asal telah menyerang balas ke atas pasukan Imam Perang Rasu dan menyekat barang makanan yang hendak dibawa untuk pasukan Imam Perang Rasu itu, sehingga askar-askar Pahang yang berkubu di Batu Tabor itu menderita selama lima belas hari lamanya tiada mempunyai makanan sehingga terpaksa mereka memakan umbut kayu dengan garam, dan dengan susah payah mereka balik ke Bentong.

Pasukan Pahang yang pergi ke Kepong telah berjaya mengalahkan serangan Raja Asal yang membawa seramai 200 orang datang menyerang Kepong. Setelah pasukan Imam Perang Rasu yang berkumpul di Bentong itu mendapat bekalan makanan yang cukup, mereka pun datang semula bersama dengan Dato' Sahbandar dan To' Muda Andak mendapatkan kawan-kawan mereka di Kepong dan menghalau pasukan pihak Raja Mahadi yang datang menyerang Kepong. Pasukan Pahang yang berkubu di Kepong itu telah menghantar utusan memberitahu pasukan Tengku Kudin di Kuala Lumpur mengajak orang-orangnya berundur ke Kepong jika mereka tidak dapat lagi mempertahankan tempat itu buat sementara menantikan kedatangan askar bantuan dari Pahang. Malangnya, utusan dari Kepong itu tidak diterima oleh van Hagen, atau boleh jadi van Hagen sendiri belum lagi percaya kepada orang-orang Pahang yang hendak membantunya itu. Sebaliknya, pada suatu malam, van Hagen dengan penolongnya Cavaliero telah membawa askar Sepahnya serta pegawai rendahnya meninggalkan Kuala Lumpur dengan tujuan hendak pergi ke Petaling, dan dari situ pergi ke tepi Sungai Kelang di

Damansara lalu menghilir ke Kelang — demikianlah rancangan van Hagen. Askar-askar yang lain semua tinggal di Kuala Lumpur di bawah jagaan Yap Ah Loy. Entahkan oleh van Hagen tidak tahu selok-belok jalan dalam hutan di tempat itu, ataupun barangkali sengaja disesatkan oleh penunjuk jalan, van Hagen telah membawa askarnya melalui tempat yang bernama Salak, dan setelah berjalan dengan susah payah sehari suntuk, tiba-tiba pasukan itu telah sampai dekat Sungai Kuyoh di barat kampung Sungai Besi sekarang ini. Rupanya, askar pihak Raja Mahadi dan kawan-kawannya yang berada di hilir dari Petaling telah sedia berkumpul mengendap di tempat itu. Sebaik sahaja sampai askar-askar van Hagen ke tempat itu, mereka pun diserang oleh orang-orang pihak Raja Mahadi dan berlakulah pertempuran dahsyat antara kedua pihak. Dalam pertempuran itu Cavaliero bersama askar Sepahnya seramai 20 orang telah terbunuh. Dalam pada itu ada seramai 30 orang daripada askar van Hagen itu dengan susah payah telah dapat melarikan diri ke dalam hutan di situ dan akhirnya mereka pun sampai ke Kelang. Van Hagen serta baki askar yang tinggal itu telah ditawan oleh pihak Raja Mahadi, dan esoknya mereka pun dibawa ke Kuala Lumpur dan dipenjarakan. Kepala Cavaliero yang telah disembelih itu diarak beramai-ramai dibawa ke Kuala Lumpur. Lepas itu kepada van Hagen pula disembelih di hadapan orang ramai. Setelah itu kepala kedua-dua orang putih yang telah dipenggal diarak beramai-ramai sambil memukul gong bersuka-suka berjalan ke merata-rata tempat dalam pekan Kuala Lumpur, dan akhirnya kedua-dua kepala itu dipakukan di pintu gerbang tempat orang-orang pihak Raja Mahadi berkubu untuk ditontonkan kepada ramai. Askar-askar Sepahi yang telah tertawan itu dipercayai telah dibunuh juga oleh orang-orang pihak Raja Mahadi. Jumlah askar dalam pasukan Tengku Kudin di Kuala Lumpur yang telah binasa itu ialah: dua orang pegawai orang putih, lapan orang pegawai rendah bangsa Eropah dan peranakan Eropah serta 56 orang askar Sepahi — semuanya telah terbunuh. Ketua-ketua pasukan van Hagen dan Cavaliero itu, dengan gembiranya telah memberitahu kawan-kawan mereka yang berkubu di tempat lain.

Semasa askar-askar van Hagen meninggalkan Kuala Lumpur, Kapitan Yap Ah Loy memerintahkan orang-orangnya supaya meninggalkan Kuala Lumpur pula. Setelah hari malam, Yap Ah Loy dengan orang-orangnya pun keluar dari Kuala Lumpur, melalui Bukit Arang dan Penchala; dan Yap

Ah Loy bercadang hendak pergi ke Damansara dan dari situ baharu menghilir pergi ke Kelang. Tetapi Yap Ah Loy dan orang-orangnya itu telah diikuti dari belakang oleh askar Saiyid Mashhor dan Raja Laut yang telah dapat tahu mereka berundur dari Kuala Lumpur. Askar-askar Saiyid Mashhor dan Raja Laut itu telah menyerang dan membunuh ramai orang Kapitan Yap Ah Loy yang berundur itu.

Mengikut ceritanya yang lebih lanjut: setelah berjalan menempuh hutan belantara selama dua hari dua malam, akhirnya orang-orang Kapitan Yap Ah Loy yang berundur itu telah tiba ke suatu tempat dekat Damansara. Di situlah orang-orang Yap Ah Loy yang seramai 1,700 orang telah terbunuh oleh musuh-musuh mereka, dan di antara yang terbunuh itu termasuklah, orang-orang harapan Yap Ah Loy iaitu Tung Khun dan Teng Sam. Begitu dukacita Yap Ah Loy melihatkan kejadian yang amat menyedihkan itu; tak pernah ia menderita kemalangan sedahsyat itu. Dia tidak dapat berbuat apa-apa kecuali menerima sahaja perkara itu. Tambahan pula ramai di antara pengikutnya yang taat setia telah terbunuh dalam pertempuran dekat Damansara itu. Pengikut-pengikut yang masih ada, telah cuba menenangkan hati Yap Ah Loy. Tiada lama lepas itu Yap Ah Loy dengan beberapa orang pengikutnya telah menaiki sampan menghilir Sungai Kelang pergi ke Kelang.

Perihal barang-barang makanan pihak Tengku Kudin dan Yap Ah Loy yang telah dirampas oleh musuh mereka, dan perihal dua ketumbukan pasukan Tengku Kudin di Kuala Lumpur yang telah dikalahkan oleh musuhnya itu, serta pasukan van Hagen yang hampir habis licin disapu oleh musuhnya dekat Sungai Besi, semuanya telah dimaklumkan kepada Tengku Kudin. Sementara Tengku Kudin termenung dukacita memikirkan kedudukan pihaknya yang serba buruk itu, tiba-tiba datang orang memberitahu kepadanya yang Kapitan Yap Ah Loy telah tiba di Kelang.

Kedatangan Yap Ah Loy telah disambut oleh Tengku Kudin dengan menembakkan meriam dua puluh das. Yap Ah Loy telah datang berjumpa dan memberi hormat kepada Tengku Kudin Wakil Yamtuan itu. Yap Ah Loy telah menceritakan kepada Tengku Kudin akan hal kekalahan pasukannya dalam pertempuran yang mengerikan itu. Dukacita benar Tengku Kudin mendengar berita itu; tambahan pula melihat Yap Ah Loy yang datang hanya memakai seluar dalam sahaja. Tengku Kudin cuba menenangkan hati Yap Ah Loy dan

mengatakan jika Ah Loy tidak mahu lagi menuntut bela ke atas musuhnya di Kuala Lumpur itu, ia akan menghantar Ah Loy pergi ke negeri Kedah dan di sana Ah Loy akan menjadi ketua juga.

Ah Loy telah mengucapkan terima kasih di atas baik budi Tengku Kudin itu.

Setelah sekian lama memikirkan kedudukannya yang buruk itu, Kapitan Yap Ah Loy pun mengambil ketetapan hendak menyerang dan mengambil Kuala Lumpur semula dari tangan musuhnya itu. Di Kelang, Yap Ah Loy telah diberi makanan dan pakaian oleh Tengku Kudin, dengan itu Ah Loy dapat bergerak semula. Lebih sebulan lamanya Ah Loy tinggal di Kelang menyediakan kelengkapan untuk menyerang Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur jatuh ke tangan pihak Raja Mahadi, Saiyid Mashhor, Raja Mahmud dan kawan-kawan mereka pada akhir bulan Ogos tahun 1872.

Dalam bulan Ogos itu juga (1872), askar-askar yang diketuai oleh Saiyid Mashhor, dan dengan pertolongan seorang yang bernama Raja Isa bin Raja Haji yang telah belot daripada pihak Tengku Kudin masuk menyebelahi pihak Raja Mahadi, telah menyerang dan mengambil kota-kota di Kuala Selangor; sarjan orang putih yang bernama Pennefather serta 52 orang askar sepahinya yang menjaga kota itu bagi pihak Tengku Kudin telah dibunuh oleh orang-orang Saiyid Mashhor. Tidak sampai separuh pun daripada askar-askar di kota itu yang dapat melarikan diri pergi ke Kelang mengadukan hal mereka kepada Tengku Kudin. Shaikh Muhammad Taib Minangkabau yang mengetuai orang-orang Melayu dalam kota itu juga telah melarikan diri dengan sampan balik ke Kelang. Tengku Chik yang datang bersama dengan Shaikh Muhammad Taib yang telah menyebelahi Saiyid Mashhor. Sejak itulah juga Raja Musa putera Sultan Abdul Samad datang semula tinggal di Kuala Selangor, kerana orang-orang Raja Mahadi tidak mengganggunya.

Setelah Kuala Lumpur jatuh ke tangan orang-orang pihak Raja Mahadi, boleh dikatakan seluruh tempat di darat negeri Selangor itu telah dikuasai oleh pihak Raja Mahadi. Pada masa itu Raja Mahadi dan panglima-panglima Melayu pengikutnya itu dapat pula membuat perhubungan dengan orang-orang besar Melayu di daerah-daerah sebelah selatan dan sebelah utara negeri Selangor; ke selatan, mereka memang berbaik dengan Dato' Bandar di Sungai Ujong yang berselisih



faham dengan Dato' Kelana; ke utara, ada pula sekutu mereka iaitu Raja Hitam di Bernam, dan raja-raja di negeri Perak tidak pula bermusuhan dengan mereka; dan perhubungan keluar ikut laut dapat mereka lakukan di Sungai Selangor yang bermuara ke Kuala Selangor itu. Pihak yang nyata memusuhi pihak Raja Mahadi itu ialah Tengku Kudin yang sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menegakkan kuasanya di negeri Selangor serta sekutunya Kapitan Yap Ah Loy yang telah menikmati kekayaan daripada hasil lombong bijih timah di Kuala Lumpur. Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat memang sudah faham bahawa kekacauan yang sedang berlaku di negeri-negeri Melayu itulah (Selangor, Perak dan Negeri Sembilan) ketika yang sebaiknya untuk memasukkan pengaruh dan kuasa mereka dengan menonjol-njolkan pihaknya sebagai pengaman, pendamai dan pelindung yang baik.

Oleh sebab pasukan orang-orang Pahang yang berkubu di Kepong itu telah menderita kekurangan makanan, dan tidak pula dapat membuat perhubungan dengan Tengku Kudin di Kelang, dalam bulan September tahun 1872 mereka pun keluar meninggalkan Kepong balik semula ke negeri Pahang — ke Bentong. Pada masa itu juga Bendahara Wan Ahmad cuba mengumpulkan semula orang-orangnya di Bentong yang akan dihantar lagi ke negeri Selangor.

Pada masa itu hampir semua kota dan kubu yang dahulunya dikuasai oleh Tengku Kudin, telah dapat diambil oleh pihak Raja Mahadi, iaitu: Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Petaling, Kepong dan kubu-kubu kecil yang lain. Yang tinggal dalam perintah Tengku Kudin hanyalah dua buah kota dan kubu di tepi Sungai Kelang iaitu di Kuala Kelang dan di Pangkalan Batu (Kelang) dan beberapa buah kubu kecil di Damansara dan kawasan antara Damansara dengan Pangkalan Batu.

Berkenaan dengan Kapitan Yap Ah Loy yang telah bersiap mengumpulkan orang-orangnya di Kelang itu, pada akhir bulan Oktober tahun 1872, iaitu lebih kurang dua bulan selepas dikalahkan oleh Saiyid Mashhor berhampiran Damansara, telah dapat mengumpulkan orang-orangnya seramai seribu orang, iaitu tujuh ratus orang baki daripada orang-orangnya yang kalah dalam bulan Ogos dahulu, dan hampir tiga empat ratus orang baharu yang didatangkan dari negeri China. Dan pada masa itu juga Tengku Kudin telah dapat

mengumpulkan orang-orangnya — orang Melayu — seramai lebih kurang seribu orang juga yang diletakkan oleh Tengku Kudin di bawah pimpinan panglima-panglima perangnya Imam Perang Muhammad Akil dan Imam Perang Haji Husain.

Pada akhir bulan Oktober tahun 1872, Gabenor Sir Harry Ord dari Singapura yang menaiki kapal perang H.M.S. Zebra, telah singgah di tempat yang bernama Simpang di tepi Sungai Linggi dan berjumpa dengan Dato' Kelana Sungai Ujong. Dato' Kelana telah mengaku kepada Gabenor itu yang ia akan menyekat barang-barang terutama makanan — yang hendak disampaikan ke pihak Raja Mahadi yang dibawa melalui Sungai Linggi. Pada 1 hari bulan November (1872) pula, bersama dengan Tengku Kudin, Gabenor Ord telah datang ke Langat berjumpa Sultan Abdul Samad. Oleh sebab Gabenor itu tahu Raja Mahadi berada di Selangor dan ada beberapa orang pula saudara Sultan Abdul Samad dan orang ramai yang juga tiada sukakan Tengku Kudin, kedatangan Gabenor ke Langat telah diiringi oleh pasukan askar Inggeris yang bersenjata lengkap.

Sebelum berjumpa Sultan Selangor, Gabenor Harry Ord telah bercakap panjang dan menyatakan juga kepada Tengku Kudin: sungguhpun pada zahirnya Tengku Kudin dibantu oleh Sultan Abdul Samad, dan Tengku Kudin mendapat bantuan wang pula daripada orang-orang yang menyokongnya, dan walaupun Gabenor itu mengakui pihak Kerajaan Inggeris akan meneruskan bantuannya kepada Tengku Kudin, tetapi memandang kepada kedudukan Tengku Kudin dalam setahun yang terakhir ini adalah diragukan sama ada boleh atau tidak Tengku Kudin mengalahkan musuhnya itu. Oleh sebab itu Gabenor Ord telah mencadangkan kepada Tengku Kudin: jika sekiranya Tengku Kudin tiada lagi mempunyai harapan yang sepenuhnya akan berjaya, lebih baiklah Tengku Kudin memberhentikan perjuangannya itu; dan Gabenor mengakui pula akan memberi pertolongan supaya Tengku Kudin tidak mengalami apa-apa kerugian atau merasa terhina apabila ia menarik diri; dan Gabenor itu berjanji: jika Tengku Kudin bersetuju berhenti, apabila Gabenor itu berjumpa Sultan Abdul Samad, ia akan menyatakan kepada baginda supaya menjalankan kerja memberhentikan Tengku Kudin itu dengan cara yang terhormat dan memuaskan hati.

Setelah mendengar kata-kata Gabenor itu, dengan tenang Tengku Kudin menerangkan kepada Gabenor: ia merasa

belum putus harapan dalam perjuangannya itu selagi ia menerima bantuan askar dari Pahang seperti yang telah dijanjikan. Dalam pada itu Tengku Kudin mengaku bahawa inilah peluangnya yang terakhir untuk mencapai kemenangan. Jika sekiranya ia gagal, dia sedia mengembalikan semua kepada Sultan Selangor kepercayaan yang telah dikurniakan kepadanya itu, dan memohon baginda menjelaskan wang perbelanjaan yang telah digunakan dalam menjalankan kerjanya selama ini. Sungguhpun ia sentiasa menerima nasihat daripada orang Inggeris tetapi dalam hal ini tiadalah ia mahu mengaku kalah begitu sahaja, malah ia mahu terus melawan musuhnya itu.

Tatkala Gabenor Ord bercakap-cakap dengan Sultan Abdul Samad, baginda telah menyatakan bahawa baginda sentiasa menaruh kepercayaan kepada Tengku Kudin. Tetapi yang sebenarnya, pada masa itu Sultan Abdul Samad lebih berat menyebelahi Raja Mahadi, dan memanglah tabiat baginda selalu sahaja bertitah mahu menolong siapa sahaja jika berhadapan dengan baginda.

Apabila Tengku Kudin dan Kapitan Yap Ah Loy merasa persiapan mereka di Kelang itu telah mencukupi untuk melawan musuh mereka di Kuala Lumpur, tambahan pula mereka percaya bahawa pasukan orang-orang Pahang masih ada di Ulu Kelang, Tengku Kudin dan Yap Ah Loy pun memerintahkan orang-orangnya yang seramai lebih kurang dua ribu orang itu meninggalkan Kelang mengikut jalan darat menuju ke Petaling, iaitu pada 15 hari bulan November tahun 1872. Angkatan itu, yakin pasukan orang Cinanya diketuai oleh Kapitan Yap Ah Loy sendiri; pasukan orang Melayunya diketuai oleh Imam Perang Muhammad Akil yang dibantu oleh Imam Perang Haji Husain.

Setelah sampai ke Petaling, orang-orang dalam angkatan itu pun berjumpa lalu bertempur dengan orang-orang pihak Raja Mahadi yang bertahan dalam kubu parit di situ. Di antara panglima-panglima perang pihak Raja Mahadi yang berkubu di Petaling itu ialah orang-orang besar Selangor yang bergelar To' Engku Kelang dan Raja Berkat Tengku Panglima Raja (ayah Raja Mahmud). Tiada lama kedua pihak itu bertempur, pihak Raja Mahadi telah tewas, dan orang-orang pihak Raja Mahadi lari meninggalkan tempat itu, dan Petaling telah jatuh ke tangan pihak Tengku Kudin dan Yap Ah Loy, iaitu pada 18 hari bulan November tahun 1872. Di antara

barang-barang pihak Raja Mahadi yang telah dirampas oleh orang-orang Tengku Kudin di Petaling itu, yang anehnya, mereka telah menjumpai sepucuk surat daripada Sultan Abdul Samad yang telah ditandatangani oleh baginda sendiri serta bercap dengan cap mohor Kerajaan Selangor dialamatkan kepada To' Engku Kelang yang memerintahkan To' Engku Kelang supaya membantu Raja Mahadi.

Setelah askar-askar Yap Ah Loy yang bersatu dengan askar Tengku Kudin menduduki Petaling, Kapitan itu telah menghantar orangnya pergi memberitahu Imam Perang Raja Rasu (disebut juga: To' Raja) yang disangkakan oleh pihak Tengku Kudin masih ada di Ulu Kelang, dan juga hendak menjemput To' Raja itu datang ke Petaling bagi merundingkan tindakan yang akan dijalankan untuk menyerang pihak Raja Mahadi di Kuala Lumpur. Setelah utusan itu balik semula ke Petaling dan memberitahu bahawa To' Raja dan orangnya telah balik ke Pahang esoknya angkatan Yap Ah Loy dan pihak Tengku Kudin telah meninggalkan Petaling menempuh menuju ke Kuala Lumpur. Sepanjang jalan hutan di antara Petaling dengan Kuala Lumpur itu tiada pula Saiyid Mashhor atau pihak Raja Mahadi datang menyerang angkatan pihak Tengku Kudin dan Yap Ah Loy itu.

Apabila angkatan Yap Ah Loy dan angkatan Tengku Kudin itu sampai ke Kuala Lumpur, tempat itu banjir kerana hujan lebat. Yap Ah Loy telah memilih tempatnya pada suatu tempat tinggi (tempat itu kemudiannya disebut: Bukit Arang) dan askar-askarnya dipecah-pecahkan mengawal di lapan buah tempat di Kuala Lumpur dan kawalan di sekitarnya. Askar-askar Imam Perang Muhammad Akil dan Imam Perang Haji Husain demikian juga dibahagi-bahagikan berkubu pada beberapa tempat, dan bertanggungjawab mempertahankan tempat masing-masing.

Sejak itu berlakulah beberapa kali pertempuran kecil di antara pihak Tengku Kudin dan sekutunya dengan pihak Raja Mahadi, Saiyid Mashhor, Raja Mahmud, Raja Asal dan kawan-kawan mereka yang bertahan di Kuala Lumpur. Tetapi peperangan yang sebenarnya bagi merebut Kuala Lumpur itu hanya berlaku pada bulan Mac tahun 1873, iaitu setelah lebih kurang empat bulan pihak Tengku Kudin yang bersatu dengan pihak Yap Ah Loy mengepungnya. Dalam pada itu nyatalah pihak Tengku Kudin dan Yap Ah Loy menantikan

bantuan pasukan dari negeri Pahang baharulah mereka melancarkan serangan yang berkesan.

1873. Pada awal bulan Mac tahun 1873, angkatan perang orang-orang Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Raja Rasu (To' Raja) dan Orang Kaya Chenor telah sampai ke pinggir Kuala Lumpur. Pasukan orang-orang Pahang yang diketuai oleh Orang Kaya Lipis pula telah menawan genting-genting jalan yang menghubungkan Pahang dengan Ulu Selangor. Kapitan Yap Ah Loy dan Imam Perang Muhammad Akil yang sudah begitu lama mengepung Kuala Lumpur telah menjemput Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor datang merundingkan langkah yang akan diambil bagi menyerang dan mengalahkan pihak Raja Mahadi yang sedang menguasai Kuala Lumpur.

Pasukan orang-orang Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor itu dengan dibantu oleh pihak Tengku Kudin telah mengepung kubu Raja Asal di Ulu Kelang. Orang-orang Mendahiling pihak Raja Asal yang berkubu di Ulu Kelang telah keluar daripada kubu mereka dan menyerang pasukan orang-orang Pahang itu. Dalam pertempuran itu beberapa orang panglima perang Pahang telah luka parah. Tetapi akhirnya, pada 23 hari bulan Mac (1873) kubu Raja Asal di Ulu Kelang itu pun dapat ditawan oleh orang-orang Pahang; Raja Asal dan orang-orangnya telah lari ke Kuala Lumpur bersatu pula dengan orang-orang Saiyid Mashhor.

Angkatan Tengku Kudin yang diketuai oleh Imam Perang Muhammad Akil dan Imam Perang Haji Husain, dan orang-orang Cina yang diketuai oleh Kapitan Yap Ah Loy, serta orang-orang Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor, telah mengaturkan pula kedudukan angkatan mereka untuk melancarkan serangan ke Kuala Lumpur. Pasukan orang-orang Pahang telah diletakkan berkubu mempertahankan tempat di antara batu satu Jalan Ampang sekarang hingga ke Bukit Gombak. Orang-orang Yap Ah Loy telah mara lagi dan berkubu di tempat kira-kira sebati jauhnya dari pusat pekan Kuala Lumpur bagi mempertahankan tempat-tempat di antara bahagian sebelah barat Sungai Kelang hingga ke utaranya sampai ke Sungai Gombak. Jadi, dengan tindakan itu pekan Kuala Lumpur tempat yang dipertahankan oleh orang-orang pihak Raja Mahadi telah di-

kelilingi, melainkan tempat-tempat arah ke Pudu sahaja yang terbuka dan tidak dikawal.

Setelah Saiyid Mashhor melihat musuh telah mengelilingi Kuala Lumpur, dengan segera ia telah meletakkan semua orangnya yang seramai lebih kurang dua ribu orang itu di tempat masing-masing bagi melancarkan serangan. Sebelum pihak musuh dapat bertindak, Saiyid Mashhor telah melancarkan serangan dan berlakulah pertempuran dahsyat dan ngeri antara orang-orang Saiyid Mashhor dengan Yap Ah Loy yang dibantu oleh orang-orang Tengku Kudin dan orang Pahang. Pertempuran telah berlaku selama dua hari dua malam, dan dalam setiap pertempuran lebih ramai orang-orang Saiyid Mashhor yang terbunuh. Pada hari yang ketiganya, tengah malam, apabila Saiyid Mashhor mengetahui bahawa orang-orangnya yang berperang itu hanya tinggal lebih kurang tujuh ratas orang sahaja, malam itu juga, Saiyid Mashhor, Raja Asal dan beberapa orang pengikut mereka keluar mengikut Jalan Pudu meninggalkan Kuala Lumpur. Beberapa jam lepas itu orang-orang Yap Ah Loy telah memberitahu ketua mereka mengatakan orang-orang Saiyid Mashhor tidak ada lagi dalam Kuala Lumpur. Yap Ah Loy telah memerintahkan orang-orangnya memeriksa seluruh tempat di situ, dan Yap Ah Loy serta sekutunya telah diberitahu bahawa Saiyid Mashhor dan orang-orangnya telah lari meninggalkan Kuala Lumpur menuju ke Ulu Selangor.

Esok paginya, Yap Ah Loy dengan beberapa orang askarnya telah pergi mengejar pihak Saiyid Mashhor yang lari itu. Mengikut riwayatnya: Yap Ah Loy telah memburu angkatan Saiyid Mashhor dengan meredah hutan melalui Pudu, Kanching, Rawang, Kuala Kubu hingga ke Tanjung Malim, dan telah membunuh ramai orang-orang Saiyid Mashhor. Apabila tidak dapat menemui Saiyid Mashhor atau Raja Asal, Ah Loy pun membawa orang-orangnya balik ke Kuala Lumpur semula.

Sejak itu tiadalah lagi berlaku peperangan di Kuala Lumpur antara pihak yang bermusuhan itu. Pendeknya, mengenai Kuala Lumpur dan Kapitan Yap Ah Loy dalam "Perang Saudara" di negeri Selangor itu, inilah pertempuran yang akhir. Tetapi, bagi keseluruhan negeri Selangor, peperangan di antara pihak Raja Mahadi, Saiyid Mashhor, Raja Mahmud dan sekutu mereka melawan pihak Tengku Kudin yang dibantu oleh orang-orang Pahang masih berjalan terus hingga

ke Kuala Selangor dan beberapa tempat di Ulu Selangor, jatuh ke tangan Tengku Kudin, iaitu dalam bulan November tahun 1873.

Kuala Lumpur dapat diambil semula oleh pihak Tengku Kudin yang dibantu oleh Kapitan Yap Ah Loy dan orang-orang Pahang pada akhir bulan Mac tahun 1873.

Setelah Kuala Lumpur ditawan semula oleh pihak Tengku Kudin, selain daripada orang-orang yang undur mengikut Saiyid Mashhor ke Ulu Selangor itu, ramai pula orang-orang pihak Raja Mahadi itu yang telah tinggal di Kanching dan mendirikan kubu di situ. Askar-askar yang di bawah perintah Imam Perang Muhammad Akil dan Imam Perang Haji Husain dibawa balik ke Pangkalan Batu (Kelang). Imam Perang Rasu dengan beberapa orang pengiringnya balik semula ke negeri Pahang dengan kemenangan. Orang Kaya Pahlawan Semantan bersama sebahagian besar askar Pahang tinggal menjaga Ulu Kelang, sebahagian besar askar Pahang tinggal di Kuala Lumpur telah menjadi orang yang paling berkuasa di tempat itu.

Oleh sebab jasanya dalam peperangan, Imam Perang Rasu telah dikurniakan gelaran Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah oleh Bendahara Wan Ahmad Pahang; dan Gendut Imam Perang Raja, pembantu Imam Perang Rasu, dinaikkan pangkat dan digelar Imam Perang Indera Mahkota. Tempat yang bernama Pulau Tawar telah dikurniakan pula oleh Bendahara Wan Ahmad menjadi hak milik Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah sebagai hadiah. (Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah itu biasanya disebut To' Gajah sahaja).

Pada 16 hari bulan April tahun 1873 Bendahara Wan Ahmad Pahang telah mengutus surat kepada Gabenor di Singapura mengatakan: mengikut kehendak Gabenor supaya Pahang membantu Tengku Kudin melawan pemberontak di Selangor itu, sudahlah orang-orang Pahang menyerang dan mengalahkan pemberontak Mendahiling di Ulu Kelang dan menghalau mereka ke Ulu Selangor pada 23 hari bulan Mac tahun 1873. Pahang masih mempunyai beribu-ribu orang tentera yang boleh dihantar ke medan perang. Bendahara telah bertanya juga: adakah Gabenor masih mahu Pahang meneruskan lagi tindakannya membantu Tengku Kudin. Jika Gabenor mahu, hendaklah ia menyanggupi menjaga keselamatan pelayaran angkatan Pahang yang akan dihantar melalui laut ke Kelang. Kemudian, jawapan daripada Gabenor itu telah diterima oleh Bendahara Wan Ahmad dan memuaskan hati Bendahara itu. Pahang telah bersiap hendak menghantar

angkatan perangnya membantu Tengku Kudin di Selangor.

Sebulan lepas itu, dalam bulan Mei (1873), Imam Perang Indera Gajah dengan dibantu oleh Haji Muhammad Nur telah datang semula ke Selangor bersatu dengan askarnya di Ulu Kelang. Tetapi, sejak kejatuhan Kuala Lumpur ke tangan pihak Tengku Kudin dahulu, belumlah kelihatan berlaku sebarang pertempuran di antara pihak yang bermusuhan itu. Tengku Kudin sedang menumpukan usahanya menyediakan lagi askarnya di Kelang yang di bawah kelolaan Imam Perang Muhammad Akil. Saiyid Mashhor pula ada di Kuala Selangor bersama dengan Raja Musa yang telah balik ke situ. Ada juga khabar yang menyebutkan pada masa itu ada juga Raja Mahadi dan kawan-kawannya pergi ke Langat menemui Sultan Abdul Samad. Dipercayai, pihak Tengku Kudin belum melancarkan apa-apa serangan ke pihak musuhnya itu kerana menantikan bantuan angkatan laut dari Pahang yang akan dihantar oleh Bendahara Pahang itu.

Dalam bulan Mei dan Jun tahun 1873 inilah Tengku Kudin dengan beberapa orang besarnya telah datang ke Kuala Lumpur menghadiri suatu istiadat dan jamuan besar bagi melantik semula Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur dan memberi kuasa yang tertentu kepada Kapitan itu, kerana perlantikan yang telah dibuat oleh Raja Mahadi empat tahun dahulu dianggap tidak sah.

Dalam bulan Julai tahun 1873 Tengku Kudin telah menghantar utusannya mengadap Sultan Abdul Samad di Langat memberitahu baginda tentang rancangannya untuk menyerang Kuala Selangor, dan dimintanya baginda memanggil balik Raja Musa dari Kuala Selangor itu. Sultan Abdul Samad telah menjawab dengan berdalih mengatakan bahawa putera baginda Raja Musa itu memang seorang yang keras hati dan tiada mahu menurut perintah. Baginda juga menerangkan kepada utusan itu: jika Tengku Kudin pergi ke Kuala Selangor ia akan mendapat sambutan yang "hangat" di sana. Dalam pada itu, utusan itu telah diberi amaran oleh orang-orang di istana supaya ia segera pergi dari situ, jika tidak mereka akan dibunuh.

Tiada lama lepas itu sampailah di Kelang angkatan perang dari negeri Pahang yang mengandungi sebanyak lima puluh buah perahu membawa tentera seramai lebih kurang lima ratus orang diketuai oleh Imam Perang Indera Mahkota



(Gendut) dan dibantu oleh sebilangan orang-orang besar Pahang. Pada masa itu, angkatan laut dan angkatan darat dari Pahang yang telah ada di negeri Selangor ada seramai tiga ribu orang.

Pada awal bulan September tahun 1873, angkatan perang laut Pahang yang telah berkumpul di Kelang dengan dibantu oleh angkatan perang Tengku Kudin di bawah pimpinan Imam Perang Muhammad Akil dan Khatib Bahrain, berjumlah lebih kurang seribu orang, telah bertolak dari Kelang pergi menyerang Kuala Selangor. Ada kira-kira dua bulan lamanya berperang, pada 8 hari bulan November (1873), angkatan Tengku Kudin yang dibantu oleh angkatan perang Pahang telah dapat menawan Kuala Selangor. Raja Musa yang ada di Kuala Selangor itu telah melarikan diri dan balik mengadap ayahandanya Sultan Abdul Samad di Langat. Apabila didapati ayahandanya itu seperti biasa juga yakin tiada menaruh kasihan kepadanya, dengan putus harap Raja Musa pergi ke negeri Perak mendapatkan Raja Muda Abdullah (Raja Musa balik semula ke Selangor pada tahun 1874), Saiyid Mashhor yang memang telah ada di Kuala Selangor itu datang dari Ulu Selangor, telah mengundurkan diri ke tempat yang bernama Batang Berjuntai. Setelah itu Saiyid Mashhor pun menghantar dua puluh koyan beras, serta senjata dan peluru ke Ulu Bernam dengan tujuan untuk mengumpulkan askarnya yang baharu di sana. Raja Isa bin Raja Haji kemudiannya telah pindah ke Pahang dan terus menetap di sana.

Setelah Kuala Selangor jatuh ke tangan pihak Tengku Kudin, tempat itu telah dijadikan pangkalan bagi menyerang tempat lain di Selangor barat. Imam Perang Indera Mahkota yang dibantu oleh Imam Perang Muhammad Akil dan Khatib Bahrain telah membawa angkatan mereka yang bersatu pergi ke Tanjung Karang. Dari situ berjalan melalui darat menuju ke Hujung Permatang sambil menyerang dan mengalahkan kubu-kubu musuh di tempat yang mereka lalui itu. Mereka telah berhenti dan mendirikan kubu di tempat yang bernama Pasir Gayam. Kemudian, orang besar Pahang yang bergelar Panglima Perang Johan Perkaşa telah membawa askarnya pergi menyerang kubu musuh di tempat yang bernama Kubu Masjid. Oleh sebab orang-orang Pahang itu tiada tahan melawan orang-orang Kubu Masjid, panglima perang Pahang telah meminta bantuan Imam Perang Muhammad Akil. Imam Perang Muhammad Akil telah pergi membantu menentang

Kubu Masjid. Dalam pertempuran di Kubu Masjid itulah Imam Perang Muhammad Akil telah mati tertembak. Mayatnya telah dibawa ke Kelang dan telah dikuburkan berhampiran masjid di Kelang. Pada masa itu telah merebak pula penyakit cacar dan sakit perut dalam kumpulan askar-askar Pahang sehinggakan ramai di antara mereka yang telah mati akibat penyakit itu. Setelah Imam Perang Muhammad Akil meninggal dunia, Khatib Bahrain diangkat menggantikannya sebagai ketua askar-askar pihak Tengku Kudin yang bersatu dengan askar Imam Perang Mahkota itu.

Dalam bulan November tahun 1873 itu juga, sementara orang-orang Pahang yang dibantu oleh askar-askar Tengku Kudin menyerang dan mengalahkan Kuala Selangor dan beberapa tempat lain di Selangor barat, orang-orang Pahang yang berada di darat Selangor yang diketuai oleh Imam Perang Indera Gajah dan Haji Muhammad Nur telah menyerang kubu-kubu pihak Raja Mahadi di Kanching. Dalam pertempuran di Kanching itu, To' Gajah telah menghadapi perlawanan yang hebat dari orang-orang pihak Raja Mahadi yang terdiri daripada orang Melayu Selangor, orang Melayu Mendahiling dan orang Cina. Tetapi dengan helah Haji Muhammad Nur serta sebilangan besar orang besar Pahang, telah dapat menawan tiga buah kubu musuh di Kanching. Dalam pertempuran di Kanching, Haji Muhammad Nur telah mendapat bantuan daripada seorang Cina pengikut Kapitan Yap Ah Loy bernama Ah Chin yang membawa tujuh puluh orang Cina membantu orang-orang Pahang itu. Orang-orang Cina itu telah menggunakan sejenis meriam buluh diisi ubat bedil di pangkalnya dan damar berapi di hujungnya (seperti "roket api") dan telah membakar banyak rumah di Kanching; askar-askar Pahang telah masuk ke kampung itu dan membunuh beberapa orang di situ, dan dapatlah mereka menawan Kanching — dalam bulan November tahun 1873.

Lepas Perang Kanching itu, Orang Kaya Temerloh dan Orang Kaya Pahlawan Sematan dari angkatan To' Gajah, telah pergi ke Kuala Selangor membantu Khatib Bahrain di sana pula. To' Gajah dan Haji Muhammad Nur dengan angkatan Pahang yang besar bilangannya bergerak lagi meredah hutan menuju ke Ulu Selangor. Dalam perjalanan itu mereka telah menawan Rawang, Serendah dan di Ulu Yam mereka telah bertempur dengan orang-orang Raja Asal yang berkubu di situ. Tetapi tiada lama bertempur, Ulu Yam

dapat dikalahkan, Raja Asal telah lari meninggalkan tempat itu.

Angkatan To' Gajah terus mara ke utara, dan tanpa mendapat tentangan, mereka telah dapat menawan Kuala Kubu, tempat pertahanan Saiyid Mashhor yang terkenal dahulu. Walaupun demikian, orang-orang pihak Raja Mahadi ada menyembunyikan diri di sekitar tempat itu. Semasa di Kuala Kubu, merebak pula penyakit cacar (ketumbuhan) ke dalam pasukan Pahang. Untuk mengelakkan penyakit itu berjangkit, To' Gajah balik semula ke Pahang, meninggalkan pasukannya di Kuala Kubu di bawah ketuanya Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nur. Tiada lama lepas itu, sebilangan besar orang Melayu Mendahiling, Rawa dan Cina yang menyebelahi pihak Raja Mahadi dan kawan-kawannya telah datang menyerang orang-orang Pahang di Kuala Kubu yang dipimpin oleh Haji Muhammad Nur itu. Tetapi serangan itu gagal.

Apabila sampai berita mengatakan Saiyid Mashhor telah lari dari Kuala Selangor pergi ke Batang Berjuntai dan telah menghantar dua puluh koyan beras, senjata dan peluru ke Ulu Bernam dengan tujuan mengumpulkan orang-orang baharunya di sana, Haji Muhammad Nur pun membawa pasukan Pahang ke Ulu Bernam untuk menyekat pasukan Saiyid Mashhor. Satu pertempuran telah berlaku di antara orang-orang Pahang dengan Saiyid Mashhor dan Tengku Chik Siak di tempat yang bernama Kampung Haji Mustafa di Ulu Bernam. Pasukan Saiyid Mashhor telah kalah dan mereka lari mengundurkan diri ke Slim (di negeri Perak) dan di sini juga orang-orang Saiyid Mashhor telah dikalahkan oleh orang-orang Pahang yang datang mengejar mereka. Saiyid Mashhor terus lari melindungi diri kepada Raja Muda Abdullah di negeri Perak. Di Slim, orang-orang Pahang telah merampas banyak barang-barang dan peluru kepunyaan pasukan Saiyid Mashhor.

Sejak itu selesailah pertempuran hebat yang telah dijalankan oleh askar-askar Pahang di negeri Selangor membantu Tengku Kudin melawan pihak Raja Mahadi yang memusuhi Tengku Kudin Wakil Yamtuan Selangor.

Sutan Bangkulu yang mengetuai angkatan orang-orang Melayu Rawa seramai lima ratus orang di Kuala Kubu itu telah menyerah diri kepada Haji Muhammad Nur dan penyerahan itu telah diterima oleh Haji Muhammad Nur yang telah berjanji pula tiada akan membunuh orang-orang Rawa pengikut Sutan Bangkulu itu. Sutan Bangkulu dengan orang-orang

Rawa pengikutnya itu telah berkumpul di suatu perkampungan tiada berapa jauh dari Kuala Kubu. Lepas itu Haji Muhammad Nur telah pergi ke Kelang berjumpa Tengku Kudin; Orang Kaya Chenor dengan pasukan orang-orang Pahang tinggal menjaga Ulu Selangor.

Pada masa inilah Wan Muhammad, Dato' Setia Muda, Orang Besar Jelai, iaitu anak Maharaja Perba Jelai dari Pahang datang ke Selangor membawa kuasa penuh daripada Bendahara Wan Ahmad bagi mengatur dan menentukan kedudukan orang-orang besar Pahang yang ada di negeri Selangor masa itu.

Di Kelang, Tengku Kudin telah mengadakan mesyuarat dengan Wan Da, Shaikh Muhammad Taib Minangkabau, Wan Muhammad orang besar Jelai, Haji Muhammad Nur dan Enche' Embok. Dalam mesyuarat itu telah dicadangkan iaitu orang-orang Rawa, Sutan Puasa dan orang-orangnya hendaklah dibunuh semuanya, kerana mereka itulah yang telah melakukan pemberontakan di negeri Pahang dahulu dan telah mengganggu keamanan di negeri Selangor pula. Haji Muhammad Nur mulanya tidak berapa bersetuju hendak melakukan perbuatan yang zalim itu. Tetapi orang-orang besar yang ada dalam mesyuarat itu telah mendesak supaya cadangan itu dijalankan; oleh sebab itu Haji Muhammad Nur pun terpaksa menurut sahaja tanpa kerelaannya.

Wan Muhammad Orang Besar Jelai itu dan Haji Muhammad Nur serta To' Muda Sentul, anak Orang Kaya Lipis, yang datang dari Pahang, telah pergi ke Ulu Selangor bersatu dengan pasukan Pahang di sana.

Pada suatu hari, Wan Muhammad, orang besar Jelai itu telah menjemput Sutan Bangkulu ketua orang-orang Rawa itu datang ke Kuala Kubu untuk berlaga ayam di sebuah gelanggang yang ada di situ. Sutan Bangkulu dengan pengiringnya seramai tiga puluh orang telah bertolak meninggalkan tempat perkampungan mereka hendak datang ke Kuala Kubu menyempurnakan jemputan orang besar Pahang itu. Ada kira-kira setengah batu lagi hendak sampai ke Kuala Kubu, tiba-tiba pasukan orang-orang Pahang yang diketuai oleh Haji Muhammad Nur dan Enche' Embok telah menyerang-hedap dan membunuh Sutan Bangkulu dan orang-orang Rawa yang menjadi pengiringnya itu; hanya dua orang sahaja daripada orang Rawa itu yang dapat menyelamatkan diri. Sementara itu, To' Muda Sentul dengan sepasukan orang

Pahang lain pula telah datang menyerang tempat perkampungan orang-orang Rawa pengikut Sutan Bangkulu itu serta membunuh ramai orang Rawa yang ada di situ; dan orang Pahang itu telah merampas harta benda serta melarikan perempuan dan kanak-kanak. Perbuatan itu adalah kerana membalas dendam di atas perbuatan orang Rawa di negeri Pahang dahulu.

Wan Muhammad Orang Besar Jelai yang membawa kuasa penuh daripada Bendahara Wan Ahmad Pahang itu telah mendenda semua penduduk di Ulu Selangor jika di tempat mereka itu dijumpai kubu-kubu perang. Barang siapa yang tidak membayar denda itu, akan dijadikan hamba abdi. Orang besar Pahang itu telah dapat mengumpulkan wang denda itu sebanyak lima belas ribu ringgit dan telah dapat pula merampas beberapa orang perempuan di situ.

Selepas membunuh orang-orang Rawa secara beramai-ramai itu, Orang Besar Jelai masih hendak meneruskan juga hukuman denda ke atas penduduk di Ulu Selangor; tetapi telah dilarang oleh Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nur, dan berlakulah pertengkaran di antara orang-orang besar Pahang sama sendiri yang hampir pula menumpahkan darah. Orang Besar Jelai itu telah mengadu kepada Tengku Kudin; tetapi oleh sebab Tengku Kudin tiada pula menyokong perbuatan Orang Besar Jelai itu, ia pun kembali semula ke Pahang dengan membawa banyak harta rampasan dan sekumpulan perempuan-perempuan cantik yang didapatinya di Ulu Selangor.

Pada akhir tahun 1873, orang-orang Pahang di negeri Selangor yang telah berjasa membantu Tengku Kudin, telah kembali ke negeri Pahang. Tetapi Haji Muhammad Nur serta beberapa orang Pahang yang bekerja dengannya, tinggal terus di Ulu Selangor memungut cukai di situ untuk diberikan kepada Bendahara Wan Ahmad di Pahang bagi membayar semua perbelanjaan Bendahara itu membentuk askar dan kelengkapan selama berperang membantu Tengku Kudin di Selangor. Orang Kaya Pahlawan Semantan diletakkan buat sementara waktu untuk menjaga Ulu Kelang. (Pada tahun 1875 baharulah Haji Muhammad Nur balik ke Pahang).

Sungguhpun orang-orang Pahang yang berperang di negeri Selangor itu telah balik ke negeri Pahang, tetapi Raja Mahadi dan kawan-kawannya, terutama Raja Mahmud dan Saiyid Mashhor serta beberapa orang daripada putera Sultan Abdul

Samad sendiri, belum juga mahu berhenti menentang Tengku Kudin. Namun Tengku Kudin tetap berkeras untuk terus begitu mengalahkan musuh-musuhnya itu, kerana dia percaya yang Kerajaan Inggeris ada berdiri di belakangnya, dan Inggeris pula memang telah nampak bahawa dengan jalan menolong Tengku Kudin yang telah mempunyai kuasa Wakil Yamtuan itu, merupakan cara untuk menguasai raja-raja dan negeri Selangor. Kebetulan pula semasa hendak membantu Tengku Kudin, berlaku pula rompakan laut di Selat Melaka yang dikatakan oleh Kerajaan Inggeris telah mengganggu perniagaan dan keselamatan rakyat British; jadi, semakin bertambah mudahlah Kerajaan Inggeris menjalankan rancangannya terhadap negeri Selangor dengan mengatakan bahawa segala kejahatan itu terutamanya dianjurkan atau digalakkan oleh musuh-musuh Tengku Kudin. Kejadian bersejarah yang disebutkan di sini, dapatlah dibaca dari apa yang tersurat sambil memahamkan apa yang tersirat.

Pada 4 hari bulan November tahun 1873, iaitu semasa orang-orang Pahang sedang sibuk berperang di Selangor membantu Tengku Kudin melawan musuhnya, Sir Andrew Clarke telah sampai ke Singapura menjadi Gabenor Negeri Selat menggantikan Sir Harry Ord. Gabenor Clarke yang baharu ini jika dibandingkan dengan Harry Ord, didapati Clarke hendak lebih segera memasukkan pengaruh dan kuasa Kerajaan Inggeris ke negeri-negeri Melayu, terutama di bahagian barat Tanah Melayu, kerana belum pun berapa lama ia memegang jawatan Gabenor itu, banyak pengaduan yang telah disampaikan kepadanya berkenaan dengan perompak laut di Selat Melaka yang mendatangkan kerosakan kepada harta benda rakyat British, bahkan ada pula di antara rakyat British itu yang telah dibunuh oleh perompak-perompak laut itu. Satu daripada kejadian rompak itu, telah dijadikan sebab oleh orang Inggeris, khususnya Andrew Clarke, sebagai titik permulaan memasukkan kuasa British ke negeri Selangor dan mempengaruhi raja-rajanya. Tambahan pula dalam sepucuk surat Lord Kimberley, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan Inggeris masa itu, bertarikh 20 dari bulan September tahun 1873 yang telah diberikan kepada Siri Andrew Clarke di England sebelum Clarke datang menjadi Gabenor di Singapura, ia telah menyuruh Andrew Clarke "terutama menimbangkan patut atau tidak dilantik seorang Residen British tinggal dalam mana-mana negeri Melayu."

Pada 16 hari bulan November tahun 1873, sebuah perahu

sekoci yang bermuat barang dagangan, membawa anak-anak sekoci seramai enam orang, termasuk seorang nakhodanya bernama Haji Abdul Rahman, serta tiga orang penumpang orang Cina, telah bertolak dari Langat (Bandar Termasa) hendak belayar balik ke Melaka. Sementara menantikan angin, sekoci itu telah berlabuh di kuala Sungai Jugra, tiada berapa jauh daripada kubu Raja Ya'akub (dipanggil juga Tengku Alang) putera Sultan Abdul Samad. Sekoci itu dipunyai oleh seorang Melayu Melaka bernama Muhammad bin Hasan, ipar Haji Abdul Rahman nakhoda sekoci itu.

Lebih kurang pada pukul lima petang, datang dua buah perahu dari Langat berisi dua puluh orang di dalamnya mengejar sekoci Melaka itu. Orang-orang dari dua buah perahu itu telah menyerang sekoci Melaka itu dan membunuh orang-orang di dalamnya, iaitu tiga orang penumpang Cina serta lima orang anak sekoci itu; hanya seorang sahaja anak sekoci itu, bernama Mat Said (Mat Syed), telah dapat melarikan diri terjun ke dalam air dan bersembunyi di bawah kemudi sekoci itu. Segala barang dagangan dalam sekoci itu telah dibawa oleh perompak itu balik ke Langat. Apabila hari gelap, Mat Said pun berenang ke tepi (lebih kurang sejauh enam ratus ela), bersembunyi pula di bawah pangkalan tempat naik ke kubu Raja Ya'akub. Kemudian Mat Said telah ditolong oleh beberapa orang Bugis dalam sebuah perahu yang lalu di situ. Orang Bugis itu telah menyerahkan Mat Said kepada Tengku Alang (Raja Ya'akub), dan kemudiannya Mat Said diserahkan pula kepada Sultan Abdul Samad. Tetapi mujurlah ia tidak dipengapakan; sekadarkan tatkala ditanya oleh Tengku Alang adakah dia kenal pembunuh itu, Mat Said mengatakan dia kenal, dan langsunglah Tengku Alang menyuruh dia diam.

Pada 18 hari bulan November tahun 1873, Muhammad bin Hasan yang telah dapat tahu hal sekocinya telah kena rompak dan telah membuat pengaduan kepada majistret di Melaka bernama E.E. Isemonger. Pada hari itu juga, Kapten Shaw, Lt.-Gabenor Melaka telah memberitahu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selat di Singapura berkenaan dengan kejadian itu; sambil itu Kapten Shaw telah memberi sepucuk surat pula kepada Muhammad bin Hasan supaya disampaikan kepada Sultan Abdul Samad di Langat. Dalam surat itu Kapten Shaw meminta Sultan Abdul Samad melepaskan Mat Said dan menangkap perompak yang telah merompak sekoci Melaka itu. Setelah Sultan Abdul Samad menerima surat

daripada Lt.-Gabenor Melaka itu, baginda pun melepaskan Mat Said balik ke Melaka bersama dengan Muhammad bin Hasan tuan punya sekoci itu. Di Melaka, Mat Said telah memberikan keterangannya mengenai rompakan dan pembunuhan itu, dan telah membabitkan Raja Ya'akub (Tengku Alang) ada campur tangan dalam kejadian itu. Penyiasatan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Inggeris mengenai hal itu telah berlanjutan hingga masuk ke tahun 1874. Dengan keterangan yang didapati daripada Mat Said, lapan orang yang telah disyaki melakukan rompakan dan pembunuhan di Langat itu, telah dapat ditangkap di Melaka tatkala mereka datang berdagang ke Melaka, dan mereka akan dibicarakan.

1874. Pada 11 hari bulan Januari 1874, rumah api di Tanjung Tuan yang telah didirikan oleh Kerajaan Inggeris dengan kebenaran Sultan Abdul Samad dalam tahun 1872 dahulu, telah diserang oleh perompak; tetapi serangan itu tidak berjaya. Kerajaan Inggeris percaya bahawa perompak itu adalah orang Raja Mahmud Langat, Raja Bot Lukut, atau Tengku Alang (Raja Ya'akub). Kejadian itu telah diberitahu-kan oleh Kapten Shaw ke Singapura.

Apabila Gabenor Andrew Clarke pulang ke Singapura setelah membuat Perjanjian Pangkor (20 hari bulan Januari, 1874), didapati Naib-Admiral Sir Charles Shadwell, ketua pemerintah Pangkalan Tentera Laut British di Laut China, telah sampai ke Singapura dengan beberapa buah kapal perangnya. Gabenor Clarke telah berunding dengan Naib-Admiral itu berkenaan dengan rancangan yang akan dijalankan oleh Gabenor terhadap negeri Selangor. Oleh sebab kejadian rompak di Langat itu hendak dijadikan oleh Andrew Clarke sebagai jalan bagi menghidupkan pengaruh British di negeri Selangor, maka khabar-khabar angin yang mengatakan putera Sultan Abdul Samad ada campur tangan dalam rompakan itu, telah dipegang oleh Gabenor untuk menjalankan dasar yang sedang dipakai oleh Kerajaan Inggeris masa itu, iaitu bagi menguatkan kedudukan Tengku Kudin di Selangor. Kedatangan kapal-kapal perang British ke perairan Semenanjung Tanah Melayu yang dibawa oleh Shadwell itu telah digunakan pula oleh Andrew Clarke sebagai peluang untuk melaksanakan rancangannya ke negeri Selangor itu. Gabenor Clarke telah meminta Shadwell menghantar kapal perangnya itu pergi ke Selangor untuk menakutkan Sultan Abdul Samad dengan kekuatan Kerajaan Inggeris, dan untuk memudahkan



memberi pertolongan kepada Tengku Kudin membinasakan kubu-kubu di kuala Sungai Jugra dekat Langat, serta menangkap orang-orang yang disyaki menjadi ketua perompak itu, termasuklah ipar Tengku Kudin sendiri, iaitu Raja Ya'akub (Tengku Alang).

Mulanya, lapan orang yang telah ditangkap dan dituduh melakukan rompakan di Langat itu hendak dibicarakan di Melaka. Tetapi, kemudiannya, mengikut kehendak Gabenor Sir Andrew Clarke, menurut rancangannya, perbicaraan itu hendaklah dijalankan di tempat berlakunya rompakan itu juga, iaitu di negeri Selangor, dan dikatakan juga kerana permintaan daripada pihak berkuasa Kerajaan Selangor sendiri; kerana jika perbicaraan itu dijalankan di Melaka, tentulah tiada akan memberi sebarang kesan kepada Sultan Selangor. Gabenor Andrew Clarke sendiri akan pergi ke Selangor mengaturkan perbicaraan itu.

Pada 6 hari bulan Februari 1874, kapal-kapal perang British yang di bawah perintah Naib-Admiral Sir Charles Shadwell itu telah sampai ke Selangor; dua buah daripada kapal perang itu telah berlabuh tiada jauh dari persimpangan Sungai Langat dengan Sungai Jugra, dan dua buah kapal perang yang lainnya pula telah pergi ke Sungai Kelang. Gabenor Andrew Clarke telah bertolak dari Singapura pergi ke Selangor dengan kapal *Pluto*. Di antara pegawai Inggeris yang bersama dengan Gabenor datang ke Selangor ialah Major MacNair, Thomas Braddell dan Naib-Admiral itu sendiri. Gabenor Clarke telah mendarat di Langat pada 9 hari bulan Februari (1874) dan telah disambut oleh Sultan Abdul Samad serta putera-putera baginda Raja Ya'akub, Raja Kahar dan Raja Musa (yang baharu balik dari negeri Perak) serta orang-orang besar Selangor iaitu Dato' Aru, Penggawa Permatang, Penggawa Muda, Panglima Besar, Orang Kaya Kechil, Penghulu Jeram dan Penghulu Dagang.

Dengan permintaan Gabenor itu sendiri, ia bersama dengan Naib-Admiral Shadwell, Thomas Braddell dan Major MacNair serta Edikong Gabenor telah dibawa ke sebuah bilik yang tiada berapa besar, dan di situ mereka telah beramah mesra dengan Sultan Abdul Samad serta tiga orang putera baginda itu dan lebih kurang lapan atau sepuluh orang-orang besar Selangor ada juga bersama.

Dalam pertemuan itu Gabenor Clarke telah menyatakan tujuan kedatangannya ke negeri Selangor, dan telah menyatakan kepada Sultan Abdul Samad betapa baiknya bagi

baginda, bagi keluarga baginda dan bagi kebaikan negeri Selangor juga jika baginda membantu menantu baginda Tengku Kudin melawan perompak di negeri baginda sendiri; dan Gabenor itu menyatakan lagi: kedatangannya itu adalah kerana hendak menyelesaikan hal rompakan yang telah berlaku itu dengan aman damai.

Dalam pertemuan itu Raja Ya'akub telah mengatakan kepada Gabenor iaitu semua kekacauan yang berlaku di negeri Selangor itu adalah disebabkan oleh Tengku Kudin. Tetapi telah dijawab oleh Gabenor itu dengan cara menyindir, bertanyakan pula: adakah Tengku Kudin itu masih lagi menjadi Wakil Yamtuan bagi negeri Selangor atau tidak? Pertanyaan Gabenor itu, mulanya Raja Ya'akub menjawab menidakkan Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan itu. Tetapi tidak lama kemudian, setelah berlaku soal jawab dengan Gabenor itu, Raja Ya'akub pun mengaku Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan negeri Selangor.

Gabenor Clarke telah bertanya pula kepada Sultan Abdul Samad: sama ada kepercayaan yang telah baginda berikan kepada Tengku Kudin itu telah disalahgunakan oleh Tengku Kudin? Baginda telah menyatakan kepada Gabenor itu: berkenaan dengan kerja-kerja yang telah dibuat oleh Tengku Kudin selama ini, oleh baginda; kecuali tidak pernah diragukan ada satu perkara yang baginda merasa kecil hati kerana telah dua tahun lamanya Tengku Kudin tiada pernah membawa isterinya (puteri baginda) berjumpa baginda.

Daripada perbincangan dalam pertemuan itu, Gabenor Clarke merasa Sultan Abdul Samad itu memang boleh memerintah negeri Selangor jika sekiranya baginda mahu mengambil berat. Setelah itu Gabenor Clarke telah meminta mahu berjumpa dengan Tengku Kudin (yang belum pernah ditemuinya) dan setelah berjumpa, mereka telah berunding panjang. Hasil daripada perundingan itu: bertambah teranglah kepada Gabenor itu pada keseluruhannya akan kedudukan Tengku Kudin di negeri Selangor, dan tetaplah Gabenor itu hendak meneruskan pertolongan Kerajaan Inggeris kepada Tengku Kudin.

Semasa mula berjumpa dengan Gabenor Andrew Clarke itu, Raja Ya'akub dan Raja Musa kelihatan gelisah, kerana mereka menjangka kedatangan Gabenor itu pasti hendak mengangkat Tengku Kudin menjadi Sultan Selangor. Tetapi setelah mereka mendengar keterangan Gabenor itu, baharulah hilang kegelisahan itu. Gabenor telah menyatakan: walau-

pun Inggeris akan meneruskan pertolongannya kepada Tengku Kudin, tidaklah pula akan menjejaskan hak Raja Musa sebagai bakal menaiki takhta Kerajaan Selangor. Dalam pada itu nyatalah bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Andrew Clarke di Selangor itu semata-mata hendak menunjukkan kepada ramai supaya Tengku Kudin itu dipandang sebagai pemerintah Selangor yang dibantu oleh Sultan dan Gabenor dalam sebarang tindakannya melawan perompak atau orang-orang besar yang bersekutu dengan perompak-perompak itu.

Dalam mesyuarat di antara Gabenor Andrew Clarke dengan Sultan Abdul Samad dan orang-orang besar Selangor yang telah diadakan pada 10 hari bulan Februari (1874), Gabenor itu telah menetapkan: perbicaraan bagi lapan orang perompak itu hendaklah dijalankan dalam mahkamah kerajaan Melayu di Selangor di bawah naungan keadilan Sultan-nya yang memegang kedaulatan di negeri itu. Dua orang pegawai British akan menghadiri perbicaraan itu selaku pemerhati. Gabenor telah memberitahu Sultan Abdul Samad supaya menyuruh putera baginda Raja Ya'akub hadir sama di mahkamah perbicaraan itu dengan membawa semua bukti yang boleh membuktikan dia tidak bersalah dalam kejadian rompak itu. Berpandukan kepada kehendak Gabenor itu, pada hari itu juga, Sultan Abdul Samad telah melantik empat orang hakim bagi perbicaraan, iaitu: Tengku Kudin sebagai wakil baginda, Dato' Aru, Penghulu Dagang dan seorang ketua orang Cina di Langat bernama See Kang. Dan Gabenor Clarke telah mengangkat dua orang pegawai British iaitu Major MacNair dan J.G. Davidson menjadi ahli dalam sebuah badan Suruhanjaya yang akan memerhatikan perbicaraan itu dijalankan dengan adil, tetapi mereka tidak dibenarkan mengambil bahagian yang cergas dalam perbicaraan itu sendiri. J.G. Davidson adalah seorang peguam di Singapura yang telah menjadi penasihat undang-undang kepada Tengku Kudin dan juga membantu memberi wang kepada Tengku Kudin sejak beberapa tahun lalu semasa berlaku perang saudara di Selangor. Telah ditetapkan juga, perbicaraan itu akan dimulakan pada 12 hari bulan Februari (1874) dalam kubu di kuala Sungai Jugra.

Setelah agenda perbicaraan itu diatur esoknya, pada 11 hari bulan Februari (1874), Gabenor Sir Andrew Clarke pun bertolak dengan kapal *Pluto* meninggalkan Langat balik ke

Singapura. (Beliau telah sampai semula ke Singapura pada 13 hari bulan Februari, 1874).

Perbicaraan yang ditetapkan akan dimulakan pada 12 hari bulan Februari (1874) itu telah ditangguhkan ke esoknya, 13 hari bulan Februari (1874), baharulah mula dijalankan dan perbicaraan itu berjalan selama tiga hari, yakni sampai 15 hari bulan Februari (1874). Keputusan hakim dalam perbicaraan itu ialah: mahkamah tiada memperolehi sebarang bukti yang menunjukkan Raja Ya'akub mengatur perbuatan yang jahat itu (merompak dan membunuh). Lapan orang yang telah dituduh melakukan rompakan dan pembunuhan itu didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman bunuh sampai mati; tetapi seorang daripada yang berlapan itu telah diampunkan, kerana masih begitu muda dan belum dewasa. Esoknya, pada pukul sebelas pagi, 16 hari bulan Februari (1874), ketujuh-tujuh orang itu telah dibunuh dalam kubu di kuala Sungai Jugra mengikut cara Melayu iaitu ditikam hingga mati dengan keris yang telah diberikan oleh Sultan Abdul Samad.

Setelah selesai perbicaraan itu, ahli-ahli Suruhanjaya Inggeris itu telah memberi amaran keras kepada Raja Ya'akub dan Raja Kahar berkenaan dengan gerak-geri dan kelakuan mereka yang dicurigai oleh Inggeris. Pegawai Inggeris itu juga telah menaksirkan kerugian yang telah ditanggung oleh rakyat British berhubung dengan rompakan itu sebanyak \$5,000/- dan Sultan Abdul Samad telah dituntut membayar wang sebanyak itu. Pembayaran tuntutan itu telah dijelaskan oleh baginda dengan beberapa buah bidur timah yang ada dalam simpanan di istana baginda. Lepas itu, dikatakan "dengan permintaan Sultan Selangor sendiri" kubu yang ada di tebing sungai itu pun dibakar dan senapang habis di binasakan.

Ahli-ahli Suruhanjaya Inggeris itu juga telah membuat laporan yang diserahkan kepada Kerajaan Inggeris. Dalam laporan itu antara lain menyebutkan: sekalian raja dan orang besar dalam negeri Selangor bersetuju menerima seorang pegawai British bersama mereka memberi nasihat dan menolong mereka dalam urusan memerintah negeri, dan mereka ada mendengar Tengku Kudin sendiri telah meminta seorang pegawai British datang ke Selangor.

Berkenaan dengan Tengku Kudin yang telah meminta pegawai British datang ke Selangor itu, sebenarnya dalam

surat yang bertarikh pada 20 hari bulan September tahun 1873 yang telah diberikan oleh Lord Kimberley kepada Sir Andrew Clarke di England berkenaan hendak meletakkan Residen British di negeri Melayu itu, iaitu sebelum Clarke tiba di Singapura, ada pula Lord Kimberley menulis surat menyebutkan Tengku Kudin bersetuju mendapat pertolongan daripada Kerajaan Inggeris menyelesaikan pergaduhan dalam negeri Selangor; jika Kerajaan Inggeris gagal berbuat demikian, Tengku Kudin akan meminta pertolongan daripada kuasa barat yang lain pula.

Semasa kapal-kapal perang Inggeris berkawal dekat Langat sewaktu perbicaraan perompak itu dijalankan, ada berita angin mengatakan: pada masa itu Raja Mahadi, Raja Mahmud dan kawan-kawan mereka yang menentang Tengku Kudin itu ada di istana Sultan Abdul Samad; dan ada pula khabar angin mengatakan perompak di Langat itu pun sebenarnya dianjurkan oleh Raja Mahadi, Raja Mahmud dan Raja Laut. Tetapi sejauh mana benar berita itu tiadalah dapat disahkan.

Berkenaan dengan hendak menghantar Residen British ke negeri Selangor itu, terpaksa Gabenor Andrew Clarke menantikan keputusan perintah daripada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British di England, dan keputusan itu dalam beberapa bulan selepas itu diterima oleh Gabenor Clarke kerana Lord Kimberley telah digantikan oleh Lord Carnavon menjadi Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British, dan Lord Carnavon tidak mahu dengan serta-merta menerima sahaja sesuatu perubahan mengenai dasar pemerintahan di jajahan British itu jika bukan terbit daripada daya usahanya sendiri.

Sejak balik dari Langat dalam bulan Februari (1874) itu hingga bulan Jun tahun itu. Gabenor Andrew Clarke masih lagi "menghadkan campur tangannya dalam hal ehwal pemerintahan negeri Selangor dalam perkara-perkara yang mengukuhkan persahabatan dengan Sultan dan orang-orang besar negeri itu sahaja, supaya kelblaan yang lebih cergas pihak Kerajaan Inggeris yang lambat laun akan dikenakan juga ke atas mereka itu, akan lebih mudah dapat dimasukkan dan diterima oleh Sultan dan orang-orang besar Selangor; demikian juga supaya jangan lagi dilakukan adat-adat buruk dan perbuatan jahat seperti dahulu itu."

Gabenor Sir Andrew Clarke merasa bahawa keadaan di Selangor masa itu sangat sesuai bagi campur tangan British dengan segera tetapi ia tidak begitu yakin untuk memulakan

perkara itu dengan bertindak sendiri. Ia lebih suka memerhatikan sahaja dahulu bagaimana keputusannya jika dibiarkan orang-orang besar Selangor itu berbuat dan memilih mengikut sesuka hati mereka sendiri.

Dalam bulan Julai tahun 1874 Sultan Abdul Samad telah meminta Gabenor Negeri Selat menggariskan satu peraturan mencukai barang-barang yang dibawa masuk dari Negeri-negeri Selat ke negeri Selangor, dan menetapkan gaji Penghulu Dagang yang telah ditugaskan memeriksa orang dari Negeri Selat yang masuk ke negeri Selangor.

Dalam bulan Julai itu juga (1874) telah berlaku satu rompak di Kuala Labu; lebih kurang tiga puluh batu dari Langat dan ada khabar angin yang mengatakan perbuatan jahat itu dilakukan oleh orang-orang Raja Mahadi dan Raja Mahmud. Apabila kejadian itu diberitahu ke Singapura, Gabenor Clarke telah datang ke Kelang dengan kapal *Pluto* dan *Avon*. Tiba di Kelang, Gabenor Clarke telah bermesyuarat dengan Tengku Kudin dan Sultan Abdul Samad. Keputusannya, mereka bersetuju menentang perompak di Kuala Labu itu. Orang-orang Tengku Kudin dengan dibantu oleh kapal-kapal Kerajaan Inggeris telah menjalankan kerja mencari dan melawan perompak itu; dan Gabenor telah memberitahu Dato' Kelana Sungai Ujong supaya mengarahkan bantuannya kepada Tengku Kudin. Setelah selesai menjalankan tindakan mencari dan melawan perompak di Kuala Labu itu, hasil daripada mesyuarat di Kelang itu juga, apabila Gabenor Clarke balik ke Singapura, ia telah menghantar seorang pegawai pentadbir awam Negeri Selat di Singapura, bernama Frank Swettenham, sebagai Penolong Residen pergi ke Selangor menjadi penasihat yang bukan rasmi kepada Sultan Abdul Samad. Frank Swettenham telah bertolak dari Singapura dengan kapal *Hart* pada 12 hari bulan Ogos tahun 1874; singgah sebentar di Melaka mengambil mata-mata Melayu seramai 20 orang dan pergi ke Langat (Bandar Termasa) memegang jawatannya itu, dan mulalah Swettenham bertugas sebagai penasihat kepada Sultan Abdul Samad yakni bermulalah perluasan kuasa Inggeris ke negeri Selangor.

Pada 4 hari bulan September tahun 1874, baharulah Lord Carnavon, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British di London mengutus surat memberi kuasa kepada Gabenor Sir Andrew Clarke di Singapura yang mana boleh melantik Residen British di negeri Perak dan Selangor.

Dalam Majlis Mesyuarat Undangan, Negeri Selat yang telah diadakan di Singapura pada 15 hari bulan September tahun 1874, Gabenor Andrew Clarke telah menerangkan dalam sidang mesyuarat itu berkenaan perlantikan seorang pegawainya bernama Frank Swettenham di Langat bagi menasihatkan raja dan orang-orang besar di Selangor dalam urusan pemerintahan negeri.

Berhubung dengan kedatangan Swettenham ke Langat, Sultan Abdul Samad telah mengutus surat kepada Gabenor Andrew Clarke, dan dalam surat itu baginda mengatakan lebih kurang begini maksudnya (diterjemahkan semula dari terjemahan bahasa Inggerisnya).

Sangatlah beta menerima kasih kepada sahabat beta yang telah menghantarkan seorang pegawai Inggeris ke negeri Selangor iaitu dengan pilihan sahabat beta sendiri. Pegawai yang sahabat beta hantarkan itu terlalu pandai; dan juga terlalu bijak dalam hal adat pemerintahan Melayu dan pandai pula mengambil hati raja-raja Melayu dengan tutur katanya yang manis dan lemah lembut itu. Oleh sebab itu semua orang dalam Selangor telah kasih dan sayang akan dia, seolah-olah bunga yang sedang kembang semerbak baunya.

Mengenai Swettenham itu, Sultan Abdul Samad bukan sekadar memuji begitu sahaja, baginda telah menawarkan pula hendak membayar sendiri gaji Swettenham sebanyak \$1,000/- sebulan (satu nilai yang tinggi masa itu).

Sejak Sultan Abdul Samad bercampur dan menerima nasihat daripada Frank Swettenham, pada 3 hari bulan Oktober (1874) Sultan Abdul Samad telah mengutus surat kepada Gabenor Andrew Clarke menawarkan supaya negeri Selangor dimasukkan di bawah naungan British. Dalam surat baginda itu antara lain baginda telah menyatakan demikian maksudnya (terjemahan dari bahasa Inggerisnya):-

Berhubung dengan kemahuan sahabat beta berkehendakkan beta memasuki satu ikatan supaya sahabat beta memungut hasil dalam negeri beta ini, sangatlah beta bersukacita, tetapi hendaklah dengan syarat sahabat beta membetulkan negeri beta dan baharulah memungut hasilnya. Surat ini, yang tercap dengan mohor beta sendiri, itulah tanda menunjukkan kepercayaan beta akan pertolongan yang akan sahabat beta berikan kepada beta itu, dan berkenaan dengan membuka negeri beta ini serta memungut hasilnya beta serahkan segalanya ke tangan sahabat beta, kerana daripada sekarang ini kita telah bersahabat baik, dan beta percaya sahabat beta akan memberikan segala pertolongan kepada beta dalam perkara ini. Daripada sekarang ini negeri beta sudah terhindar daripada pergaduhan, dan beta hanya berharap kepada sahabat beta supaya negeri beta dalam aman sejahtera . . .

Setelan menerima kuasa daripada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British di London, dan setelah menerima surat daripada Sultan Abdul Samad itu, pada 18 hari bulan November (1874), Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat telah mengumumkan bahawa Sultan Abdul Samad telah bersetuju hendak membuka negeri Selangor dan memasukkan negeri itu dalam naungan British.

Dalam bulan Disember tahun itu juga (1874), Raja (Haji) Mahmud dan Dato' Bandar Sungai Ujong (Dato' Bandar Tunggal, bernama Abdullah bin Ahmad, bermusuh dengan Dato' Kelana Sungai Ujong yang dibantu oleh British) yang pada masa itu ada di sekitar tempat yang bernama Labu (di Sungai Ujong) telah memberitahu Sultan Abdul Samad di Selangor tentang tempat persembunyian mereka (Raja Mahmud dan Dato' Bandar). Sultan Abdul Samad telah memberitahu hal itu kepada Frank Swettenham dan baginda mengatakan kepada Swettenham: inilah ketikanya pihak Inggeris akan menerima orang-orang itu (Raja Mahmud dan Dato' Bandar) menyerah diri kepada Inggeris. Tetapi tiada lama lepas itu, Dato' Bandar dan Raja Mahmud sendiri telah datang ke Langat menumpang di rumah Dato' Dagang. Kemudian, dengan permintaan Dato' Bandar, Dato' Dagang telah pergi berjumpa Swettenham meminta supaya Swettenham membenarkan Dato' Bandar membuat rumah dan tinggal di Langat, sambil Dato' Dagang menghulurkan wang pemberian daripada Dato' Bandar kepada Swettenham sebanyak \$1,000/- dan Dato' Bandar berjanji akan menambah pemberian itu sebanyak \$19,000/- lagi hingga mencukupi \$20,000/- asal sahaja Swettenham membenarkan Dato' Bandar itu tinggal di Langat. Swettenham telah menolak pemberian itu dengan mengatakan bahawa itu perbuatan rasuah dan merupakan satu perbuatan yang sangat hina.

Tiada berapa lama lepas itu, Dato' Bandar sendiri dengan diiringi oleh Raja Mahmud datang berjumpa Frank Swettenham mengulangi pengakuannya seperti yang dikatakan oleh Dato' Dagang itu. Itu juga telah ditolak oleh Swettenham. Sebaliknya, Swettenham telah mengajak Dato' Bandar dan Raja Mahmud pergi ke Singapura, dan perlawanan Swettenham itu telah disetujui oleh keduanya.

Pada 21 hari bulan Disember (1874) Dato' Bandar dan Raja Mahmud bersama dengan Frank Swettenham telah tiba di Singapura dan berjumpa Gabenor Sir Andrew Clarke, dan



keduanya telah menyerah diri kepada Kerajaan Inggeris dengan tiada bersyarat. Keduanya telah dihukum supaya tinggal di Singapura dan tidak boleh keluar dari Singapura selama setahun jika tidak dengan kebenaran Gabenor di Singapura. Kerajaan Inggeris telah memberikan tempat tinggal di Singapura dan diberi pencen pula. Dato' Bandar Tunggal (Abdullah bin Ahmad) yang telah lucut daripada jawatan Dato' Bandar di Sungai Ujong terus tinggal di Singapura sehingga beliau meninggal dunia di sana.

Raja Mahmud yang selama ini menyebelahi Raja Mahadi, dan telah sekian lama pula menentang Tengku Kudin yang dibantu oleh Inggeris, tiada lama lepas itu telah menjadi sahabat baik Frank Swettenham dan telah bersama dengan Swettenham menyebelahi Inggeris semasa huru-hara di Negeri Perak yang berakhir dengan Perang Perak. Gabenor Sir Andrew Clarke telah memberitahu ke London tentang Dato' Bandar Tunggal Sungai Ujong dan Raja Mahmud yang telah menyerah diri itu.

Pada masa itu Raja Mahadi tidak ada di Negeri Selangor atau di Negeri Sembilan; beliau telah pergi dan tinggal di Muar (Johor) dan walaupun beliau telah dipujuk supaya menerima pencen dan tidak lagi akan membangkitkan kecauan, tetapi beliau tetap juga menolak pencen itu, dan terus juga menuntut haknya ke atas Kelang, serta membuat perhubungan dengan kawan-kawannya menganjurkan supaya mereka meneruskan perjuangan menentang Tengku Kudin dan Sultan Abdul Samad yang telah memasukkan Negeri Selangor ke bawah perintah orang-orang Inggeris.

Sebelum Dato' Bandar Tunggal dan Raja Mahmud sampai di Singapura pada 14 hari bulan Disember tahun 1874, Gabenor Andrew Clarke telah memberitahu ke London dan mengumumkan perlantikan beberapa orang pegawai Inggeris, iaitu: J.W.W. Birch sebagai Residen British di Negeri Perak; Kapten Speedy menjadi Penolong Residen di Negeri Perak; Frank Swettenham menjadi Residen British di Negeri Selangor, dan Kapten W.T. Tatham sebagai Penolong Residen di Sungai Ujong. Tetapi oleh sebab ada pihak-pihak (di Negeri-negeri Selat) yang membangkang perlantikan Frank Swettenham menjadi Residen British kerana ia masih terlalu muda untuk menjawat jawatan itu (dia baharu berumur 24 tahun), pada 30 hari bulan Disember (1874), dengan segera Gabenor Andrew Clarke mengutus ke London menyerahkan pindaan perlantikan Swettenham itu, iaitu diganti J.G. Davidson yang

telah bertugas sebagai penasihat kepada Tengku Kudin selama tiga tahun, dijadikan Residen British Selangor dan ditetapkan bekerja bersama Tengku Kudin juga (di Kelang); dan Frank Swettenham, walaupun semua kerja-kerjanya memuaskan hati Gabenor itu, dijadikan Penolong Residen di Selangor, dan ditetapkan tinggal di Langat bekerja dengan Sultan Selangor (Sultan Abdul Samad).

1875. Pada permulaan tahun 1875 J.G. Davidson, Residen British yang pertama di Negeri Selangor dengan Tengku Kudin telah membentuk satu pusat pemerintahan di Kelang bagi mentadbirkan seluruh Negeri Selangor. Langkah pertama yang diusahakan ialah membesarkan pasukan polis, dan mengembalikan orang-orang yang telah meninggalkan kampung halaman mereka semasa perang dahulu serta memperbaiki ekonomi negeri itu.

Di awal tahun 1875 itu juga, seorang askar dari pasukan Inggeris di Melaka, bernama H. Charles Syers, telah berhenti daripada pasukan askarnya dan dijadikan inspektor polis, mengetuai pasukan polis di Kuala Lumpur. Dalam bulan Mac tahun itu juga (1875), Inspektor Syers telah pergi ke Kelang, dan didapati askar-askar Tengku Kudin seramai 100 orang terdiri daripada orang-orang Sepahi dan Melayu yang dibentuk oleh de Fontaine semasa perang dahulu, dalam keadaan yang sangat buruk; pakaian dan makanan mereka tidak dipedulikan dan tiada terkawal terus. Askar-askar itu diketuai oleh seorang bangsa Perancis yang telah memeluk Islam bernama Ali Mamat. Inspektor Syers, dengan kebenaran Tengku Kudin dan J.G. Davidson, telah memberhentikan 50 orang daripada askar-askar itu sebab mereka tidak boleh bekerja lagi, dan bakinya yang seramai 50 orang lagi telah dijadikan mata-mata dalam pasukan polis, dan ditambahnya pula seramai 150 orang lagi orang-orang Melayu dari Melaka untuk dijadikan mata-mata juga. Pada masa itu, selain daripada di Kuala Lumpur, telah dibuka balai-balai polis dengan beberapa orang mata-matanya, mengikut aturan baharu, di Kelang, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Semasa Residen Davidson itu, pemerintahan pusat di Kelang telah mengisytiharkan ke seluruh Negeri Selangor, bahawa orang-orang yang telah meninggalkan kampung halaman mereka pada masa perang dahulu, dipanggil balik ke tempat-tempat asal mereka, dan Kerajaan Selangor akan menolong mereka: orang-orang yang telah melakukan pem-

berontakan dahulu pun dibenarkan balik dan memiliki semula harta benda kepunyaan mereka. Beberapa orang pegawai kerajaan telah pergi ke kampung-kampung sehingga ke darat negeri Selangor mengumumkan kepada rakyat yang negeri Selangor telah aman. Perniagaan bijih timah telah dijalankan semula; saudagar dan peniaga dari negeri luar digalakkan datang berniaga ke negeri Selangor.

Di awal tahun 1875 itu juga Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur telah memberitahu Residen Davidson di Kelang yang mana ada dua ribu orang Cina pekerja lombong telah datang ke Kuala Lumpur melalui jalan dari Kelang, dan ada enam ratus orang pula yang datang dari Sungai Ujong; dan sekarang Kapitan itu sedang membuat peraturan hendak membawa masuk ke negeri Selangor seberapa ramai lagi orang Cina yang didatangkan dari negeri China.

Dalam tahun 1875 itu juga, semasa Frank Swettenham masih berada di Langat, Sultan Abdul Samad telah membina Istana baginda yang baharu di Bukit Jugra. Sejak itu baginda sentiasa bersemayam di Jugra; kadang-kadang sahaja baginda datang bersemayam di Istana Langat, terutama dalam bulan puasa, kerana mengadakan majlis membaca Al-Quranul-Karim. Tiada lama lepas itu, dalam pertengahan tahun 1875 itu juga, Frank Swettenham, Penolong Residen dan penasihat Sultan Abdul Samad, telah bertukar kerja pergi ke negeri Perak. Tetapi jawatan yang ditinggalkannya di Langat itu, belum lagi diusahakan oleh Kerajaan Inggeris bagi mendapatkan orang yang sesuai menjawat jawatan itu hinggalah ke akhir tahun 1875; ataupun boleh jadi kerja-kerja penolong residen itu boleh dibuat oleh Residen Davidson seorang sahaja di Kelang. Sejak itu juga Kerajaan Selangor telah melarang sesiapa saja untuk memungut cukai-cukai atau hasil dalam negeri Selangor, kerana pemungutan itu hanya dijalankan oleh kerajaan (Selangor).

Pada 16 hari bulan Mei tahun 1875, Sultan Abdul Samad telah melantik putera sulung baginda Raja Musa menjadi Raja Muda Selangor, dan Raja Musa bersemayam di Bandar Termasa (Langat).

Dalam pertengahan tahun 1875, setelah Frank Swettenham meninggalkan Langat, Raja Mahadi yang tinggal di negeri Johor telah bergerak semula menjalankan tindakannya menentang Kerajaan Selangor yang diperintahkan oleh Teng-

ku Kudin dan Residen Davidson itu. Seorang saudara Raja Mahadi yang bernama Raja Hamzah dari Ulu Pahang telah meminta pertolongan Orang Kaya Pahlawan di Pahang dan telah mengumpulkan orang-orangnya di sana. Saiyid Mashhor dengan Raja Mahmud telah menyebelahi orang-orang Inggeris di negeri Perak yang sedang menentang pihak orang-orang Melayu di sana melawan Inggeris. Seorang raja keturunan Melayu Sumatera bernama Raja Berumun telah mengumpulkan orang-orangnya di Ulu Slim Perak yang akan membantu pihak Raja Mahadi. Orang-orang Melayu Sumatera yang menetap di Kajang, Cheras dan kampung-kampung sekitarnya memang di bawah kuasa dan pengaruh Sutan Puasa yang sudah lama menyebelahi Raja Mahadi. Semua pasukan itu telah bersiap sedia untuk membantu Raja Mahadi untuk melancarkan pemberontakan di negeri Selangor.

Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1875), pasukan yang hendak memberontak itu telah mula bergerak dari tempat masing-masing. Raja Hamzah telah membawa orang-orangnya dari Pahang datang ke Ulu Langat. Raja Berumun telah membawa satu pasukan kecil orang-orangnya dari Ulu Slim bergerak ke selatan melalui Ulu Selangor, Kuala Lumpur dan ke Ulu Langat. Raja Hamzah, Raja Berumun dan Sutan Puasa telah berkumpul di Ulu Langat di tempat yang bernama Tanjung Dua Belas dan merundingkan rancangan yang akan dijalankan. Setelah itu Raja Beruman bergerak membawa pasukannya berjalan semula menuju ke Ulu Slim dan dalam perjalanan itu orang-orangnya telah menyerang dan membakar beberapa buah rumah kedai orang-orang Cina di Pudu, di pinggir bandar Kuala Lumpur, dan di Ulu Kelang. Sutan Puasa telah menghilir Sungai Langat pergi ke Langat meminta kebenaran daripada Sultan Abdul Samad bagi memindahkan 200 orang ahli perang Melayu Sumatera dari pasukan Raja Berumun di Ulu Slim dibawa ke Ulu Langat (Kajang) bagi menguatkan pasukannya di situ. Raja Hamzah juga datang ke Langat, bertemu dengan Raja Kahar putera Sultan Abdul Samad dan bersetuju mengambil dan memindahkan 20 tong ubat bedil yang disimpan oleh Raja Mahadi sejak beberapa tahun dahulu dalam tempat menyimpan senjata dan peluru Sultan Abdul Samad.

Residen Davidson sangat dukacita dan merasa takut jika sekiranya berlaku satu pemberontakan secara besar-besaran di seluruh Selangor. Oleh sebab itu, Davidson telah mengam-

bil keputusan untuk menyerang daerah Ulu Langat pusat kekuatan dan perhubungan pihak yang hendak melakukan pemberontakan itu. Davidson bersama dengan Inspektor Syers telah memudiki Sungai Kelang pergi ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, pasukan polis Inspektor Syers yang mengandungi seramai 75 orang mata-mata serta 100 orang Melayu, telah bersatu dengan pasukan orang-orang Cina seramai 200 orang yang telah diadakan oleh Kapitan Yap Ah Loy.

Pasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Syers yang bersatu dengan pasukan Yap Ah Loy telah pergi menyerang Cheras dan berjaya menewaskannya. Lepas itu mereka pergi pula menyerang dan mengalahkan pusat kekuatan Sutan Puasa di Kelang. Di situ mereka telah menawan tiga buah kubu Sutan Puasa yang baharu dibuat dan dilengkapi dengan meriam. Sutan Puasa telah ditangkap dan dipenjarakan di penjara Kelang. Beberapa bulan kemudian daripada itu, dalam bulan Ogos tahun 1876, Sutan Puasa telah dikeluarkan dari penjara, dan sejak itu beliau telah pun menjadi ahli perniagaan di Kuala Lumpur dan di Kajang dan tiadalah lagi beliau membuat kekacauan sehingga akhir hayatnya. Raja Mahadi pun telah tertangkap dan telah dipenjarakan di Singapura. Tiada lama lepas itu Raja Mahadi telah dibebaskan dan memulakan penghidupan di Singapura sebagai orang buangan dari tanahairnya sendiri oleh Kerajaan Inggeris yang menyokong Tengku Kudin berkuasa di Selangor. Raja Mahadi telah diberi sebuah rumah oleh Kerajaan Inggeris dan pencen setiap bulan. Tujuh tahun kemudian, pada 10 hari bulan Januari 1882, Raja Mahadi telah mangkat di Singapura diserang penyakit batuk kering.

Sungguhpun pada akhir pemberontakan tahun 1875 itu Residen Davidson telah menaruh syak yang Sultan Abdul Samad dan putera baginda Raja Kahar ada menyebelahi dan memberangsangkan pihak pemberontak itu, tetapi perkara itu tiada pula dibongkar atau dipanjangkan lagi oleh Kerajaan Inggeris.

Setelah pemberontakan itu dihentikan, Kerajaan Selangor telah mendirikan beberapa buah lagi balai polis di Kajang, Cheras, Bandar Kanching dan Kuala Kubu. Pada masa itu semua pasukan polis di negeri Selangor diletakkan di bawah pimpinan H.C. Syers yang telah diangkat menjadi Penguasa Polis negeri Selangor.

Sekolah Melayu yang pertama didirikan di negeri Selangor ialah di Kelang pada tahun 1875, dan diketahui juga: Sultan Abdul Samad telah mendirikan sebuah sekolah Melayu di Bandar Termasa (Langat) dengan perbelanjaannya sendiri.

Dalam bulan Disember tahun 1875, jawatan Penolong Residen Selangor yang dikosongkan oleh Frank Swettenham sejak awal tahun 1875 itu, baharu dipenuhi oleh seorang pegawai Inggeris bernama Kapten Bloomfield Douglas dan beliau tinggal di Langat.

1876. Lebih kurang empat bulan selepas itu, pada bulan April tahun 1876, J.G. Davidson, Residen British yang pertama di Selangor telah ditukarkan menjadi Residen British di negeri Perak menggantikan J.W.W. Birch, Residen British Perak yang telah dibunuh oleh orang-orang Melayu Perak. Kapten Bloomfield Douglas, Penolong Residen Selangor di Langat telah diangkat menjadi Residen British Selangor menggantikan J.G. Davidson dan Bloomfield Douglas telah pindah ke Kelang. Seorang pegawai Inggeris bernama James Innes telah datang ke Langat. Semasa Innes di Langat, ia telah memegang jawatan sebagai Pemungut Cukai Tanah dan Majistret.

Residen Bloomfield Douglas didapati berlainan tabiatnya daripada Davidson. Douglas adalah seorang yang bertabiat kasar dan percakapannya sentiasa keras dan kesat pula, tidak selayaknya ada pada seorang pegawai tinggi. Walaupun Douglas telah memegang jawatan Residen di Selangor selama enam tahun (1876 - 1882), tetapi perhubungannya dengan raja-raja dan orang-orang besar Selangor, sama ada dalam pergaulan atau dalam tugas jawatan, tidaklah begitu mesra. Sultan Ahmad Samad sendiri tidak berapa suka berkawan dan bergaul dengan Douglas; dalam sebulan hanya lebih kurang dua kali sahaja baginda berjumpa Douglas. Tengku Kudin Wakil Yamtuan yang terpaksa selalu bekerja dengan Douglas juga mengatakan: Residen Douglas itu seorang yang "lekas marah dan tidak begitu bertertib orangnya". Layanannya terhadap orang-orang besar Selangor sentiasa keras dan kasar, sehingga ramai di antara orang-orang besar itu tidak suka bekerja dengannya. Orang-orang besar Selangor yang pernah menyebelahi Raja Mahadi, walaupun mereka tidak lagi menentang kerajaan, masih dimusuhi oleh Douglas. Dengan Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur itu pun tidak juga Douglas berbaik-baik; telah dicubanya untuk



**Sultan Abdul Samad**

melucutkan Yap Ah Loy daripada pangkat Kapitannya itu tetapi tidak berhasil.

Tabiat dan kelakuan Residen Bloomfield Douglas yang tidak disenangi di Selangor itu, sampai juga ke pengetahuan pihak Kerajaan Inggeris di Singapura. Tetapi oleh sebab Kerajaan Inggeris sedang sibuk hendak menguatkan penjajahannya di negeri Perak dan di Negeri Sembilan, dan pegawai-pegawai Inggeris yang berkebolehan dalam hal ehwal Melayu pun masih kurang, terpaksa dibiarkan Douglas memegang jawatannya di Selangor itu sehingga enam tahun. Dalam pada itu, disamping tugasnya di Selangor yang tiada digemari oleh raja-raja Melayu itu, dicurigai juga ia ada melakukan kecurangan dalam menjalankan tugas jawatan, dan Douglas sentiasa diperhatikan oleh Kerajaan Inggeris.

Dalam tahun 1876 itu, barangkali kerana tiada berapa suka bekerja dengan Residen Douglas itu, pernah pula Tengku Kudin bercuti balik ke Kedah dan tinggal di sana sampai enam bulan. Tetapi, selama Tengku Kudin di negeri Kedah itu, beliau tidak pula digemari oleh orang-orang Melayu Kedah, disebabkan Tengku Kudin suka sangat berbaik-baik dengan orang Inggeris dan telah memasukkan negeri Selangor ke dalam perintah Inggeris, dan dalam keluarga diraja Kedah juga terdapat perselisihan dengan Tengku Kudin.

1877. Pada tahun 1877, dengan panduan Kerajaan Inggeris Sultan Abdul Samad telah menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Negeri yang pertama bagi negeri Selangor mengikut aturan cara Barat. Baginda telah melantik Tengku Kudin menjadi Yang Dipertua bagi Majlis Mesyuarat Negeri ini, dan ahli-ahli yang pertama dilantik dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor itu ialah: Kapten Bloomfield Douglas, Raja Kahar putera Sultan Abdul Samad (Raja yang menjaga Kajang), Raja Berkat Tengku Panglima Raja (Raja yang menjaga Kangchong), James Innes (Pemungut Cukai Tanah dan Majistret di Langat), Taukeh Yap Ah Loy (Kapitan Cina di Kuala Lumpur), dan Saiyid Zain (Wakil dan pengurus kebun Tengku Kudin). Majlis Mesyuarat Negeri itu telah bersidang bagi kali yang pertamanya di Kelang pada 11 hari bulan Jun tahun 1877, dan persidangan yang keduanya pada 25 hari bulan Ogos tahun itu juga.

1878. Dalam bulan April tahun 1878, Raja Berkat, Tengku Panglima Raja, telah dituduh hendak memberi wang suap sebanyak \$40.00 kepada seorang pegawai orang putih ber-



nama Neubronner yang menjadi majistret dan pemungut cukai tanah di Jugra, dengan tujuan mempengaruhi pegawai itu berhubung dengan suatu perkara di mahkamah. Residen Douglas begitu marah kepada Tengku Panglima Raja apabila Douglas menerima pengaduan mengenai hal itu. Tambah pula Douglas ada mendengar berita angin mengatakan Tengku Panglima Raja itu adalah seorang daripada orang-orang besar Selangor yang sedang berusaha mengapi-apikan orang Melayu supaya menuntut kepada Kerajaan Inggeris supaya menghantarkan Raja Mahadi balik ke negeri Selangor.

Perkara Tengku Panglima Raja (Raja Berkat) dengan pegawai orang putih yang dikatakan telah disuap oleh Tengku Panglima Raja itu telah dibentangkan oleh Residen Douglas dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 1 hari bulan Mei tahun 1878, dan dengan permintaan daripada Residen Douglas, Tengku Panglima Raja itu telah dipecat daripada menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Sungguhpun Sultan Abdul Samad telah meluluskan pemecatan itu, tetapi bukanlah dengan kerelaan baginda, dan Tengku Kudin serta ahli-ahli Melayu dalam Majlis Mesyuarat Negeri itu tidaklah menyetujui tindakan Residen Douglas yang kemungkinan akan membangkitkan semula kekacauan di negeri Selangor. Setelah pemecatan itu dijalankan, baharulah Residen Douglas memberitahu hal itu ke Singapura. Pihak berkuasa kerajaan Inggeris di Singapura dengan serta-merta telah mengutus surat kepada Residen Douglas di Selangor memerintahkan Residen itu membatalkan pemecatan itu dan mengembalikan Tengku Panglima Raja (Raja Berkat) memegang jawatannya semula sebagai ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri di Selangor itu, serta melarang Douglas menjalankan sebarang tindakan terhadap beliau. Douglas tidak dapat membantah lagi melainkan terpaksa menurut perintah itu.

Sultan Abdul Samad memang telah memberitahu, bahawa dengan kehendak baginda sendiri, Tengku Kudin yang telah dijadikan Wakil Yamtuan itu, adalah juga menjadi ketua dalam pentadbiran menjalankan pemerintahan negeri di Selangor. Tetapi apabila Bloomfield Douglas menjadi Residen British di Selangor, dia tiada berapa mempedulikan Tengku Kudin. Hal pentadbiran yang hendak dijalankannya, tidak melalui Tengku Kudin terlebih dahulu, sebaliknya ia terus membuat perhubungan dengan Sultan Abdul Samad. Oleh sebab bencikan tabiat dan kelakuan Douglas yang keras dan

kasar itu, dan juga kerana marahkan perbuatan Douglas yang selalu mengenenikannya itu, jadi pada awal bulan November tahun 1878, Tengku Kudin telah berhenti daripada jawatannya dalam kerajaan Selangor. Kerajaan Selangor telah memberi hadiah wang kepada Tengku Kudin sebanyak \$30,000/- dan wang pencen sebanyak \$500/- setiap bulan; isterinya Tengku Arfah juga menerima pencen sebanyak \$200/- setiap bulan; jika Tengku Arfah mangkat, pencen itu akan dipindahkan kepada puteri mereka yang bernama Tengku Mahrum, Saiyid Zain wakil Tengku Kudin juga menerima pencen sebanyak \$200/- setiap bulan. Raja Muda Musa putera Sultan Abdul Samad telah dilantik menggantikan Tengku Kudin menjadi Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.

Dari tahun 1879 hingga tahun 1883, Tengku Kudin tidak ada lagi di negeri Selangor, mungkin pada masa itu beliau menguruskan urusannya sendiri di negeri Kedah atau di tempat lain. Pada tahun 1883, Tengku Kudin datang semula ke Selangor dan tinggal di Langat. Pada masa itu beliau telah berkongsi dengan Saiyid Zain menjalankan perniagaan kayu bakau yang ditebang pada suatu kawasan yang telah mereka pajak dan tiada jauh dari Kelang. Kira-kira dua tahun kemudian, lebih kurang pada tahun 1884 atau 1885 Tengku Kudin telah berpindah ke Pulau Pinang. Semasa di Pulau Pinang, di waktu petang selalu kelihatan Tengku Kudin bersiar-siar dengan kereta bogi yang ditarik oleh dua ekor kuda. Semasa Sultan Abdul Samad mangkat dan cucunda baginda Raja Sulaiman telah diangkat menjadi Sultan Selangor — pada awal tahun 1898 — Tengku Kudin yang berada di Pulau Pinang telah dipanggil datang ke Selangor (Jugra) untuk menghadiri istiadat permakaman almarhum Sultan Selangor seperti yang akan diceritakan seterusnya di bawah ini. Beberapa tahun sebelum Tengku Kudin mangkat, matanya telah buta. Setelah ia mangkat (pada tahun 1906), jenazahnya telah dibawa ke Kedah dan dimakamkan di Alor Setar dengan istiadat permakaman diraja selengkapnya. Demikianlah berakhirnya riwayat hidup Tengku Kudin.

Kira-kira dalam tahun 1878 itu juga, Residen Douglas telah mengangkat menantunya seorang bangsa Australia bernama Dominic Daly menjadi ketua dalam Jabatan Kerjanya dan Jabatan Ukur di Kelang. Kemudian Daly telah diberinya juga jawatan menjaga Jabatan Tanah dan Lombong di Selangor.

1879 — 1800. Pada tahun 1878 itu juga, bandar Kuala Lumpur telah semakin maju kerana hasil bijih timah yang banyak keluar dari lombong-lombong di sekitar bandar itu. Ramai saudagar dan peniaga dari Kelang datang berniaga ke Kuala Lumpur. Oleh sebab itu, dalam tahun 1879, Residen Douglas telah menetapkan untuk memindahkan ibu negeri Selangor yang di bandar Kelang ke bandar Kuala Lumpur, dan pada tahun itulah (1879) pegawai orang putih mula ditempatkan di Kuala Lumpur sebagai pegawai pentadbir di bandar itu. Pegawai yang pertama dipilih dan diletakkan oleh Residen Douglas di Kuala Lumpur menantunya sendiri, Daly. Pada tahun itu telah bermula kerja-kerja memindahkan kelengkapan pejabat dari Kelang ke Kuala Lumpur yang akan dijadikan ibu negeri Selangor. Akhirnya, dalam bulan Mac tahun 1880, Residen Bloomfield Douglas serta pegawai-pegawai dari jabatan negeri di Kelang, semuanya telah berpindah ke Kuala Lumpur, dan sejak itu Kuala Lumpur mula menjadi bandar ibu negeri Selangor. Dan sejak itu juga gugurlah jawatan ketua pentadbir bagi pemerintahan negeri Selangor daripada tangan orang Melayu ke tangan orang putih. Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur itu tidaklah merasa senang apabila orang putih diletakkan menjadi pegawai pentadbir di Kuala Lumpur; istimewa sejak Residen Douglas serta pegawai-pegawai kerajaan yang lainnya datang ke Kuala Lumpur. Kedatangan orang-orang putih ke Kuala Lumpur itu nyata telah merampas kuasa Kapitan Yap Ah Loy yang dahulunya tiada tandingnya di Kuala Lumpur. Oleh sebab itu perhubungannya dengan Residen Douglas tidaklah berapa baik.

Sungguhpun Douglas telah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar ibu negeri Selangor dan pejabat jabatan negeri semuanya terkumpul di sana, tetapi urusan dan aturan kerja di pejabat kerajaan di situ sangatlah buruk. Sebabnya, mungkin kerana hampir semua kerja mengenai pentadbiran di Kuala Lumpur itu, diserahkan oleh Douglas kepada menantunya Daly tetapi malangnya ia seorang yang pemalas. Tetapi punca semua keburukan itu ialah Residen Douglas juga. Residen Douglas sendiri serta pegawai-pegawai kerajaan di Kuala Lumpur sampai ke pejabat pada pukul 11.00 pagi; oleh sebab itu kerani dan kakitangan pejabat lain juga berbuat demikian.

Pada masa itu tanah-tanah kerajaan yang kosong di Selangor boleh dijual oleh kerajaan secara lelong. Yang menjadi

tukang lelongnya ialah Daly, dan Residen Douglas yang menangkap lelong itu. Waktu itu belum ada larangan orang-orang kerajaan memiliki tanah. Apabila hal itu dilaporkan kepada Gabenor di Singapura, beliau telah membatalkan yakni tidak meluluskan semua jualan lelong tanah yang telah dijalankan oleh Daly itu, dan Gabenor juga menyatakan dukacitanya di atas tindakan yang telah dilakukan oleh Residen Douglas itu. Tetapi Douglas tidak pula diberhentikan kerana perbuatannya itu, yang mana dia tidak melanggar undang-undang kerajaan yang ada pada masa itu.

Oleh sebab keburukan pentadbiran Residen Douglas di negeri Selangor itu, selalulah Frank Swettenham dihantar ke Kuala Lumpur bagi memeriksa kira-kira wang kerajaan dan meneliti aturan pentadbiran yang dijalankan di situ. Dari tahun 1878 sampai tahun 1882, Frank Swettenham telah memegang jawatan Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Selat di Singapura. Dalam tahun 1880, James Innes yang menjadi majistret dan pemungut cukai tanah di Langat telah bertukar memegang jawatan ke negeri Perak. (Pada tahun 1881 Innes datang semula bekerja di Selangor).

Lebih kurang tiga bulan setelah Kuala Lumpur dijadikan ibu negeri Selangor, Gabenor Sir Frederick Weld yang memang berusaha hendak menguatkan lagi pemerintahan Inggeris di negeri-negeri Melayu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) telah datang ke Selangor dengan kapal *Pluto*. Ia sampai di Kelang pada 9 hari bulan Julai tahun 1880 dan telah disambut oleh Residen Bloomfield Douglas. Esoknya, Gabenor Weld dan rombongannya telah memudiki Sungai Kelang sampai ke Damansara. Dari Damansara Gabenor telah menunggang kuda ke Kuala Lumpur. Dia telah melawat bandar Kuala Lumpur yang masih banyak terdapat rumah atap serta melihat beberapa buah tempat di sekitar Kuala Lumpur. Tiga empat hari lepas itu beliau balik ke Kelang dan kembali ke Singapura.

Berkenaan dengan daerah Lukut yang diperintah oleh Raja Bot setelah ayahnya Raja Juma'at mangkat dahulu (1864), telah beberapa kali ditimbulkan dalam rundingan di antara Sultan Abdul Samad, Dato' Kelana Sungai Ujong, Raja Bot Lukut dan Kerajaan Inggeris, menentukan sama ada daerah itu dipunyai oleh Raja Bot atau sebahagian daripada daerah negeri Selangor atau termasuk dalam daerah Sungai Ujong.

Rundingan itu telah diadakan dalam tahun 1866, 1868 dan dalam tahun 1878; tetapi dalam tahun 1866 dan 1878 itu belum didapati keputusan muktamad. Akhirnya, apabila Kerajaan Inggeris hendak menetapkan sempadan di antara negeri Selangor dengan Negeri Sembilan, baharulah perkara daerah Lukut itu dapat diselesaikan; Semenyih dimasukkan ke dalam Selangor, Lukut serta Sungai Raya dimasukkan di bawah perintah Sungai Ujong di Negeri Sembilan. Penyelesaian itu telah diatur oleh Kerajaan Inggeris di Singapura dalam satu perundingan di antara Sultan Abdul Samad Selangor, Dato' Kelana Sungai Ujong, Raja Bot putera almarhum Raja Juma'at dan Raja Daud Sungai Raya, dengan menandatangani satu perjanjian yang bertarikh pada 31 hari bulan Julai tahun 1880. (lihat *sejarah Lukut*). Raja Bot telah menerima wang sugu hati berjumlah \$27,000/-. Pada tahun 1882 Raja Bot telah datang ke Selangor. Pada tahun 1887 beliau telah diberi jawatan menjadi Penghulu di Sungai Buloh, Selangor, dan pada tahun hadapannya, pada 18 hari bulan Disember tahun 1888, beliau telah dilantik menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Pada tahun 1890, beliau telah dipilih menjadi salah seorang daripada ahli dalam Lembaga Kebersihan Bandar yang mula ditubuhkan di Kuala Lumpur, yang dipengerusikan oleh A.R. Venning; dan Venninglah yang membuka "Lake Garden" di Kuala Lumpur. Semasa dijalankan istiadat permakaman almarhum Sultan Abdul Samad dan perlantikan cucunda almarhum Sultan Abdul Samad menjadi Sultan Selangor di Istana Jugra, Raja Bot (yang telah Haji) telah mengambil peranan penting dalam istiadat itu. Raja Haji Bot telah mangkat di Johor Baharu pada 11 hari bulan April tahun 1916.

1882. Pada tahun 1882, tindakan curang yang telah dilakukan oleh Residen Bloomfield Douglas di Selangor itu telah semakin jelas kepada Gabenor di Singapura. Douglas telah berkelahi dengan James Innes pegawai Inggeris di Langat dan Innes telah meminta berhenti kerja. Apabila Innes balik ke England, ia telah menghantar satu laporan yang panjang kepada pihak yang berkuasa di sana berkenaan dengan beberapa orang pegawai orang putih di negeri Melayu yang telah melakukan perbuatan yang melanggar aturan pemerintah, termasuklah Daly dan Residen Bloomfield Douglas.

Setelah dijalankan beberapa penyiasatan, dalam bulan Ogos

tahun 1882, Gabenor Negeri Selat telah memanggil Residen Douglas datang ke Singapura. Gabenor telah menyuruh Douglas memilih salah satu daripada dua tindakan yang akan dijalankan oleh Kerajaan Inggeris terhadapnya, pertama: mengadakan sebuah mahkamah penyiasset yang akan menjalankan penyiassetan mengenai kelakuan dan perbuatan Douglas semasa beliau menjadi Residen di Selangor; dan kedua: menerima permintaan berhenti kerja daripada Douglas. Douglas telah memilih tawaran yang kedua iaitu ia telah minta berhenti daripada jawatan kerajaan. Menantunya Daly, yang sedang bercuti di England telah diberitahu supaya ia jangan datang lagi memegang jawatan kerajaan di Tanah Melayu. Daly tidak datang ke Tanah Melayu, tetapi ia telah bekerja dengan *North Borneo Company* di Borneo.

Dalam bulan Ogos tahun itu juga (1882), Frank Swettenham telah diangkat menjadi Residen Selangor menggantikan Bloomfield Douglas, dan Swettenham telah tiba di Kuala Lumpur pada bulan September (1882). Semasa Swettenham menjadi Residen, banyak perubahan yang diadakan di Kuala Lumpur. Sungguhpun demikian, selama tujuh tahun (1882-1889) ia memegang jawatan Residen di Selangor itu, beliau kerap keluar membuat kerja-kerja yang penting di negeri-negeri Melayu yang lain, dan semasa beliau tiada, jawatannya di Selangor telah dipangku oleh pegawai yang bernama J.P. Rodger, sahabat Swettenham.

Langkah pertama yang dijalankan oleh Swettenham di Selangor apabila ia menjadi Residen, ialah memperbaiki dan membangunkan semula bandar Kuala Lumpur yang telah beberapa kali berlaku kebakaran. Tetapi kerja itu tentulah mengambil masa yang agak lama. Selain daripada itu telah dilantik beberapa orang pegawai British bagi mengetuai beberapa buah jabatan penting, seperti jawatan Pesuruhjaya Tanah, Penguasa Jabatan Kerjaraya, Inspektor Lombong, Ketua Jabatan Perbendaharaan Negeri, Setiausaha Kerajaan, Ketua Jabatan Pos, Inspektor Sekolah dan Penguasa Pasukan Polis.

Tiada berapa lama setelah Swettenham memegang jawatan Residen, dalam bulan Oktober tahun itu juga (1882), Gabenor Sir Frederick Weld datang lagi melawat Kuala Lumpur, dan didapatinya jalan raya di bandar Kuala Lumpur masih banyak yang kotor dan ditakuti akan membawa wabak penyakit. Sejak itu Swettenham melipatgandakan usaha menjaga kebersihan bandar itu.

1883. Mengikuti cadangan daripada rancangan Frank Swettenham untuk memajukan negeri Selangor, pada tahun 1883, mulalah dibuat jalan keretapi dari Kuala Lumpur ke Kelang. Jalan keretapi itu telah siap dibuat dalam tahun 1886, sejauh 21 batu. Sebuah stesen keretapi buat sementara waktu yang dibuat daripada kayu dan beratap zing telah didirikan di hujung bandar Kuala Lumpur. Selain daripada itu, didirikan juga stesen keretapi di Petaling, Batu Tiga dan Bukit Kuda (stesen keretapi bagi Kelang). Kepala keretapi yang pertama digunakan telah dibeli daripada Maharaja Johor dan dinamakan *Lady Clarke* mengambil sempena nama isteri Gabenor Sir Andrew Clarke. Pada tahun 1895 *Lady Clarke* telah rosak setelah berlanggar di suatu tempat tiada berapa jauh dari Kelang, (Kepala keretapi itu asalnya telah dibeli oleh Maharaja Johor dengan tujuan mengadakan jalan keretapi dari Tanjung Puteri — Johor Baharu sekarang — hingga ke Gunung Pulai. Landasan keretapi itu dibuat daripada kayu. Apabila didapati usaha mengadakan jalan keretapi itu banyak menelan belanja, jadi setelah sebahagian sahaja landasan keretapi telah dipasang kerja-kerja itu telah diberhentikan, lama-kelamaan landasan keretapi itu telah rosak dimakan anai-anai.

Saiyid Mashhor yang menyebelahi British telah pergi ke negeri Perak memburu orang-orang Melayu Perak yang disyaki oleh British terlibat dalam pakatan membunuh J.W.W. Birch di negeri itu, telah balik semula ke negeri Selangor pada tahun 1883. Dengan kemahuan Sultan Abdul Samad sendiri, Saiyid Mashhor telah dilantik menjadi ketua (Penghulu) di sebuah tempat yang baharu dibuka di Ulu Selangor, ke utara sedikit daripada Kuala Kubu, bernama Kerling. Semasa Raja Sulaiman (cucunda Sultan Abdul Samad) dilantik menjadi Sultan Selangor (tahun 1898) Saiyid Mashhor hadir sama dalam majlis perlantikan itu, dan semasa baginda menjadi Sultan, didapati Saiyid Mashhor telah menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dan tinggal di Kelang. Akhirnya beliau telah meninggal dunia di Kerling dan kuburnya masih dapat dilihat hingga sekarang ini.

Dalam bulan Mac tahun 1883 itu juga, Gabenor Sir Frederick Weld datang lagi melawat Kuala Lumpur. Dalam laporannya mengenai Kuala Lumpur masa itu, antara lain Gabenor itu menyebutkan: "Kemajuan dalam bandar itu telah dapat dilihat. Jalan rayanya baik, bersih; balai polis yang tidak banyak menelan belanja dan jambatan yang baik telah dibina bagi menggantikan yang lama dan telah buruk; dan beberapa

buah bangunan baharu sedang didirikan.”

1885. Raja Mahmud yang telah mengiringi Frank Swettenham semasa huru-hara perang di negeri Perak (1875-1876), telah kembali semula ke negeri Selangor pada tahun 1876 dan telah dibenarkan tinggal di Sepang (antara Langat dengan Lukut). Tetapi Raja Mahmud adalah seorang yang tidak suka tinggal tetap pada suatu tempat. Residen Selangor telah memberikan wang kepadanya untuk memajukan Sepang. Tetapi wang itu telah disalahgunakan oleh Raja Mahmud dan ia pergi ke Singapura dan meninggalkan anak isterinya di Sepang. Dalam Bulan Mei tahun 1877 Raja Mahmud telah berada di Singapura. Lepas itu beliau telah pergi ke Sungai Ujong. Kemudian Raja Mahmud diangkat menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Tetapi dalam tahun 1878 beliau telah digantung (ditahan) dari jawatannya, dan pergi lagi ke Singapura. Tiga tahun lepas itu, dalam bulan Mei tahun 1881, ia telah diangkat menjadi penghulu di Kuala Selangor. Dalam tahun 1885 Raja Mahmud telah memohon berhenti daripada jawatannya kerana ia tidak bersetuju kerajaan mencungkil (tanam cacar) penduduk di Kuala Selangor bagi melindungi mereka daripada penyakit berjangkit yang telah merebak di tempat itu. Raja Mahmud telah berpindah ke Pulau Pinang dan tinggal dengan seorang sahabatnya guru sekolah di Pulau Pinang.

Pada 15 hari bulan April tahun 1885, Kapitan Yap Ah Loy telah meninggal dunia di Kuala Lumpur. Sahabatnya seorang hartawan Cina di Kuala Lumpur bernama Yap Ah Shak, telah dilantik menggantikan beliau, (Kapitan Cina yang keempat di Kuala Lumpur). Yap Ah Shak pula telah meninggal dunia dalam tahun 1889, dan digantikan oleh Yap Kwan Seng (Kapitan Cina yang kelima di Kuala Lumpur); beliau adalah Kapitan Cina yang terakhir di Kuala Lumpur. Setelah ia meninggal dunia pada tahun 1901, tiada lagi gelaran Kapitan Cina di Kuala Lumpur.

1886. Pada bulan Julai tahun 1886, jalan keretapi dari Kuala Lumpur ke Kelang sejauh 21 batu, yang telah dirancang oleh Frank Swettenham, telah siap dibina. Gabenor Sir Frederick Weld dari Singapura telah datang ke Kelang. Dari Kelang, Gabenor bersama dengan Sultan Abdul Samad serta pengiring mereka telah menaiki sebuah gerabak khas dalam keretapi yang pertama berjalan dari Kelang ke Kuala Lumpur



dan mereka menghadiri istiadat merayakan pembukaan rasmi jalan keretapi itu di Kuala Lumpur pada 15 hari bulan September tahun 1886; pembukaan rasmi itu telah dilakukan oleh Gabenor Sir Frederick Weld. Ketibaan Gabenor Weld dan Sultan Abdul Samad telah disambut dengan barisan Penguasa Polis Selangor H.C. Syers. Ucapan dari pihak Kerajaan Selangor kepada Gabenor telah dibaca oleh Pemangku Residen J.P. Rodger; bagi pihak orang-orang Melayu pula telah dibacakan oleh Raja Laut ibni almarhum Sultan Muhammad Shah, dan bagi pihak orang-orang Cina telah disampaikan oleh Kapitan Cina Kuala Lumpur (Kapitan Yap Ah Shak). Dalam ucapan Gabenor Weld itu, disebutkan juga usaha yang telah dibuat oleh Frank Swettenham, Residen British Selangor, bagi mengadakan jalan keretapi itu. Jalan keretapi Kuala Lumpur — Kelang merupakan jalan keretapi yang kedua telah diadakan di Semenanjung Tanah Melayu (jalan keretapi yang pertama diadakan ialah dari Taiping ke Port Weld di negeri Perak sejauh lapan batu yang telah dibuka pada bulan Jun tahun 1885). Tiga tahun kemudian, baharulah siap dibuat jalan keretapi dari Kelang ke Kuala Kelang (Port Swettenham) sejauh enam batu.

Lebih kurang tiga minggu lamanya Sultan Abdul Samad bersemayam di Kuala Lumpur selepas pembukaan rasmi jalan keretapi Kuala Lumpur-Kelang itu, baginda pun pulang ke Jugra. Waktu itu Sultan Abdul Samad dengan putera baginda Raja Kahar sedang mengusahakan kebun kopi dan buahan di Jugra. Dengan cucunda baginda Raja Sulaiman, baginda telah berusaha membaiki tanah pusaka yang diterima oleh ayahnya almarhum Raja Musa lebih kurang seluas seribu ekar tanah yang bertanam dengan pokok tebu, kelapa, pinang dan sawah padi. Sultan Abdul Samad telah juga berusaha supaya rakyat baginda bertanam padi; wang baginda sendiri sebanyak \$3,000/- telah dipinjamkan kepada penanam padi yang berkehendakkan wang bagi memulakan perusahaan itu.

1887. Pada tahun 1887, sahabat karib dan kemudiannya menjadi menantu Sultan Abdul Samad, iaitu Raja Berkat, Tengku Panglima Raja, ayah Raja Mahmud telah meninggal dunia. Lepas itu, dalam tahun itu juga, baharulah baginda melantik cucunda baginda Raja Sulaiman ibni almarhum Raja Musa menjadi Raja Muda Selangor menggantikan almarhum ayahnya itu.

1889. Pada tahun 1889, Frank Swettenham telah bertukar menjadi Residen British di negeri Perak menggantikan Sir Hugh Low, dan William E. Maxwell dipilih sebagai pengganti Residen di Selangor.

1890 — 1895. Di antara tahun 1890 sehingga tahun 1895, masalah kongsi gelap di Kuala Lumpur telah menjadi satu perkara yang rumit walaupun dasar kerajaan Selangor tetap mengharamkan kumpulan kongsi gelap di negeri itu. Pada masa itu ramai ketua-ketua kongsi gelap di Negeri Selat yang telah datang ke negeri Melayu, terutama ke negeri Perak dan Selangor. Pada tahun 1890 itu "Kuala Lumpur telah dipenuhi oleh orang Cina yang menganggur"; mereka ini didapati sentiasa merayau di tempat judi sambil mencari penghidupan mereka secara mengemis, mencuri atau dengan apa sahaja jalan yang dapat mereka lakukan. Pasukan Polis Kuala Lumpur di bawah kelolaan H.C. Syer telah berusaha bersungguh-sungguh membasmi kumpulan kongsi-kongsi gelap itu dan kejayaan yang didapati adalah memuaskan. Kongsi-kongsi gelap di Kuala Lumpur masa itu telah berubah corak, yakni bukan lagi sebagai badan yang membela ahlinya dari pergaduhan dengan ahli kongsi gelap yang lain, sebaliknya telah menjadi satu badan yang memaksa orang-orang yang kaya memberikan wang perlindungan kepada mereka; jika wang itu tidak diberi, orang yang dipaksa memberi wang itu akan diseksa, diancam ataupun dibunuh. Dalam tahun 1894, keganasan kongsi gelap di Kuala Lumpur itu telah memuncak. Seorang Cina bernama Li Choi iaitu seorang penjahat yang terkenal serta kawan-kawannya telah datang ke Kuala Lumpur melakukan berbagai kejahatan. Dalam tahun 1894 Syer mengatakan: "rumah-rumah orang putih, pejabat kerajaan dan bangunan-bangunan lain juga, hampir setiap malam dirompak atau disamun, dan kawasan di sekitar Kuala Lumpur boleh dikatakan dalam kuasa kumpulan penjahat yang berleluasa melakukan rompakan." Tetapi dengan kebolehan Syer memimpin pasukan polis itu, ia telah berjaya menghalau kumpulan penjahat itu keluar dari Kuala Lumpur. Pada akhir tahun 1895, Syer telah berjaya menangkap Li Choi, yang dipercayai telah melakukan sembilan pembunuhan dan Li Choi telah dihukum bunuh. Semasa Li Choi dibicarakan, ia sendiri telah mengaku bahawa antara barang-barang yang telah dirompak dan disamunnya, termasuklah tidak kurang daripada tiga buah peti besi daripada pejabat kerajaan.

1890. Dengan kehendak Raja Muda Sulaiman yang disampaikan kepada William E. Maxwell, dan seterusnya kepada Gabenor di Singapura, akhirnya telah didirikan sebuah sekolah Inggeris di Kuala Lumpur bagi tempat belajar anak-anak raja dan anak orang-orang besar Selangor. Sekolah itu dinamakan Sekolah Raja dan dibuka dengan rasminya dalam bulan Disember tahun 1890. Sekolah itu terletak dalam sebuah bangunan kerajaan berhampiran simpang jalan yang dinamakan *Gombak Lane* dengan *Jalan Raja* sekarang. Guru besarnya adalah seorang paderi bernama Frank William Haines, dan beliau juga merupakan inspektor yang pertama bagi sekolah-sekolah di negeri Selangor. Di antara anak-anak raja yang menuntut di Sekolah Raja itu ialah Raja Muda Sulaiman sendiri. Sekolah itu hanya digunakan sehingga bulan Januari tahun 1894. (Dalam bulan Januari tahun 1905 telah dibuka sebuah sekolah Inggeris bagi anak-anak raja dan anak orang-orang besar Melayu dari negeri-negeri Melayu di Kuala Kangsar dalam negeri Perak yang dinamakan *Malay College* atau disebut juga *Babu'd-Darjat*).

1892. Stesen keretapi di Kuala Lumpur yang dibuat daripada kayu dan atap zing bagi kegunaan sementara waktu telah digunakan sejak dari tahun 1886 dan pada tahun 1892 telah diganti dengan sebuah stesen keretapi yang baharu merupakan "sebuah bangunan yang indah, lapang dan terletak di suatu tempat yang baik". Pada bulan November tahun 1892, Gabenor Sir Cecil Clementi Smith dari Singapura telah datang ke Kuala Lumpur menjalankan upacara pembukaan rasmi stesen keretapi yang baharu itu, dan juga memulakan pembukaan jalan keretapi yang telah siap dibuat pada tahun itu (1892) dari Kuala Lumpur hingga ke Rawang. (Kemudian disambung lagi sampai ke Kuala Kubu pada tahun 1894). Pada tahun 1892 itu juga, William E. Maxwell bertukar dari Selangor, dan E.W. Birch (anak mendiang J.W.W. Birch) menggantikannya menjadi Residen British di Selangor.

1893. Pada tahun 1893, Tengku Mahrum isteri Raja Muda Sulaiman telah mendapat seorang putera diberi nama Tengku Musauddin. Tengku Mahrum adalah puteri Tengku Kudin bersama isterinya Tengku Arfah puteri Sultan Abdul Samad.

1895 — 1897. Pada tahun 1895, mengikut tugas yang telah diberikan oleh Kerajaan Inggeris, Frank Swettenham telah berjaya mendapatkan persetujuan Sultan Abdul Samad (dan

juga Sultan Perak, Pahang dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan bagi pihak negeri mereka) untuk memasukkan negeri Selangor bersama dengan negeri Perak, Negeri Sembilan dan Pahang, bergabung menjadi sebuah negeri persekutuan yang dinamakan "Negeri Melayu Yang Bersekutu" yang disebut dalam bahasa Inggeris *Federated Malay States*. Setelah mendapat persetujuan daripada raja-raja pemerintah dan residen keempat-empat buah negeri itu, pada 1 hari bulan Julai tahun 1896, Kerajaan Inggeris telah menubuhkan Negeri Melayu Yang Bersekutu, iaitu mengikut satu perjanjian yang dinamakan Perjanjian Persekutuan yang bertarikh 1 hari bulan Julai tahun 1896.

Setahun kemudian, hasil daripada tertubuhnya Negeri Melayu Yang Bersekutu itu, Sultan Abdul Samad dengan diiringi oleh cucunda baginda Raja Muda Sulaiman telah berangkat pergi ke Kuala Kangsar di negeri Perak menghadiri Persidangan Raja-raja keempat-empat buah negeri Melayu itu yang pertama diadakan. Persidangan itu telah diadakan di istana Sultan Perak (Sultan Idris), di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, pada 1 hari bulan Julai tahun 1897, dipengerusikan oleh Gabenor Negeri Selat, Sir Charles Mitchell yang juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri Melayu Yang Bersekutu. Ahli-ahli yang hadir dalam Persidangan Raja-raja itu ialah Frank Swettenham sebagai Residen Jenderal bagi Negeri Melayu Yang Bersekutu, Sultan Idris Perak, Sultan Abdul Samad Selangor, Tuanku Muhammad Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Ahmad Pahang, Residen British keempat-empat buah negeri itu serta beberapa orang besar negeri-negeri itu. Sultan Abdul Samad sebagai Sultan yang kanan sekali di antara raja-raja pemerintah itu, telah menyampaikan titah ucapan yang ringkas mengalu-alukan Gabenor Mitchell itu. Oleh sebab keuzuran Sultan Abdul Samad masa itu jadi tiadalah dapat baginda mengambil bahagian yang cergas dalam upacara dan rundingan dalam Persidangan itu.

1898. Pada pertengahan bulan Januari tahun 1898, Sultan Abdul Samad telah mulai gering di Istana baginda di Jugra. Isteri baginda pada masa itu ialah Cik Fatimah binti Imam Haji Abdul Ghani yang disebut Che' Kelang. Anakanda baginda yang bernama Raja Lebar, balu almarhum Raja Berkat, Tengku Panglima Raja, ada juga bersama di istana baginda itu. Tengku Kudin yang tinggal di Pulau Pinang telah dipanggil datang ke Jugra. Pada hari Ahad, pukul 10.45 minit pagi, 6 hari bulan Februari tahun 1898, bersamaan dengan 14 Ra-

madhan Tahun Hijrah 1315, Sultan Abdul Samad telah mangkat di Istana Jugra, dalam usia 93 tahun, iaitu setelah memerintah lebih kurang selama 39 tahun. Baginda telah dimakamkan di Jugra dan disebut *Marhum Jugra*.

### Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1898—1938):

1898. Pada 17 hari bulan Februari tahun 1898, bersamaan dengan 25 Ramadhan Tahun Hijrah 1315, pukul 3.15 petang, dalam suatu majlis adat istiadat yang telah diadakan di balairong Istana Jugra, Selangor, Residen Jeneral Negeri Melayu Yang Bersekutu, bernama William H. Treacher, telah mengisytiharkan iaitu Raja Muda Sulaiman ibni almarhum Raja Muda Musa dilantik menggantikan nendanya almarhum Sultan Abdul Samad menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Setelah perlantikan itu diisytiharkan, baharulah jenazah almarhum Sultan Abdul Samad dimakamkan. Setelah Raja Muda Sulaiman menjadi Sultan Selangor, isteri baginda Tengku Mahrum telah dilantik menjadi Tengku Ampuan Selangor. Di antara raja-raja dan orang-orang besar yang hadir dalam majlis istiadat perlantikan Sultan Selangor itu ialah: Tengku Kudin bekas Wakil Yamtuan Selangor, Raja Muda Perak (Raja Musa), Raja Haji Bot ibni almarhum Raja Juma'at Lukut, Raja Laut ibni almarhum Sultan Muhammad, Raja Mahmud, Raja Ibnushah putera almarhum Sultan Abdul Samad, Saiyid Mashhor bin Saiyid Muhammad Ash-Shahab dan ramai lagi. Raja Kahar putera almarhum Sultan Abdul Samad tidak hadir, kerana beliau sedang gering. Di antara orang-orang besar Cina yang hadir ialah Taukeh Yap Kwan Seng Kapitan Cina di Kuala Lumpur dan Taukeh Loke Yew, Kuala Lumpur.

1899. Sebelum Sultan Alauddin Sulaiman Shah ditabalkan, baginda telah berkahwin dengan Hajjah Safiah binti Haji Abdul Ghani, orang Kelang, dan isteri baru baginda itu dibawa tinggal bersama di Langat. Oleh sebab itu Tengku Ampuan Mahrum telah merajuk dan membawa putera-putera baginda iaitu Tengku Musauddin, Tengku Maheran, Tengku Fatimah dan Tengku Arfah, pergi ke Pulau Pinang mendapatkan ayahandanya Tengku Kudin, iaitu pada 3 hari bulan Januari tahun 1899. Tiada lama di Pulau Pinang, Tengku Mahrum telah membawa putera-puteranya berpinda ke kebun ayahandanya (Tengku Kudin) di Tanjung Dawai, Kedah. Pada masa itu, Tengku Mahrum sedang hamil. Sungguhpun telah beberapa kali baginda Sultan Selangor menghantar orang-orangnya pergi memujuk isteri baginda itu supaya kembali ke Selangor, tetapi Tengku Mahrum belum juga mahu. Pada 18 hari bulan Februari tahun itu juga (1899) Tengku Mahrum

telah melahirkan seorang anak perempuan dan diberi nama Tengku Zahrah Puteri. Sepeninggalan Tengku Ampuan Mahrum, istana baginda di Kelang sunyi sahaja dan Baginda Sultan selalu bersemayam di Langat; hanya sekali-sekala sahaja baginda bersemayam di Kelang. Istana di Langat itu telah dibina dengan perbelanjaan baginda sendiri; tetapi istana di Kelang itu dibina oleh kerajaan Selangor.

Setelah dua tahun lamanya Tengku Mahrum merajuk, baginda Sultan telah menghantar beberapa orang besar Selangor, termasuk Raja Haji Bot, serta orang-orang perempuan yang ternama berjumlah semuanya tiga puluh orang pergi memujuk dan mengajak Tengku Ampuan Mahrum kembali ke Selangor. Setelah berusaha bersungguh-sungguh, akhirnya lembutlah hati Tengku Ampuan dan telah membawa putera-puteranya kembali semula ke Kelang, pada 10 hari bulan Januari tahun 1901. Peristiwa itulah juga yang menyebabkan istiadat pertabalan baginda Sultan Selangor itu lewat dijalankan.

1903. Pada 1 hari bulan November tahun 1899, Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah mengangkat Raja Laut ibni almarhum Sultan Muhammad menjadi Raja Muda Selangor. Tetapi perlantikan itu tidak dilakukan dengan mengadakan adat istiadat keramaian, melainkan hanya dituliskan dalam warta kerajaan Selangor. Dalam pada itu nampaknya perlantikan itu telah sama juga dipersetujui oleh pegawai-pegawai British yang ada di Selangor; sekadarkan perlantikan itu telah dirahasiakan. Akhirnya dalam tahun 1903, apabila timbul desakan untuk mengesahkan perlantikan jawatan Raja Muda Selangor yang telah diberikan kepada Raja Laut, barulah terbuka rahasia perlantikan itu. Kebanyakan daripada orang-orang besar yang kanan di negeri Selangor tiada menyetujui perlantikan itu, dan telah menentanginya. Oleh sebab itu perlantikan Raja Muda Selangor yang telah dianugerahkan kepada Raja Laut itu telah dibatalkan.

Pada 22 hari bulan Oktober tahun 1903, bersamaan dengan 2 hari bulan Syaaban Tahun Hijrah 1321, Sultan Alauddin Shah telah ditabal dan dimahkotakan di Kelang dalam suatu majlis adat istiadat dan keramaian yang meriah, sebagai Sultan, Yang Dipertuan negeri Selangor. Bagindalah menghadiri istiadat pertabalan itu. Sultan-sultan Selangor yang terdahulu semasa ditabalkan hanya memakai sejenis songkok



**Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor 1898-1938.**



cara Bugis yang disebut *Songkok Liling*. Alat nobat yang digunakan dalam istiadat pertabalanan dan kemahkotaan baginda itu dipinjam daripada Sultan Perak (Sultan Idris) seperti adat zaman dahulu juga. Pada 4 hari bulan November tahun 1903 telah diadakan juga istiadat mengggelar isteri baginda Tengku Ampuan Mahrum dengan gelaran Tengku Musauddin, digelar Tengku Mahkota, puteri baginda digelar Tengku Puteri, dan istana baginda di Kelang dinamakan Istana Mahkota Puri.

Semasa permulaan Sultan Alauddin Sulaiman Shah berkerajaan, negeri Selangor belum lagi terbuka luas dan masih banyak lagi kawasan yang berhutan. Tetapi pada masa pemerintahan baginda itulah banyak jalan raya, jalan keretapi, dan bangunan rumah batu dan kedai rumah batu telah didirikan dalam beberapa buah pekan di negeri itu, terutama di Kuala Lumpur dan Kelang. Semasa baginda menjadi Sultan, baginda telah dilantik menjadi Yang Dipertua bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Semasa baginda mengetuai Majlis Mesyuarat Negeri iaitu pada permulaan baginda memerintah di antara ahli dalam Majlis Mesyuarat itu ialah: Raja Laut, Raja Haji Bot ibni almarhum Raja Juma'at, Raja Hasan ibni almarhum Raja Abdullah dan Saiyid Mashhor ibni Saiyid Muhammad Ash-Shahab. Keseluruhan zaman pemerintahan baginda itu, baginda telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan perusahaan orang Melayu di negeri Selangor seperti berkebun dan mengusahakan pertukangan tangan serta menguatkan ajaran agama Islam kepada orang-orang yang beragama Islam di negeri baginda itu, bahkan selalu kelihatan baginda berkhotbah semasa sembahyang Juma'at di masjid-masjid di merata tempat dalam negeri Selangor; pendeknya, baginda alim dalam agama Islam. Dan lagi patut disebut bahawa bagindalah yang pertama menubuhkan Pasukan Volunteer Melayu di negeri Selangor dengan perbelanjaan wang baginda sendiri.

1920. Pada tahun 1920, Tengku Musauddin putera sulung baginda Sultan Selangor telah dilantik sebagai Raja Muda Selangor yang telah dikosongkan sejak tahun 1903. Tengku Alam Shah putera baginda yang ketiga dilantik menjadi Tengku Panglima Raja Selangor. Empat tahun kemudian daripada itu, tahun 1924, Tengku Musauddin Raja Muda Selangor bersama dengan Sir Laurence Guillemard, Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Yang Bersekutu dan Gabenor

Negeri Selat, telah berangkat ke London mewakili Malaya (semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura) dalam Pameran Besar Seluruh Empayar British di Wembley dekat London pada tahun 1927, setelah perlembagaan Majlis Mesyuarat Persekutuan (*Federal Council* iaitu Majlis Mesyuarat Negeri Melayu Yang Bersekutu) dipinda lagi, iaitu sejak raja-raja pemerintah negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang tidak lagi duduk dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan itu, Tengku Musauddin telah dilantik sebagai ahli tidak rasmi bagi negeri Selangor dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan itu. (Ahli tidak rasmi yang lainnya ialah: Raja Chulan bagi negeri Perak, Dato' Abdullah bin Haji Dahan Undang Rembau bagi Negeri Sembilan, dan Tengku Sulaiman bagi negeri Pahang). Kemudian, pada tahun 1931, Tengku Alam Shah, Tengku Panglima Raja telah diangkat menjadi Tengku Laksamana Selangor. Kira-kira enam tahun lamanya menjadi ahli tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan dan pada tahun 1933, Tengku Musauddin telah berhenti daripada menjadi ahli tidak rasmi Majlis Mesyuarat Persekutuan dan digantikan oleh Raja Uda bin Raja Muhammad sebagai ahli tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan (*Federal Council*) bagi negeri Selangor.

1934. Pada tahun 1934, mengikut nasihat daripada Residen British Selangor masa itu, T.S. Adams, Kerajaan British telah memaksa Tengku Musauddin supaya turun daripada kedudukannya sebagai Raja Muda Selangor. Tindakan Kerajaan British yang secara mengejut dan yang tiada pernah berlaku di sepanjang sejarah Selangor, telah menimbulkan berbagai pendapat di kalangan orang Melayu, sama ada orang Melayu di Selangor atau di negeri Melayu yang lain dan di Negeri Selat juga. Mengikut "nasihat" (atau "asutan" mengikut pendapat sebahagian besar orang Melayu di Malaya masa itu) T.S. Adams, Residen Selangor itu, Kerajaan British telah memecat Tengku Musauddin daripada kedudukannya sebagai Raja Muda Selangor yang akan mewarisi takhta kerajaan Selangor kerana dikatakan beliau sebagai seorang yang tidak layak untuk menduduki takhta kerajaan Selangor dan sebahagian daripada sebab mengikut pendapat T.S. Adams, kerana beliau gemar berjudi dan banyak pula berhutang.

Mengikut pendapat kebanyakan orang Melayu walaupun beliau gemar berjudi dan banyak berhutang seperti juga yang dilakukan oleh anak-anak raja Melayu yang lain masa itu,

tetapi beliau adalah seorang yang baik dan peramah kepada rakyatnya; seorang yang bijaksana, pemurah dan suka memaafkan kesalahan orang lain dan juga seorang yang tahu benar tentang peraturan adat istiadat diraja Selangor.

Soal yang menyebabkan T.S. Adams menilai Tengku Musauddin sebagai seorang yang tidak layak menjadi raja telah umum diperbualkan dalam masyarakat Melayu masa itu, terutama di Selangor kerana T.S. Adams memang terkenal di kalangan orang Melayu sebagai seorang yang suka bergaul dan bernesra dengan orang Melayu, bercakap dengan bahasa Melayu, yang manis dan lemah lembut, supaya ia digemari oleh orang-orang Melayu, dan supaya ia dikatakan pro-Melayu; tetapi ia tidak suka melihatkan anak-anak Melayu berani mengangkat kepala terhadapnya, apa lagi kalau melihat orang Melayu yang berani menentang atau menyanggah orang putih; orang yang seperti itu dianggapnya orang jahat atau orang yang tidak mempunyai kelayakan. Pada hal Tengku Musauddin itu adalah seorang anak raja Melayu yang tidak suka merendah diri dan menurut apa sahaja kata orang putih.

Berhubung dengan pemecatan Tengku Musauddin sebagai Raja Muda Selangor kerana "nasihat" T.S. Adams Residen British Selangor itu, berbagai pendapat telah didengar dalam perbualan orang-orang masa itu, di antaranya ada yang mengatakan: itulah tanda yang menunjukkan Residen British T.S. Adams itu bukan sebagai "Penasihat" di kalangan raja-raja pemerintah di negeri Selangor, sebaliknya menunjukkan bahawa dialah orang yang "berkuasa" sekali di negeri Selangor sehingga melebihi kuasa Sultan Selangor sendiri, dan dengan tindakan Kerajaan British itu juga menunjukkan negeri Selangor itu (termasuklah negeri Melayu yang lain di Tanah Melayu) bukanlah sebagai negeri yang "dinaungi" oleh Kerajaan British, tetapi merupakan negeri yang telah dijajah oleh British. Sepatutnya pemecatan yang sedemikian dirundingkan terlebih dahulu dengan baginda Sultan Selangor dan orang-orang besar Selangor, yang mempunyai kuasa pemecatan mengikut adat istiadat raja-raja Melayu Selangor. Pada hal pemecatan yang telah dibuat ke atas Tengku Musauddin itu, Sultan Alauddin Sulaiman Shah sendiri serta kebanyakan orang-orang besar Selangor tidak menyetujuinya, kerana menyalahi adat istiadat diraja Selangor. Ada pula di antara orang awam yang mengatakan: apa boleh buat; negeri-negeri

Melayu ini memang di bawah "takluk" British, sehingga raja-rajanya pun "dalam tangan British."

Dalam tahun 1934 itu juga, Tengku Alam Shah, Tengku Laksamana Selangor, bersama dengan Raja Bendahara Perak (Raja Yusuf ibni almarhum Sultan Abdul Jalil) telah berangkat ke England, kerana dikatakan hendak meluaskan pandangan dan mencari pasaran bagi barang-barang perusahaan dan tukang orang Melayu.

1936. Lebih kurang dua tahun selepas itu, pada 20 hari bulan Julai 1936, Tengku Alam Shah, Tengku Laksamana telah dilantik menjadi Raja Muda Selangor menggantikan kekandungannya Tengku Musauddin. Tengku Musauddin telah diberi gelaran Tengku Kelana Jaya Putera, dan saudara mereka yang bernama Tengku Bahdhar dijadikan Raja Bendahara Selangor. Di sini patut disebut: walaupun banyak terdengar bantahan orang ramai tentang tindakan British mengenai kedudukan putera-putera Sultan Selangor itu, tetapi di antara putera baginda itu sendiri, umpamanya Tengku Alam Shah dengan Tengku Musauddin, tiada timbul sebarang persengketaan, dan tetap bermesra antara satu dengan lain.

1937-1939. Lebih kurang setahun kemudian suatu keramaian besar kerana menyambut zaman pemerintahan Sultan Alauddin Sulaiman Shah di negeri Selangor selama hampir 40 tahun, dan keramaian itu juga disebut Jubli Mas, telah diadakan di Kelang dan telah diraikan juga di seluruh negeri Selangor dengan meriahnya.

Beberapa bulan sahaja selepas itu, pada hari Khamis, 31 hari bulan Mac tahun 1938, baginda Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah mangkat di Istana Mahkota Kelang, dalam usia lebih kurang tujuh puluh dua tahun, dan telah berkera-seramai 40 orang. Almarhum telah dimakamkan di Kelang pada 4 hari bulan April tahun 1938 dan digelar *Marhum Atiqullah*.



**Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni almarhum Sultan 'Alauddin Sulaiman Shah (Sultan Selangor 1938-1942; 1945-1960).**

### Sultan Hisamuddin Alam Shah (i: 1938—1942):

1938-1939. Pada 4 hari bulan April tahun 1938, Raja Muda Selangor, Tengku Alam Shah putera almarhum Sultan Alaudin Sulaiman Shah (Marhum 'Atiqullah) telah dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan almarhum ayahanda baginda, dan bergelar Sultan Hisamuddin Alam Shah. Istiadat permakaman Marhum Atiqullah dan istiadat perlantikan Tengku Alam Shah sebagai Sultan Selangor antara lain telah disaksikan juga oleh Sir Shenton Thomas, Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu yang Bersekutu dan Gabenor Negeri Selat. Lebih kurang sepuluh bulan kemudian pada 26 hari bulan Januari tahun 1939, Sultan Hisamuddin Alam Shah telah ditabal dan dimahkotakan di Istana Mahkota Puri Kelang sebagai Sultan, Yang Dipertuan negeri Selangor "Darul-Ihsan". Ketika itu baginda berusia lebih kurang empat puluh tahun; baginda telah dilahirkan pada 13 hari bulan Mei tahun 1898. Semasa dijalankan istiadat pertabalan dan kemahkotaan baginda itu, kekanda baginda Tengku Kelana Jaya Putera (Tengku Musauddin) telah mengambil bahagian penting dan cergas, dan beliaulah yang mengetuai istiadat itu.

1941-1942. Beberapa tahun kemudian mulai pada 8 hari bulan Disember tahun 1941, tentera Jepun telah datang menyerang dan mengalahkan negeri Melayu dan Negeri Selat di Tanah Melayu. Bandar Kuala Lumpur telah ditawan oleh tentera Jepun pada 11 hari bulan Januari tahun 1942. Tentera British di Singapura telah menyerah kalah kepada tentera Jepun pada 15 hari bulan Februari tahun 1942 dan bererti seluruh Malaya — termasuk negeri Selangor — masuk ke bawah perintah tentera Jepun, dan pihak berkuasa tentera Jepun telah meletakkan seorang gabenornya menjadi ketua pemerintah di negeri Selangor.

**Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah (1942—1945):  
(Masa Pendudukan Tentera Jepun)**

1942. Setelah tentera Jepun menduduki dan menguasai negeri Selangor, pada tahun 1942 itu juga, Gabenor Jepun di negeri Selangor yang tinggal di Kuala Lumpur telah memanggil Sultan Hisamuddin Alam Shah yang pada masa itu menjauhkan diri bersemayam di Dusun Tua, dan Tengku Musauddin yang tinggal di Bandar, datang ke rumah kediaman Gabenor Jepun itu. Apabila baginda kedua bersaudara tiba, Gabenor Jepun mengatakan bahawa baginda tidak boleh lagi diteruskan menjadi Sultan Selangor, dan pihak berkuasa tentera Jepun telah memecat baginda, turun dari takhta kerajaan Selangor, dan pihak berkuasa tentera Jepun mengangkat kekanda baginda, Tengku Musauddin, menjadi Sultan Selangor. Dalam pada itu, Gabenor Jepun itu telah meminta Sultan Hisamuddin Alam Shah berkerjasama membantu kekanda baginda Sultan Selangor yang baharu itu.

1943. Dalam bulan November tahun 1943, suatu istiadat dan keramaian telah diadakan di Kelang, yang dihadiri oleh orang besar dan pegawai tertinggi tentera Jepun, untuk istiadat pertabalan dan kemahkotaan Tengku Musauddin sebagai Sultan, Yang Dipertuan negeri Selangor, dan digelar Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah, bersemayam di Istana Mahkota Kelang.

Semasa pendudukan tentera Jepun itu, Tengku Musauddin adalah sebagai Sultan yang tiada mempunyai kuasa dan tidak pernah menjalankan sebarang tugas Sultan di negeri itu. Oleh sebab itu Tengku Musauddin telah menumpukan perhatian untuk menjaga kepentingan kaum kerabat baginda dalam kerabat diraja Selangor. Wang yang bukan sedikit diterima oleh baginda dari pihak pemerintah tentera Jepun, telah dibahagi-bahagikan untuk menolong kaum keluarga baginda. Kopon yang diberikan oleh Jepun kepada baginda untuk mendapatkan kain dan barang makanan juga telah diberikan kepada kaum keluarga baginda, bagi menolong mereka mendapatkan kain dan makanan; di masa pendudukan tentera Jepun di Malaya, semua rakyat telah menderita kerana kesukaran bagi mendapatkan barang makanan dan pakaian.

**Sultan Hisamuddin Alam Shah (ii: 1945—1960):**

1945. Setelah lebih kurang tiga tahun sembilan bulan lamanya hidup menderita dalam pemerintahan tentera Jepun, pada pertengahan bulan September tahun 1945, tentera British telah datang semula mengambil Malaya daripada tangan tentera Jepun yang menyerah kalah mengikut perintah daripada Maharaja Jepun yang telah menyerah kalah kepada pihak Amerika dan sekutunya dalam bulan Ogos tahun 1945 berikutan dengan penguguran bom atom di Hiroshima dan Nagasaki. Pihak pemerintah tentera British telah datang ke Selangor mengambil semula kuasa di negeri itu daripada tangan pemerintah tentera Jepun.

Dengan perintah Lord Louis Mountbatten, pemerintah agung tentera British di Singapura, Tengku Musauddin telah diturunkan dari takhta kerajaan negeri Selangor, dan Sultan Hisamuddin Alam Shah dinaikkan semula sebagai Sultan Selangor. Pada masa itu, dengan tidak setahu baginda, Tengku Musauddin telah diasingkan oleh British ke Pulau Cocos di Lautan Hindi jauh ke selatan Tanah Jawa. Setelah lebih kurang setahun lamanya Tengku Musauddin dalam buangan di Pulau Cocos, perkaranya itu telah ditimbulkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dan dengan persetujuan Sultan Hisamuddin Alam Shah, Tengku Musauddin telah dibenarkan kembali semula ke negeri Selangor. Beliau tinggal di rumahnya sendiri di Kelang dan dibenarkan menerima wang elaun politik sebanyak \$1,000/- setiap bulan memakai gelaran Tengku Kelana Jaya Putera, dengan elaun \$250/- setiap bulan sebagai putera sulung almarhum Sultan Selangor serta lain-lain elaun belanja hidup mengikut ketetapan kerajaan.

1946. Pada 24 hari bulan Oktober tahun 1945, Sultan Hisamuddin Alam Shah bagi pihak Kerajaan Selangor telah menandatangani satu surat perjanjian dengan Kerajaan British yang diwakili oleh Sir Harold MacMichael, untuk memasukkan negeri Selangor sebagai sebuah daripada sembilan buah negeri Melayu di Tanah Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka tidak termasuk Singapura menjadi sebuah gabungan pemerintahan yang dinamakan "*Malayan Union*" yang diketuai oleh seorang Gabenor British. Setelah Harold MacMichael memperolehi semua tandatangan Sultan di negeri Melayu,



pada awal tahun 1946, ia kembali ke Britain. Kemudian, pada 1 hari bulan April tahun 1946 *Malayan Union* telah ditubuhkan — termasuklah negeri Selangor. Sir Edward Gent, Gabenor bagi "*Malayan Union*" tinggal dan berpejabat di Kuala Lumpur.

1948. Oleh sebab timbulnya bangkangan daripada segenap bangsa Melayu yang telah bersatu dalam sebuah pertubuhan politik yang bernama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau yang terkenal juga dengan nama *U.M.N.O. (United Malays National Organisation)* di bawah pimpinan Dato' Onn bin Ja'afar, Kerajaan British memansuhkan "*Malayan Union*", dan sebagai gantinya, semua negeri Melayu yang sembilan buah itu (termasuk Selangor) serta Pulau Pinang dan Melaka dijadikan sebuah gabungan persekutuan yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu (dalam bahasa Inggerisnya disebut: *Federation of Malaya*), mula ditubuhkan pada 1 hari bulan Februari tahun 1948. Gelaran Gabenor bagi pemerintah tertinggi di negeri itu ditukar pula kepada gelaran Pesuruhjaya Tinggi bagi Persekutuan Tanah Melayu.

1950. Pada 13 hari bulan Mei tahun 1950, Raja Abdul Aziz putera Sultan Hisamuddin Alam Shah telah dilantik menjadi Raja Muda Selangor.

1951. Pada hari Sabtu, 7 hari bulan Oktober tahun 1951, iaitu semasa darurat di Persekutuan Tanah Melayu (1948—1960), Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi, Persekutuan Tanah Melayu, telah mati ditembak oleh "pengganas" di sebuah selekoh jalan berhampiran Bukit Frazer di Ulu Selangor ketika beliau dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Bukit Frazer. Mendiang Sir Henry Gurney telah digantikan oleh Jeneral Sir Gerald Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, dan juga ketua tertinggi bagi melawan pengganas Komunis di Persekutuan Tanah Melayu.

1952. Dua tahun setelah Raja Abdul Aziz menjadi Raja Muda Selangor, pada tahun 1952 Sultan Hisamuddin Alam Shah telah berangkat ke Mekah menunaikan fardhu Haji; Raja Abdul Aziz tinggal menjadi Pemangku Raja di Selangor selama baginda keluar negeri itu. Baginda Sultan Hisamuddin Alam Shahlah di antara Sultan-sultan di Tanah Melayu yang pertama menunaikan fardhu haji ke Mekah.

1955. Pada subuh hari Selasa, 8 hari bulan November tahun 1955, Tengku Musauddin, Tengku Kelana Jaya Putera, Selangor, telah mangkat di Kuala Lumpur. Dengan kehendak adindanya Sultan Hisamuddin Alam Shah, jenazah almarhum telah diletakkan sebagai penghormatan di Istana Selangor, Kuala Lumpur. Jenazah almarhum Tengku Musauddin itu telah dimakamkan di permakaman diraja di tempat makam almarhum ayahandanya Marhum 'Atiqullah (Al-marhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah) di Kelang.

1956. Pada 11 hari bulan Mac tahun 1956, Raja Muda Abdul Aziz telah dikahwinkan dengan sepupunya bernama Tengku Rahimah puteri Sultan Abdul Aziz, Langkat (Sumatera Timur) dengan isterinya Tengku Zahrah binti almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah.

1957. Pada 31 hari bulan Ogos tahun 1957, Tunku Abdul Rahman Putra ibni almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Kedah, sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Upacara perisytiharan itu telah diadakan di Stadium Merdeka yang dihadiri oleh beribu-ribu rakyat negeri dan pemerintah negeri Melayu — termasuk Sultan Hisamuddin Alam Shah — serta wakil Raja Inggeris.

Sehari lepas itu, pada 2 hari bulan September (1957), Tuanku Abdul Rahman ibni almarhum Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, telah dipilih dan dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Negara Persekutuan Tanah Melayu, dan Sultan Hisamuddin Alam Shah dijadikan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

1960. Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Negara Persekutuan Tanah Melayu telah mangkat di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada subuh, 1 hari bulan April tahun 1960. Dua minggu selepas itu, pada 14 hari bulan April itu juga (1960), Sultan Hisamuddin Alam Shah, Sultan Selangor, telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong (yang kedua) bagi Negara Persekutuan Tanah Melayu. Putera baginda Raja Muda Abdul Aziz dijadikan Pemangku Raja memerintah negeri Selangor.

Pada 20 hari bulan Julai tahun 1960 itu juga, Sultan

Hisamuddin Alam Shah, sebagai Yang di-Pertuan Agong, telah mengumumkan perisytiharan tamatnya "darurat" di Persekutuan Tanah Melayu yang telah berjalan selama dua belas tahun itu (1954-1960). Pada masa itu keadaan baginda telah uzur sedikit.

Sebulan lepas itu, pada hari Khamis, pukul 11.48 pagi, 1 hari bulan September tahun 1960, Sultan Hisamuddin Alam Shah telah mangkat di Istana Tetamu, Kuala Lumpur setelah gering selama 27 hari. Jenazah almarhum itu telah dibawa ke Istana Negara (Kuala Lumpur) dan diletak di situ sebagai penghormatan Negara. Pada hari Sabtu, 3 hari bulan September tahun 1960, jenazah almarhum itu telah dibawa dengan kehormatan Negara yang selengkapnya dari Kuala Lumpur ke Istana Kota di Kelang, dan dimakamkan di permakaman diraja, di sisi makam ayahandanya almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Marhum Atiqullah) dan kekandanya almarhum Tengku Musauddin.



Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum  
Sultan Hisamuddin Alam Shah.

**Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**  
(1960 — sedang berkerajaan):

1960. Pada hari Sabtu, pukul 3.00 petang, 3 hari bulan September tahun 1960, di Istana Kota, Kelang, sebelum jenazah almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah dimakamkan, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Bakar bin Baginda, bagi pihak raja-raja dan orang-orang besar Selangor, telah mengumumkan bahawa Pemangku Raja dan Raja Muda Selangor, Raja Abdul Aziz, putera sulung almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah, dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan almarhum ayahanda baginda, dengan gelaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

1961. Lebih kurang sepuluh bulan kemudian, pada 28 hari bulan Jun tahun 1961, dalam suatu istiadat dan keramaian gemilang yang telah diadakan di Istana Alam Shah (istana baharu yang telah didirikan di atas tapak Istana Kota yang telah dirobohkan) di Kelang, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah ditabal dan dimahkotakan sebagai Sultan, Yang Di Pertuan bagi negeri Selangor, "Darul Ihsan"; isteri baginda Tengku Rahimah digelar Tengku Ampuan Selangor.


Pada masa itu, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berusia 35 tahun; baginda telah dilahirkan di bandar Kelang pada 8 hari bulan Mac tahun 1926. Baginda bersekolah di Sekolah Melayu, Kelang; kemudian melanjutkan pelajaran ke Malay College, Kuala Kangsar, Perak. Selepas pendudukan Jepun di Malaya, baginda telah melanjutkan pelajaran ke London, dan kembalinya dari London, baginda telah berkhidmat dalam jabatan kerajaan di negeri Selangor dan telah mendapat didikan tentera di Maktab Tentera Persekutuan Tanah Melayu di Port Dickson. Sejak baginda dilantik menjadi Raja Muda sehinggalah menjadi Sultan Selangor, baginda sering mengadakan lawatan ke merata negeri di seluruh dunia, bersama dengan isteri baginda Tengku Ampuan Selangor. Pada tahun-tahun permulaan pemerintahan baginda di negeri Selangor, baginda dikenali sebagai seorang raja yang sukakan perubahan baharu dalam cara pentadbiran pemerintahan bagi faedah dan kemajuan negeri dan rakyat baginda.

## DAFTAR NAMA SULTAN SELANGOR

	Tarikh memerintah (Tahun Masihi)
1. Sultan Salehuddin Shah (Marhum Saleh)	1756 — 1778
2. Sultan Ibrahim Shah . . . . .	1778 — 1826
3. Sultan Muhammad Shah . . . . .	1826 — 1857
4. Sultan Abdul Samad (Marhum Jugra) . .	1859 — 1898
5. Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Marhum Atiqullah) . . . . .	1898 — 1938
6. Sultan Hisamuddin Alam Shah . . . . .	( i ) 1938 — 1942 ( ii ) 1945 — 1960
7. Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah . .	1942 — 1945 (Masa pendudukan tentera Jepun)
8. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah . . .	1960 — sedang berkerajaan

## SALASILAH SULTAN SELANGOR

Upu Tenribong Daing Rilaka.  
(Raja di Tanah Bugis)



## SEJARAH LUKUT

1800. Tempat yang bernama Lukut dalam Negeri Sembilan sekarang ini, dahulunya dibuka oleh seorang raja Melayu bernama Raja Busu dari keturunan raja-raja Selangor, dengan pertolongan pengikutnya orang-orang Melayu dari Selangor, Kedah dan negeri-negeri lain — peristiwa ini berlaku pada awal kurun masihi yang ke-19. Raja Busu begitu tertarik hati datang membuka Lukut kerana diketahui bahawa "bumi" di Lukut itu banyak mengandungi bijih timah. Raja Busu serta pengikutnya telah berusaha mengeluarkan bijih timah di situ, dan Raja Busu terus memerintah Lukut. Pendapatan yang diperolehi oleh Raja Busu hasil dari bijih timah itu, tidak pula diserahkan kepada Sultan Selangor.

1824. Lebih kurang pada tahun 1824, dengan galakan Raja Busu, mulalah orang-orang Cina — terutamanya yang datang dari Melaka — datang beramai-ramai ke Lukut membuka lombong-lombong dan bekerja di lombong-lombong bijih timah di situ; Raja Busu sendiri mempunyai beberapa buah lombong bijih timahnya yang dikerjakan oleh pekerja Cina. Sejak itu Lukut terkenal sebagai sebuah tempat yang banyak mengeluarkan bijih timah. Pada masa itu Raja Busu telah memerintahkan semua penduduk Lukut supaya bijih timah atau timah yang dibawa keluar dari Lukut dikenakan cukai yang dibayar kepadanya sebanyak sepuluh peratus daripada harga timah itu, dan banyakkah Raja Busu memperolehi hasil kutipan cukai.

1834. Lama-kelamaan, setelah Raja Busu menikmati hasil cukai timah di Lukut itu, beliau telah menzikkan lagi cukai timah itu hingga beberapa kali ganda lebih daripada cukai yang ditetapkannya dahulu. Kenaikan cukai timah yang berlebihan itu telah menjadikan orang-orang Cina di Lukut menderita dan sakit hati kepada Raja Busu.

Pada suatu malam, dalam bulan September tahun 1834, orang-orang Cina di Lukut, seramai tiga atau empat ratus orang dengan rupa yang marah telah datang ke istana Raja Busu, kerana beberapa orang di antara orang Cina yang berkepentingan di Lukut hendak berjumpa Raja Busu bagi menundingkan tentang cukai timah itu. Pada masa itulah orang-orang Cina itu telah nampak dalam kawasan di keliling istana



Raja Busu itu penuh dengan longgokan timah. Mereka telah bertambah marah dan menjerit-jerit memanggil Raja Busu turun dari istananya sambil mengatakan jika Raja Busu tidak turun, mereka akan membakar istananya. Panggilan itu tidak dipedulikan oleh Raja Busu dan ia berkata pula kepada orang-orang Cina itu, "Orang-orang Islam tidak takut mati; buatlah apa yang kamu suka!" Mendengar itu, orang-orang Cina itu pun mengamuk lalu membunuh orang-orang Melayu yang mereka jumpai, dan ramailah orang Melayu yang mati terbunuh; kemudian mereka telah membakar istana Raja Busu; Raja Busu sekeluarga dan orang-orang dalam istana itu, tiada seorang pun yang lepas keluar — habis semuanya mati terbakar.

Makam Raja Busu itu ada lagi hingga sekarang di atas sebuah bukit di Kuala Lukut dan dianggap keramat oleh penduduk di situ. Setelah Raja Busu mangkat, tinggallah Lukut tiada beraja.

Tiada lama lepas itu, datang pula orang-orang Melayu beramai-ramai menyerang dan membunuh orang Cina di Lukut secara besar-besaran sebagai menuntut bela di atas perbuatan orang Cina tiada berapa lama dahulu.

Sungguhpun di Lukut telah berlaku beberapa kejadian buruk dan ngeri seperti yang disebutkan itu, tetapi tiada lama kemudian, datang pula orang-orang Melayu ke tempat itu untuk berusaha mencari bijih timah. Di antaranya termasuklah Raja Ja'afar bin almarhum Raja Ali orang Melayu Bugis yang berasal dari Riau, bersama dengan anaknya bernama Raja Juma'at dan Raja Abdullah. Mereka telah berusaha membuka lombong bijih timah di Lukut dengan menggunakan pekerja Cina, dan dalam masa yang singkat selepas perusahaannya mereka telah mencapai kejayaan. Setelah Raja Ja'afar mangkat, tinggallah Raja Juma'at dan adiknya Raja Abdullah meneruskan usaha mereka, dan perusahaannya mereka itu bertambah berjaya sehinggakan Raja Juma'at menjadi seorang yang kaya raya.

1836. Dua tahun selepas kemangkatan Raja Busu, pada tahun 1836, Sultan Muhammad Shah ibni almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Selangor (Sultan Selangor yang ke-8) yang telah mendengar bahawa Lukut banyak menghasilkan bijih timah, telah berangkat dengan pengiring baginda ke Lukut. Sampai di Lukut baginda telah mengisytiharkan kepada

penduduk di situ bahawa Lukut termasuk dalam perintah Kerajaan Selangor, dan nampaknya tiada siapa pun penduduk Lukut yang menyanggah perisytiharan baginda itu. Dipercayai, pada masa itulah Sultan Muhammad telah memilih Raja Juma'at bin Raja Ja'afar — seorang yang terkenal di Lukut — menjadi wakil baginda menjalankan pemerintahan Kerajaan Selangor di Lukut; dan bersahabatlah Sultan Muhammad dengan Raja Juma'at.

Sekembalinya dari Lukut, Sultan Muhammad telah berikhtiar bagi mendapatkan wang modal yang dipinjam daripada saudagar-saudagar Eropah dan taukeh-taukeh Cina di Melaka, dan baginda cuba memulakan perusahaan membuka lombong bijih timah di lembahan Sungai Kelang dengan harapan perusahaan itu akan berjaya seperti lombong-lombong bijih timah di Lukut yang telah menarik perhatian baginda. Tetapi perusahaan baginda itu gagal.

1839. Pada tahun 1839, Raja Juma'at Lukut dengan adiknya Raja Abdullah telah mengiringi Sultan Muhammad Selangor pergi ke Riau, untuk berjumpa kaum kerabatnya di sana. Dalam perjalanan pulang ke Selangor, tatkala singgah di Melaka, saudagar-saudagar Eropah dan taukeh Cina telah mengancam hendak menangkap baginda, kerana hutang baginda belum dibayar. Tetapi Raja Juma'at, yang terkenal kaya itu, telah memberikan jaminan kepada saudagar dan taukeh itu bahawa beliau menjadi penjamin hutang baginda itu, dan baharulah mereka bertenang, akhirnya Sultan Muhammad dapat meninggalkan Melaka dan pulang ke Selangor.

Selepas kejadian di Melaka itu, Raja Juma'at telah meminang dan berkahwin dengan puteri Sultan Selangor (Sultan Muhammad) yang bernama Tengku Senai — biasa disebut Tengku Nai. Kemudian, Raja Abdullah adik Raja Juma'at dikahwinkan pula dengan anak saudara Sultan Muhammad yang bernama Raja Khalijah binti Raja Haji ibni almarhum Sultan Ibrahim. Pada masa itu hubungan keluarga Raja Juma'at dengan keluarga diraja kesultanan Selangor bertambah rapat.

1840. Sejak tahun 1840, Raja Juma'at di Lukut telah bertambah kaya kerana hasil pengeluaran lombong-lombongnya telah terus meningkat.

1846. Pada suatu masa dalam tahun 1846, tatkala Sultan

Muhammad singgah di Melaka, sekali lagi baginda telah diancam akan ditangkap oleh saudagar-saudagar di Melaka yang telah menghutangkan wang kepada baginda, kerana hutang baginda sebanyak \$169,000/- belum dibayar. Pada masa itu sekali lagi menantu baginda Raja Juma'at telah memberikan jaminan yang beliau akan bertanggungjawab menyelesaikan hutang ayah mertuanya itu, dan terlepaslah baginda daripada ancaman itu.

Oleh sebab pertolongan yang telah diberikan oleh menantu baginda itu, pada tahun 1846 itu juga, Sultan Muhammad telah memberikan kuasa penuh kepada Raja Juma'at untuk memerintah Lukut dan mengambil segala cukai hasil dari daerah itu. Pada masa itu daerah Lukut hanyalah suatu tempat kecil yang terletak di antara Tanjung Tuan dengan Sungai Sepang. Sejak itu boleh dikatakan Raja Juma'at merupakan raja pemerintah Lukut yang sebenarnya, kerana pemerintahan Sultan Muhammad bertambah lemah.

1847. Pada akhir tahun 1847, Tengku Nai isteri Raja Juma'at telah melahirkan seorang putera diberi nama Raja Bot.

Raja Juma'at merupakan seorang raja yang pandai memerintah, bijaksana dan berusaha memperbaiki pemerintahannya di Lukut. Sejak pemerintahannya, orang-orang Melayu dan Cina dari daerah lain semakin bertambah ramai datang ke Lukut dan tinggal di situ berusaha mencari bijih timah, bekerja di lombong-lombong dan berniaga; semua penduduk Lukut menyayangi dan menghormati Raja Juma'at. Kuasa Raja Juma'at semakin meluas, sehingga ke daerah di sebelah pantai laut Negeri Sembilan sekarang ini, iaitu dari Sepang hingga ke Linggi, menjadi taklukan Raja Juma'at. Seorang raja bernama Raja Sulaiman yang memerintah di Sungai Raya Pasir Panjang masa itu juga tertakluk kepada Raja Juma'at.

Di masa Raja Juma'at memerintah Lukut, beliau telah mengadakan pasukan mata-mata yang terdiri daripada orang-orang Melayu seramai 22 orang, memakai pakaian khas dan pada songkoknya terdapat nombor masing-masing.

Kota Lukut (Lihat peta): Di Lukut terdapat sebuah bukit yang bernama Bukit Gajah Mati — juga disebut Bukit Raja — yang mana di situ telah dibangunkan oleh Raja Juma'at sebuah kota batu yang disebut *Kota Lukut*. Dari kota itu boleh memandang jelas ke Sungai Lukut dan ke seluruh

daerah Lukut serta ke Selat Melaka. Kota itu berbentuk empat persegi bujur. Di sekeliling kota itu sebelah luarnya dibuat parit; parit ini dalamnya kira-kira 10 hingga 12 kaki, dan di dalamnya dipasang ranjau; parit beranjau ini yang menjadi penghalang kepada musuh yang datang hendak menyerang kota itu. Tanah yang dikeluarkan dari penggalian parit itu, dilonggokkan pula di tepi parit dan dijadikan kubu. Arah ke barat daya daripada kota batu itu, di penjuruk dekat parit yang disebutkan tadi, terdapat dinding atau tembok batu bagi memelihara sebuah telaga yang tiada berapa jauh dari situ. Telaga itu sangat dalam tetapi tiada berair kecuali di musim hujan lebat. Di setiap penjuruk tembok kota itu dibuat kolam (kolam) diisi dengan air yang dibawa dengan kereta lembu dari bawah. Pada tembok kota yang mengarah ke utara dan barat, ada pintu-pintu gerbang sebagai jalan masuk ke kota itu. Jalan untuk menuju ke kota itu dibuat berbelok-belok mengelilingi bukit itu. Di sebelah-menyebelah jalan diatur batu yang tidak bersimin bagi memelihara pasir-pasir jalan supaya tidak dihanyutkan air ke bawah. Di tengah-tengah sebelah dalam kota ini, didirikan sebuah istana besar oleh Raja Juma'at bagi puterinya yang bernama Raja Wok. Raja Wok itu telah berkahwin dengan sepupunya bernama Raja Muhammad. Di hadapan istana terdapat sebuah gelanggang tempat bermain sepak raga. Di atas tembok kota pula diatarkan beberapa pucuk meriam dan lela. (Bekas Kota Lukut itu masih ada lagi hingga sekarang).

1850. Sejak tahun 1850, cukai bijih timah atau timah yang didapati oleh Raja Juma'at di Lukut telah meningkat kerana bertambah banyaknya bijih timah yang dikeluarkan dari lombong-lombong di situ. Cukai yang didapati oleh Raja Juma'at pada masa itu berjumlah \$10,000/- setiap bulan, dan kemudiannya meningkat sampai \$15,000/- sebulan pada masa itu juga Sultan Selangor (Sultan Muhammad) telah menggelar Raja Juma'at itu Raja Tua, dan beliau terkenal dan berpengaruh di kalangan kerabat diraja Selangor.

1853. Pada tahun 1853, Sultan Muhammad Selangor telah melatih menantu saudara baginda Raja Abdullah adik Raja Juma'at Lukut, sebagai pemerintah di daerah lembahan Sungai Kelang, dan Raja Abdullah telah berpindah ke Kelang dan memerintah di situ.

1857. Empat tahun kemudian pada tahun 1857, Raja

Juma'at telah membantu adiknya Raja Abdullah membuka lombong bijih timah di Ampang, Kuala Lumpur; lebih daripada dua ratus orang pekerja Cina dari Lukut telah dihantar oleh Raja Juma'at pergi bekerja di Ampang; sejak itulah Ampang dan Kuala Lumpur mula dibuka dan bertambah ramailah orang luar datang ke situ.

Pada tahun 1857 itu juga, Sultan Muhammad Selangor, mertua Raja Juma'at Lukut telah mangkat. Berikutan dengan kemangkatan Sultan Muhammad itu telah berlaku pertikaian di antara kerabat diraja Selangor bagi menentukan orang yang akan dijadikan Sultan Selangor menggantikan almarhum itu, dan pertikaian itu telah berlanjutan sehingga tahun 1859. Pada masa itu Raja Juma'at yang bergelar "Raja Tua" juga terkenal dan berpengaruh di kalangan raja-raja dan orang-orang besar Selangor, bersama dengan Raja Abdullah telah mencalonkan Raja Abdul Samad bin Raja Abdullah ibni almarhum Sultan Ibrahim, menantu dan anak saudara almarhum Sultan Muhammad untuk dijadikan Sultan Selangor. Akhirnya pada tahun 1859, sebahagian besar raja dan orang-orang besar Selangor telah bersetuju mengangkat Raja Abdul Samad sebagai Sultan Selangor bergelar Sultan Abdul Samad. Raja Juma'at tetap juga memerintah di Lukut, dan Raja Abdullah memerintah di Kelang.

1860. Keadilan dan kebijaksanaan Raja Juma'at memerintah Lukut telah tersebar ke negeri lain, dan bertambah ramailah orang dari berbagai tempat datang membuat penghidupan baru di Lukut; terutama selepas berlakunya huru-hara pembunuhan di Sungai Ujong pada tahun 1860; ramai dari penduduk Sungai Ujong mendapat perlindungan di bawah perintah Raja Juma'at di Lukut. Pada masa itu juga Raja Juma'at sendiri menyuruh orang-orangnya masuk ke dalam hutan sambil memukul-mukul gong untuk menjadi pedoman kepada orang-orang yang lari dari Sungai Ujong supaya tidak sesat jalan. Sementara itu juga orang Cina semakin bertambah ramai — terutama orang Cina Hailam — datang membuat tempat kediaman di Lukut. Mereka telah mendirikan rumah kedai lebih 40 buah yang terdiri daripada dua baris rumah batu beratap genting, dan tempat itu telah menjadi sebuah pekan.

Pelabuhan di Sungai Lukut masa itu banyak didatangi tongkang dan perahu dari berbagai tempat, ada masa hingga


berpuluh-puluh buah banyaknya sekali berlabuh. Perhubungan di antara Raja Juma'at dengan Kerajaan Selangor, dalam soal kewangan, tidak begitu baik; segala hasil yang didapati oleh Raja Juma'at di Lukut nampaknya tiada dihantar kepada Kerajaan Selangor. Pada masa itu jika ada hukuman bumuh sekalipun berlaku di Lukut, Raja Juma'at sendiri yang memutuskannya, dan tiadalah beliau menantikan keputusan dari Selangor lagi.

Dalam tahun 1860 itu juga, Residen Konsuler di Melaka, sahabat Raja Juma'at, bernama Kapten Macpherson, telah datang ke Lukut. Dalam laporan Kapten Macpherson mengenai Lukut, ia mengatakan:-

"Negeri Lukut itu jauh benar eloknyanya daripada Selangor, bahkan boleh disamakan dia seperti daerah yang dipunyai oleh orang Eropah. Tetapi yang terlebih ganjilnya ialah keadaan yang seperti itu terjumpa di tengah hutan belantara. Sesiapa pun suka melihatnya, kerana di tempat yang tiada di sangka begitu, terdapat tanda kemajuan dan tamadun. Jalan-jalan rayanya bertambak batu dan berkeadaan baik. Kedai-kedai Cina dalam pekan Lukut itu dibuat daripada batu-batu dan beratap genting serta bersih pula. Gudang di tepi Sungai Lukut itu besar-besar. Negeri itu mewah dan penduduknya hidup dalam kemakmuran dan kemewahan.

". . . . . Pakaian mata-mata di Lukut serupa seperti di Melaka dan peraturan dalam polis pun teratur dan sempurna. Selain daripada itu ada pula dibuat sebuah rumah besar tempat pajak judi; pada keempat-empat buah pintu rumah itu dikawal oleh empat orang mata-mata Melayu. Orang-orang Melayu tidak dibenarkan pergi ke rumah itu. Jika ada orang Melayu yang bermain judi di situ dan jika dapat ditangkap, ia akan dihukum berat. Sungguhpun ramai orang Cina bermain judi di situ, tetapi semuanya mengikut peraturan yang telah ditetapkan; mereka yang kalah berjudi di situ, tidak pula membuat sebarang kekacauan dan perbuatan jahat. Istana Raja Juma'at didirikannya di atas sebuah bukit serta berkota batu dengan kuat dan ada jalan raya dari bawah yang berbelok-belok mengelilingi bukit itu hingga ke puncaknya  
..... Orang-orang salah dihukum bekerja membuat jalan itu."

1862-1863. Pada tahun 1862, semasa Dato' Kelana Sendeng



PETA KOTA LUKUT

menjadi Dato' Kelana di Sungai Ujong, beliau telah menuntut daerah Lukut dan mengatakan: "ada pun tempat yang bernama Lukut itu adalah sebahagian daripada daerah Sungai Ujong yang telah diambil oleh Raja Selangor (maksudnya Sultan Abdul Samad) dengan cara yang tidak adil, termasuklah Tanjung Tuan yang telah didirikan rumah api oleh Kerajaan Inggeris itu." Oleh kerana tuntutan Dato' Kelana Sendeng itu, maka satu mesyuarat telah diadakan di Kuala Linggi pada 24 hari bulan November tahun 1863, di antara Dato' Kelana Sendang dengan Raja Abdullah yang mewakili Sultan Selangor (Sultan Abdul Samad), dengan disaksikan oleh Residen Konsuler Melaka bernama Kapten Playfair. Sepucuk surat daripada Sultan Abdul Samad yang bercap dengan mohor baginda yang disertakan dengan sebilah lembing, telah dibawa ke dalam mesyuarat itu. Surat itu ditulis dua bulan sebelum (September, 1863) mesyuarat itu diadakan, dan surat Sultan Abdul Samad itu telah dibacakan dalam mesyuarat itu. Dalam surat itu, Sultan Abdul Samad menetapkan: sempadan di antara negeri Selangor dengan daerah Sungai Ujong adalah dari Gunong Jugra menghilir Sungai Langat sampai ke kuasanya tanah-tanah yang di sebelah kanan mudik Sungai Langat itu masuk dalam Sungai Ujong, dan yang di sebelah kiri mudik sungai itu adalah daerah Kelang. Sempadan pantai laut yang masuk ke dalam daerah Sungai Ujong ialah dari Gunong Jugra di Sungai Langat sampai ke Kuala Linggi. Begitulah kandungan surat Sultan Abdul Samad itu. Oleh sebab Raja Juma'at pemerintah Lukut itu tidak sama hadir atau tidak dijemput hadir dalam mesyuarat itu, beliau telah enggan menyetujui penetapan garisan sempadan itu.

Raja Juma'at telah menulis surat kepada Gabenor di Singapura, menyatakan beliau telah berjumpa dan berunding dengan Sultan Abdul Samad Selangor, dan kata Raja Juma'at, baginda itu telah menafikan pernah membuat surat mengenai sempadan itu; dan Raja Juma'at juga menegaskan: semasa almarhum Sultan Muhammad memberikan daerah Lukut kepadanya, ianya termasuk Lukut sampai ke Kuala Linggi, dan dari Kuala Linggi, ikut Sungai Linggi, di sebelah kiri mudik Sungai Linggi itu hingga sampai ke Sungai Udang masuk daerah Lukut; sempadan di sebelah daratnya pula sampai ke Bukit Juling-juling.

Walaupun demikian, selepas mesyuarat pada tahun 1863 itu, tidak ada apa-apa tindakan yang dilakukan mengenai sempadan-sempadan itu.



1864. Pada tahun 1864, setelah memerintah Lukut dengan jayanya selama 18 tahun, Raja Juma'at bin Raja Ja'afar telah mangkat, dan jenazah almarhum itu telah dimakamkan di Lukut; makam almarhum itu ada sehingga sekarang dipelihara oleh Kerajaan Selangor. Almarhum meninggalkan beberapa orang putera dan puteri: bersama Tengku Nai isteri almarhum memperolehi seorang putera, bernama Raja Bot; dan dari isteri-isteri yang lain ialah Raja Yahya (kekanda Raja Bot), Raja Wok (perempuan), Raja Ahmad dan Raja Abdul Hamid.

Setelah Raja Juma'at mangkat, putera gaharanya Raja Bot menggantikan beliau memerintah Lukut. Sungguhpun Raja Yahya lebih tua daripada Raja Bot, tetapi Raja Yahya tidak boleh menggantikan ayahnya, kerana ia bukan anak gahara. Dalam pada itu apabila Raja Bot keluar dari Lukut pergi ke tempat lain kerana sesuatu urusan, kekandanya Raja Yahya itulah yang menjadi wakil memerintah Lukut. Raja Yahya adalah ayahanda Raja Abdul Kadir yang pernah menjadi penghulu di Port Dickson dahulu.

Setelah Raja Bot memerintah Lukut, bijih timah yang dibawa keluar dari Lukut dicukai sebanyak 10 peratus juga. Di permulaan pemerintahan Raja Bot itu, Lukut, masih banyak mengeluarkan bijih timah dan ramai orang dari Selangor datang berdagang dan berniaga ke Lukut dan mereka telah mendapat keuntungan yang lumayan.

Kota Lukut telah dibesarkan lagi oleh Raja Bot, dan diambil lebih kurang 30 orang-orang Arab menjadi askarnya. Orang-orang Arab itu telah berkahwin dengan wanita Melayu di Lukut.

Sungguhpun pada permulaan Raja Bot memerintah Lukut banyak dikeluarkan bijih timah, tetapi kemakmuran dan keamanan di Lukut tidaklah berjalan terus sepanjang zaman pemerintahan Raja Bot, kerana beliau tidak sebijak ayahnya memerintah dahulu. Belum pun lama Raja Bot memerintah, beliau telah menghadapi dua peristiwa pahit yang berlaku di Lukut.

Peristiwa yang pertama ialah: Raja Sulaiman di Sungai Raya yang telah mengaku tunduk kepada Raja Juma'at dahulu, telah menderhaka dan telah melengkapkan satu angkatan perang datang menyerang Lukut. Apabila Raja Bot mengetahui perkara tersebut, diperintahkan semua orang perempuan dan kanak-kanak di Lukut supaya masuk berlindung ke dalam Kota Lukut. Angkatan Raja Sulaiman itu telah ditentang oleh orang-orang Melayu Lukut serta askar

Arab yang digaji oleh Raja Bot itu. Pertempuran antara kedua belah pihak itu telah berlaku di tempat yang bernama Kampung Cina. Semasa pertempuran itu berlaku dengan hebatnya, dan apabila askar-askar Arab yang digaji oleh Raja Bot itu seorang daripada rakan mereka kena tikam oleh pihak musuh, dengan serta-merta itu juga habislah semua askar itu lari dari medan pertempuran, dan tinggalah orang-orang Melayu sahaja menyabung nyawa meneruskan peperangan itu. Oleh sebab pasukan Raja Bot itu lebih ramai orangnya, dan berkota di atas bukit, akhirnya pihak Lukut berjaya menewaskan angkatan Raja Sulaiman dan angkatan itu balik semula ke Sungai Raya.

Peristiwa yang kedua pula: tiada lama selepas berperang dengan Raja Sulaiman, ada seorang anak angkat Sultan Abdul Samad Selangor bernama Encik Yahya yang tinggal di Langat telah datang melawat untuk berjumpa Raja Bot di Lukut dengan membawa pengikutnya seramai 60 orang. Semasa Encik Yahya berjalan-jalan di Kampung Cina, Lukut, ia telah berjumpa lalu menangkap seorang Cina bangsa Hailam yang dikatakannya seorang daripada kulinya yang telah lari. Encik Yahya telah membawa Cina itu dan memenggal lehernya di hadapan Raja Bot dengan tiada meminta kebenaran daripada Raja Bot. Raja Bot telah murka di atas tindakan Encik Yahya yang dilakukan sewenang-wenangnya.

Tiada lama lepas itu, sekumpulan orang Cina seramai lebih kurang 400 orang telah datang meminta keterangan dari Raja Bot mengenai hal pembunuhan itu. Raja Bot tidak memberikan apa-apa keterangan melainkan mengatakan beliau tiada mahu campur dan tiada mahu menyebelahi Encik Yahya dalam hal itu, dan Raja Bot mengatakan pula kepada orang-orang Cina itu yang mereka boleh membunuh orang Melayu yang tiada memakai pakaian merah, kerana orang itu bukan rakyatnya. Tiada lama lepas itu bertempurlah orang-orang Cina Lukut yang datang itu dengan orang-orang Encik Yahya yang datang dari Langat. Orang Cina jauh lebih ramai daripada orang Langat itu. Dalam pertempuran itu, sepuluh orang Langat telah terbunuh dan yang lainnya lari melepaskan diri masuk ke dalam hutan. Encik Yahya sendiri telah berpeluk ke pinggang Raja Laut, seorang daripada keluarga Raja Bot, meminta perlindungan; dan dalam suasana yang kelam-kabut itu, Encik Yahya telah dapat lari walaupun telah mengalami kekalahan teruk. Raja Bot begitu murka di atas

perbuatan Encik Yahya itu sehinggakan tidak dibenarkannya untuk dikuburkan mayat-mayat orang Langat yang mati itu.

1866. Dalam tahun 1866, masalah sempadan di antara Selangor dengan Sungai Ujong (termasuk Lukut), telah ditimbulkan lagi, dan telah menghadapi kebuntuan seperti dalam tahun 1863 dahulu. Menurut surat Residen Konselar Melaka, bernama Kapten Burn (bertarikh 14 hari bulan Mei tahun 1866) mengatakan: Sultan Abdul Samad telah memberitahunya bahawa perkara sempadan itu sudah diselesaikan dalam tahun 1865, dan nampaknya pengakuan baginda itu adalah berdasarkan kepada surat yang telah ditulis dalam bulan September tahun 1863 yang telah memasukkan Lukut ke dalam daerah Sungai Ujong. Tetapi apakah hasil dari perkara sempadan yang dikemukakan dalam tahun 1866 itu, tidak juga diketahui.

1868. Dua tahun selepas itu, dalam tahun 1868, timbul lagi perkara sempadan antara Selangor dengan daerah Sungai Ujong (termasuk Lukut). Menurut surat Sultan Abdul Samad yang bertarikh pada 11 hari bulan Julai tahun 1868 yang dikirimkan kepada Dato' Kelana Sungai Ujong, mengatakan: "semua yang di sebelah tebing kiri mudik Sungai Linggi sampai ke Sungai Udang, kami orang besar bersetuju bahawa daerah itu kepunyaan Dato' Kelana, dan sesiapa pun tidak boleh mengambilnya, sehinggalah kepada keturunan kita dan Dato' Kelana, dan ini tiada boleh diubah selagi ada pederan matahari dan bulan . . . demikianlah dinyatakan dalam surat ini dengan cap mohor kita."

Walaupun demikian, surat baginda itu gagal menyelesaikan pertikaian sempadan itu kerana, selepas itu, apabila Tengku Kudin (Wakil Yamtuan Selangor) bertanya kepada Dato' Sedia Raja, Undang Rembau, mengenai kedudukan sempadan itu, nampaknya Dato' Sedia Raja mengatakan: "Tempat yang bernama Simpang itu kepunyaan kita di Rembau, dan sebelah kiri menghilir Sungai itu (Sungai Linggi) adalah negeri sahabat kita (British), dan di sebelah kanan (menghilir Sungai itu) adalah kepunyaan Kerajaan Selangor sejak zaman dahulu lagi. Pendeknya, hingga tahun 1868, perkara sempadan itu belum juga dapat diselesaikan.

Semasa Raja Bot memerintah Lukut, pada suatu hari, Major-Jeneral Anson dengan sebuah kapal perang Kerajaan Negeri Selat bernama *H.M.S. Thistle* dalam perjalanannya hendak membantu Dato' Kelana Sungai Ujong telah singgah di

pelabuhan Lukut tidak jauh dari kota Raja Bot. Pegawai-pegawai dari kapal itu telah naik ke darat berjumpa dan menanyakan Raja Bot: mahu atau tidak Raja Bot menolong Inggeris mengamankan huru-hara di Sungai Ujong. Oleh sebab Raja Bot tahu bahawa pergaduhan di Sungai Ujong adalah di antara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana yang dibantu oleh Inggeris, Raja Bot telah mengatakan ia tidak akan menolong dan tidak pula akan menghalang orang-orang Inggeris itu, mereka dibolehkan melalui negerinya (Lukut). Setelah itu, orang-orang Inggeris pun memunggah barang-barang dan peti wang ringgit Sepanyol naik ke darat untuk dibawa ke Sungai Ujong. Orang-orang Inggeris telah menawarkan kepada orang-orang di Lukut yang mahu membawa barang-barang mereka ke Sungai Ujong akan diberi upah dua ringgit tiap seorang.

Sewaktu Major-Jeneral Anson sampai ke Lukut, Raja Bot telah memerintahkan orang-orangnya membunyikan meriam bagi menghormati pegawai Inggeris itu. Tetapi entah kenapa orang-orang Bugis yang memasang meriam tiada dapat menahan dirinya lagi dari menembak, pada hal bilangan tembakan meriam yang dikehendaki sudah cukup, mereka terus juga menembak. Dalam pada itu tatkala seorang daripada mereka sedang menghentak-hentakkan nal dan ubat ke dalam meriam itu, tiba-tiba meriam itu meletup kerana terlampau panas dan orang itu pun putus kepalanya.

1874. Lebih kurang dalam tahun 1874, Raja Bot telah mengadu kepada Kerajaan Negeri Selat mengatakan seorang sepupunya bernama Raja Laut bersama seorang yang bernama Mamat telah membuat kacau di Lukut. Dalam satu perkelahian di antara orang Melayu dengan orang Cina di Lukut itu, orang yang bernama Mamat telah membakar kedai tempat orang Cina berniaga. Sejak itu ramailah orang Cina keluar meninggalkan Lukut. Sebelum perkelahian dan pembakaran itu berlaku, ada seramai dua ribu orang Cina bekerja di lombong bijih timah di Lukut; tetapi sejak berlaku perkelahian dan pembakaran kedai, hanya tinggal lebih kurang tiga ratus orang Cina sahaja yang bekerja di lombong-lombong. Sejak itulah kemewahan dan kemakmuran di Lukut telah merosot; cukai bijih timah dan cukai pajak judi, candu dan arak telah berkurangan diperolehi oleh Raja Bot, dan kemerosotan itu telah berliku dengan cepatnya.

1877. Pada tahun 1877 Raja Bot mengatakan beliau meng-

hadapi kesusahan dan kesempitan wang; pendapatannya dari cukai di Lukut itu tidak mencukupi bagi perbelanjaannya sekeluarga, jangankan belanja untuk menyelenggarakan daerah Lukut itu. Semasa almarhum ayahnya dahulu, kutipan cukai boleh didapati sampai \$10,000/- setiap bulan dan ada kala sehingga \$15,000/-; tetapi sekarang (masa itu) Raja Bot hanya memperolehi antara \$200/- atau \$300/- sebulan. Kedai di Lukut telah ditutup dan tidak lagi menjalankan perniagaan, dan kebanyakan orang Cina telah meninggalkan Lukut. Penduduk Lukut yang dahulunya ramai, sekarang hanya tinggal seramai lebih kurang tiga ratus orang. (Hampir tahun 1874 dahulu, orang-orang Cina di seluruh Lukut terdapat seramai 10,000 orang).

Kejatuhan Lukut semasa pemerintahan Raja Bot akibat dari berbagai sebab; di antaranya yang penting ialah kerana bijih timah yang ada telah berkurangan; Raja Bot bukanlah seorang yang bijak dan pandai memerintah seperti ayahnya; pergaduhan selalu berlaku di antara orang Melayu dengan orang Cina; dan pergaduhan atau peperangan yang berlaku di Selangor dan di Sungai Ujong, walau bagaimanapun, menjejaskan juga perniagaan dan keamanan di Lukut.

1877-1878. Pada tahun 1877 itu juga, semasa Kolonel A.E.H. Anson menjadi Pegawai Pentadbir Kerajaan di Singapura, beliau telah mengarahkan Residen British Selangor dan Residen British Sungai Ujong untuk mencari jalan dan ikhtiar bagi menyelesaikan perkara sempadan di antara negeri Selangor dengan Sungai Ujong (termasuk Lukut) dengan berasaskan — kata Inggeris — “kepada persetujuan bersama dan dasar keadilan umum kepada kedua belah pihak.” Setelah pegawai-pegawai Inggeris itu membuat beberapa pertanyaan dan pertimbangan (mereka sendiri), akhirnya Kerajaan Inggeris di Negeri Selat telah membuat ketetapan mengenai sempadan dan telah juga dipersetujui oleh Sultan Abdul Samad Selangor dan Dato' Kelana Sungai Ujong Tengku Saiyid Abdul Rahman. Kedua belah pihak telah membuat surat perjanjian mengenai sempadan itu, dan telah ditandatangani pada 15 hari bulan Februari tahun 1878 oleh Sultan Abdul Samad Selangor dan Dato' Kelana Sungai Ujong Tengku Saiyid Abdul Rahman, dengan disaksikan oleh kedua Residen British Selangor dan Sungai Ujong. Dalam surat perjanjian itu menyatakan: tempat yang bernama Rekoh yang letaknya jauh ke darat dan kerap dipertikaikan itu,

## SEJARAH SELANGOR

dimasukkan ke dalam negeri Selangor; Lukut dan Sungai Raya yang di tepi laut dimasukkan ke dalam daerah Sungai Ujong. Pendeknya: sejak Lukut dimasukkan dalam daerah Sungai Ujong (tahun 1878), pihak Kerajaan Inggeris yang telah masuk campur dalam pemerintahan di Sungai Ujong itu, dapat pula masuk campur dalam hal Lukut.

Raja Bot yang memerintah di Lukut, tidak pun ditanya pendapatnya atau dibawa ke dalam perundingan yang telah diadakan di antara Sultan Selangor dengan Dato' Kelana Sungai Ujong dan pegawai-pegawai Inggeris yang telah membuat ketetapan memasukkan Lukut ke dalam daerah Sungai Ujong itu. Tetapi tiada lama lepas itu, apabila keputusan surat perjanjian 15 hari bulan Februari 1878 itu diberitahu kepada Raja Bot, beliau telah membantah keras mengenai keputusan memasukkan Lukut ke dalam perintah Sungai Ujong, dan beliau telah menuntut bahawa daerah Lukut itu adalah kepunyaan ayahnya (Raja Juma'at) yang telah diberikan oleh almarhum Sultan Muhammad dahulu (tahun 1846). Walaupun Raja Bot dan saudara-saudaranya akan diberi pencen sebanyak \$200/- tiap bulan supaya menyelesaikan sahaja perkara itu, tetapi beliau telah menolak.

Sebenarnya mengenai tuntutan Raja Bot itu telah berlanjutan beberapa lama secara surat-menyurat di antara Raja Bot melalui peguamnya, dengan Residen British Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri Selat dan dengan Gabenor Negeri Selat juga. Perkara utama dalam perbalahan mengenai Lukut itu ialah: Raja Bot mengemukakan tuntutanya berdasarkan kepada hak kuasa memerintah Lukut yang telah diberikan oleh almarhum Sultan Muhammad dahulu kepada ayahnya, dan adakah kuasa itu untuk selama-lamanya atau boleh dibatalkan bila dikehendaki. Sultan Abdul Samad Selangor menegaskan bahawa kuasa itu boleh dibatalkan dan hanya boleh digunakan selama ada hayat yang memberikan kuasa itu sahaja. Tetapi Raja Bot mengatakan kuasa itu ialah untuk selama-lamanya. Gabenor di Singapura dan pegawai tinggi Kerajaan Inggeris di Negeri Selat pun, berlainan pendapat bagi menentukan lamanya kuasa itu boleh digunakan. Gabenor di Singapura bersetuju dengan fahaman Sultan Abdul Samad; tetapi ada pula pegawai Inggeris yang lainnya tidak bersetuju dengan fahaman itu.

Seperti yang telah dikatakan tadi: soal tuntutan Raja Bot mengenai Lukut telah berpanjangan hingga bertahun-tahun

lamanya. Ada pula ahli sejarah zaman ini yang mengatakan: surat perjanjian yang telah dibuat pada 15 hari bulan Februari tahun 1878 yang melucutkan kuasa Raja Bot di Lukut itu, telah diaturkan lebih dahulu oleh kedua-dua Residen British Selangor dan Sungai Ujong, kemudian baharu mereka mendesak meminta persetujuan Sultan Abdul Samad, yang terus sahaja menyetujuinya. Walau bagaimanapun, setelah dua tahun lamanya perkara itu dipertikaikan, akhirnya, pada akhir bulan Julai tahun 1880, nasib Raja Bot mengenai Lukut dapat ditamatkan. Satu perjumpaan di antara Sultan Abdul Samad Selangor, Dato' Kelana Sungai Ujong, Raja Bot dan Raja Daud dari Sungai Raya telah diadakan di Singapura pada 31 hari bulan Julai tahun 1880, dan membuat surat persetujuan yang ditandatangani bersama mengenai penyelesaian hal Lukut yang telah dimasukkan ke dalam daerah Sungai Ujong. Banyak syarat yang tersebut dalam surat persetujuan itu adalah mengenai wang saku hati dan tanah yang diberikan kepada Raja Bot. Pendeknya mengikut syarat yang tersebut dalam surat persetujuan bersama itu, Raja Bot dan keluarganya telah menerima wang berjumlah \$27,000/-, dan sejak itu tamatlah riwayat Lukut dalam pemerintahan Raja Bot dan ayahnya Raja Juma'at dahulu yang memakan masa selama 32 tahun.

Dua tahun selepas itu (1882), Raja Bot telah datang ke Selangor (Kelang) dan telah memohon jawatan kerajaan daripada Residen British Selangor, tetapi gagal. Lima tahun kemudian, dalam tahun 1887, telah dicubanya lagi meminta jawatan kerajaan daripada Pemangku Residen Selangor masa itu (J.P. Rodger); setelah dirundingkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, Raja Bot telah diberi jawatan menjadi Penghulu di Sungai Buloh, Selangor. Pada tahun hadapannya, dalam bulan Disember tahun 1888, Raja Bot telah dilantik menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dan jawatan itu dipegangnya sehingga ke akhir hayatnya. Selama beliau menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri, banyak jasa yang telah disumbangkan bagi kemajuan negeri Selangor. Semasa Sultan Alauddin Sulaiman Shah menjadi Sultan Selangor (sejak tahun 1898), Raja Bot merupakan salah seorang daripada raja-raja yang diharap oleh baginda dalam hal-hal keluarga diraja dan hal ehwal pemerintahan negeri.

Sewaktu melawat Johor Baharu, dengan tidak disangka, pada 11 hari bulan April tahun 1916, Raja Bot telah mangkat

SEJARAH SILINGOR

di Johor Baharu di rumah seorang sahabatnya yang bernama Saiyid Hasan, dan jenazah almarhum telah dikebumikan di permakaman diraja, Johor Baharu.



## PEMBACAAN

- Sejarah Melayu oleh Tun Seri Lanang (Suntingan W.G. Sheela-bear).
- Sejarah Melayu (Dari simpanan kutub khanah Raffles, Nas-khah No. 18).
- Sejarah Alam Melayu, Penggal V. oleh Buyong bin Adil.
- Hikayat Tuhfatu'n-Nafis, oleh Raja Ali Haji, Riau.
- Hikayat Silsilah Melayu dan Bugis, oleh Raja Ali Haji, Riau.
- Hikayat Negeri Johor, (*JMBRAS*, Vol. X Part 1, Januari, 1932).
- Hikayat Misa Melayu, oleh Raja Chulan bin Raja Abdul Hamid.
- Raja Haji, oleh W.E. Maxwell.
- Kenang-Kenangan Selangor, oleh Dato' Amar Wan Muham-mad Amin bin Wan Muhammad Sa'id.
- A History of Malaya, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Vol. XIII Part 1.
- A History of Selangor, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Vol. XXVIII Part 4, July, 1953.
- Yap Ah Loy, oleh S.M. Middlebrook: *JMBRAS* Vol. XXIV Part 2, July, 1951.
- A Careless, Heathen Philosopher?, oleh J.M. Gullick; *JMBRAS* Vol. XXVI Part 1, July, 1953.
- British Malaya 20th Century Impression — Arnold Wright. Malaysia, oleh Rupert Emerson.
- A History of Johor, oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Vol. X Part 3, December, 1932.
- A History of Pahang oleh Dr. W. Linehan: *JMBRAS* Vol. XIV Part 2, May 1936.
- British Intervention in Malaya 1867 — 1877, oleh C.N. Parkinson.
- Golden Chersonese, oleh Isabella Bird.
- The Malayan Peninsula, oleh P.J. Beghie.
- British Malaya 1824 — 1867, oleh L.A. Mills: *JMBRAS* Vol. XXXIII Part 3, 1960.
- The Real Malay, oleh Frank A. Swettenham.
- Raja Bot bin Raja Juma'at, oleh Mohamad Amin Hassan:

*JMBRAS* Vol. XL Part 2, December, 1967.

The Origins of Malay Nationalism, oleh William R. Roff.  
Majalah *RODA* (Editor: Richard Sidney), Vol. III No. 3,  
November, 1933.

Tarikh Aceh dan Nusantara, oleh H.M. Zainuddin.

Majalah *Fajar Asia* (Disember, 1943).

The Malayan Peninsula, oleh John Anderson: *JMBRAS* Vol.  
XXXV Part 4, 1962.

*JMBRAS* = Journal of the Malayan (Malaysian)  
Branch Royal Asiatic Society.

## INDEKS

### A

- Abdul Jalil IV., Sultan (Johor): 7-9.  
 Abdul Jalil, Raja (Raja di Baroh, Johor-Riau): 12, 17, 18.  
 Abdul Jalil Rahmat Shah, Sultan (Johor-Riau): 8.  
 Abdullah, Raja (Perak: 1823): 35.  
 Abdullah bin Haji Dahan, Dato' (Undang Rembau): 160.  
 Abdul Malik Mansur Shah, Sultan (Perak): 31, 35.  
 Abdul Rahman, Tuanku: 182.  
 Abdul Rahman Putera, Tunku: 181.  
 Abdul Samad, Raja (Sultan Selangor 1859-1898): 45,  
 49-155, 156, 172, 173, 179, 182.  
 Abu Bakar, Maharaja, (Johor): 94, 103, 106, 149.  
 Aceh: 29, 86.  
 Adams, T.S.: 160, 161.  
 Ah Chin: 120.  
 Ah Sze: 51, 53, 63, 65, 66, 71, 72.  
 Ahmaddin Shah, Sultan (Perak): 31.  
 Ahmad Riayat Shah, Sultan (Johor-Riau): 18.  
 Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Sultan (Kedah): 59.  
 Aladuddin Mughayat Shah, Sultan (Perak): 11.  
 Alauddin Muhammad Shah, Sultan (Aceh): 29.  
 Alauddin Riayat Shah II., Sultan (Johor): 5.  
 Ali Mamat: 136.  
 Ampang (di Selangor): 47, 50-53, 54, 66-80, 115, 179.  
 Andrew Clarke, Sir: 124, 126-135, 149.  
 Anson, Kolonel A.E.H.: 83, 84, 94.  
 Anson, Major-Jeneral: 185.  
 Arong Lenga: 25.  
 Arong Pala: 11.  
 Arong Pasarai: 10.  
 Arong Temujong: 29.  
 Arnoldus Lemker: 23-24.  
 "Argyle (kapal): 104.  
 Ary Verbrugge: 15.

### B

- Baba Chi Yam Chuan: 47.  
 Baba Lim Say Hoe: 47.  
 Bab Tek Cheng: 56.

SIJARAH SELANGOR

- Raba Tek Yee: 64, 65, 95, 96.  
 Racon, Edward: 69.  
 Randar Hilir (di Melaka): 24.  
 Randar Kanching: 45, 139.  
 Randar Termasa (Lihat: Langat): 50.  
 Ratang Berjuntai: 119, 121.  
 Ratang Tiga (di Melaka): 23, 25.  
 Ratu (dekat Kuala Lumpur): 105.  
 Ratu Rara (Ratu Bahara): 13, 16.  
 Ratu Tabor: 107.  
 Bendahara Abdul Majid (Pahang): 20, 26-27.  
 Bendahara Wan Ahmad (Pahang): 57, 71, 94, 99, 104, 107,  
 111, 117, 122-124.  
 Bendahara Wan Mutahir: 57, 71.  
 Bengkalis: 8, 87, 94, 102.  
 Bentan: 4-5.  
 Betong (di Pahang): 107, 111.  
 Bernam: 11, 26, 31, 35, 36, 42, 50, 75, 87, 95, 111.  
 Beruas (Perak): 5.  
 Betawi: 6, 22, 24.  
 Beting Beras Basah (di Kuala Perak): 31.  
 Birch, Arthur: 82.  
 Birch, E.W. 153.  
 Birch, J.W.W.: 88-90, 135, 140, 149, 153.  
 Braddell, Thomas: 102, 103, 127.  
 Bredbarry, Kapten: 83, 84.  
 Bukit Arang (di Kuala Lumpur): 108.  
 Bukit Chandan (di Kuala Kangsar): 154.  
 Bukit China (di Melaka): 24.  
 Bukit Fraser: 167.  
 Bukit Gajah Mati (di Lukut): 177.  
 Bukit Gombak: 115.  
 Bukit Jugra: 137.  
 Bukit Juling-juling: 182.  
 Bukit Kanching: 66.  
 Bukit Kuda: 1, 149.  
 Bukit Melaka (di Melaka): 25.  
 Bukit Nenas (di Kuala Lumpur): 70, 106.  
 Bukit Raja (di Lukut): 177.  
 Bukit Selangor (di Kuala Selangor): 26, 28.  
 Bukit Senjuang (di Melaka): 24.  
 Bukit Tanjung Keramat (di Kuala Selangor): 26, 28.  
 Bunga Mar: 35.

- Bunga Raya (di Melaka): 24.  
 Bunguran: 3.  
 Burn, Kapten,: 185.

## C

- Caveliero: 90, 100, 107, 108.  
 Che' Akhir: 7.  
 Che Akub: 7.  
 Che' Fatimah binti Imam Haji Abdul Ghani: 154.  
 Chong Chong: 47, 65, 66, 74, 77-82, 91.  
 Chung Piang: 72, 75, 78-80, 82, 90-92, 101.  
 Clementi Smith, Sir Cecil: 153.

## D

- Daik (Lihat: Lingga).  
 Daing Chelak (Yamtuan Muda Riau II): 7-14.  
 Daing Kemasi: 7-9, 10.  
 Daing Kemboja (Yamtuan Muda Riau III.): 12-20.  
 Daing Lakani: 6.  
 Daing Ma'asik: 11.  
 Daing Matekko (Daing Matkah): 11.  
 Daing Menambun: 7-8, 10.  
 Daing Merewah (Kelana Jaya Putera; Yamtuan Muda Riau I):  
 7-10, 12.  
 Daing Perani: 7-10, 12.  
 Daing Rilaka: 7-12.  
 Daing Selikang: 7.  
 Daly, Dominic: 144-145, 148.  
 Damansara: 79, 108-109, 111, 146.  
 Dato' Abu Bakar bin Baginda: 171.  
 Dato' Aru (di Selangor): 127, 129.  
 Dato' Bandar Langat: 61.  
 Dato' Bandar, Sungai Ujong: 104, 110, 134, 186.  
 Dato' Bandar Tunggal, Sungai Ujong (Abdullah bin Ahmad):  
 104, 134-135.  
 Dato' Dagang (Nonggok, Haji Muhammad Tahir): 55, 58-61,  
 63, 65, 69, 134-135.  
 Dato' Kelana Sendeng, Sungai Ujong: 182.  
 Dato' Kelana Sungai Ujong: 94, 111, 113, 132, 134, 146,  
 185, 187, 189.

SURAH SILANGOR

Dato' Kelana Tongku Satyid Abdul Rahman, Sungai Ujong: 187.

Dato' Shahbandar (Pahang): 107.

Davidson, J.G.: 129, 138-140.

Dinding (di Perak): 6.

"Dolphijn" (kapal): 25.

Dong Son: 1.

Douglas, Bloomfield: 140.

E

Encik Embok: 122.

Encik Yahya, Langat: 184-185.

F

Fontaine, de: 68, 95, 99, 136.

"Fort Filipina" (di Kuala Linggi): 16

Fullerton, Robert: 38-40.

G

"Gajah Tunggal" (kapal): 58.

Gendut, Pahang (Lihat: Imam Perang Raja): 117.

Gent, Sir Edward: 167.

Genting Bidihi: 107.

Genting Simpah: 107.

"Ghi Hin": 54, 66.

Gombak: 77, 79, 105.

Gombak Lane: 153.

Guillemard, Sir Laurence Numns: 159.

Gunung Jugra: 182.

Gunung Pulai: 149.

Gurney, Sir Henry: 167.

H

Hagen, van: 90, 100-101, 106-109.

"Hai San" (kongsi gelap): 54.

Haines, Frank William: 153.

Haji Abdul Rahman: 225.

Haji Muhammad Nur (Pahang): 99, 107, 118, 120-122.

"Hart" (kapal): 132.

- Henry Burney, Kapten,: 39.  
 Hiu Siew (Kapitan Cina I., di Kuala Lumpur): 51, 53.  
 Hisamuddin Alam Shah, Sultan (Tengku Alam Shah; Sultan  
 Selangor: 1938—1942: 1945—1960): 159, 162—173.  
 Hiu Fatt: 72, 75, 78, 80, 81.  
 Hugh Low, Sir: 152.  
 Hujung Permatang,: 119.

## I

- Imam Haji Abdul Ghani: 154.  
 Imam Perang Haji Husain: 112—115, 117.  
 Imam Perang Indera Mahkota (Gendut): 117, 118, 120.  
 Imam Perang Muhammad Akil: 101, 112—115, 117—120.  
 Imam Perang Raja (Gendut): 117, 118—120.  
 Imam Perang (Raja) Rasu (Imam Perang Indera Gajah;  
 To' Gajah): 107—108, 114—115, 117—120.  
 Innes, James: 140, 142, 147.  
 Inspektor Cox: 83—84.  
 Irving, C.J.: 88—90, 95—99, 104.  
 Isemonger, E.E.: 125.  
 Istana Alam Shah (di Kelang): 171.  
 Istana Jugra: 88, 90, 147, 155, 156.  
 Istana Kota (di Kelang): 169, 171.  
 Istana Langat: 137, 157.  
 Istana Mahkota (di Kelang): 159, 162, 164, 165.  
 Istana Negara (di Kuala Lumpur): 169.  
 Istana Tetamu (di Kuala Lumpur): 169.

## J

- Jacob Pieter van Braam: 24, 26.  
 "Jalan Raja": 153.  
 Jeram: 4, 5, 36, 71, 75.  
 John Anderson: 36, 39—40.  
 Johor: 5—10, 17, 55, 102, 104, 135, 137, 147, 190.  
 Jugra: 4—5, 88, 90, 137, 151, 155.

## K

- Kajang: 54, 101, 138—139, 142.  
 Kampar (di Sumatera): 5.  
 Kampung Haji Mustafa: 121.

SEJARAH SELANGOR

- Kanching: 45, 52-53, 63, 65, 66, 71-74, 77, 101, 116-117, 120-121.  
"Kapitan Melayu" (di Melaka): 25.  
Kebudayaan Dong Son: 1.  
Kebudayaan Gangsa-Besi: 1.  
Kedah: 6, 11-12, 19, 32, 34, 59, 68, 76, 142, 144.  
Kelana Jaya Putera (Lihat: Daing Merewah): 7-10.  
Kelang: 1-6, 13, 31-32, 36-37, 42, 45-47, 50-53, 55, 56-71, 83, 88, 92, 95, 97-100, 106-111, 113, 118, 122, 132, 135-136, 139-144, 157, 162, 164, 165, 168-169, 171, 178.  
Kelebang (di Melaka): 16.  
Kepong: 107, 111.  
Kerling (di Ulu Selangor): 149.  
Ketapang (di Melaka): 58, 64.  
Khatib Bahrain: 119-120.  
"Kimbul" (kapal): 57-58.  
Kim Ching, Taukeh: 59.  
"Kota Altingsburg" (di Kuala Selangor): 26.  
Kota di Kuala Selangor: 26-29, 56, 69, 84-88, 93, 99, 110.  
Kota Lukut: 177-178, 184.  
Kota Lumut: 30, 32.  
Kota Melaka: 22-25.  
Kota di Pengkalan Batu (di Kelang): 97.  
Kota Raja Mahadi (di Kelang): 56-57, 68-70.  
"Kota Utrecht" (di Kuala Selangor): 26.  
"Kongsi Gelap" di Kuala Lumpur: 152.  
Kuala Bidor (di Perak): 34, 37, 40.  
Kuala Kangsar (di Perak): 12, 153, 154.  
Kuala Kelang: 67-68, 95, 98, 111, 151.  
Kuala Kubu (di Ulu Selangor): 91, 116, 121-122, 139, 149, 153.  
Kuala Labu: 132.  
Kuala Langat: 74, 77, 79, 136.  
Kuala Linggi: 9, 16, 182.  
Kuala Lumpur: 33, 47-48, 51-57, 59, 63, 65, 69, 70, 73, 77-81, 87, 90-92, 101, 104, 114-118, 136-139, 145-168, 179.  
Kuala Pahang: 8.  
Kuala Selangor: 5, 7, 9, 10, 13, 17, 21, 26-29, 39-45, 50-54, 56, 69, 71, 74-83, 88-92, 93-102, 111, 117-121, 136, 150.  
Kubu Masjid: 120.



"Kubu van Braam" (di Kuala Selangor): 26.

## L

"Lady Clarke" (Kepala Keretapi): 149.

Langat: 4-5, 9, 28-36, 42, 50-54, 57-65, 68-73, 80-83,  
96-99, 112-119, 125-129, 131-140, 144, 147, 150, 156,  
184.

Larut (di Perak): 53.

Li Choi: 152-153.

Ligor: 38-39.

Lingga (Daik): 9, 29-32.

Linggi: 9, 13-16, 35-36, 177.

Liu Ngim Kong (Kapitan Cina II., di Kuala Lumpur): 53, 63.

Loke Yew, Taukeh,: 156.

Lord Carnavon: 131-132.

Lord Kimberley: 124, 131.

Lukut: 33, 36, 42-47, 50-52, 53, 65, 104-105, 146,  
174-190.

## M

MacAlister: 104.

MacMichael: 166.

MacNair, Major,: 127, 129.

Macpherson, Kapten,: 52, 180.

Maharaja Perba Jelai, Pahang,: 122.

Majapahit: 3.

Majlis Mesyuarat Negeri (Selangor): 143, 147, 149, 150, 159,  
189.

Majlis Mesyuarat Persekutuan (Federal Council): 160.

"Malakka's Welvaren" (kapal): 22, 23.

"Malayan Union": 166.

Malay College (di Kuala Kangsar): 153, 171.

Mandulika (Kelang): 5.

Marhum 'Atiquallah (Sultan Alauddin Sulaiman Shah,  
Selangor): 162, 164, 168, 169.

Marhum Batangan (Sultan Sulaiman, Johor-Riau): 17, 18.

Marhum Bongsu (Sultan Ahmaddin Shah, Perak): 31.

Marhum Jugra (Sultan Abdul Samad, Selangor): 155.

Marhum Kampar (Sultan Mahmud Shah, Melaka-Johor): 5.

Marhum Mangkat di Julang (Sultan Mahmud Shah II.,  
Johor): 7.

## SEJARAH SELANGOR

- Marhum Mangkat di Kuala Pahang (Sultan Abdul Jalil IV. Johor): 8.  
Marhum Saleh (Sultan Salehuddin Shah, Selangor): 20, 21.  
Marhum Teluk Ketapang (Raja Haji): 25, 27, 30, 31.  
Matan (di Kalimantan): 9.  
Mat Said (Mat Syed): 125.  
Maude, Lt.: 85.  
Maxwell, William E.: 152—153.  
Megat Seri Rama (Johor): 7.  
Melaka: 4—5, 9, 13—16, 21—27, 28, 37, 43, 44, 45—47, 58, 64—71, 83, 90, 98, 125, 136, 176—177.  
Menteri Sumun: 59.  
Mitchell, Sir Charles.: 154.  
Mountbatten, Lord Louis.: 166.  
Muar (di Johor): 21, 23, 29, 135.  
Muhammad Akib: 56, 57.  
Muhammad bin Hasan (di Melaka): 125.  
Muhammad Ibrahim Munshi: 95, 98—99.

## N

- Nagarakertagama: 3.  
Negeri Melayu Yang Bersekutu (Federated Malay States): 154, 156.  
Neubronner: 143.  
Nongkok, Dato' (Lihat: Dato' Dagang),: 55, 58—61.

## O

- Onn bin Ja'afar, Dato',: 167.  
Orang Kaya Chenor (Pahang): 107, 115, 121—123.  
Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah (Tok Gajah. Lihat: Imam Perang Rasu): 117—121.  
Orang Kaya Lipis (Pahang): 115, 122.  
Orang Kaya Pahlawan Semantan (Pahang): 117, 120, 123, 138.  
Ord, Sir Harry,: 74, 76, 83, 94, 100, 102—104, 112—113, 124.

## P

- Paduka Seri China: 4.  
Paduka Seri Maharaja (Singapura): 3.  
Pahang: 10, 20, 71, 93—94, 99, 104, 107, 111, 113—119,

- 121—123, 138.  
 Panchik Rasul: 56.  
 Pengkalan Batu (di Kelang): 51, 95, 111, 117.  
 Panglima Perang Johan Perkasa (Pahang): 119.  
 Parit Tengah (dekat Kanching di Selangor): 73.  
 Pasir Gayam: 119.  
 Pasir Panjang Indera Mulia (di Perak): 30.  
 Pedas (di Rembau): 17—18.  
 "Pelangi" (kapal): 88.  
 Pelus (di Perak): 31.  
 Penchala: 108.  
 Pengeran Suta Wijaya (Lihat: Raja Haji)  
 Penggawa Permatang: 27, 29—30, 127.  
 Penggawa Tua: 30.  
 Penghulu Ali (Jeram): 30, 36, 71, 75.  
 Penghulu Dagang (Selangor): 127, 129, 132.  
 Penghulu Jeram: 127.  
 Pennefather: 88, 93, 110.  
 Perak: 5, 12—13, 19, 30—32, 35—39, 119, 132, 135, 138,  
 142, 146, 149—154.  
 Perang Kanching: 72.  
 Perang Kelang: 57, 68—75.  
 Perang Perak: 135, 150.  
 Perjanjian Burney: 39.  
 Perjanjian Sementara (di Ligor): 39.  
 Permatang (di Selangor): 27, 92.  
 Pernu (di Melaka): 24.  
 Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya): 167, 168.  
 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (U.M.N.O.): 167.  
 Persidangan Raja-raja — 1896 (di Kuala Kangsar): 154.  
 Petaling: 108, 113, 149.  
 Petaling Batu: 101.  
 "Pluto" (kapal): 83—86, 88—90, 95, 98, 102, 127, 129, 132,  
 146.  
 Playfair, Kapten,: 182.  
 Pontianak (di Kalimantan): 20.  
 Port Swettenham (Lihat: Kuala Kelang): 151.  
 Pudu (di Kuala Lumpur): 101, 116, 138.  
 Pulau Bayan (di Riau): 21.  
 Pulau Buru: 65.  
 Pulau Cocos: 166.  
 Pulau Pangkor: 6, 18.  
 Pulau Penyengat (di Riau): 25.

SEJARAH SELANGOR

Pulau Pinang: 31—33, 38—40, 42, 82—86, 99, 144, 154—156.

Pulau Tawar: 117.

Pulau Tiga (di Perak): 12.

R

Raffles: 4.

Raffles Institution (di Singapura): 75.

Raja Abdullah bin Raja Ja'afar (adik Raja Juma'at, Lukut):  
44, 46—60, 64, 97, 175—179.

Raja Abdullah (ayah Sultan Abdul Samad): 49.

Raja Abdullah bin Raja Abbas (ipar Raja Mahadi): 67.

Raja Abdullah (Raja Muda Perak): 119.

Raja Abdullah Rahman bin Raja Abdullah: 88.

Raja Adil (Rembau): 16.

Raja Ahmad (putera Raja Haji): 30.

Raja Alam (Siak): 13, 16, 24.

Raja Ali (Yamtuan Muda Riau V): 18, 27, 28, 29, 32.

Raja Ali-Jeram (Lihat: Penghulu Ali): 71, 75.

Raja Andak (putera Daing Kemboja): 18.

"Raja Api" (Raja Haji): 25.

Raja Arfah (puteri Sultan Abdul Samad) — Lihat:  
Tengku Arfah.

Raja Asal: 57, 66, 72—73, 77, 79, 90, 92, 99—100, 104, 106,  
107, 114—116, 120.

Raja Berkat (Tengku Panglima Raja): 54, 83, 87, 105, 113,  
142, 143, 151, 154.

Raja Berumun: 138.

Raja Bisnu, Perak (Sultan Mahmud Shah): 12.

Raja Bot bin Raja Juma'at, Lukut: 54, 86, 89, 126,  
146—147, 156—159, 177, 183—190.

Raja Busu, Lukut: 42, 174—175.

Raja Chulan (Perak): 160

Raja Daud, Sungai Raya: 147, 189.

Raja Endut: 105.

Raja Haji (Marhum Teluk Ketapang, Yamtuan Muda Riau IV):  
12—21, 23—27, 30—31.

Raja Hasan Selangor: 34, 37, 39—40.

Raja Hasan bin Raja Abdullah: 58, 159.

Raja Hitam (di Bernam): 75, 95, 111.

Raja Hamzah (saudara Raja Mahadi): 138.

Raja Ibrahim (Sultan Ibrahim Shah, Sultan Selangor): 18,  
19—21.

- Raja Idris (putera Raja Haji): 30.  
 Raja Inu (Perak): 11.  
 Raja Isa bin Raja Haji: 110, 119.  
 Raja Ismail bin Raja Abdullah: 57-58, 65-68, 88, 97.  
 Raja Ismail Bendahara (Perak): 87.  
 Raja Ja'afar (Yamtuan Muda Riau VI): 30-32.  
 Raja Ja'afar bin Raja Ali (ayah Raja Juma'at): 43, 175-176.  
 Raja Juma'at bin Raja Ja'afar, Lukut: 43-54, 146, 156,  
 175-183, 188-189.  
 Raja Kahar (putera Sultan Abdul Samad): 61, 70, 92, 95,  
 127, 130, 138-139, 142, 151, 156.  
 Raja Kechil (Siak): 8-13, 24.  
 Raja Khalijah: 44, 176.  
 Raja Laut (putera Sultan Muhammad Shah, Selangor):  
 92, 100-101, 104-105, 109, 131, 151, 156-157.  
 Raja Lebar (puteri Sultan Abdul Samad, Selangor): 154.  
 Raja Ligor: 38-39.  
 Raja Lumu (Lihat: Sultan Salehuddin Shah, Selangor): 7,  
 14-20.  
 Raja Mahadi bin Raja Sulaiman: 46, 52, 55-71, 75-76,  
 82-89, 94-97, 101-108, 110-114, 115-118, 120-121,  
 123, 131-132, 135, 137-139, 140-143.  
 Raja Mahmud (Raja Muda Selangor): 46, 49-50, 52, 54.  
 Raja Mahmud bin Raja Berkat: 54, 66, 83-87, 89, 104-106,  
 110, 114, 116, 123, 126, 131-132, 134-135, 138, 150,  
 151, 156.  
 Raja Mahmud (Raja Buang, Siak): 13.  
 Raja Muhammad (Sultan Muhammad Shah, Selangor): 30, 31.  
 Raja Muhammad Ali (Siak): 24, 26.  
 Raja Musa (Raja Muda Selangor): 50, 52, 54, 61, 69, 75,  
 83-84, 86-87, 93, 95-96, 99, 103-104, 106, 110,  
 118-119, 127-128, 137, 144, 151.  
 Raja Musa (Raja Muda Perak): 156.  
 Raja Nala (Raja Muda Selangor): 19-21, 22, 25-26, 29, 30.  
 Raja Sa'id (putera Daing Merewah): 12.  
 Raja Selamah (puteri Raja Haji): 19.  
 Raja Sulaiman (Johor): 8-10.  
 Raja Sulaiman (ayah Raja Mahadi): 44-46.  
 Raja Sulaiman bin Raja Hasan, Sungai Raya: 67-68, 70, 177,  
 183-184.  
 Raja Sulaiman (Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Selangor):  
 75, 144, 149, 151-154, 156.

SEJARAH SELANGOR

- Raja Uda bin Raja Muhammad: 160.  
 Raja Uthman (putera Sultan Muhammad Shah, Selangor): 45.  
 Raja Wok (putera Raja Juma'at, Lukut): 178, 183.  
 Raja Ya'akub (Tengku Alang, putera Sultan Abdul Samad):  
 61, 69-70, 88-89, 96, 98-99, 125-130.  
 Raja Yahya bin Raja Juma'at Lukut.: 89, 183.  
 Raja Yusuf (adik Sultan Muhammad Shah, Selangor): 45, 46.  
 Raja Yusuf (Raja Bendahara, Perak): 162.  
 Raub (di Pahang): 71.  
 Rawang (di Selangor): 66, 74, 81, 90-91, 101, 116, 120,  
 153.  
 Read, William Henry.: 59.  
 Rembau: 6, 16-17, 22-25.  
 Reteh (di Kepulauan Riau): 65.  
 Riau: 7-11, 12-29, 38, 43, 49, 55, 65, 176.  
 "Rinaldo" (kapal): 84-86, 88.  
 Robinson, Kapten.: 84, 85.  
 Rodger, J.P.: 148, 151, 189.

S

- Safiah binti Haji Abdul Ghani, Hajjah.: 156.  
 Saiyid Abdullah (adik Saiyid Mashhor): 69.  
 Saiyid Ali (Siak): 24, 27, 28.  
 Saiyid Ja'afar (Selangor): 26, 27.  
 Saiyid Mashhor: 69, 74, 77-87, 89-92, 94-95, 98, 101,  
 104-106, 109, 110-111, 114-119, 121, 123, 138, 149  
 156, 159.  
 Saiyid Zain: 69, 88, 94-95, 97, 98, 104, 142, 144.  
 Salak (di Selangor): 108.  
 See Kang (Langat): 129.  
 Sejarah Melayu (hikayat): 3-5.  
 "Sekolah Raja" di Kuala Lumpur (Raja School): 153.  
 Selat Melaka: 22, 82, 124, 178.  
 Semabok (di Melaka): 24.  
 Sepang: 36, 150, 177.  
 Serendah: 82, 120.  
 "Seri Lingga" (kapal): 67, 69.  
 "Seri Rambai" (meriam): 29.  
 Shadwell, Sir Charles.: 126-127.  
 Shaikh Muhammad Taib: 88, 110, 122.  
 Shaw, Kapten.: 125.  
 Shenton Thomas, Sir: 164.

- Shortland, Lt. Colonel V, : 86.  
 Siak: 10-13, 24, 27, 28, 65, 94-95.  
 Simpang (di Sungai Linggi): 112, 185.  
 Slim (di Perak): 121.  
 Speedy, Kapten, : 135.  
 Sultan Ahmad, Pahang (Wan Ahmad),: 154.  
 Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Raja Sulaiman, Sultan  
 Selangor 1898-1838): 144, 149, 151, 156-165, 168, 169.  
 Sultan Ibrahim Shah (Raja Ibrahim, Sultan Selangor  
 1778-1826): 18, 19-42.  
 Sultan Idris (Perak): 154, 159.  
 Sultan Mahmud Shah (Melaka): 4-5.  
 Sultan Mahmud Shah (Perak): 18.  
 Sultan Mahmud Shah II (Johor-Riau): 6-8.  
 Sultan Mahmud Shah III (Johor-Riau): 18-20, 23-25, 27,  
 29, 30, 32.  
 Sultan Mansur Shah (Melaka): 4.  
 Sultan Muhammad Shah (Sultan Selangor 1826-1857):  
 42-50, 175-177, 179, 182, 188.  
 Sultan Muzaffar Shah (Melaka): 4.  
 Sultan Muzaffar Shah I (Perak): 5.  
 Sultan Muzaffar Shah III (Perak): 12.  
 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Raja Abdul Aziz):  
 167-168, 171-173.  
 Sultan Salehuddin Shah (Raja Lumu, Sultan Selangor yang  
 pertama): 7, 14,-15, 18-21.  
 Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Johor-Riau 1722-1760):  
 10, 12-18.  
 Sultan Zainal Abidin I (Trengganu): 15.  
 Sungai Baru (di Melaka): 22.  
 Sungai Bernam: 36, 50, 71, 75, 95.  
 Sungai Besi (di Selangor): 108-109.  
 Sungai Bidor (di Perak): 32.  
 Sungai Buloh (di Selangor): 87, 147, 189.  
 Sungai Gombak: 47, 51, 115.  
 Sungai Jeram: 36, 75.  
 Sungai Jugra: 88, 125, 127, 129-130.  
 Sungai Kelang: 2, 31, 36, 44, 46-48, 51, 55, 67, 69-71, 88,  
 107, 109, 111, 115, 127, 139, 146, 170, 178.  
 Sungai Kurau (di Perak): 31.  
 Sungai Kuyoh (di Selangor): 108.  
 Sungai Langat: 36, 71, 106, 127, 138, 182.  
 Sungai Linggi: 36, 104, 112, 182, 185.

## SEJARAH SELANGOR

- Sungai Lukut: 36, 177, 179—180.  
Sungai Pelus (di Perak): 31.  
Sungai Perak: 12, 30, 31.  
Sungai Raya: 67, 147, 177, 184, 188.  
Sungai Selangor: 5, 28, 36—37, 45, 50, 53, 71, 75, 84—85,  
93, 105, 111.  
Sungai Sepang: 177.  
Sungai Trang: 39.  
Sungai Ujong: 6, 53, 87, 104, 134—135, 146, 179, 186—189.  
Sutan Bangkulu: 98, 121—122.  
Sutan Puasa: 50, 63, 66, 72—73, 77—80, 90, 92, 101, 105,  
138—139.  
Swettenham, Frank.: 132—137, 140, 146, 148, 152, 154.  
Syers, H. Charles.: 136, 139, 151—152.

## T

- Tampin: 6.  
Tanjung Dawai: 156.  
Tanjung Dua Belas (di Ulu Langat): 138.  
Tanjung Karang: 87, 119.  
Tanjung Keling: (di Melaka): 15, 24.  
Tanjung Palas (di Melaka): 24.  
Tanjung Puteri (Johor Baharu): 149.  
Tanjung Tuan (Cape Rachado): 177, 182.  
Tatham, Kapten W.T.: 135.  
"Teazer" (kapal): 88, 90.  
"Telegraph" (kapal): 95.  
Teluk Gadong: 57.  
Teluk Ketapang (di Melaka): 24, 25, 26.  
Teluk Pulai: 57.  
Templer, Sir Gerald.: 167.  
Tengku Ampuan Basik: 46, 49—50, 57—59.  
Tengku (Raja) Arfah: 59, 64, 69, 144, 153.  
Tengku Bahdhar (putera Sultan Alauddin Sulaiman Shah):  
162.  
Tengku Chik (orang Siak): 88, 110, 121.  
Tengku Fatimah (puteri Sultan Alauddin Sulaiman Shah):  
156.  
Tengku Kamariah: 8, 13.  
Tengku Kudin (Tengku Dhiauddin): 59, 68—70, 75, 76,  
88—97, 98—101, 104—106, 109—120, 121—124, 126—132,  
135—136, 138, 142—144, 153—156, 185.



- Tengku Maheran (puteri Sultan Alauddin Sulaiman Shah): 156.
- Tengku Mahrum (Tengku Ampuan Selangor): 144, 153, 156-159.
- Tengku Mandak (Tengku Puan Mandak): 8, 10, 11.
- Tengku Musauddin (Raja Muda Selangor; Tengku Kelana Jaya Putera: Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah): 153, 156, 159, 160-162, 164, 165-166, 168-169.
- Tengku Nai (Tengku Senai): 44, 54, 176, 183.
- Tengku Penoh (Tengku Besar, puteri Raja Lumut): 18.
- Tengku Puan Berima (Selangor): 10.
- Tengku Sulaiman (Pahang): 160.
- Tengku Rahimah (Tengku Ampuan Selangor): 168.
- Tengku Tengah (Tengku Erang): 8, 10.
- Tengku Tengah (puteri Raja Haji): 30.
- Tengku Zahrah Puteri (puteri Sultan Alauddin Sulaiman Shah): 157, 168.
- Teng Sam: 72, 109.
- Teo Ah Chong: 105.
- Terangkera (di Melaka): 24.
- Trengganu: 8, 15.
- Theo Siong Swee: 105.
- "Thistle" (kapal): 185.
- Timmerman Thyssen: 34.
- Tiram Burok: 27.
- To' Engku Kelang: 7, 113, 114.
- To' Gajah (Lihat: Imam Perang Rasu): 117.
- To' Muda Andak (Pahang): 107.
- To' Muda Sentul (Pahang): 122.
- Togar Aboe: 22.
- Treacher, William H.: 156.
- Tuanku Muhammad (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan): 154.
- Tun Dalam (Sultan Mansur, Trengganu): 15.
- Tun Isap Berakah (Bendahara Paduka Tuan, Johor): 4.
- Tun Jana Khatib: 3.
- Tun Mahmud (Seri Agar Raja): 4.
- Tun Perak (Bendahara Paduka Raja, Melaka): 4.
- Tun Selamah (puteri Bendahara Abdul Majid, Pahang): 26.
- Tun Seri Lanang: 3.

U

- Ujong Pasir (di Melaka): 24.  
 Ulu Bernam: 119, 121.  
 Ulu Kelang: 66, 77-80, 107, 113-115, 117-118, 123, 138.  
 Ulu Langat: 138, 139.  
 Ulu Selangor: 26, 71, 77, 80, 87, 90, 92, 94-95, 98, 101,  
 115-117, 119, 120-123, 138, 149, 167.  
 Ulu Slim: 138, 139.  
 Ulu Yam: 91-92, 101, 120.  
 "Utrecht" (kapal): 24.

V

- Venning, A.R.: 147.  
 Voon Siew: 73.

W

- Wak Si Galah: 55.  
 Wan Aman (Pahang): 71, 91-94, 98.  
 Wan Da (Pahang): 71, 93, 99, 122.  
 Wan Muhammad (Dato' Setia Muda, Pahang): 122-123.  
 Weld, Sir Frederick,: 146, 148-151.

Y

- Yap Ah Loy (Kapitan Cina III, di Kuala Lumpur): 47, 53,  
 63-64, 66, 72-75, 77-82, 90-92, 100-101, 104,  
 106-111, 113-118, 120, 139, 140, 145, 150.  
 Yap Ah Shak (Kapitan Cina IV, di Kuala Lumpur): 150, 151.  
 Yap Kwan Seng (Kapitan Cina V, di Kuala Lumpur): 150,  
 156.  
 Yap Tet Fong: 75.  
 Yap Voon Lung: 80.

Z

- Zainal Rashid, Sultan (Kedah): 61.  
 "Zebra" (kapal): 112.



SELANGOR DALAM KURUN KESEMBILAN BELAS